

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ



بِسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ

Baca, Bacalah dengan nama Tuhan  
yang menjadikan kamu.

# PERANG

*DI PARIT*

**RAJA**

---

**S. H. ALATTAS**

**1991**

---

**CETAKAN PERTAMA 1991**

**HARGA: \$15.00**

**Typesetting dan Grafik:  
ELS MEDIA COMMUNICATION  
Mezzanine Floor, BG2, Plaza Pekeliling,  
Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-4416305**

**Dicetak dan diterbitkan oleh:**

**AI-SUHAIMI**

**P.O. Box 11753  
50756 Kuala Lumpur**

**© HAKCIPTA S.H. ALATTAS 1990**

**ISBN 983-99686-0-5**

**Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang, dalam apa juga bentuk pun dan dengan cara jua pun secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain, mana-mana bahagian isi kandungan buku ini sebelum mendapat izin bertulis dari AI-SUHAIMI**

# PERANG

*DI PARIT*

**RAJA**

---

**Syed Hussein Alattas**

320.9595

ALA

566381

APB

**AL-SUHAIMI**

**P.O. BOX 11753**

**50756 Kuala Lumpur**

' 3 AUG. 1991  
Perpustakaan Negara  
Malaysia

*Untuk  
Anakandaku  
Muhamad Muhiyuddin Alattas  
Habib Omar Alattas  
Putri tersayang  
Sharifah Fatimah Az Zaharah (Che Honey)*

# ISI KANDUNGAN

## BAHAGIAN PERTAMA

<b>MUKADIMAH</b>	9
1. Panglima Parit Raja	26
2. Parit Raja Di Filemkan	43
3. Post Mortem 1990	52
4. Anak Didik Musa	63
5. Faktor Jawa Dalam Politik Johor	69
6. Mengamuk Dan Melatah Di Dalam Perkampungan Politik	80
7. Mengapa Dr. Mahathir Jadi Tak Popular?	91
8. Kemana Akhirnya Musa Dan Ku Li?	103
9. Terhutang Budi Tergadai Bodi	113
10. Sang Rajuna Tapa Menjelma Di Parit Raja	120
11. Bangun, Jatuh Dan Jatuh Lagi Musa Hitam	129
12. Sultan Mahmud Dan Laksamana Bentan Hidup Semula	138
13. Ada Samseng Di Parlimen	149
14. Yang Penting Menang	159
15. Shahrir Lawan Melayu	165
16. Wakil Rakyat Cuci Pinggan	174
17. Terbang Pun Kalau Dah Kambing, Kambinglah	183
18. Politik Azazil Politik Syaitan	195

## BAHAGIAN DUA

1. Anak Wak Kamari Jadi Pemimpin	211
2. Anak Wak Kamari (Bahg. II)	219
3. Rancangan Musnahkan Jawa	225
4. Apa Kata Datuk Jalal?	229
5. Nujum Razak Jadi Kenyataan	233
6. Jawa Tentukan Kemenangan	237
7. Anak Pak Hitam Lawan Pak Seman	241
8. Tiga UMNO Wujud Di Johor	247
9. Kenapa Hamdan Kecundang?	253
10. Siapa Mengugut Siapa?	259
11. Pintu UMNO Terbuka Satu Sandiwara?	263
12. Tragedi Komedi, Trage Komedi	268
13. Penglipur Lara Perpaduan Melayu	273
14. Shahrir Oh Shahrir	281
15. Bicara Kes Buku Challenger	285
16. Syed Hussein Kena \$100,000	293
17. \$100,000.00 Siapa Bayar?	297
18. Hak Perwakilan Hapus Politik Sumpah-sumpah	307
19. Taukeh Kuda, Ditendang Kuda	310
20. Ghafar, Tayar Buruk, Ayam Togel	319
21. Kata Penutup	330

## MUKADDIMAH

Dengan nama Allah Yang Amat Pemurah lagi amat Mengasihani. Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Selawat serta salam kepada junjungan kita Nabi Besar Muhammad SAW serta kaum keluarganya dan sekalian para sahabat.

Monggo.....

Khabare?

WARAS.....

'SEJARAH POLITIK JOHOR' adalah unik. Bila kita memperkatakan tentang sejarah politik negara, kita tidak boleh tidak terpaksa juga menyentuh pasal 'sejarah politik Johor'. Ini kerana sejarah politik orang Melayu dan sejarah politik negara dimulakan di negeri Johor Darul Takzim dan oleh anak watan negeri itu. Sebut sahaja pasal sejarah politik Johor, orang sudah boleh membayangkan Dato' Onn bin Jaafar.

Ketika Dato' Onn menubuhkan UMNO dalam tahun 1946, politik bagi hampir keseluruhan para pemimpin Melayu bukanlah alat untuk mencari nama, menempa populariti, mengembangkan pengaruh atau mencari keuntungan untuk diri sendiri. Politik ketika itu, tak kira bagi mereka yang menjadi pemimpin atau mereka yang menjadi ahli biasa adalah tidak lebih dari satu cara untuk memperjuangkan nasib negara dan bangsa serta maruah orang Melayu yang semakin hari semakin tenggelam di bawah arus pemerintahan British.

Dato' Onn berjuang secara ikhlas dan bukan kerana



mahukan pangkat. Bahkan sebaliknya kerana berjuang di dalam UMNO maka beliau terpaksa menjunjung titah Sultan yang mahukan beliau mengosongkan kerusi Menteri Besar yang disandangnya. Seterusnya jawatan Yang Di Pertua PEKEMBAR (UMNO) yang disandangnya selepas itu tidak membawa apa-apa manfaat dari segi kewangan tapi semata-mata melambangkan kepimpinan perjuangan. Dan untuk itu, kadang-kala Dato' Onn terpaksa mengeluarkan pula wangnya sendiri untuk urusan parti kerana parti ketika itupun tidak mempunyai wang.

Tujuan saya menyingkap kembali sejarah politik negeri Johor bukanlah bermaksud untuk mendewa-dewakan Dato' Onn kerana Datuk Onn orang Johor. Bukan juga kerana saya nak menimbulkan sifat kenegerian tetapi sekadar membuat perbandingan politik UMNO di zaman beliau dengan politik UMNO masa kini, yang mana ada setengah pemimpin Johor meminta dan mendesak teraju kepimpinan semata-mata kerana mereka anak Johor.

Buku **PERANG DI PARIT RAJA** ini saya tulis memandangkan sudah terdapatnya terlalu banyak kekeliruan yang timbul di kalangan orang-orang UMNO, khususnya UMNO Johor dalam mamahami dan menjiwai apakah itu tujuan berpolitik yang sebenarnya. Hal ini semakin ketara sejak beberapa tahun kebelakangan ini atau lebih tepat lagi jika dikatakan sejak lahirnya pemimpin-pemimpin senior generasi kedua yang dianggap oleh sesetengah ahli sebagai 'wira'

**PERANG DI PARIT RAJA** walaupun bunyinya semacam tertumpu ataupun berpusat di sebuah kawasan kecil iaitu Parit Raja, namun hakikat yang sebenarnya ia adalah sebuah "perang politik" yang lebih besar dan lebih luas skopnya. Malah tidak keterlaluan atau lebih tepat lagi jika dikatakan bahawa **PERANG DI PARIT RAJA** adalah perang urat saraf di peringkat nasional.

Saya menyatakan begitu kerana isu-isu yang dibawa oleh dua pihak yang menentang - UMNO (baru) kebanyakannya tidak ada kena mengena langsung dengan soal pembangunan dan sosio-ekonomi masyarakat di sekitar kawasan Dewan Undangan Negeri Parit Raja.

Dan yang mengetuai angkatan kumpulan serpihan UMNO ini ialah seorang tokoh veteran politik Johor yang dianggap dan

menganggap dirinya sebagai 'wira'. Datuk Musa Hitam bekas Timbalan Perdana Menteri menjadi panglima tertinggi. Dan orang kanannya Datuk Shahrir bekas Menteri Kebajikan Masyarakat ini telah berjaya mempengaruhi sebilangan panglima-panglima kecil yang kebanyakannya terdiri dari bekas-bekas Menteri, Timbalan Menteri, Ahli-Ahli Parlimen serta Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri serta Ketua-Ketua Bahagian UMNO lama, sama ada yang berasal dari negeri Johor atau dari negeri lain dalam menghentam dan memburuk-burukkan kerajaan dibawah pimpinan Dr. Mahathir. Mereka membawa isu-isu nasional seperti projek Proton Saga (walaupun ada milik sesetengah dari mereka yang pergi berkempen dengan menaiki kereta nasional tersebut), Jambatan Pulau Pinang, projek kilang besi PERWAJA dan isu terpenting Dr. Mahathir adalah seorang diktator yang mesti dijatuh dan dihapuskan.

Di samping menyebarkan dakwah-dakwah mereka menerusi ceramah-ceramah politik, Musa juga turut membintangi beberapa buah filem berbentuk 'pita-pita video' yang kononnya menceritakan pengalaman pahit yang terpaksa ditempuhi beliau ketika menjadi Timbalan Presiden dan Timbalan Perdana Menteri di bawah kepimpinan Dr. Mahathir yang dianggap sebagai diktator. Selain dari menggunakan media massa yang diwakili oleh penulis khas mereka, dalam setiap bahan yang ditulis mereka menghentam kerajaan tanpa sedikit pun rasa belas kasihan.

Namun biar bagaimanapun, bila perang tamat dengan kekalahan di pihak yang dipimpinnnya, Musa cepat-cepat mencari jalan untuk melepaskan diri. Dengan memperalatkan Tan Sri Muhyiddin, Menteri Besar Johor dan menyembunyikan dirinya sendiri di belakang tabir, maka lahir **Resolusi Melayu Johor**. (RMJ) Dan dengan resolusi tersebut, maka Musa pun kembali ke pangkuan UMNO. Dengan tiba-tiba Musa dan kawannya yang telah memerangi UMNO dijadikan hero. Semua kepujian dan kredit diberikan kepada RMJ.

Dengan kembalinya Musa ke pangkuan UMNO yang didaftarkan semula oleh Dr. Mahathir dan Dr. Mahathir sendiri selaku Presidennya, maka ini bermakna apa yang dikatakan oleh Musa, sama ada dalam ceramah-ceramahnya ataupun dalam filem-filem pita video yang dibintanginya sudah menjadi seolah-olah semacam satu siri episod 'drama swasta' sahaja.

Menurut analisis Musa, orang-orang di Parit Raja akan mentalqinkan politik Dr. Mahathir kerana orang-orang Johor yang tebal dengan sentimen kenegerian tidak senang dengan corak pentadbiran Dr. Mahathir. Musa mahu menjadikan Parit Raja sebagai sebuah medan peperangan politik yang muktamad sebagaimana Duke of Wellington menggunakan 'Waterloo' untuk menamatkan karier pemimpin dan penakluk Napoleon Bonaparte. Musa menggunakan 'kudanya' untuk mengajar Dr. Mahathir.

Bagaimanapun sifir politik Musa ternyata cetek. Orang-orang Jawa di Parit Raja sekalipun kuat bersikap kenegerian namun mereka tetap yakin pada UMNO. Musa lupa bahawa orang Jawa terkenal kerana sifat taat setia mereka. Mereka setia pada pemimpin, pada UMNO dan pada Negara. Cuma Hamdan Yahya saja yang taat setia pada Musa. Mereka telah menolak Musa kerana mereka setia kepada Dr. Mahathir. Musa yang merasakan dirinya tersepit kerana faktor Jawa tidak mahu tunduk padanya tidak berdiam diri. Musa merasakan perjuangannya untuk menjatuhkan Dr. Mahathir dari luar gagal lalu berusaha menggunakan cara lain pula.

Peluang Musa seterusnya ialah di Ampang Jaya. Dalam pilihanraya kecil di Ampang Jaya Datuk Harun Idris telah diletakkan oleh puak Musa dan Tengku Razaleigh, namun sekali lagi para pengundi menolak calon pembangkang itu. Untuk mengetahui pilihanraya kecil Ampang Jaya. Baca buku saya **POLITIK SERPIHAN**. Sekali lagi Dr. Mahathir mencapai kemenangan moral yang tinggi biarpun ketika menjalani pembedahan 'Pintasan-Koronari' beliau hampir-hampir menemui maut. Imejnya semakin meningkat. Musa sudah mendapati rakyat tidak boleh diperdayakan lagi. Rakyat melalui kempen SEMARAK dan setia yang dianjurkan oleh Mat Bulat tetap setia pada bangsa dan Negara.

Menjelang beberapa siri pilihanraya kecil Musa mula menjauhkan diri dari puak Ku Li, sebabnya mudah. Musa merasakan puak Ku Li tidak mempunyai peluang untuk merampas kuasa daripada UMNO. Dan Musa tak ada peluang untuk menguasai Semangat 46.

Setelah usaha menjatuhkan Dr. Mahathir dari luar gagal maka Musa terpaksa merelakan dirinya masuk semula ke pangkuan

UMNO. Dia menyertai UMNO atas nama perpaduan orang-orang Melayu.

Kemasukkan Musa ke dalam UMNO juga meninggalkan implikasi yang hebat kepada panglima-panglima kecil pimpinan Musa Hitam ketika perang di Parit Raja dahulu. Mereka yang dulunya sama-sama mengutuk Dr. Mahathir tiba-tiba menjadi ibarat ayam kehilangan ibu. Panglima Besar sudah berpaling tadah dan menyertai pihak musuh. Oleh itu tidak hairanlah sekiranya ada beberapa orang daripada panglima-panglima kecil ini melabelkan Musa Hitam sebagai **'penjenayah perang politik'**. Ada yang menganggapnya sebagai Saddam Hussein dan mahu Musa dibicara kerana dianggap sebagai penjenayah perang.

Apakah Musa akan mengambil tindakan mahkamah kepada mereka yang menuduhnya sebagai **'penjenayah perang politik'** sebagaimana beliau telah mengambil tindakan keatas saya yang telah membuktikan bahawa beliau rasuah? Kalau ada, orang tersebut akan mengalami nasib yang macam saya juga. Ini kerana Musa ada cara untuk membuktikan kepada mahkamah bahawa segala yang dikatakan oleh orang terhadap dirinya adalah fitnah. Ini kononnya hanya untuk merosakkan nama baiknya saja. Dan saya fikir mahkamah akan memberikan kemenangan ke atasnya.

Sebagai seorang rakyat yang patuh kepada undang-undang, saya menghormati keputusan mahkamah dan tidak ingin mempersoalkannya. Namun, biar bagaimanapun di hati kecil saya, dan di hati kecil mereka yang cintakan kebenaran tetap akan bertanya, **di Bank manakah wang \$1 juta yang diterima oleh Musa disimpan? Wang itu bagi derma Rumah UMNO** Setiap ahli UMNO berhak mengetahuinya. Apakah ia telah dibelanjakan? Kalau sudah dihabiskan **'siapa'** yang menghabiskannya? Ini saja yang saya minta dari puak pimpinan UMNO Johor. Kerana kalau kita bertanya pada Badan Pencegah Rasuah, ia akan membebankan derita di dalam jiwa. Mereka tak berani berbuat apa-apa.

Hari ini Musa sudah cuci tangan bersih-bersih. Orang-orang yang dijadikan mangsa - bekas Menteri, bekas Timbalan Menteri, ADUN yang dijanjikan dengan bermacam-macam jawatan, pegawai BSN, keluarga korban mangsa Memali terus melarat sedangkan Musa berbulan madu di kotaraya New York sebagai wakil Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Dengan kemasukan Musa juga, nampaknya sudah semacam adanya dua matlamat berasingan dan bertentangan bagi mereka yang menjadi ahli UMNO dan lebih-lebih lagi ahli-ahli UMNO Johor.

Soalnya apakah Musa masuk UMNO untuk menyatupadukan orang-orang Melayu atau pun mengejar impian untuk menjadi Perdana Menteri Kelima Malaysia?

Seperti yang pernah saya tuliskan orang-orang Melayu sangat mudah melupakan sesuatu peristiwa. Sikap pemaaf yang telah membuatkan orang-orang Melayu dengan mudah memaafkan dosa-dosa politik Musa sekalipun perbuatan Musa telah memecah belahkan perpaduan orang-orang Melayu.

Lihat saja apa yang berlaku di Johor. Saya tidak bercadang menghalang Musa daripada membuat '*political comeback*' kerana kepada saya, sesiapa pun berhak untuk aktif dalam arena politik. Malahan Datuk Mokhtar Hashim yang baru diampunkan oleh Yang DiPertuan Agong dan baru pula keluar dari penjara pun boleh kembali aktif berpolitik.

Apa yang ingin saya peringatkan ialah apakah Musa memasuki UMNO semula kerana dia mahukan perpaduan atau mahu kerusi Perdana Menteri?

Dr. Mahathir dan Ghafar sudah tua dan menunggu masa saja untuk bersara. Dr. Mahathir dan Ghafar bolehlah diibaratkan seperti buah yang sudah ranum yang menunggu masa untuk gugur.

Musa sangat-sangat arif akan senerio ini. Tapi apakah dia akan berusaha dari dalam pula untuk menjatuhkan Dr. Mahathir?

Kalau dilihat dari segi hieraki dalam UMNO, peluang Musa untuk jadi Perdana Menteri sangatlah tipis kecuali Ghafar sanggup "*pecahkan*" tradisi untuk memasukkan Musa ke tempat kedua dan dalam kerajaan sekiranya dia jadi Perdana Menteri menggantikan Dr. Mahathir. Kalau ini berlaku maka UMNO akan kembali bergolak.

Apakah Sanusi Junid selaku Naib Presiden akan membiarkan tradisi UMNO dipecahkan lagi?

Apakah Pak Lah sanggup melihat Musa melompat dari helikopter untuk jadi Timbalan Perdana Menteri? Pak Lah barangkali boleh mendiamkan diri kerana dia beranggapan, dengan Musa jadi Perdana Menteri kelak maka Musa akan ambil dia jadi Timbalan Perdana Menteri pula.

Bagaimana kalau Musa tak ambil Pak Lah tapi ambil Anwar?

Dan apakah Anwar Ibrahim sanggup melihat tabiat Ghafar melantik seorang yang tidak berjawatan dalam parti sebagai Timbalan Perdana Menteri?

Bolehkah kita mendapatkan jawapan dari buku-buku politik?

Hari ini buku-buku politik, terutamanya buku-buku politik semasa melimpah-limpah dalam pasaran. Tapi buku yang memperkatakan tentang politik Johor, khususnya yang ditulis tanpa mengambilkira atau mempertahankan kepentingan pihak-pihak tertentu memang terlalu sedikit. Lagipun, disebabkan fakta-fakta yang ditimbulkan oleh buku-buku tersebut, walaupun ia kadang-kala memperkatakan perkara yang sama, tidak seragam, maka timbullah kekeliruan di antara satu buku dengan yang lain.

Matlamat utama buku ini ialah untuk memberikan pandangan tentang konsepsi sejarah politik UMNO Johor dalam konteks pergolakan UMNO negeri itu hari ini yang juga melibatkan kontroversi Persatuan Anak Jawa Johor (PAJAR) dan Resolusi Melayu Johor (RMJ).

Buku ini saya bahagikan kepada dua bahagian besar yang merangkumi empat bahagian kecil: bahagian pertama ialah mengenai pandangan dan analisis saya sendiri; bahagian kedua ialah rencana-rencana saya yang tersiar dalam akhbar tabloid 'Mingguan Kota' berkaitan dengan pergolakan dan masalah tersebut; bahagian ketiga pula ialah tanggapan dan pendapat-pendapat dari sudut pandangan beberapa orang penulis.

Diantaranya ahli akademik dan sasterawan yang menjadi 'penulis politik' seperti Sdr Rahman Shaari, Haji Yahya Ismail dan Sdr Ahmad Shahberi Chik. Wartawan nilihan saya pula

adalah penulis akhbar tabloid, anakanda Daud Ibrahim wartawan paling berani tapi sudah berhenti menulis, **Sdr Jamaludin Aziz** (editor Watan), Shahbudin Hj Hussein, Azhar Hj Mohd Taib dan Hamdan Abdullah penulis kontroversi dari Muar dan saya tak lupa kawan-kawan saya terutama kartunis sinis **Abdul Razak (Raz)** dan Kartaneka. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Media Indah Sdn. Bhd., kerana mengizinkan saya menyiarkan kembali puisi Dato' Ahmad Sebi dari bukunya '**Kepada Mahathir**'. Terima kasih jua kepada akhbar Berita Harian kerana menyiarkan kembali '**Rencana Pengarang**' edisi 30 November, 1990. Bahagian keempat ialah keratan-keratan akhbar yang meliputi peristiwa UMNO Johor mengenai komen pemimpin tertentu, mengenai Musa dan Shahrir yang menjadi pelaku utama di dalam drama **PERANG DI PARIT RAJA**.

Peperangan yang menjadi penentu hidup matinya UMNO yang ada hari ini saya pilih kerana pilihanraya kecil Parit Raja yang mempertarungkan Yasin Kamari dengan Hamdan Yahya adalah penentu kepada kestabilan politik negara hari ini. Ramai orang yang telah lupa peristiwa tersebut namun **PERANG DI PARIT RAJA** adalah perang politik yang terbesar di Malaysia yang melibatkan jaguh-jaguh politik tanah air. Peperangan itu adalah lanjutan dari perang 1987 antara **Team A** dan **Team B**.

Yang berlawan bukan sekadar Hamdan lawan Yasin tapi Musa lawan Mahathir, Tan Sri Osman Saat dan Tengku Razaleigh lawan Musa Hitam, Shahrir Samad dan geng mereka yang cuba menentukan siapa yang dapat menguasai S46. Begitulah menariknya **Perang di Parit Raja** seperti menariknya Perang Teluk antara Iraq dan 28 negara. Kalau Saddam Hussein menganggap Perang Teluk sebagai ibu kepada segala peperangan, begitulah anggapan saya terhadap **PERANG DI PARIT RAJA**.

Buku kecil ini adalah juga percubaan awal untuk mendedahkan beberapa perkara penting berhubung dengan apa yang berlaku di sebalik tabir UMNO Johor. Ini kerana masih ramai yang berpendapat bahawa UMNO Johor merupakan Badan Perhubungan UMNO Negeri yang masih utuh dan masih kukuh lagi perpaduannya. Apakah UMNO masih menjadi kubu atau akan menjadi kubur?

Akhir kata biarlah saya memetik kembali kata-kata Dato'

Onn, pengasas UMNO dan anak watan Johor itu berkaitan dengan politik dan perpaduan Melayu.


*Selagi orang-orang Melayu masih berpecah-belah, bernegeri-negeri dan parti-parti politik Melayu masih terus bersendiri-sendiri, selagi itu suara orang Melayu lemah dan kekuatan orang-orang Melayu tidak ada."*

Dan sebelum anda membaca buku mengenai 'Mother Of All Battles in Malaysia' ini maka biarlah saya memberi amaran bahawa **PERANG DI PARIT RAJA** adalah '*prelude*' kepada perang yang bakal berlaku dalam pemilihan 1993 kelak, kerana perang dalam Perhimpunan Agung itu nanti mungkin merupakan perang terakhir untuk ahli-ahli UMNO.

Sekian dan selamat membaca.

Wabillah hi taufik.

Wassallam.




S.H. Alattas  
Kuala Lumpur  
Mei 1991






Allahyarham Dato' Onn Jaafar, pengasas dan Presiden UMNO pertama serta pengasas perpaduan Melayu. Biar bagaimanapun beliau mati di luar UMNO.



Sultan Azlan Shah, Yang DiPertuan Agong sedang berbual-bual dengan Allahyarham YTM Tunku Abdul Rahman, Presiden UMNO yang kedua dan Perdana Menteri yang pertama. Beliau menghabiskan sisa-sisa hidupnya di luar UMNO. Mati dalam S46.




Allahyarham Tun Sardon Jubir, anak Jawa Johor yang pernah menjadi Naib Presiden UMNO. Beliau mengakhiri hidupnya sebagai TYT Yang DiPertua Negeri Pulau Pinang dan merupakan orang yang membuka pintu politik kepada Musa Hitam. Tun Sardon mati dalam UMNO.



Dato' Mustapha Muhammad, "Panglima Parit Raja." Taat setia dan perjuangannya untuk UMNO adalah satu sejarah. Biar bagaimanapun, akhirnya beliau menjadi mangsa politik golongan mereka yang anti-Jawa. "*Selagi hidup selagi melawan.*" Kata Pak Mus.



Dato' Jalal Abu Bakar, orang yang pernah dijanjikan oleh Datuk Musa sebagai Menteri Besar Johor. Sayang... sesudah meletakkan Jawatan sebagai Timbalan Menteri, sesudah menang pilihanraya ADUN Johor, beliau hanya dilantik sebagai EXCO. Bagaimanapun, beliau enggan menerimanya.




Dibelakang Tan Sri Muhyiddin adalah 'anak Wak Kamari', pemimpin muda dari Johor yang mempunyai potensi sebagai '*a leader in the making*'. Yang menjadi tandatanya, apakah beliau akan mengalami nasib seperti anak didik Jawa lain dari Johor sebelumnya. Muhyiddin anak didik Musa. Ada orang kata dia ini "Office Boy" Dr Mahathir. Yassin Kamari ini orang siapa? Y. B. Yassin saja yang akan menjawabnya.



Datuk Mohd Rahmat, Setiausaha Agung UMNO, juga Menteri Penerangan Malaysia adalah merupakan satu-satunya pemimpin politik yang mempunyai “nyawa seperti nyawa kucing.” Bermacam-macam cara telah dilakukan untuk membunuh karier politik anak Jawa ini oleh Musa dan golongannya. Namun, Mat Bulat terus bergolek dan bintangnya bersinar di langit politik Malaysia. Ada orang kata tuahnya bergantung pada Al-Mutawakil Sultan Johor. Betul ke?

**BILA TOKOH POLITIK JUMPA TOKOH  
PENULIS BUKU POLITIK...**



DAH PUAS  
TULIS BUKU POLITIK,  
LANI NAK JADI PE-  
LAKON DRAMA PULAK,  
BERAPA PAK BIB  
DAPAT?



BAYARANNYA  
PAK BIB TAK KISAH,  
ASALKAN LAKONAN  
PAK BIB NANTI BOLEH  
BUAT ORANG MENANGIS  
SEPANJANG  
HAYAT!

RAE90



## PANGLIMA PARIT RAJA

*“UMNO tidak wujud untuk pemimpinnya. Semua pemimpin adalah sementara. Mereka akan pergi dan akan diganti oleh pemimpin yang baru. Tetapi pemimpin dan kepimpinan adalah penting bagi pertubuhan. Sementara pemimpin tidak perlu dipertahankan semata-mata kerana ia pemimpin, ianya juga tidak harus dilemahkan dengan sengaja. Tidak ada kebaikan dari kepimpinan yang lemah sepertimana tidak ada munafaat dari pertubuhan yang lemah.”*

Dr. Mahathir Mohamad  
1 Julai 1976

**NEGERI JOHOR MEMANG** terkenal dengan sejarah perjuangan. Justeru itu tidak hairanlah kalau Johor banyak sekali melahirkan tokoh-tokoh perjuangan yang senantiasa dikenang sepanjang zaman.

Percaya atau tidak, detik-detik sejarah yang menyaksikan perjuangan orang Melayu ini pula berpusat di sekitar Batu Pahat yang dulunya dikenali sebagai ‘Bandar Penggaram’ dan juga Muar yang pada satu ketika dulu terkenal dengan panggilan ‘Bandar Maharani’. Misalnya, idea untuk menubuhkan UMNO lahir di Batu Pahat. Dan Batu Pahat pula terkenal dengan keperwiraan Panglima Kiyai Salleh, penentang unggul pengganas komunis Bintang Tiga. Pengasas UMNO, Dato’ Onn Jaafar sendiri pernah meminta bantuan dan pandangan Kiyai Salleh pada satu ketika.

Begitu juga halnya di Muar. Walaupun dari segi sejarahnya,

Muar lebih terkenal dengan perihal perebutan kuasa antara dua orang pewaris takhta kesultanan Johor, namun sejarah Muar juga sering dikaitkan dengan Tragedi di **Bukit Kepong**. Peristiwa menyayat hati ini sudahpun difilemkan dan kita seolah-olah masih terbayang wajah-wajah anggota polis yang menggadaikan nyawa masing-masing bagi mempertahankan Balai Polis Bukit Kepong dari jatuh ke tangan komunis. Tahniah diucapkan kepada Datuk Jins Shamsudin kerana menjayakan filem tersebut.

Hari ini di Parit Raja, Batu Pahat sejarah perjuangan Melayu Johor berulang kerana adanya seorang '*Panglima*'. Panglima Datuk Mustapha adalah seorang pemimpin politik hebat tapi kurang mendapat publisiti. Datuk Mustapha pada mulanya seorang diri kemudian bersama Tok Mat dan **PAJAR** berjuang dengan berani hingga ke hari ini untuk mengekalkan keunggulan serta kesinambungan politik Melayu, politik UMNO dari golongan yang cuba menghancurkan UMNO dan memecahkan perpaduan umat Melayu terutama di Johor.

*“Di Johor sudah ada kumpulan yang berniat hendak menghancurkan UMNO Johor, mereka cuba menutup dosa sendiri dengan mempertikaikan Persatuan Anak Jawa Johor.”*

Begitulah penjelasan Datuk Mustapha Muhammad kepada orang ramai. Selanjutnya Datuk Mustapha menjelaskan lagi:

*“Kumpulan berkenaan ini menjadikan **PAJAR** sebagai sasaran.”*

“Mengapa perkara semacam ini boleh berlaku?” tanya saya sewaktu mengadakan temu bual dengannya mengenai **PAJAR** yang telah menyelamatkan UMNO.

*“Orang Melayu Johor telah berpecah-belah berikutan tindakan pihak-pihak berkenaan apabila mereka bertindak keluar dari UMNO. Berikutan tindakan kumpulan itu masyarakat Melayu keturunan Jawa di Parit Raja turut berpecah belah ketika pilihan raya kecil kawasan itu diadakan dua tahun lalu.”*

“Boleh awak beritahu saya apakah peranan **PAJAR** yang sebenarnya dan apa bezanya **PAJAR** dengan **RMJ**?”

*"PAJAR terpaksa dibentuk bagi menyatu-padukan semula penduduk di Parit Raja. Jika UMNO kalah di kawasan itu ketika itu tentunya kedudukan politik UMNO di Johor tidak mungkin dapat dipulihkan semula seperti hari ini dan perhimpunan Melayu Johor juga tidak akan dapat diadakan dan siapa pun tak mahu mengadakannya. Sesudah BN menang di Parit Raja baru ada RMJ".*

Daripada perbualan ringkas antara saya dengan Datuk Mustapha Muhamad itu, fahamlah saya seandainya **PAJAR** tidak ditubuhkan oleh beberapa orang pemimpin UMNO beberapa hari sebelum pilihanraya kecil DUN Parit Raja, maka kemenangan sudah pasti berada di tangan calon bebas Haji Hamdan Yahya. Dengan kemenangan UMNO maka terbukti siapa sebenarnya yang menjadi 'wira' dan siapa 'petualang' di belakang tabir. Tapi yang peliknya orang yang mahu membina istana dan kerajaan baru atas kematian UMNO dijadikan 'wira' dan mereka yang menyabung nyawa membunuh petualang dijadikan mangsa. Hari masuknya mereka yang cuba membunuh UMNO dirayakan, disambut secara besar-besaran. Disebaliknya hari UMNO diselamatkan dilupakan. Yang anehnya **PAJAR** yang telah menyelamatkan UMNO di anak tirikan dan 'wira' di Parit Raja dijadikan korban.

Mereka bimbang kalau-kalau Mustapha kekal dalam kabinet. Mustapha masih lagi dapat mempertahankan kerusinya sebagai Ketua Bahagian Sri Gading. Ketika itu tahulah orang ramai siapa 'wira' dan siapa 'petualang'? Kalau tidak dengan sifat tegas dan berani Mustapha, UMNO Johor sudah terputus dari UMNO Malaysia. Datuk Mustapha telah menyelamatkan UMNO Johor maka sebab itulah Mustapha mesti dihapuskan. Dan caranya ialah dengan menghancurkan **PAJAR**. Itulah yang sedang dilakukan. Apakah Mustapha patut berpeluk tubuh dan berdiam?

Mengapakah nasib '*lembu punya susu, sapi dapat nama*' terpaksa menimpa diri beliau? Mengapakah semua keburukan mesti diletakkan ke atas diri beliau?

Hari ini Datuk Mustapha Muhamad merupakan seorang ahli politik yang paling tidak 'popular' di Johor. Mustapha mahu rakyat melihat dengan mata kepala, merenung dengan mata hati-siapa yang benar, siapa yang salah. Tak semestinya yang kuat itu

benar biarpun dia menang. Mustahil setiap masa yang lemah sahaja mesti salah. Hari ini Muhyiddin berkuasa di Johor dan PAJAR dianak-tirikan. Mereka yang bersama-samanya juga menjadi tidak popular kerana mereka cuba mempertahankan yang 'Hak'. Mustapha disingkir, difitnah, dianiayai, dikhianati oleh orang RMJ kerana beliau tidak mahu tunduk kepada orang yang tidak berprinsip dimana letaknya keadilan, dimana letaknya demokrasi?

Empat belas bahagian dikatakan telah menghantar memorandum kepada Dr. Mahathir supaya namanya digugurkan dari senarai calon yang akan bertanding sebagai wakil Parlimen di Seri Gading. Namun beliau tidak peduli. Sifat semula jadi anak-anak Jawa jelas terlihat pada perwatakannya. "*Wak Sabar, nak buat apa pun Wak tetap sabar*". Itulah sifat Wak Mus. *Wak Mus tak akan menderhaka*, Wak Mus tetap setia. Wak Mus tidak akan menentang pucuk pimpinan.

Perangai anak Jawa yang sentiasa taat dan setia pada perjuangan menjadikan beliau tidak gentar biarpun perjuangan dan pengorbanannya tidak mendapat penghargaan. Wak Mus tetap sabar, tetap taat dan tetap setia biar pun ada yang menyanyikan lagu '*Pak Pung Pak Mustape*' untuk menghina. Kalau Tok Mat mendapat beberapa gelaran Mustapha juga digelar Mustapha '*Pak Pong*' oleh Datuk Musa ketika berkempen di Parit Raja. Kepala Mustapha yang kekurangan rambut dipersendakan. Patutkah kepala yang bayar fitrah disamakan macam padang golf. Patutkah kepala botak Mustapha dipersendakan? Tapi, bila saya persoalkan Musa tak berkening dan hidungnya kemek, saya diheret ke mahkamah. Di manakah letaknya keadilan?

Buatlah apa pun. Katalah ikut sedap mulut, orang tetap taat dan setia kepada pucuk pimpinan demi untuk menegakkan yang 'Hak'. Seandainya beliau mahu memprotes, menentang dan menimbulkan huru-hara di Seri Gading, beliau boleh melakukannya. Semasa pilihanraya umum yang lalu pengikut dan anak buahnya marah, ada yang mahu keluar dari UMNO apabila namanya digugurkan, tapi sebagai pemimpin yang jujur dan taat pada pucuk pimpinan, beliau mengawal tindak-tanduk anak buahnya. Anak-anak buahnya juga terdiri dari golongan 'setia' dan sentiasa 'taat'. 'Setia' seperti yang dinyanyikan oleh Tok Mat, Wak Jawa yang sungguh setia pada UMNO. Tok Mat

mengajar orang Jawa supaya menjaga UMNO macam Jawa jaga kebun mereka. Itulah sebab PAJAR berjaya selamatkan UMNO dan menang dalam peperangan menentang Semangat 46 yang dipimpin oleh Musa Hitam yang telah saya labelkan sebagai Musa Derhaka.

Kenapa orang-orang Musa begitu tidak senang kepada Mustapha? *Kalau tidak ada angin mustahil pokok boleh bergoyang? Mustahil ada asap tanpa api?* Tapi ramai yang tak tahu orang Musa tak suka pada seseorang semata-mata kerana Musa tak suka. Padahal orang yang diburu itu tak pernah melakukan apa-apa kesalahan terhadapnya. Ada masanya dia tak kenal dan tak pernah jumpa orang yang dimusuhi dan mereka yang dimusuhinya itu. Bukankah ini satu dosa? Tapi nak buat macam mana. Ada orang yang kerjanya mengumpat dan memburukkan pemimpin saja.

Seandainya sejarah Mustapha ini tidak penting, tidak boleh dijadikan bahan kajian, saya tidak fikir saya mahu menulis buku ini kerana apa yang ada pada Wak Mus, apa yang tinggal padanya untuk diberi gelaran Panglima Parit Raja?

Kebetulan saja Mustapha Muhammad ini kawan lama saya. Kebetulan juga dulu kami berjiran, duduk sekampung di Gombak sebelum dia bersara jadi menteri. Walaupun dia sudah tidak jadi menteri, kami masih sering bertemu. Hubungan saya masih baik. Saya memang suka mendampingi orang yang sedang berada di bawah, orang yang dizalimi dan teraniaya.

Satu hari saya bertemu empat mata dengannya. Saya meminta dia menceritakan secara terus terang kenapa timbulnya permusuhan antara beliau dengan Musa Hitam? Ada apa-apa ke masalah peribadi yang menyebabkan beliau tidak mahu tunduk pada Musa? Dan kenapa orang Musa begitu tidak senang dengannya? Kenapa Datuk Musa tak senang dengan saya semua orang tahu, orang kampung pun sudah tahu tapi mengenai Mustapha ini masih rahsia lagi. Adakah kerana Wak Mus ini Jawa? Atau kerana Wak Musa taat pada Dr. Mahathir?

Ceritanya panjang, biar bagaimanapun saya cuba singkatkan. Mengikut kata Mustapha ceritanya bermula di *Seri Terap di Muar. Seri Terap ini ialah rumah kediaman Tan Sri Othman Saat. Peristiwa itu berlaku pada bulan Disember 1980,*

ketika itu Tan Sri Othman masih menjadi Menteri Besar merangkap Ketua Perhubungan UMNO Negeri Johor.

Tan Sri Othman memanggil 16 bahagian UMNO Johor berkumpul di kediamannya untuk membincangkan satu perkara yang sangat penting. Kebetulan Mustapha Muhammad turut hadir dalam majlis yang sedang membuat perbincangan serius. Wak Mus ketika itu adalah Setiausaha Politik Tun Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia yang ketiga.

**“Apakah ikhtiar ahli-ahli UMNO Johor untuk mengkekalkan keunggulan Johor? Kerana dari sejak tertubuhnya UMNO pada 11 Mei 1946, Johor telah memainkan peranan penting dalam politik kebangsaan. Kini Datuk Hussein Onn mahu mengundurkan diri dari arena politik, mahu meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri juga selaku Presiden UMNO. Siapa yang harus ditonjolkan bagi menentukan keunggulan dan peranan Johor dalam politik kebangsaan dapat diteruskan?”**

Begitulah susah payahnya para pemimpin UMNO Johor berbincang berjam-jam lamanya untuk mencari seorang ‘Pemimpin’ bagi meneruskan kesinambungan kepemimpinan politik Johor di peringkat nasional.

Keputusan yang diambil pada malam itu ialah untuk ketengahkan Musa Hitam sebagai Timbalan Presiden UMNO tahun 1981, agar Musa jadi pewaris Kerajaan dan parti selepas Mahathir nanti. Orang Johor mahu pemimpinnya yang dipilih pada malam bersejarah di Seri Terap terus kekal sebagai pemimpin negara. Begitulah besarnya harapan Tan Sri Othman Saat dan lain-lain pemimpin UMNO terhadap Datuk Musa Hitam. Dan sebuah jentera UMNO Johor membantu Musa Hitam lawan Ku Li dibentuk pada tahun 1981. Tok Mat dan Mustapha Muhammad bersama orang Johor yang lain bermati-matian berjuang untuk meletakkan Datuk Musa di kerusi Timbalan Presiden UMNO. Saya sendiri telah menulis buku **SIAPASELEPAS MUSA?**. Kita bertarung habis-habisan dengan harapan agar Musa Hitam menjadi sebagai payung kepada orang Johor. KEPADANYA kita meletakkan harapan untuk mengkekalkan imej kepemimpinan Johor.

Sungguh tidak disangka-sangka, *ku harapkan panas hingga ke petang rupanya hujan ditengah hari*. Kedudukan, pengaruh, kuasa dan pangkat telah mengubah Musa. Musa cepat sangat nak naik ke atas. Musa lupa pada janji dan amanah orang Johor. Musa lupa daratan bila kuasa sudah ada ditangan. Musa mahu kuasa yang lebih seperti kata-kata: *'Power Corrupts Absolute power corrupts absolutely'*. Tiba-tiba saja dunia menjadi gempar bila Musa Hitam meletakkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Timbalan Presiden UMNO. Apa sudah jadi ini? Tak ada angin, tak ada ribut Musa boleh berkelakuan demikian.

Mustapha adalah satu-satunya pemimpin dari negeri Johor yang tidak setuju Musa letak jawatan. *"Mana boleh Musa buat sesuka hati macam ini, menghancurkan dan merosakkan nama baik negeri Johor? Musa telah diberi amanah, patutkah amanah dan kepercayaan ini dikhianati dengan cara begini? Ini bukan contoh pemimpin yang baik"*, begitulah Mustapha melepaskan marahnya.

Kalau monyet diberi bunga dihancurkan, tak mengapalah, atau kalau orang munafik buat kerja macam itu, satu perkara biasa. Ini bakal pemimpin negara. Pemimpin besar kepada satu pertubuhan umat Islam yang terbesar di negara ini. Apa nak jadi. Mustapha tentang habis-habisan perbuatan Musa yang tidak bertanggungjawab dan tidak amanah. Pemimpin mesti bersikap amanah. Apakah patut kesinambungan politik Johor yang telah diberikan pada Musa dilakukan cara itu? Musa telah merosakkan nama baik Johor. Lain kali orang tak akan beri peluang lagi pada orang Johor. Pemimpin mesti mempunyai digniti, mesti ada prinsip. Kalau betul nak berhenti, berhenti sajalah. Tak kan Musa berhenti, politik Johor mesti mati.

Mulai dari peristiwa ini Mustapha mula dimusuhi. Mustapha tidak peduli. Beliau tetap tidak akan merestu perbuatan Musa yang bercanggah dengan keputusan di Seri Terap.

*"Kalau pun ada masalah Musa dengan Dr. Mahathir itu satu masalah peribadi antara Musa dan Mahathir. Yang boleh menyelesaikannya hanya mereka berdua sahaja. Campur tangan orang lain tak boleh selesaikan masalah. Yang libatkan semua ahli UMNO Johor pasal apa?"*

*Kenapa Musa sebarkan surat letak jawatan kepada umum dan libatkan ahli-ahli di seluruh negara?"*

Begitulah pendapat Mustapha. Pendapat itu hampir sama dengan pendapat saya, dan saya sudahpun menjelaskan perkara ini dalam buku saya 'MUSA DERHAKA' bab 'Surat Sial'. Antara ulasan itu saya petik kembali seperti berikut:-

*Pada 27 Februari 1986, Datuk Musa Hitam telah menghantar surat perletakan jawatan kepada Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad. Surat setebal tujuh halaman itu juga dikirimkan kepada semua ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO.*

*Bilabeliaumenghantar surat perletakan jawatannya yang bertarikh 26 Februari 1986 dia tidak pun menyatakan sebab-sebab seperti yang terdapat dalam suratnya pada tahun 1984 dulu itu. Sekali dinyatakannya tarikh kuat-kuasa perletakan jawatan itu pada 16 Mac, jelaslah tujuan Datuk Musa itu hanya satu: dia tidak berhasrat untuk meletakkan jawatan. Dia tidak mahu menyebutkan nama Tengku Razaleigh sebagai salah satu sebab kerana dia mahukan suratnya itu tersebar dengan seluas-luasnya, dengan harapan dia akan mendapat simpati dan sokongan, dan dengan itu akan memaksa Perdana Menteri serta ahli-ahli Majlis Tertinggi menolak perletakan jawatannya. Dengan berbuat demikian akan memudahkannya kembali semula tanpa menjejaskan perasaan penyokong-penyokong Tengku Razaleigh, dan dia akan mendapat kekuatan baru, dan dengan itu bolehlah dia membuat tuntutan kepada Perdana Menteri supaya menyingkirkan Setiausaha Agung UMNO dan Bendahari UMNO sekarang.*

*Bagi mencanangkan harapan itu secara berselindung, beberapa akhbar harian berbahasa Malaysia telah digunakan bagi mewujudkan sentimen orang ramai mengenai apa yang dikatakan dalang didalam parti yang kononnya menyebabkan hubungan Mahathir-Musa reiak.*



Mesyuarat kabinet 26 Februari Datuk Musa tidak hadir. Pemberita tanya Perdana Menteri, betulkah Datuk Musa letak jawatan? Dr. Mahathir jawab, Timbalan Perdana Menteri pun boleh sakit juga. Datuk Musa sakit, sebab itu dia tak hadir mesyuarat kabinet. Sedangkan waktu itu Musa sudah terbang tinggalkan Malaysia. Datuk Abdullah Badawi turut menghantar dia di lapangan terbang malam itu. Kenapa Mahathir tidak diberitahu? Datuk Dolah Badawi pun ada apa-apa ke?

Hari itu Dr. Mahathir jadi macam orang bodoh. Orang lain sudah tahu Datuk Musa sudah letak jawatan dan sudah terbang ke luar negeri, Dr. Mahathir belum tahu. Dia ingat Datuk Musa sakit, sebab itu tak datang mesyuarat. Rupanya lain yang jadi. Kalau kita duduk di tempat Dr. Mahathir waktu itu pun kita naik bengang. Patutkah Musa buat macam itu pada sahabatnya Dr. Mahathir? Kalau pun nak letak jawatan, letaklah cara yang betul. Kenapa bikin semua orang jadi kecoh dan huru hara? Sengajakah Musa nak rosakkan UMNO?

Cara Datuk Musa menyampaikan surat perletakan jawatan menyebabkan ramai ahli parti tertanya-tanya adakah sebagai Pengerusi Jawatankuasa Disiplin Parti Datuk Musa tidak memahami peraturan parti? Adalah menjadi tanggungjawabnya untuk menyampaikan surat itu kepada Perdana Menteri atau kabinet secara peribadi. Sebaliknya dia meminta pegawainya menyampaikan surat itu. Seolah-olah untuk memalukan Perdana Menteri.

Membaca isi surat Datuk Musa orang memang boleh simpati dan kasihan dengan dia. Nampak macam dia benar-benar jujur. Ditambah pula dengan berita dia terus pergi ke Tanah Suci menunaikan Umrah. Ahli Majlis Tertinggi pun ramai yang terpengaruh dengan isi surat itu. Itulah sebabnya mereka menghantar rombongan empat orang Menteri Besar ke London untuk memujuk Musa. Tapi Dr. Mahathir tahu permainan politik sahabatnya

itu. Dia tak mahu UMNO keluar belanja untuk rombongan ke London itu.

*Datuk Musa ingat dia pandai memainkan sentimen dan emosi ahli-ahli Majlis Tertinggi. Dia ingat isi suratnya akan diterima oleh Majlis Tertinggi. Inilah bahayanya orang yang menganggap dirinya terlalu pandai sebagai strategis, hingga para pemimpin lain dia anggap boleh terpengaruh dengan strategi dia. Dia lupa kepada Tuhan Yang Maha Kaya. Mesyuarat Majlis Tertinggi kemudiannya, yang telah menyedari hakikat sebenar, telah menolak semua alasan-alasan Musa yang dikemukakan dalam surat perletakan jawatannya. Maka perletakan jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri pun diterima pada 18 Mac 1986.*

Datuk Mustapha telah dilabelkan sebagai 'Pengkhiran'. Orang Johor yang tak ada semangat kenegerian dan mana-mana anak Johor yang tak sokong Musa dianggap tak setia pada negeri Johor. Mereka kata "*Sepatutnya orang Johor mesti bersama dengan pemimpin Johor, tak kira sama ada pemimpin yang disokong itu salah atau telah menderhaka? Johor mesti sokong Johor.*" Namun Wak Mus tidak sokong Musa seperti yang dilakukan oleh Tan Sri Muhyiddin. Dia juga tidak mahu memberi Musa peluang menjadi Timbalan Presiden UMNO. Maka itulah sebabnya Wak Mus kekal jadi musuh utama seperti mereka memusuhi Tok Mat dan saya.

*"Waktu orang beri awak kesempatan, awak sia-siakan, awak hancurkan impian dan harapan orang-orang Johor kemudian awak mahu orang Johor jadi kerbau cucuk hidung semata-mata kerana awak sudah menyesal. Dimana letak prinsip dan harga diri?"*, tanya Wak Mus dengan tegas.

Kebanyakan pengikut Musa mahu orang Johor semua memberi sokongan kepadanya semata-mata kerana Musa ada pengaruh. Musa pemimpin yang berpengalaman dan pernah jadi Timbalan Perdana Menteri. Mana tahu Musa balik semula ke tempat itu? Mereka lupa Musa telah mengkhianati perjuangannya, mengkhianati amanah orang Johor. Patutkah orang macam ini dipilih semula sebagai pemimpin negara? Bukankah beliau pemimpin yang oportunistik dan yang hanya mementingkan diri

yang telah membuat terlalu banyak kesilapan serta yang telah menimbulkan masalah yang besar pada kerajaan dan UMNO. Apakah kisah penubuhan PBS dan peristiwa Memali tak cukup besar untuk dijadikan contoh?

Nak buat macam mana. Ada pemimpin Johor yang terus mahu membersihkan nama Musa menggunakan RMJ. Apa akan jadi pada negara bila ia dipimpin oleh orang yang tak menentu fikirannya? Apakah RMJ akan bertanggungjawab sekiranya sudah diberi jawatan, Musa merajuk sekali lagi?

Datuk Mustapha menjelaskan bahawa beliau adalah orang UMNO. Beliau tidak akan ikut orang-orang atau kumpulan tertentu dalam UMNO. Mustapha tak mahu jadi orang Musa semata-mata kerana Musa pernah menjadi pemimpin negeri Johor. Pemimpin datang dan pergi. Dulu dia sokong Musa bukan semata-mata kerana Musa orang Johor tapi Musa telah dipilih untuk memimpin orang Johor. Cuba hidupkan semula pemimpin yang telah memamatkan politiknya sendiri adalah satu kerja yang sia-sia. Manusia hidup mesti ada prinsip, mesti ada digniti. Itulah yang menjadi pegangan Mustapha. Tapi kalau ada orang yang nak agung-agungkan Musa, Pak Mus tak boleh buat apa-apa, terserah. Bagi Pak Mus “*‘sorry’*, pisang tak berbuah dua kali”. Nak nyanyikan Pak Mus lagu *‘Pak Pung Pak Mustaphe’* pun nyanyikanlah.

Penyertaannya ke dalam UMNO adalah satu komitmen untuk menjadikan rakyat Malaysia sebagai satu bangsa dan satu negara yang bersatu padu.

“*Conscience* saya tak boleh menerima apa yang dibuat oleh Musa. Perjalanan Datuk Musa tidak betul. Maka itulah sebabnya Musa tidak boleh disokong bila dia bertanding pada tahun 1987”, jelas Datuk Mustapha.

Wak Mus adalah satu-satunya pemimpin dari Johor yang dengan lantang dan berani menentang Musa. Laporan akhbar Utusan Malaysia, Khamis 29hb. Januari 1987 yang saya petik dibawah ini membuktikan hakikat tersebut:

*IPOH 28 Jan. - Timbalan Menteri Kerja Raya, Encik Mustaffa Mohamed berkata ada di kalangan menteri kabinet yang memburuk-burukkan kerajaan dalam*

keghairahan kempen pemilihan pucuk pimpinan UMNO yang semakin memuncak.

Beliau berkata mereka bukan sahaja mempersoalkan beberapa dasar kerajaan yang dipersetujui bersama, malahan memburuk-burukkannya dengan tujuan memburukkan pucuk pimpinan kerajaan. Perkara itu boleh diterima jika disalurkan melalui saluran yang dibenarkan supaya masalah yang timbul dapat diatasi, tetapi kecaman dikemukakan kepada orang ramai dan pendengar yang tidak berkaitan, tambahannya Encik Mustaffa berkata, perbuatan ini amat dikesali kerana ia menjejaskan imej kerajaan dan sekaligus mempertikaikan kewibawaan pucuk pimpinan kerajaan sekarang.

"Mereka diberi amanah oleh kerajaan untuk menyelesaikan masalah yang ada dan bukan untuk mencari kepentingan lain," tegasnya sambil berkata gejala itu tidak terhadap kepada menteri kabinet terlibat sahaja malahan di kalangan anggota Majlis Tertinggi (MT) UMNO. Beliau yang juga Ketua UMNO bahagian Seri Gading berkata, beliau "terpaksa" bertanding kerusi MT pada pemilihan akan datang kerana "gejala-gejala tidak sihat" itu.

Dan semasa pilihanraya kecil Parit Raja, WATAN keluaran 8hb. Oktober 1988 turut menyuarakan pendapat Mustapha mengenai Musa. Laporan yang disediakan oleh Daud Ibrahim itu saya petik seperti berikut:

*PARIT RAJA: Menteri Kebajikan Masyarakat, Haji Mustaffa Mohammad berkata kepercayaan dan keyakinannya kepada Datuk Musa Hitam sudah tiada disebabkan tindak-tanduk bekas Timbalan Perdana Menteri itu sekarang.*

*Bercakap kepada WATAN, Haji Mustaffa yang juga Ketua Penaja UMNO (baru) Bahagian Sri Gading berpendapat, walaupun satu ketika dahulu beliau adalah penyokong kuat Datuk Musa tetapi berbeza dengan apa yang berlaku sekarang.*

*Menurut beliau, sepatutnya jika seseorang itu menjadi pemimpin, beliau mestilah memastikan penyokong-penyokongnya dapat mengikut dan bukan dengan hanya mementingkan diri sendiri.*

*“Saya sudah meninggalkan Datuk Musa disebabkan Datuk Musa sudah tiada pendirian. Pendirian-pendirian Datuk Musa hari ini tidak sama dengan keputusan esok dan begitulah selama-lamanya,” ujar haji Mustaffa.*

*Mengenai cakap-cakap yang mengatakan beliau dilantik sebagai Menteri penuh disebabkan terlalu lantang menghentam Datuk Musa, Haji Mustaffa berkata, masih ramai yang menghentam Datuk Musa dan menyokong Datuk Seri Dr. Mahathir tetapi tidak dilantik sebagai Menteri penuh.*

*Serentak dengan itu Haji Mustaffa menyifatkan Datuk Musa sebagai seorang pemimpin yang lupa daratan sewaktu duduk sebagai Timbalan Perdana Menteri dahulu.*

Andai kata UMNO kecundang di Parit Raja apakah yang mungkin berlaku? Pertama usaha untuk memulihkan UMNO jadi lebih sulit. Yang pasti pilihan raya kecil, satu demi satu akan diadakan. Beberapa orang telah pun mengisytiharkan untuk letak jawatan antaranya Datuk Radzi, Rahmah Osman, Datuk Rais, Datuk Zainal Abidin. Begitu juga ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Johor seperti Kadri Sabran, Adam Hamid dan Tawfik Tun Ismail. Tapi bila Hamdan tewas mereka senyap.

Perbuatan khianat Musa telah menggagalkan rancangan dan harapan rakyat untuk menjaga keunggulan dan menentukan peranan penting Johor dalam politik kebangsaan. Itulah yang dikesalkan oleh Datuk Mustapha Mohamad dan yang inilah yang tidak difahami oleh para pengikut dan pemuja Musa Hitam.

Soal prinsip dan amanah yang diberikan oleh orang Johor, kubu kuat UMNO dan Barisan Nasional sudah dijadikan kubur oleh Musa. Johor bukan lagi kubu kuat UMNO tapi hampir-hampir jadi kubur UMNO.

Soalnya perjuangan sudah diketepikan. Sebaliknya pemujaan dan pendewaan tokoh-tokoh pula yang menggantikan.

Bila UMNO diharamkan oleh perpecahan dimasa lalu, akibatnya ialah wujudnya pola-pola di dalam UMNO yang menjadikan tokoh dan pemimpin lebih penting dari perjuangan seperti yang dikatakan oleh Dr. Mahathir pada 1hb. Julai 1976:

*“UMNO tidak wujud untuk pemimpinnya. Semua pemimpin adalah sementara. Mereka akan pergi dan akan diganti oleh pemimpin yang baru. Tetapi pemimpin dan kepimpinan adalah penting bagi pertubuhan. Sementara pemimpin tidak perlu dipertahankan semata-mata kerana ia pemimpin, ianya juga tidak harus dilemahkan dengan sengaja. Tidak ada kebaikan dari kepimpinan yang lemah sepertimana tidak ada munafaat dari pertubuhan yang lemah.”*

Walaupun ramai yang tahu pemimpin datang dan pergi tapi disebabkan kepentingan peribadi, maka pemujaan terhadap tokoh diteruskan juga sebagaimana sokongan terhadap Musa. Dengan itu maka jadilah RMJ sebagai satu benda yang sama pentingnya dengan UMNO padahal *ayam sudah menetas, perlu apa dengan kulit telur yang sudah pecah itu lagi. RMJ adalah seperti kulit telur selepas lahirnya anak ayam.*

Cita-cita untuk menyatupadukan bangsa dan negara akan gagal. Sekiranya para pemimpin yang sudah ternyata rosak mahu dikembalikan semula ke dalam UMNO semata-mata kerana adanya kekuatan mendesak atau suara simpati maka UMNO akan turut rosak buat kali keduanya. Dan ini pula adalah bertentangan dengan objektif UMNO itu sendiri iaitu mahu memperjuangkan nasib agama, bangsa dan tanah air dan bukannya nasib para pemimpinnya secara individu.

Dalam lain perkataan terdapatnya percanggahan di antara sentimen kenegerian dengan perjuangan kebangsaan sudah menjadi satu hakikat yang tidak dapat disangkal lagi. Mereka yang memainkan sentimen kenegerian ini bolehlah dianggap sebagai pengkhianat pada bangsa dan pada perjuangan UMNO itu sendiri.

Berbalik kepada RMJ, Mustapha berpendapat ia *tidak lebih dari sebuah jentera yang telah digunakan oleh orang Musa untuk menjaga nama Musa sendiri apa bila Musa nak masuk semula ke dalam UMNO*. Saya bertanya Mustapha mengenai ulang tahun RMJ yang akan diadakan secara besar-besaran tahun ini oleh Tan Sri Muhyiddin? Jawapan yang beliau berikan ialah:

*“Sepatutnya yang diadakan ialah ulangtahun PAJAR kerana PAJARlah yang telah membuat jasa kepada UMNO. Seandainya PAJAR tidak ditubuhkan empat hari sebelum pembuangan undi mustahil UMNO boleh menang di Parit Raja. Kalau pun hendak diadakan ulang tahun sepatutnya ulang tahun UMNO bukan RMJ”*,

*“Begini Beb, perhimpunan UMNO Johor pada 18hb. Disember 1988 yakin hanya UMNO yang boleh satu padukan orang Melayu dinegeri Johor. Maka sebuah Resolusi dibuat oleh UMNO dan masuklah mereka ini beramai-ramai. Sesudah orang Musa masuk, patut ke disebut-sebut lagi? RMJ cuma satu alat untuk menarik orang masuk ke dalam UMNO. Kulit yang hendak diagung-agungkan?”*

“Macam mana pula benda-benda yang dituntut oleh RMJ?” tanya saya lagi.

“RMJ menuntut supaya UMNO buat itu dan ini. Itu hak mereka menuntut. Kita jangan lupa bahawa UMNO kepunyaan orang Melayu seluruh negara bukan Johor saja. Kenapa rakyat Melayu mesti patuh dengan arahan dan kehendak orang Johor saja? bagaimana dengan orang yang masuk UMNO ikut pintu yang sah tidak rasa kecil hati? Apakah tidak ada orang yang merasakan adanya ahli-ahli istimewa dalam UMNO semata-mata kerana mereka dari golongan RMJ?”

Mustapha meneruskan, “Parit Raja adalah sebagai *‘turning point’* dan penunjuk atau *‘indicator’* bahawa orang Melayu di negeri Johor bukan semuanya tolak UMNO dan mabuk dengan Datuk Musa. Jernihkan air di Parit Raja dulu maka baharu jernih dan pulihkan UMNO di seluruh negara. Tapi masih ada orang

yang tertentu yang mahu air di Parit Raja terus dikeruhkan supaya politik negara terus keruh dan berkocak. “


Saya bertanya lagi “Apa pendapat awak tentang telatah Shahrir, Adam Hamid dan lain-lain sebelum pilihanraya kecil Parit Raja. Patutkah mereka menganggap diri sebagai jaguh perpaduan atau pemecah belah masyarakat? Apakah mereka telah dilupakan begitu saja oleh penduduk Parit Raja? Kenapa setelah tewas di Parit Raja baru nak timbulkan perpaduan? Awak ingat Muhyiddin tahu tak hal yang macam ini?”

“Perkara yang berkaitan dengan Muhyiddin awak kena tanya dia sendiri, saya cuma boleh beritahu bahawa kemenangan UMNO di Parit Raja memaksa mereka menarik balik dan mengubah fikiran yang langsung terus membetulkan dan seterusnya mengadakan Perhimpunan Melayu Johor yang membuahkan RMJ. Kalau tak kerana kekalahan mereka di Parit Raja, apakah mereka akan adakan RMJ?”

Pertanyaan Mustapha ini mengingatkan kita siapakah yang menjadi **Panglima** yang mempertahankan Parit Raja ketika ia diserang oleh rejim Musa? Dan ia juga sekali gus membuat kita bertanya patutkah jasa orang yang mempertahankan UMNO, membunuh mati semangat mereka yang bercita-cita untuk mengambil alih kepimpinan negara dilupakan begitu saja?

*Hanya bangsa yang besar saja yang mengingati sejarah pahlawan mereka.*





Dato' Mustapha Muhammad, Panglima Parit Raja.

## PARIT RAJA DIFILEMKAN

**PADA HARIKHAMIS** 18hb. April 1991, saya bersama keluarga saya singgah untuk makan tengahari di Air Hitam. Seperti biasa kedai makan pilihan saya ialah Restoran Dayana Dahlan. Pak Lan taukeh kedai ini adalah kawan lama saya, persahabatan kami sudah terjalin sejak awal tahun enam puluhan lagi. Ketika itu Pak Lan masih membantu ayahnya menjual nenas, pisang, lain-lain buah-buahan dan tidak ketinggalan ubi, keladi, keledak dan juga beberapa jenis makanan hasil kampung. Air Hitam adalah permulaan Pasar Tani.

Pak Lan selain dari menjadi seorang ahli perniagaan, beliau juga bergerak cergas dalam hal-hal yang berkaitan dengan masyarakat. Beliau adalah Bendahari 'PAJAR' Sri Gading, selain dari menjawat jawatan Pengerusi Jawatankuasa Biro Ekonomi Pemuda.

Kenapa saya menceritakan kisah Dahlan atau lebih dikenali dengan panggilan Pak Lan ini? Jawapannya adalah kerana Pak Lan terlibat sama dalam politik Parit Raja.

Sewaktu saya menceritakan padanya saya sedang menulis buku mengenai **Parit Raja**, Pak Lan berkata bahawa beliau sedang menyiapkan skrip drama untuk sejarah Parit Raja, bererti bukan saya seorang saja yang bercita-cita meletakkan sejarah Parit Raja ini ke peringkat nasional. Anak Parit Raja ini pun mempunyai cita-cita yang sama.

Anak Jawa yang tinggi budi bahasa, pandai bergaul dan sudah berjaya dalam perniagaan ini memulakan perniagaan dengan hanya membantu ayah saja. Tapi kini Pak Lan sudah ada sebuah kereta Mercedes terletak di hadapan kedai makannya yang sudah beberapa kali memenangi gelaran kedai makan yang

terbersih di Air Hitam. Dan yang paling pelik kedai Pak Lan adalah satu-satunya kedai makan yang berjaya menjual ratusan buku-buku saya. Buku-buku itu pula dijual di atas meja tempat Pak Lan menjual makanannya.

Begitulah kisah Pak Lan. Biar bagaimanapun sebelum Pak Lan menyudahkan skrip dramanya, dan seterusnya memilemkan kisah tersebut, biarlah saya menceritakan serba ringkas tentang sejarah 'Parit Raja'.

Sebagaimana Batu Pahat mempunyai sejarahnya yang tersendiri dalam politik orang-orang Melayu khususnya dan politik UMNO amnya kerana di sinilah idea menubuhkan UMNO telah dikemukakan kepada Dato' Onn, begitu jugalah dengan pekan Parit Raja yang terletak dalam Majlis Daerah Batu Pahat. Pekan kecil ini juga mempunyai sejarah yang agak aneh jika dibandingkan dengan pekan-pekan ataupun bandar-bandar lain di seluruh negara.

Di satu waktu dulu, kawasan yang menjadi pekan Parit Raja dan kampung-kampung di sekitarnya dipenuhi dengan hutan dan paya-paya. Ketika itu memang tidak ada rumah-rumah kediaman apatah lagi sebuah pekan yang seperti dapat kita lihat pada hari. Orang yang tinggal di kawasan ini pun tidak ramai. Kalau adapun mungkin beberapa orang dari keturunan Jawa yang bekerja mencari rotan untuk dijual. Mereka ini tinggal di pondok-pondok. Jarak di antara sebuah pondok dengan sebuah pondok pula adalah berbatu-batu jauhnya merentas paya dan belukar.

Antara penduduk awal Parit Raja ini sebelum pekan ataupun perkampungan tersebut mula dibuka ialah seorang yang bernama Haji Nawawi bin Haji Ali.

Menurut cerita Datuk Haji Yusa, anak kepada Allahyarham Haji Nawawi, sebelum bapanya membuka perkampungan Parit Raja itu, beberapa kejadian aneh telah dialami oleh Allahyarham. Kejadian-kejadian tersebut termasuklah mimpi-mimpi ganjil dan penemuan dengan makhluk halus yang juga kita sebut sebagai *orang bunian*.

Mimpi-mimpi dan penemuan dengan orang bunian inilah yang kemudiannya menyebabkan Haji Nawawi telah membuka

perkampungan di satu kawasan paya yang sejauh kira-kira 10 kilometer dari pekan Air Hitam.

Menurut ceritanya, suatu hari semasa Allahyarham sedang duduk beristirahat berseorangan di pondoknya, dia tiba-tiba saja melangkah ke dalam satu dimensi yang lain. Di hadapannya, Allahyarham Haji Nawawi melihat sebuah padang yang nun saujana mata memandang serta gelombang manusia yang memenuhi setiap inci padang tersebut.

Di tengah-tengah lautan manusia itu pula berdiri seorang wanita yang menjadi ketua kepada perhimpunan manusia tersebut. Pengalaman Haji Nawawi bukan sahaja setakat terbatas kepada melihat kejadian tersebut malah di waktu-waktu yang tertentu beliau telah bercakap pula dengan makhluk-makhluk halus itu.

Apakah yang diperkatakan di antara Allahyarham dengan makhluk-makhluk halus itu? Tidak ada seorangpun yang tahu.

Apabila Allahyarham tersedar dari lamunannya, beliau mendapati perhimpunan manusia yang begitu ramai itu tiba-tiba lenyap begitu sahaja. Pemandangan di hadapan pondoknya kembali bertukar kepada kehijauan pohon-pohon belukar dan hutan dara yang melatarbelakangkan kawasan pondoknya itu. Suasana yang tadinya riuh-rendah tiba-tiba kembali sepi seperti sedia kala.

Di samping kejadian tersebut, Allahyarham juga sentiasa diganggu oleh orang-orang halus yang berkunjung ke pondoknya saban malam. Kejadian itu berterusan buat beberapa ketika hinggalah orang-orang bunian itu menjelaskan maksud kedatangan mereka yang mahukan Haji Nawawi membuka kawasan paya tersebut supaya dijadikan sebuah kawasan perkampungan.

Oleh kerana Allahyarham tidak mahu lagi diganggu oleh orang-orang bunian itu, beliau pun mengambil keputusan untuk membuka perkampungan yang dihajati oleh makhluk-makhluk halus itu. Dengan pembukaan perkampungan tersebut, maka hidup Haji Nawawi kembali damai kerana tidak diganggu oleh orang-orang bunian itu lagi.

Setelah kampung tersebut dibuka, maka banyak lagi kampung-kampung yang lain di buka di persekitarannya. Dari

sebuah kawasan yang dipenuhi dengan hutan dara dan paya-paya, kawasan tersebut berkembang menjadi sebuah kawasan penanaman kopi yang terkemuka di negeri Johor. Dan lama kelamaan sebuah pekan pun di bangunkan bagi menguruskan pembelian serta penjualan biji-biji kopi dan juga hasil-hasil pertanian yang lain.

Kampung Parit Raja hidup aman makmur dengan kehidupan dan aktiviti para penduduknya. Mereka yang menanam kopi pagi-pagi lagi menyorong basikal masing-masing untuk menjual kopi basah di pekan. Mereka yang menanam sayur-sayuran turut juga menjualkan hasil pertanian mereka itu di sebuah pasar pagi yang terletak di pekan.

Untuk bertahun-tahun lamanya, pekan kedai sederet itu hidup dalam kedamaian. Dalam tahun 1955 apabila pilihanraya umum yang pertama di adakan dan seterusnya di dalam pilihanraya-pilihanraya umum selepas merdeka dan selepas penubuhan Malaysia pekan itu kekal menjadi sebuah pekan yang aman. Tidak ada kekecohon apatah lagi pergolakan politik kerana ketika itu orang-orang Melayu yang menjadi penghuni tetap kawasan tersebut, tidak kira apa jua asal keturunan mereka, mereka hanya mengiktiraf UMNO sahaja sebagai satu-satunya parti politik yang dapat membela nasib mereka. Malah, ketika itu ramai yang berkata, *'andainya UMNO meletakkan sebatang tunggul kayu untuk dijadikan calon bagi kawasan Dewan Undangan Negeri dan Parlimen Parit Raja ini, maka UMNO tetap akan menang'*.

Namun biar bagaimanapun, suasana damai dan aman kawasan Parit Raja ini berakhir juga dengan berakhirnya hayat Allahyarham Datuk Syed Zain Edruse Al-Shahab, ADUN Parit Raja sejak pilihanraya umum yang sebelumnya. Ada seorang kawan saya di Air Hitam berkata secara berseluruh "kecoh di Parit Raja ini berlaku kerana matinya seorang Arab yang jadi wakil mereka. Kalau Arab tak mati, Jawa sama Jawa tak bergaduh".

Maka pada 6 Oktober 1988, berpuluh-puluh ribu orang manusia, seperti yang dilihat oleh Allahyarham Haji Nawawi telah membanjiri Parit Raja. Hari itu ialah hari penamaan calon bagi parti-parti yang bakal bertanding dalam pilihanraya kecil yang telah ditetapkan pada 20 Oktober tahun 1988.

Sebagaimana biasa UMNO (Barisan Nasional) awal-awal lagi telah menggerakkan jenteranya dalam usaha memenangi pilihanraya kecil ini kerana kali ini UMNO bukan lagi kesaorang tetapi sudah ada golongan-golongan tertentu yang sengaja mahu memecahkan kedamaian yang selma ini dinikmati oleh para penduduk Parit Raja.

Bilik gerakan Barisan Nasional yang kebetulan berhampiran dengan rumah Datuk Haji Mustafa Muhammad, yang ketika itu masih memegang portpolio Menteri Kebajikan dan juga Ahli Parlimen kawasan tersebut telahpun bersiap sedia dan dihiasi dengan bendera dan lambang-lambang UMNO dan BN.

Bendera-bendera dan lambang-lambang UMNO dan dacing juga kelihatan di merata-rata kawasan Parti Raja. Biar bagaimanapun di setengah-tengah tempat bendera dan lambang-lambang itu telah dikoyakkan oleh orang-orang tertentu.

Oleh kerana ketika itu, parti Semangat 46 masih lagi merupakan sebuah parti yang belum berdaftar, maka calunnya telah bertanding atas tiket Bebas.

Sungguhpun mereka dijangka akan memberikan persaingan sengit kepada calon UMNO, namun bilik gerakannya yang terletak kira-kira 4 kilometer dari pekan Parit Raja masih lengang dan belum memasang apa-apa lambang ataupun bendera.

Parti Bebas juga masih belum menetapkan lambang yang hendak digunakan. Biar bagaimanapun, mereka telah mengambil keputusan tidak mahu memakai lambang 'kunci' sebagaimana yang digunakan oleh Shahrir dalam pilihanraya kecil kawasan Parlimen Johor Bahru. Keputusan ini dibuat kerana mereka menjangkakan seorang lagi calon bebas akan turut bertanding. Biar bagaimanapun Haji Hamdan Yahya telah memilih 'ikan' sebagai lambangnya. Ikan masuk dalam parit memang lincah tapi ikan telah tersalah parit, ikan termasuk ke dalam Parit Raja. Akhirnya ikan tertangkap dan dibubuh didalam dacing BN. Begitulah berakhirnya nasib ikan di Parit Raja. Yang menang dacing juga, dacing kepunyaan taukeh.

Dan dengan kemenangan YB Yassin Kamari dalam Dewan Undangan, sesudah itu Yassin menang lagi dalam Pilihanraya

Umum di kawasan Parlimen Sri Gading maka dengan berkuasanya UMNO di kawasan tersebut maka kembalilah juga kedamaian Parit Raja. Dengan itu juga tidak ada lagilah perhimpunan manusia dan gangguan malam sebagaimana yang pernah dialami oleh Allahyarham Haji Nawawi bin Haji Ali.



Di sebelah Datuk Mustapha ialah Pak Lan atau Dahlan, taukeh Restoran Dayana Dahlan di Air Hitam, Johor. Beliau merupakan Bendahari PAJAR Seri Gading. Beliau jadi produser filem Sejarah Parit Raja.





Datuk Haji Yusa adalah anakanda kepada Allahyarham Haji Nawawi, orang yang telah membuka kawasan Parit Raja.

## Oleh ROSNIZA RASUL

KUALA LUMPUR, Rabu — Mahkamah Tinggi di sini diberitahu hari ini, Datuk Musa Hitam, bersikap tidak jujur dan sentiasa mengelak daripada memberi jawapan tepat dalam keterangannya.

Tindakan beliau itu ketika memberi keterangan di mahkamah jelas dan sentiasa memberi helah atau berdolak dalik terutama mengenai isu Memali dan sogokan \$1 juta yang diterimanya, kata peguam Encik Abdul Razak Ahmad.

Encik Abdul Razak membentangkan hujahnya dalam kes saman malu bekas Timbalan Perdana Menteri itu terhadap Syed Hussein Alattas, penulis buku *Challenger: Siapa Lawan Siapa*.

Bellau yang berhujah bagi pihak defendan berkata, sepatutnya Datuk Musa memberi jawapan tepat bagi memastikan kebenarannya apabila memberi keterangan di mahkamah.

Bellau merujuk beberapa jawapan balas yang diberikan oleh Datuk Musa dalam perbicaraan awal lalu, antaranya mengenai isu Datuk Musa menerima \$1 juta untuk Umno Johor, peristiwa Memali, pembentangan kertas putih peristiwa Memali di parlimen dan kenyataan penyiasat kanan Badan Pencegah Rasuah (BPR) Encik Zakaria Md Esa.

"Jawapan yang beliau berikan apabila di-

soal menerima sogokan atau rasuah \$1 juta dan isu Memali serta pembentangan Kertas Putih peristiwa itu tidak tepat dan sentiasa mencari helah.

"Padahal adalah jelas apabila Datuk Musa mengambil wang itu dia adalah Timbalan Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan ketua Perhubungan Umno Johor.

"Dalam kedudukan ini, Datuk Musa boleh berbuat banyak perkara terutama sebagai Ketua Perhubungan Umno Johor dan berkua-sa dalam politik negeri, boleh memungut sumbangan wang untuk parti. Datuk Musa mengaku menerima wang itu dan menyerahkannya kepada Bendahari Umno Johor ketika itu, Datuk Daud Haji Taha.

"Jelas jawapan Datuk Musa bersifat tidak jujur dan sentiasa mencari helah selain enggan memberi jawapan tepat apabila di-soal dalam perbicaraan lalu," katanya.

Datuk Musa menuntut ganti rugi dalam saman malunya terhadap Syed Hussein, penerbit dan pengedar buku berkenaan, Alnujum Sdn Bhd dan pencetaknya, Percetakan dan Perniagaan Berlian Sdn Bhd.

Datuk Musa diwakili oleh peguam Syed Ahmad Helmy dan Encik Pawancheek Marican. Perbicaraan dijalankan di hadapan Hakim Datuk Lim Beng Choon.

Perbicaraan bersambung esok.



DATUK MUSA HITAM

...tuntut ganti

...rugi berhubung

...buku Challenger.

B.4.6-90.  
521-6

## POST MORTEM 1990

*“Oleh itu, tidak seorang pun Menteri Besar kali ini berjaya mengisi jawatan Naib Presiden kerana jawatan itu dicadangkan untuk menjadi rebutan antara sesama mereka pada tahun 1993 nanti. Tunggulah ‘Challenger (II)’ yang akan muncul kelak. Sekiranya Muhyiddin masih memakai baju Musa, RMJ masih tetap bermusuh dengan Pajar. Cukuplah bagi Muhyiddin sekadar bertanding kerusi Majlis Kerja Tertinggi saja”.*

**BUKU-BUKU SAYA BIASANYA** diterbitkan menjelang Perhimpunan Agung UMNO dan selalunya di perhimpunan-perhimpunan Agung yang ada pertandingan merebut kerusi Presiden, kerusi Timbalan Presiden, Naib-Naib Presiden dan juga kerusi-kerusi Majlis Kerja Tertinggi.

Biar bagaimanapun, kali ini saya rasa saya terpaksa menerbitkan buku politik sesudah selesai pertandingan-pertandingan tersebut diadakan, kenapa? Mengapa tidak sebagaimana tradisi yang biasa saya lakukan? Tentu ada sebab mengapa saya membuat ulasan atau ‘post mortem’ selepas perlumbaan merebut jawatan itu, selepas Perhimpunan Agung UMNO yang telah memberikan kekalahan kepada Menteri Besar saya Tan Sri Muhyiddin, Menteri Besar Johor yang bertanding merebut kerusi Naib Presiden?

Pertama, kerana bila kita menulis buku menjelang perhimpunan yang ada pertandingan ramai yang akan menuduh kita penulis upahan, kononnya ‘nawaitu’ kita saja hendak menaikkan orang tertentu atau menjatuhkan orang tertentu yang

mahu merebut jawatan, lebih-lebih lagi orang yang macam saya yang mempunyai bermacam-macam gelaran '*Political Assassinator*' atau '*Killer Writer*'.

Kedua, disebabkan saya sudah dianggap sebagai penulis veteran yang mempunyai kelebihan boleh memfirasat. Maka oleh itu saya merasakan eloklah saya memberi tempat kepada penulis muda mencuba bakat mereka. Lagi pun saya tidak nampak adanya bahaya dalam pertandingan merebut jawatan pada perhimpunan yang baru lalu tidak seperti 1981, 1984 dan 1987. Saya rasa cukup dengan menulis beberapa buah artikel di *Mingguan Kota* saja.

Biar bagaimanapun selepas tamatnya pertandingan tersebut, ramai peminat-peminat saya dan juga kawan-kawan yang bertanya apakah sebab sebenar mengapa MB Johor kalah, sedangkan beliau telah membelanjakan wang yang banyak dan jentera yang kuat untuk kerusi Naib Presiden? Adakah disebabkan kerana pertelingkahan antara Muhyiddin dengan Pajar atau kerana kerjasama Muhyiddin dengan RMJ?

Sesudah kalah teruk baru terdengar suara-suara dari negeri Johor yang menuntut supaya diadakan "post mortem" terhadap fenomena itu. Datuk Shahrir Samad yang dulu pernah bercangkung di luar Dewan Negara menghentam Dr. Mahathir, Anwar dan dalam tulisannya di akhbar tabloid turut sibuk membuat saranan supaya satu "post mortem" mesti diadakan. Ini adalah kerja-kerja orang yang saja mahu '*menepuk air didulang akhirnya merecik ke muka sendiri*' tetapi kerana ramai sangat orang Johor yang meminta '*post mortem*' maka bacalah buku ini dengan teliti. Benda '*dah terang lagi bersuluh*', beranikah menyalahkan diri sendiri?

Antara sebab kekalahan utama Tan Sri Muhyiddin adalah disebabkan oleh barisan Menteri Besar yang tidak merestui perjuangannya untuk merebut jawatan Naib Presiden atas dasar adanya kekosongan kuota Johor. Muhyiddin menunjuk-nunjuk sangat sikap kenegerianya macam perangai pemimpin Sabah yang bersifat keSabahan. Apakah Muhyiddin lupa bahawa ada tokoh Johor yang jauh lebih veteran dan yang paling senior dalam kabinet iaitu Tok Mat, tapi Tok Mat tak cakap pasal politik kenegerian.

Ramai yang merasakan Muhyiddin terlalu muda dan cepat sangat nak naik ke atas. Muhyiddin tidak mempunyai ketokohan untuk mewakili mereka. Muhyiddin telah berkempen keseluruhan negeri sebelum orang lain memulakannya. Kelab MB tetap tidak mahu memberikan laluan.

Sebenarnya perkara kempen secara besar-besaran ini tak payahlah saya ulas lebih lanjutnya sebab ia sudah banyak diperkatakan oleh pemerhati dan penganalisis politik. Bahkan ada akhbar yang membuat ulasan bahawa Menteri-Menteri Besar yang lain telah bergabung untuk tidak menyokong Tan Sri Muhyiddin, biarpun dia Menteri Besar Johor kerana Muhyiddin mempunyai serampang dua mata dalam merebut kerusi tersebut, satu untuknya, satu untuk Musa.

Tan Sri Muhyiddin dilihat sebagai pemimpin Johor yang akan membuka jalan kepada Datuk Musa Hitam untuk kembali memegang pucuk pimpinan UMNO sedangkan kemasukan semula Dato' Musa bukan disukai sangat oleh ahli-ahli UMNO diluar Johor, mereka belum lupa angkara yang telah dilakukan oleh Musa dan mereka tahu orang Johor sendiri pun ramai yang sudah mula tidak meyenangi Musa. Orang-orang Musa saja yang *'Hidung tak mancung, pipi tersorong-sorong'*

Biarpun Tan Sri Muhyiddin menolak desas-desus yang mengatakan bahawa beliau adalah "orang Musa", orang ramai tetap tidak mahu percaya. Mereka tahu Datuk Musa Hitam yang telah memberi laluan kepada Tan Sri Muhyiddin untuk bertanding merebut jawatan Naib Presiden. Kalau tidak masakan Muhyiddin seberani itu. Siapakah yang nak percaya bahawa Datuk Musa telah secara mutlak berundur daripada arena politik UMNO? Siapa? Dan siapa yang tidak tahu Muhyiddin adalah anak didik Musa.

Ramai orang-orang UMNO membuat anggapan bahawa Musa tidak bertanding dalam pilihan parti pada tahun 1990 kerana terlalu awal baginya untuk berbuat demikian. Biar bagaimanapun mereka percaya bahawa Musa pasti akan kembali ke gelanggang politik UMNO dalam tahun 1993 dan peranan Tan Sri Muhyiddin menurut firasat sebahagian besar perwakilan UMNO pula ialah membukakan jalan kepada Musa pada tahun 1990 ini supaya dengan mudah Musa boleh terus ke hadapan dan masuk ke dalam arena pada tahun 1993 nanti.

Pada saat-saat akhir kempen sebelum perwakilan membuang undi terdengar bisik-bisik bahawa Muhyiddin khasnya dan UMNO Johor amnya merupakan "Trojan Horse" kerana itu adalah tidak wajar undi diberikan kepada Muhyiddin. Begitulah sikap para perwakilan UMNO di perhimpunan yang lalu. Mereka telah menunjukkan kematangan mereka. Mereka tak mahu 'Pisang berbuah dua kali'. Mereka tidak mahu "Senjata akan memakan tuan sekali lagi". Mereka bukan tidak sukakan Tan Sri Muhyiddin tapi bagi mereka UMNO itu lebih penting lagi.

Saya tak tahu apakah bisik-bisik bahawa Muhyiddin menjadi alat Musa yang telah mempengaruhi trend pengundian? Namun biar bagaimanapun kempen seperti ini berjalan rancak dari *hotel* ke *hotel* dan dari *coffee house* ke *coffee house* dan yang peliknya ramai diantaranya orang Johor sendiri yang melakukan kerja-kerja untuk menjatuhkan Muhyiddin ke nombor lima di antara calon-calon Naib Presiden. Kenapa? Apakah Tan Sri sedar akan hal ini? Ada orang Johor saja nak ajar Menteri Besar mereka. Mereka geram dengan Tan Sri yang dianggap sebagai sudah lupa daratan, akibatnya calon-calon lain dari negeri Johor yang telah kalah dalam kerusi-kerusi Majlis Kerja Tertinggi dan jawatan-jawatan dalam Pemuda antara sebab kekalahan kerana mereka selain dari dianggap memihak pada Musa dan cuba menghapuskan Tok Mat dan Datuk Mustapha Muhammad adalah pengeseran dan pergaduhan antara RMJ yang dikepalai oleh Datuk Shahrir, yang menamakan dirinya hero RMJ ingin menuntut sesuatu dari perwakilan kerana berjaya membawa Musa dan gengnya kedalam UMNO. Perkara semacam ini juga adalah sebab-sebab mengapa calon-calon UMNO Johor mengalami kekalahan teruk, ia juga akibat dari kekalahan Tan Sri Muhyiddin tempias kepada calon-calon lain dari Johor yang turut berlumba bagi mendapatkan kerusi-kerusi MKT dan juga Exco Pemuda kerana undi 'Block voting'.

Cuba kita bertanya mengapa? Adakah perwakilan dari luar Johor sudah hilang kepercayaan atau penghormatan terhadap kepimpinan Johor?

Faktor utama adakah barisan dari Johor mantap, utuh dan bersatu padu sebagaimana perwakilan dari UMNO Melaka sedangkan UMNO Melaka cuma mempunyai 6 bahagian tapi Johor mempunyai 18 bahagian? Adakah Tan Sri Muhyiddin

menerima sokongan bulat daripada perwakilan UMNO Johor secara mutlak? Adakah Perwakilan UMNO Johor memperlihatkan kepada perwakilan negeri-negeri lain bahawa pihaknya sesungguhnya bersatu padu, mantap dan kukuh berdiri di belakang kepimpinan Tan Sri Muhyiddin? Itulah antara beberapa soalan yang terpaksa dijawab oleh Tan Sri Muhyuddin sendiri. Kalau tidak, bila lagi hendak memulihkan kerosakan yang berlaku di dalam UMNO Johor?

*Sejarah pemilihan UMNO telah membuktikan bahawa anggapan para perwakilan terhadap satu sama lain adalah faktor penting dalam pertimbangan perwakilan untuk menyokong atau tidak menyokong seseorang calon. Orang lain membuat anggapan bahawa perwakilan dari UMNO Johor tidak mantap dan utuh, sebab itu kedudukan perwakilan UMNO Johor akan menjadi lemah. Inilah antara sebab yang telah menjejaskan prestasi mereka yang bertanding.*

Dengan adanya faktor seperti itu, keupayaan untuk melakukan tawar-menawar dengan perwakilan-perwakilan lain tidak akan sekuat dan sekukuh yang diharapkan. Tan Sri Muhyiddin dalam keadaan demikian tidak dapat memberi kata putus menjamin bahawa seluruh perwakilan negeri Johor akan membantu calon lain yang perlukan sokongannya. Masing-masing pemimpin dari Johor membawa nasib sendiri, ada pemimpin yang berkerjasama dengan calon penentang semata-mata untuk memenangkan kerusinya di kerusi MKT saja.

Sebenarnya apa yang berlaku ini pernah diramalkan oleh Datuk Mohamad Rahmat sendiri. Akhbar 'Watan' bertarikh 1 Oktober 1988 melaporkan:

*MUAR: Setiausaha Agung UMNO (baru) Datuk Mohamad Rahmat berkata, tindakan bekas-bekas pemimpin UMNO boleh menimbulkan rasa benci di kalangan rakyat negeri ini terhadap pemimpin negeri sendiri.*

*Katanya, kepada WATAN selepas merasmikan majlis Semarak Kecil bahagian Batu Pahat Sabtu*

*lalu, Melayu Johor harus sedar bahawa dakyah-dakyah yang disampaikan oleh kalangan yang tidak bertanggungjawab itu sebenarnya menghasut mereka untuk melemahkan kepemimpinan Melayu sama ada di peringkat pusat mahupun negeri dan yang menjadi mangsa kelak ialah rakyat negeri ini.*

*Beliau yang juga Menteri Penerangan menambah, berikutan dakyah-dakyah yang memburukkan pemimpin Johor, rakyat Johor akan merasa benci terhadap pemimpin sendiri sementara rakyat di negeri-negeri lain menghormati pemimpin mereka.*

*Katanya, dalam pilihan raya kecil Parlimen Johor Bahru Ogos lalu, orang luar yang berkempen untuk calon Bebas mengambil kesempatan mencerca pemimpin-pemimpin Johor sehingga rakyat Johor terpengaruh.*

*Datuk Mohamed menambah, orang Melayu Johor akan merasa terhina apabila pemimpin sendiri tidak dapat mendapat penghormatan dari rakyat negeri-negeri lain kelak.*

*Menurutnya lagi, tindakan pemimpin luar memburuk-burukkan pemimpin Johor seharusnya ditentang oleh Melayu Johor kerana mencemarkan maruah kepimpinan negeri ini.*

*“Saya berasa sedih memandangkan orang Johor sendiri sanggup memandang rendah pemimpin sendiri semata-mata kerana mendengar hasutan orang luar,” ujarinya.*

*Datuk Mohamed berkata, tindakan pihak-pihak yang menentang Barisan Nasional sekarang menjadikan Johor sebagai sasaran kerana mahu memecah-belahkan perpaduan Melayu Johor supaya kekuatan Melayu Johor tidak lagi dapat dibanggakan.*

*Katanya, bila ini berlaku, Melayu Johor hanya perlu mengutuk diri sendiri kerana telah*



*membenarkan diri mereka menjadi mangsa politik beberapa bekas pemimpin dari luar.*

UMNO Johor adalah diantara negeri yang paling banyak mempunyai bahagian sepatutnya mereka dapat paling banyak undi dalam Perhimpunan Agung itu. Malah dari segi perwakilan, Johor memiliki jumlah perwakilan yang kedua besarnya di belakang Perak. Dengan jumlah perwakilan yang seramai itu sudah tentulah ia dapat memberikan kedudukan yang kuat kepada perwakilan UMNO Johor. Namun apa yang berlaku adalah sebaliknya. Kenapa?

Disamping itu juga orang ramai juga tahu bahawa di kalangan UMNO Johor, seperti juga di negeri-negeri Perak dan Pahang, bahagian-bahagian tertentu mempunyai 'taukeh' masing-masing. Mungkin orang UMNO tak sedar yang orang ramai sedar tentang 'sistem taukeh' ini. Kalau sedarpun mereka buat tak tahu dan tak peduli.

Mat Bulat Setiausaha Agung UMNO, dan Shahrir (Kunci) ialah antara tokoh-tokoh UMNO Johor yang mempunyai bahagian masing-masing. Ada dakwaan yang mengatakan bahawa mereka mengakui kepimpinan Tan Sri Muhyiddin secara "formal" sahaja. Tidak lebih dari itu.

Dengan adanya gejala-gejala seperti ini, soalnya apakah perwakilan dari bahagian-bahagian tersebut memberikan sokongan bulat dan tidak berbelah-bahagi kepada Tan Sri Muhyiddin? Atau apakah di depan Tan Sri Muhyuddin dan penyokong setia beliau, mereka pura-pura memberikan sokongan, tetapi dibelakangnya atau bila perwakilan mengundi mereka, lain pula bicaranya.

Dengan kekalahan Muhyuddin itu maka timbullah tuduh-menuduh dan saling salah menyalahkan antara bahagian-bahagian UMNO Johor terhadap kekalahan perwakilan UMNO Johor dalam pemilihan parti baru-baru ini. Masing-masing merasakan mereka sudah kena main. Sebenarnya siapa yang main siapa? Siapa lawan siapa?

Yang menjadikan peristiwa ini bertambah lucu lagi ialah adanya pihak yang menuduh PAJAR atau "Persatuan Anak-anak

Jawa Johor” memainkan peranan dalam kekalahan teruk perwakilan dari UMNO Johor itu.

Tuduhan semacam ini memang susah nak dibuktikan. Nak disangkal bulat-bulat pun tak boleh kerana orang Jawa sudah celik mata dan sudah cerdik. Ramai perwakilan yang sudah pandai bertanya buat apa selamanya mereka jadi alat pemimpin Melayu macam Musa, Shahrir, Taufik yang begitu angkuh dan sombong sedangkan undi penentu ada di tangan anak Jawa. Mereka tidak mahu diperkotak-katikan oleh beberapa orang pemimpin Melayu yang kononnya dianggap sebagai elit sedangkan ramai diantara mereka sudah seperti harimau yang tidak ada kuku lagi, tak ada taring. Ada yang macam kancil yang sudah terjatuh ke dalam perigi mencari kambing sebagai mangsa supaya dapat naik atas belakang kambing untuk keluar dari perigi.

Perkembangan-perkembangan semacam ini memanglah tidak sihat dan kalau tidak dibendung akan menimbulkan pecah-belah dan UMNO Johor akan bergolak sekali lagi. Lebih-lebih lagi bermula bulan Jun ini akan diadakan pemilihan Ketua-Ketua Cawangan dan tahun 1993 pemilihan Ketua-Ketua Bahagian pula. Apakah yang majoriti akan membiarkan diri mereka tunduk kepada yang minoriti?

Kekalahan Tan Sri Muhyiddin sebenarnya menimbulkan soalan apakah perwakilan secara tidak langsung menolak Datuk Musa dengan menolak Tan Sri Muhyiddin atau perwakilan menolak pemimpin Melayu yang menolak Mat Bulat dan Mustapha Muhamad kerana mereka berdua ini Jawa? Ahli UMNO tahu 14 dari 18 bahagian dari Johor telah pergi menghantar memorandum kepada Mahathir supaya mereka berdua ini digugurkan dari kabinet tapi satu saja yang digugurkan?

Nampaknya ada orang yang terlupa bahawa anggapan dan sentimen UMNO seluruhnya tidak sama dengan anggapan dan sentimen UMNO Johor terhadap Datuk Musa. Dan ada juga orang yang terlupa bahawa tidak semua bahagian UMNO menganggap Datuk Musa sebagai wira. Sebaliknya masih terdengar dakwaan-dakwaan yang mengatakan bahawa krisis yang melanda UMNO tempoh hari sehingga mengakibatkan UMNO (lama) terkubur sebenarnya berpunca daripada keputusan Datuk Musa meletakkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Timbalan Presiden UMNO

tapi RMJ tetap mendewa-dewakan Musa dan pemimpin pelapisnya dan ramai sudah mulai resah. Apa lagi bila terdengar desas-desus seluruh negeri bahawa Musa mahu kembali aktif dan akan menjadi Perdana Menteri.

Biar bagaimanapun hakikat ini terpaksa diakui oleh perwakilan UMNO Johor dengan hati yang terbuka bukan kerana ia benar atau tidak benar, tetapi kerana mereka sendiri membesarkan ketokohan Datuk Musa selama ini, yang sudah bersara dari politik kerana kesilapan dan dosa-dosanya sendiri tetapi masih terus didewa-dewakan juga.

Nyata bahawa Menteri Besar yang lain juga mempunyai nafsu besar untuk menaiki anak tangga UMNO. Ini jelas ditunjukkan dalam cara kempen beberapa orang Menteri Besar tertentu yang begitu "agresif" dan menonjol sehinggakan tidak mahu lagi mendengar nasihat Presiden.

Hanya amaran Presiden disaat-saat akhir sahaja yang telah membatasi kempen mereka yang begitu menonjol walaupun nasihat itu tidak dapat menyekat Menteri-menteri Besar itu daripada mengarahkan perwakilan masing-masing menyokong kuda masing-masing disebutkan telah trmakan budi.

Tan Sri Muhyiddin mesti ingat bahawa beliau tidak diberikan laluan kerana masing-masing Menteri Besar hendak mengadu nasib mereka pada tahun 1993. Untuk memberi laluan kepada seorang teman Menteri Besar bererti menjejaskan harapan mereka dalam pemilihan Naib Presiden dalam Perhimpunan Agung yang akan datang. Siapa nak jadi bodoh?

Oleh itu, tidak seorang pun Menteri Besar kali ini berjaya mengisi jawatan Naib Presiden kerana jawatan itu dicadangkan untuk menjadi rebutan antara sesama mereka pada tahun 1993 nanti. Tunggulah 'Challenger' yang akan muncul kelak. Sekiranya Muhyiddin masih memakai baju Musa, RMJ masih tetap bermusuh dengan Pajar. Cukuplah bagi Muhyiddin sekadar bertanding kerusi Majlis Kerja Tertinggi saja.



Bila orang Johor berjumpa, tajuk utama mesti Musa. Musa yang beberapa kali minta pencen pun masih dikehendaki juga. Saya bimbang akhirnya Musa akan jadi macam Tunku, atas kerusi roda masih digunakan untuk tangkal politik orang tertentu. Namun bagaimanapun Mohd Bulat tetap jadi 'lone ranger'. Dia tak bimbang, dia mempunyai ramai pengikut. Biarlah Muhyiddin dan lain-lain pemimpin Johor nak jadi anak didik Musa, jadilah..... Mat Bulat anak Jawa, sekali sudah terkena, serik sampai bila-bila. Berkawan boleh, bergurau pun boleh, tapi sekadar 'Coffee shop friend' saja.



TIDAK menang, tapi bukan kalah... mungkin itu yang sedang dibualkan oleh Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik kepada Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Wan Mokhtar, calon - calon yang gagal mencapai kemenangan sebagai Naib Presiden UMNO malam semalam.

## Muhyiddin terkilan sedikit atas kekalahan

KUALA LUMPUR 1 Dis. — Tan Sri Muhyiddin berkata, beliau merasa terkilan sedikit dengan kekalahannya kerana pada peringkat awal beliau merasa penerimaan terhadap kesediaan beliau bertanding bagi jawatan Naib Presiden agak besar.

Malangnya, pada saat - saat akhir berlaku perubahan yang mungkin berpunca daripada sebab-sebab tertentu, kata beliau.

Menurutnya, beliau tidak mahu mempersoalkan sangat perkara itu kerana ia adalah sebahagian daripada amalan demokrasi yang sihat.

"Saya akur kepada keputusan para perwakilan," jelas Tan Sri Muhyiddin.

Beliau mendapat tempat kelima dengan 582 undi.

Mengenai kecenderungan perwakilan membuat pilihan bukan mengikut negeri, beliau berkata mereka mungkin mempunyai pertimbangan sendiri.

Katanya, azam beliau sekarang ialah untuk melipatgandakan usaha memberi sumbangan kepada parti, bangsa dan negara, bukan memikirkan sama ada mahu bertanding lagi pada tahun 1993.

Menurutnya dalam politik memang ada turun naik, tetapi kekalahan itu bukan bermakna beliau terkeluar sama sekali.

"Apa yang lebih penting sekarang ialah mengutamakan perpaduan serta mengukuhkan kepimpinan parti," tegas Menteri Besar Johor itu

## ANAK DIDIK MUSA

Memang tidak dapat dinafikan bahawa diperingkat awal pencalonan, nama Muhyiddin melonjak begitu tinggi hinggakan umum mengira anak ulama Muar ini dengan mudah terpilih sebagai salah seorang Naib Presiden.

Faktor yang turut menguatkan kedudukan Muhyiddin ialah tentang timbulnya desas-desus mengatakan Muhyiddin telah menjadi pilihan Anwar Ibrahim sebagai regunya untuk pertandingan ini.

Menteri-Menteri Besar yang lain diperingkat ini masih mengambil sikap "*wait and see*". Sikap ini sejajar dengan pengalaman politik yang mereka timba selama ini iaitu sebelum sebarang keputusan dicapai maka analisis hendaklah dibuat.

Apabila saja nama Muhyiddin dikaitkan dengan team Anwar maka kebanyakan bahagian mencalonkan nama Muhyiddin sebagai calon Naib Presiden.

Nama lain-lain Menteri Besar jauh tertinggal. Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhamad Muhd Taib yang turut mengatakan hasrat untuk bertanding turut tenggelam, hanya dicalonkan oleh semua bahagian di Selangor berbanding dengan Muhyiddin yang mendapat pencalonan daripada kebanyakan bahagian diseluruh negara.

Keyakinan bahawa Anwar telah mengambil Muhyiddin sebagai regunya diperkuatakan lagi dengan pencalonan yang dibuat oleh bahagian Permatang Pauh dimana Anwar menjadi Ketua Bahagian.

Orang-orang Muhyiddin merasa yakin bahawa Muhyiddin

akan menang dengan mudah walaupun terpaksa melalui berbagai jaringan.

Beberapa hari sebelum pemilihan, orang-orang Muhyiddin cuba menepis tanggapan konon Muhyiddin berpasangan dengan Anwar. Ruhainie Ahmad, Ahli Parlimen Parit Sulong memberitahu beberapa orang rakan-rakan bahawa Muhyiddin bertanding atas tiket peribadinya dan sekaligus menafikan terdapat persefahaman dengan Menteri Kewangan itu. Penafian itu tentulah membawa erti Muhyiddin boleh menang sekalipun tanpa bantuan Anwar.

Seorang pegawai Muhyiddin, kerana terlalu yakin barangkali, berkata "*Muhyiddin sekarang mendapat undi mengatasi Anwar*". Hinggakan di coffee house di beberapa buah hotel, orang-orang Muhyiddin mengambil sikap "perlahankan jentera" kerana mendengar guruh dilangit.

Sebaik saja keputusan diumumkan, Muhyiddin terkeluar dari senarai Naib-Naib Presiden. Mengapa?

Memang banyak andaian dibuat, berbagai analisis dibuat yang mana semuanya menunjukkan bahawa Muhyiddin terlampau cepat mengumumkan kemenangan. Telur belum menetas sudah dikira anak ayamnya.

Sekiranya beliau lebih banyak bekerja daripada bercakap maka peluang dia untuk menang adalah cerah, lebih-lebih lagi kalau Muhyiddin tidak memakai baju Musa.

Seperkara yang harus difikirkan ialah kebanyakan Menteri-Menteri Besar yang mempunyai cita-cita tidak memberikan sokongan kepada Muhyiddin. Sekalipun Menteri-Menteri Besar ini menyokong Anwar dan mengundi Menteri Kewangan, ketika itu masih Menteri Pendidikan namun mereka tidak dapat memberikan undi kepada Muhyiddin. Sebabnya mudah saja. Beberapa orang Menteri Besar mempunyai cita-cita politik tersendiri. Menteri Besar Perak, Selangor dan Pahang mempunyai percaturan tersendiri. Sekiranya Muhyiddin menang maka peluang mereka untuk naik ke tangga yang atas akan tersekat. Dan ini memberi peluang kepada Anwar untuk "*mengconfirmkan*" Muhyiddin sebagai *running matenya* untuk tahun-tahun yang akan datang.

Justeru itu mereka mengambil keputusan mengalahkan Muhyiddin awal-awal lagi.

Pergerakan Pemuda UMNO pun telah "memulau" Muhyiddin. Kebanyakan calon-calon EXCO dari Johor tewas. Orang-orang Najib secara tidak langsung diarahkan supaya tidak mengundi Muhyiddin. Sebabnya ialah Najibpun turut berminat untuk bertanding jawatan Naib Presiden pada tahun 1993. Dan sekiranya Muhyiddin menang, maka sudah pasti peluang Najib untuk menjadi Naib Presiden adalah tipis. Najibpun mengharapkan bantuan Anwar untuk bertanding dalam pemilihan tahun 1993. Untuk itu Najib terpaksa menyekat kemaraan Muhyiddin.

Muhyiddin diperingkat awal tidak mengambil kira semua faktor-faktor ini. Ia merasakan peluang dia untuk menang adalah cerah berdasarkan rekod sambutan, perpaduan orang-orang Melayu Johor, kejayaan pembangunan ekonomi Johor, kemenangan calon-calon UMNO dalam pilihanraya dan sebagainya. Walau bagaimanapun Muhyiddin telahpun menyusun strategi jangka jauh dengan turut sama bertanding Naib Presiden. Dan dengan sendirinya dia merupakan salah seorang tokoh muda yang terus diberi perhatian. Samada dia muncul sebagai tokoh penting selepas Tun Hussein Onn dan Musa Hitam, hanya Tuhan saja yang Maha Mengetahui. Biar bagaimana pun Muhyiddin mesti ingat tanpa faktor Jawa segala-galanya mungkin menjadi sukar baginya.

Kepada saya selagi Muhyiddin mengamalkan permainan politik bersih, tidak terikut-ikut dengan rentak politik kotor maka dia mampu menjadi tokoh penting suatu masa nanti.

Dan perkara yang lebih penting ialah Muhyiddin hendaklah menanggalkan semua sentimen terhadap Musa. Muhyiddin tidak perlu duduk dibawah bayangan Musa. Dan Muhyiddin haruslah berani membuat keputusan sendiri dan tidak terikat dengan kehendak orang-orang Musa.

Selagi bayangan ini masih ada pada Muhyiddin maka selagi itulah kaki Muhyiddin akan terikat dari dapat bergerak dengan lebih jauh.

Sewaktu saya menjelajah ke beberapa kawasan saya dapati orang-orang Johor sudah menerima realiti bahawa kereer politik



Musa sudah tamat dengan kemasukannya kedalam UMNO. Orang-orang yang tidak senang dengan UMNO melihat sebagai permainan politik oleh orang-orang yang kecewa. Mereka menganggap Musa sebagai oportunis. Ahli-ahli UMNO sendiri terutama mereka yang pro Tok Mat dan Mustapha Muhamad tidak mudah tunduk kepada pengaruh Musa. Ahli-ahli PAJAR sendiri sudah menyedari permainan politik Musa dan mereka kini mahu menonjolkan anak-anak Jawa yang berpotensi sebagai barisan pelapis yang bakal menerajui negara ini di masa yang akan datang.

Saya fikir Musa sudahpun menerima hakikat hidup bahawa *sepandai-pandai tupai melompat akhirnya jatuh jua ke tanah*. Malangnya Musa bukan saja jatuh ditimpa tangga, ia sudahpun dipatuk dek ayam-ayam. Rakan-rakan yang dulunya setia dengannya sudah membawa diri dan menyertai kem-kem lain yang dianggap lebih berpengaruh. Contohnya Ruhainie Ahmad atau Ron sudahpun berpihak kepada kem lain. Begitu juga dengan sebahagian besar Ketua-Ketua Bahagian di Johor yang pro Musa selama ini, akibat terpengaruh dengan politik sesumpah yang boleh bertukar warna pada bila-bila masa.

Dengan perkembangan ini pengaruh Musa di Johor sudahpun berkurangan. Kalau dulu Musa dianggap 'godfather' sekarang orang sudah berani menolak Musa sebagai satu 'faktor'. Musa sekarang sudah tak ubah seperti tunggul kayu yang bila sudah reput, anai-anai pun berani menjadikan sarang, melainkan mereka yang memang berjiwa penakut. Tunggul disangkanya hantu.

# MUSA SUKA DOLAK-DALIK -Othman Abdul

20-10-88

Oleh: DAUD HAJI IBRAHIM

KUALA LUMPUR: Bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam disifatkan sebagai seorang pemimpin yang suka berdolak dalik.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Othman Abdul berkata, suatu ketika dahulu bila beliau mendedahkan niat sebenar Datuk Musa, bekas Timbalan Perdana Menteri itu menafikan bahawa permintannya tidak dituruti oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Sekarang, tambah Othman lagi, Datuk Musa mengakui kebenaran itu dalam satu ucapannya ketika berkempen di Parit Raja yang mengatakan Dr Mahathir tidak mahu menerima saranannya.

WATAN Bil. 328, Sabtu 25 Jun 1988 di muka hadapan melaporkan kenyataan Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Othman Abdul mengenai niat sebenar Datuk Musa Hitam yang keluar daripada UMNO (baru) setelah meletakkan jawatan sebagai Ketua Penaja di Bahagian Segamat.

Berikutan kenyataan itu, Datuk Musa yang juga Ahli Parlimen Kota Tinggi menafikan tuduhan Othman Abdul itu dan disiarkan dalam WATAN Bil. 330 Khamis, 30 Jun di muka surat 32.

Datuk Musa menyifatkan kenyataan Othman Abdul mengenai permintannya yang tidak dilayani oleh Datuk Seri Dr Mahathir sebagai satu pembohongan besar.

Bekas Timbalan Perdana Menteri itu menyifatkan kenyataan itu dibuat oleh tukang-tukang sorak yang tidak perlu dijawab olehnya.

Sehubungan dengan itu, beliau juga menafikan telah mengenakan syarat-syarat tertentu kepada Perdana Menteri untuk beliau menyertai UMNO (baru).

"Saya seorang yang berprinsip dalam politik dan tidak perlu untuk saya meminta sesuatu," kata Datuk Musa Hitam kepada wakil WATAN.

Datuk Musa membuat pengumuman rasmi tidak menyertai UMNO (baru) di Segamat pada 2 Jun dalam satu perjumpaan Hari Raya.

Di Parit Raja, Datuk Musa ketika berucap di hadapan penyokong-penyokongnya baru-baru ini berkata, Dr Mahathir enggan menerima saranan beliau dan secara tidak langsung mengesahkan beliau

menggunakan syarat-syarat kepada Perdana Menteri tetapi tidak dipenuhi.

Othman Abdul yang juga Ahli Parlimen Pendang ketika ditemui berkata, "Inilah sebenarnya Datuk Musa Hitam. Bulan Jun beliau berkata saya sebagai tukang sorak dan berbohong kerana mendedahkan niat sebenarnya tiba-tiba belum sampai empat bulan telah mengesahkan beliau ada menemui Perdana Menteri dengan mengenakan syarat-syarat."

"Saya sifatkan beliau sebagai pemimpin yang mempunyai lidah bercabang dan tidak malu-malu berbohong walau dengan sesiapa sekalipun," tambah Setiausaha Parlimen ini lagi.

Serentak dengan itu, Othman berharap rakyat berwaspada dengan tindak-tanduk Datuk Musa Hitam dan kuncu-kuncunya yang sedang menjalankan satu 'operasi membohong' rakyat secara besar-besaran.

# AKHBAR DINAMIK **WATIAN**®

BIL: 601 PP 45/3/90 SABTU 31 MAC 1990 4 RAMADAN 1410

## **UMNO 'JILAT' TUDUHAN MUSA**



**KUALA LUMPUR:** Pemimpin UMNO terpaksa "menjilat" semua kata-kata kesat dan tuduhan yang pernah dilemparkan kepada Datuk Musa Hitam sekiranya mereka menyokong pencalonan Datuk Musa untuk jawatan naib-presiden UMNO.

Ketua Penerangan Semangat 46 Datuk Zainal Abidin Zin berkata, sebelum ini ramai pemimpin UMNO dan semua peringkat telah mengutuk Datuk Musa dengan membuat pelbagai panggilan dan gelaran kepada tokoh itu sewaktu berada di luar UMNO.

Datuk Musa katanya, pernah digelar sebagai "budak jahat dalam UMNO, pengkhianat ekonomi, pemimpin yang merosakkan negara," dan pelbagai lagi kata-kata kesat yang memalukan sejarah keompinan UMNO.

"Kami lah orang yang mempertahankan Datuk Musa sama ada di dalam atau di luar Parlimen ketika itu. Tetapi akhirnya kami menjadi mangsa kutukan."

"Tetapi sekarang nampaknya orang UMNO mula memuji keinginan Musa untuk bertanding jawatan naib presiden dalam pemilihan Majlis Tertinggi parti itu akhir tahun ini," katanya.

## **FAKTOR JAWA DALAM POLITIK JOHOR IKAN KECIL MAKAN IKAN BESAR**

Sewaktu saya sedang minum di cafe de Paris Komplek Tun Razak, Johor Bahru seorang pemuda dari Sabah menegur saya, katanya dia peminat saya, dia sudah membaca hampir semua buku saya termasuk **Talqin Untuk UMNO**. Sesudah memperkenalkan diri dan kawan sebelahnya dia memulakan pertanyaan.

“Apa pendapat saudara mengenai Parit Raja?”  
Saya senyum tengok dia, dia meneruskan.

“Bagaimana, ada peluang Barisan Nasional boleh menang?”

“Apalah awak hendak fikirkan sangat tentang Parit Raja? Kalau mahkota atau Istana Raja yang dipertandingkan risau juga kita. Ini cuma Parit Raja saja yang nak direbutkan. Relexlah.”

Dia tersenyum, dia tahu apa yang saya maksudkan.

“Saudara fikir bebas boleh menang lagi?”

“Zaman ikan kecil makan ikan besar, susah kita nak buat ramalan terutama kerana fikiran orang ramai kini tidak menentu.”

Dia tersenyum.

“Kenapa saudara bercakap macam itu?”

Kerana ‘politik piranha’ sudah bermula. Ikan pirana boleh makan seekor lembu didalam sungai dalam masa kurang dari satu jam yang tinggal rangka saja.

“Kalau begitu nampaknya kita sekarang berada ditahap yang bahaya.”

“Benar, itulah sebabnya banyak negara mengharamkan rakyatnya

memelihara ikan pirana. Walaupun hanya seekor didalam akuarium dirumah. Apa lagi di parit atau di sungai.”

“Saudara ini cakap pasal ikan ke cakap politik? Atau cakap politik dalam politik?”

“Terserah ikut pengamatan saudara, piranha biar pun tubuhnya kecil tetapi giginya besar keras dan tajam, lebih merbahaya dari jerung. Jika semangat piranha ini termasuk dalam tubuh orang politik tak lama lagi kita akan jadi macam Filipina, Iran atau Burma. Rakyat saja seronok nak jatuhkan kerajaan.”

“Sepatutnya di Parit Raja ini anak tempatan boleh menang kerana tempat ini pengundinya 90 peratus Melayu.” Dia mengalihkan perbualan. Tak suka cakap politik tinggi.

“Undi Melayu minority, saudara tersilap agaknya?”

“Maksud saudara meajority undi Cina?”

“Bukan. Undi Jawa, bukan Melayu, bukan Cina.”

“Melayu dan jawa itukan sama saja.”

“Itu dinegeri lain, bukan di Johor, Johor lain sikit sentimen kesukuannya kuat. Saudara tak percaya?”

Dia nampaknya tak percaya.

“Saudara tahu Datuk Mohamad Rahmat itu dari suku jawa sebab itu golongan Musa dan Shahrir tidak senang dengan dia, saya kenal Tok Mat. Dia menjadi Ketua pengawas saya masa kami di ‘English College’ dulu. Dia murid yang pintar. Seorang Ahli olah raga, disebabkan dia anak jawa, dia tak dapat biasiswa negeri Johor..

Tahun lima puluhan dulu, anak-anak Jawa susah nak dapat biasiswa. Biasiswa Johor untuk golongan elite Melayu saja, sebab itu Tok Mat pergi belajar di Indonesia.

“Macam itu sekali ke sentimen perkauman di Johor?”

“Awak cuba beri tahu saya mana ada negeri lain yang ada kubur

dagang? Orang dagang, dikebumikan berasingan dengan penduduk tempatan? Di Johor Bahru ada dua perkuburan, satu di Mahmudiah untuk orang Johor saja. Itu pun ada tempat khas untuk Raja-Raja dan kerabat mereka, Datuk-Datuk dan Pembesar serta kerabat mereka saja.

“Dulu orang Melayu bukan saja rapat dengan istana, mereka rapat juga dengan Inggeris kerana hubungan raja-raja Johor dengan Great Britain rapat dan pengaruh barat kuat di Johor. Hingga sekarang ada anak Johor yang sentiasa bangga dengan *The Great Johor*. Padahal itu cuma satu nostalgia.

Melayu lain terdiri dari keturunan Arab yang berkahwin dengan keluarga diraja. Arab keturunan Hadaramaut yang terdiri dari Syed-Syed ini dilantik jadi kadi, mufti dan imam. Di samping itu ada juga Arab Yeman dan Arab Sengkek yang berniaga sambil menjaja ‘celak kain celak kain’ dari rumah ke rumah yang menjadi bahan tertawa suku Melayu. Akhirnya arab-arab sengkek ini bila kahwin dengan perempuan Melayu anak mereka jadi Arab celup.

Jawa pula ada dua jenis, yang biasa disebut jawa totok dan jawa kontrak. Kerja wak-wak jawa kontrak ini jadi kuli diladang, jadi tukang kebun, yang satu lagi jual satay, soto, tempe, jual ubi, tapai ubi atau berkerja buruh mandor di P.W.D. di T.C.J.B. India pun ada kelas, yang dari ceylon lain, yang kristian lain dan yang parya lain lagi. Suku kaka dan mamak tidak begitu disenangi kerana mereka menguasai kedai-kedai runcit dapat duit bawa balik India, apa lagi kalau namanya dari bin jadi A/L.

Orang Jawa dan lain bangsa yang datang ke Johor ini asalnya susah-susah belaka, maklumlah orang dagang merantau kenegeri orang. Cakap Melayu bukan betul sangat sama ada suku Jawa, Arab, Mamak, India atau Cinanya sentiasa jadi ejekan dan hiburan segolongan anak Melayu yang untuk menghina mereka. Ada anak-anak Melayu dari golongan elite ini setengahnya saja diajar supaya pandang rendah pada orang Arab, diusiknya anak-anak Arab “Arab dogol minyak sapi, tumpah sikit banyak rugi kerana sifat orang-orang yang terlalu cermat.” Kalau Jawa pula digelar Wak sontolayo, Wak kang dan macam-macam lagi gelaran yang menghina. Dapatkah perasaan prajudis ini dipisahkan dari mereka yang memang tidak senang dengan orang yang mereka saja tak suka?

Suku Melayu hidupnya mewah, mereka berkerja dengan kerajaan ada kedudukan dan siapa tak tahu ego dan suka berlagak dan bermewah segolongan orang Johor. Biar papa asal bergaya, sebab itu cukup bulan ramai pegawai kerajaan yang sembunyi takut dengan ceti. Bila pencen Tuhan saja yang tahu hidup mereka dan anak-anak yang sudah biasa dimewahkan dan lupa daratan.

Orang Melayu kebanyakan tinggal di rumah-rumah kerajaan dan rumah sendiri. Mereka hidup penuh bergaya terikut-ikut dengan kemajuan Singapura dan keluarga elite yang berkiblat ke England dan Eropah. Gaya hidup pun seperti orang barat. Inilah penyakit 'kebaratan' atau 'Euromenia' penyakit yang merasakan diri mereka lebih mulia dari orang lain.

Keturunan mereka yang sudah biasa pandang rendah dan prajudis pada kaum mendatang seperti suku Jawa, India, Arab dan mamak tiba-tiba heran. Kenapa tiba-tiba anak-anak orang mendatang ini sudah mempunyai kedudukan yang lebih tinggi dari mereka selepas merdeka? Sedarkah siapa mereka ini dulunya? Tidak heranlah kini timbul perasaan kurang senang dan iri hati Musa dan gengnya bila seorang lagi anak Jawa akan menguasai politik negara, di Parit Jawa akan timbul Yasin Kemari, Setiausaha Politik Dr. Mahathir yang bertugas di Kementerian Kehakiman akan menjadi sasaran selepas Haji Masood di Johor Bahru.

UMNO dilahirkan di Johor oleh golongan elite Melayu Setiausaha Agung yang baru, Anak Jawa yang berapa kali ditekan timbul juga, dicantas dan dicuba bunuh oleh Datuk Musa Hitam. Tok Mat terus hidup juga dan jadi tambah popular. Berkat perangai Jawa yang sentiasa taat setia pada pemimpin dan negara yang menjadi darah daging suku Jawa. Anak Pak Rahmat ini terus dipercayai dan disayangi oleh DYMM Yang DiPertuan Agung dan Perdana Menteri. Musa makin hari makin tersisih dan golongan desperado.

Musa Hitam lupa bahawa orang Jawalah yang beri dia peluang dalam politik. Siapa lagi kalau bukan Allahyarham Tun Sardon Jubir yang bawa dia naik hingga jadi menteri. Hari ini semua orang buat-buat lupa pada Allahyarham Tun Sardon, nama beliau tercicir dari senarai 46, anak Jawa yang dimatikan keriemya kerana dia suku Jawa.

Mereka lupa bahawa di Indonesia kalau bukan suku Jawa jangan mimpi boleh jadi Presiden Indonesia.

Presiden, Timbalan Presiden dan jawatan penting dalam UMNO baru bukan lagi dari golongan elite Melayu bukan lagi dari golongan Istana seperti dulu. Mana nak rasa seronok. Inilah sentimen dan masalah personal yang kecoh dan keruhkan politik Johor dan semangat 46 yang sebenarnya.

Kita pun tidak boleh marah pengundi di Parit Raja, kalau mereka tak terima Tok Mat dan Mustapha Muhamad, biarpun kedua menteri ini sama-sama J.P macam kebanyakan pengundi disana. Kalau tidak dahan yang digunakan untuk menebang pohon apa lagi? Bukankah burung juga yang digunakan untuk menangkap burung? Ada puak akan gunakan keikhlasan kejujuran dan kesetian suku Jawa untuk jatuhkan anak-anak Jawa yang akan memimpin Malaysia satu hari nanti.

Maklum saja kadang-kadang anak orang susah ini bila sudah jadi pegawai tinggi atau wakil rakyat, malu nak mengaku asal usul apa lagi kalau sudah pandai makan steak, potato chips, pizza. Lupa masa kecil dulu pergi sekolah bawak bekal ubi rebus, keledak rebus, nasi sejuk dalam upeh, dalam daun pisang, jalan kaki atau tumpang dibelakang basikal yang di naiki dua tiga orang. Inilah silap satu dua orang anak Jawa yang tak sedarkan diri sanggup digunakan untuk rosakkan suku sendiri.

Sekarang sudah ada business besar, ada Volvo, BMW atau Mercedes, tak tahu berapa lama boleh berlagak namun sana sini cakap tentang politik Jawa mainkan sentimen Jawa di Parit Raja. Dulu siapa yang sisihkan Jawa dari politik Johor?

Mari kita cari kesalahan Dr. Mahathir untuk buka mata J.P.J.P di Parit Raja. Kita bandingkan dengan mereka yang nak merebut kerusi Perdana Menteri kita. Mahathir dah beri peluang pada Melayu macam Musa, macam Shahrir tengoklah apa jadi. Sekarang bila beri peluang pada anak Jawa marah, menderhaka jadi bebas.

Mahathir tak minum arak, tak berjudi, tak pergi kelab-kelab malam, tak bawa perempuan sana-sini, tak rosakkan anak isteri orang, tak tukar-tukar girl friend Cina Melayu. Sana sini Mahathir usung Kak Asmah tulah. Mahathir tak main golf, hidupnya berkerja. Cari pelaburan tukarkan Malaysia jadi negara perindustrian, tinggikan image Malaysia di dunia, dalam sibuk semangat 46 buat kacau untuk huru hara dan rosakan negara dan racun fikiran rakyat.



Pegawai kerajaan tak seronok bukan kerana Dr. Mahathir tak bagus tetapi mereka pukul lapan kena masuk kerja, kena punch card, tak boleh hisap rokok, mesti kerja lapan jam atau lebih ini merosakkan rythem mereka. Mereka biasa kerja dua tiga jam sehari yang lain ponteng, relax atau buat kerja-kerja sendiri tidak endahkan rakyat.

Apa juga suku kaum kita, kita adalah makhluk Allah yang bernama manusia dan Islam adalah agama kita.

Orang Islam tak patut jadi robot ikut bencikan pemimpin dan kerajaan kerana hasutan. Berfikir, pakailah akal fikiran yang waras. Allah bezakan kita dengan haiwan kerana kita beriman dan boleh berfikir. Kalau tidak orang putih tak kata '*Dog is men's best friend*'. Kafir lebih menghormati anjing dari manusia sebab itu saya gunakan peribahasa Inggeris. Kejar anjing jangan keterlaluan, bila anjing tak boleh lari lagi anda jadi mangsa terjahan yang tak sengaja.

Manusia boleh jadi lebih mulia dari malaikat sekiranya dapat mengawal nafsu.

Tidak ada bangsa yang lebih mulia dari bangsa yang lain. Kalau setiap kaum mahu nabinya sendiri berapa banyak nabi didunia ini nanti jadilah kita macam kaum kadini mengaku diri Islam tapi akidah dan nabinya tidak sama. Inilah akibat anti establishment.

Orang Cina terima Gautama Buddha kerana ilmu yang dibawa untuk kebaikan manusia, padahal Gautama anak raja India hampir seluruh umat di serata benua terima Nabi Isa a.s. sebagai nabi mereka sedangkan Nabi Isa seorang Yahudi.

Satu pertiga penduduk dunia menerima Muhamad S.A.W sebagai Nabi dan Rasul, tak siapa pun mempersoalkan asal keturunannya macam golongan yang menentang Mohd Rahmat dan Mahathir. Kenapalah pemimpin UMNO Haram ini fikiran mereka tambah hari tambah sempit.

Kalau orang Kelantan mahu Presiden UMNO dari Kelantan, orang Johor dari Johor, sampai bila pun masalah orang Melayu tak akan selesai. Akhimya kita tenggelam dalam 'politik piranha' dimana ikan besar menjadi makanan ikan kecil.

Menentang Mahathir kerana mahukan kerusi Perdana Menteri hanya akan memuaskan nafsu rakus dua tiga orang pemimpin desperado yang gila kuasa dan telah menjadi kuda tonggangan ahli perniagaan politik yang mahu jadikan rakyat negeri ini budak suruhan mereka yang terlupa diri seperti yang diceritakan oleh Jalal Al-e Ahmad penulis dari Iran yang karyanya dibaca oleh para intelektual dari orang-orang kiri yang berpendidikan barat hingga ke kaum talabeh tua dari Oam.

Al-e Ahmad membandingkan bangsa Iran dengan burung gagak dalam kisah Sufi, karya Jalaluddin Rumi dimana burung gagak melihat seekor ayam hutan berjalan-jalan. Gagak tersebut kagum keindahan ayam hutan itu berjalan dia pun meniru. Kerana terlalu lama meniru gaya ayam hutan berjalan gagak lupa bagaimana gagak berjalan dengan sebenarnya, namun tidak pula berjalan dengan betul seperti ayam hutan.

Entah berapa lama lagi orang Johor yang sudah mencuba untuk menjadi ayam hutan akan tersedar perbezaan yang mana ayam hutan yang mana gagak.

Maka kenallah diri kamu rata-rata sebelum kenal Tuhan yang nyata.

HALLO... KAMI  
BERSETUJU MENERIMA  
SEMUA ORANG MELAYU  
MENYERTAI UMNO  
(BARU)!

MAAK...!!  
INGAT TADI  
PERANGKAP  
SAMAR!

((( EHH... ABANG MUS KAN ADA NI? )))


KEPUTUSAN  
MANTIS  
UMNO (BARU)  
TERTINGGI

88-10-00

15-10-88

LIMA CALON BEBAS TIDAK BERKEMPEN

TIDAK diketahui dengan jelas apakah memberi tash kepada Duta Shahrir di tujuan sebenar mereka bertanding Johor Bahru. apabila tidak diketahui...



2 Oktober 1988

## SOPAN-SANTUN DI PARIT RAJA

MINGGU depan penamaan calon bagi kawasan Parit Raja akan diadakan bagi membolehkan para penduduk di kawasan itu menentukan wakil baru mereka.

Lazimnya kempen politik di dalam sesuatu pilihanraya kecil tidaklah hebat dan mengemparkan. Sebabnya parti-parti pembangkang menyedari peluang untuk menang adalah tipis. Buat apa menyertai pilihanraya sekadar mahu 'menghentam' kerajaan tetapi kempen-kempen mereka tak menghasilkan sesuatu.

Kesedaran begini membuatkan jarang sekali pilihanraya kecil menjadi menarik dan diperhatikan. Tetapi agak berlainan dengan pilihanraya kecil Parit Raja - sebuah kawasan yang didiami oleh 81 peratus orang-orang Melayu yang berpendapatan kalau pun tak rendah, agak sederhana. Kehidupan mereka tidak sesibuk Johor Bahru ataupun Kuala Lumpur.

Kerana latar belakang beginilah adalah wajar jika pihak-pihak yang terlibat di dalam kempen mengempen ini menggunakan sedikit kecerdikan untuk membuat pertimbangan.

Begini, buat apa menyusahkan orang-orang kampung di kawasan itu, semata-mata mahu menghantar protes kepada perdana menteri. Kerana kemenangan calon Bebas atau Barisan Nasional tidak mempunyai erti yang besar. Kemenangan itu setakat menaikkan lagi ego kumpulan yang menang.

Kami mengira ada baik jika pilihanraya di kawasan Parit Raja berjalan di dalam suasana aman damai serta penuh dengan semangat kekeluargaan. Amalkan semangat muafakat di dalam menentukan seseorang wakil. Jauhkan diri dari dipengaruhi emosi atau semangat kedaerahan. Kepada tukang-tukang kempen, janganlah bakar semangat rakyat sehingga perasaan mereka di luar kawalan.

Berpada-pada di dalam tindak-tanduk anda semua supaya kita tak jadi macam kata pepatah menang jadi abu, kalah jadi arang.

9 Oktober 1988

## PERTEMUAN DI PARIT RAJA

PILIHANRAYA kecil memang selalunya hangat dan mendebarkan, tetapi ada beberapa faktor yang akan menjadikan pilihanraya kecil bagi Dewan Undangan Negeri Parit Raja lebih hebat dari pilihanraya-pilihanraya kecil sebelumnya.

Apa yang terjadi di Parit Raja adalah lanjutan dari kehangatan sebelumnya dalam pilihanraya kecil Dewan Negeri Tanjung Puteri, awal tahun dan pilihanraya kecil Parlimen Johor Bahru, bulan Ogos lalu.

Kedua pilihanraya kecil di Johor ini terjadi di tengah-tengah kekecohan yang menimpa UMNO dan hasilnya menunjukkan rakyat tidak lagi bulat menyokong calon kerajaan.

Bagi kawasan Tanjung Puteri umpamanya, walaupun calon Barisan Nasional menang, kelebihan undi yang diperolehi adalah amat kecil - hanya 31 - sedangkan di Johor Bahru bulan Ogos lalu rakyat terang-terang berpihak kepada calon Bebas, Datuk Shahrir Samad.

Tumpuan untuk pilihanraya kecil Parit Raja ini adalah juga antara calon Bebas, Encik Hamdan Yahya dengan calon Barisan Nasional, Encik Yassin Kamari.

Ini lebih merupakan pertarungan untuk menentukan siapa lebih kuat; UMNO (baru) yang diwakili oleh calon Barisan Nasional atau pejuang-pejuang semangat '46 yang diwakili oleh calon Bebas.

Ramai yang mengandaikan semangat '46 tidak mudah untuk dimatikan di Johor, negeri kelahiran UMNO. Pengundi Johor dikatakan lebih berpihak kepada usaha untuk menghidupkan UMNO asal.

Hal ini dengan sendirinya akan menjadikan pilihanraya kecil Parit Raja satu yang menarik, lebih-lebih lagi setelah kemenangan calon Bebas di Johor Bahru tidak lama dulu.

Apa yang diharapkan dari kehebatan ini hanyalah satu: janganlah berkempen terlalu panas hingga boleh menimbulkan rasa kurang senang dan kemudian menyebabkan perpecahan yang lebih parah sesama kita. Berkempenlah dengan fikiran, bukan dengan perasaan.

# KERJASAMA KU LI MUSA TAK KE MANA - Mustapha Yaacob

22-10-88

Oleh: MOHD: SHAH ABDULLAH

KUALA LUMPUR: Ketua Penerangan Pergerakan Pemuda UMNO (baru) Wilayah Persekutuan, Haji Mustapha Yaacob menyifatkan Datuk Musa Hitam tidak dapat menunjukkan kesetiaan kepada Tengku Razaleigh walaupun kini telah bergabung bersama tokoh berkenaan.

"Selama-lamanya Datuk Musa tidak akan merelakan Tengku Razaleigh berada di bawahnya, begitu juga sebaliknya Tengku Razaleigh," ujar Haji Mustapha.

Menurut Haji Mustapha, beliau sama sekali tidak berhasrat melaga-lagakan kedua-dua pemimpin berkenaan, tetapi hakikat bahawa kedua-dua pemimpin itu tidak boleh bersama dalam satu wadah perjuangan tidak boleh dinafikan.

Beliau menyorot sejarah pertandingan kedua-dua tokoh itu ketika dalam UMNO. Datuk Musa, kata Haji Mustapha cuba menyekat pengaruh Tengku Razaleigh dengan meletakkan tokoh itu bertanding melawan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Haji Mustapha juga menegaskan peristiwa pilihanraya kecil Parlimen Johor Bahru, Datuk Musa hanya berkempen melalui video sahaja, sementara Tengku Razaleigh bertungkus-lumus membantu Datuk Shahrir Abdul Samad.



HAJI MUSTAPHA YAACOB

"Baru sekaranglah Datuk Musa berkempen 'all-out' di Parit Raja setelah beliau mengambil sikap terlalu berhati-hati sebelum ini," katanya.

## MENGAMUK DAN MELATAH DI DALAM PERKAMPUNGAN POLITIK.

Para peminat politik tentunya merasa hairan kenapa akhir-akhir ini penulis politik, orang-orang yang tidak sepatutnya berpolitik, tidak patut juga bergiat seperti orang-orang politik, orang-orang kebudayaan, atau orang-orang yang berasa dia orang kebudayaan walaupun kebudayaan baginya tari menari dan yang seumpamanya sahaja, orang yang mempunyai kemahiran tertentu atau selalu dikatakan para profesional, ahli perniagaan terutama mereka yang sudah bengkrup dan hampir bangkurap, kakitangan dan para pegawai kerajaan, mereka yang arif dan maha arif, mereka yang kononnya cendikiawan, mula menilai mutu, sifat-sifat, dan stail serta gaya Dr. Mahathir.

Mereka banyak bercakap tentang kepimpinan dan keperibadian Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir. Mereka mempersoalkan pelbagai hal, termasuk keturunannya. Anehnya mereka tidak mempersoalkan keperibadian dan sifat-sifat dan stail Tengku Razaleigh Hamzah, Datuk Musa Hitam, Datuk Shahrir dan lain-lain pemimpin yang seumpamanya.

Seorang menteri dari Jepun akan meletakkan jawatan sekiranya kredibilitinya mulai meluntur disebabkan skandal, korupsi, jenayah atau perbuatannya terutama dari segi keperibadian yang boleh memberi kesan buruk pada kepimpinannya atau kepada teman-teman seperjuangannya. Tetapi amat menghairankan dinegara kita, seorang pemimpin yang sudah jelas terlibat dengan penipuan, jenayah, membelanjakan wang rakyat dengan sesuka hati untuk memuaskan diri sendiri, bermewah-mewah membazirkan wang rakyat untuk kepentingan pribadi seperti yang dilakukan oleh Tengku Razaleigh masih menjadi "pemimpin". Musa Hitam yang memburuk-burukkan imej negara di Hong Kong dengan menakut-nakutkan para pelabur dari luar, kenapa masih

dibiarkan bebas? Orang-orang begini sepatutnya dimasukkan kedalam jel tetapi mereka bukan saja masih terus disimpan menjadi wakil rakyat tetapi disokong beramai-ramai dan dijadikan hero oleh pengikut mereka. Dan mereka masih mengatakan negara ini tidak demokratik.

Dalam waktu yang sama disana-sini kita mendengar orang ramai terjerit-jerit supaya pemimpin semangat 46 dan pemimpin UMNO disatukan.

Orang Melayu yang cintakan bangsanya bimbang tentang parti UMNO, pertubuhan terbesar orang Melayu telah mati dan dihidupkan semula, namun masih terus dikutuk dan dipersoalkan oleh puak-puak yang sengaja mahu bermusuhan dengan UMNO yang telah diterima oleh pendaftaran pertubuhan, sedangkan perjuangan mereka tanpa parti tanpa landasan dan tidak menentu arah tujuan.

Berfikirlah bagaimana hendak menamatkan persengketaan, bagaimana kita dapat memberhentikan perpecahan antara penulis dengan penulis, orang profesional dengan orang profesional Melayu. Ini adalah kerja yang baik kerana ia perlu dilakukan walaupun dengan cara paksaan sekalipun demi untuk menyelamatkan 13 juta rakyat yang tidak bergiat dalam politik tetapi telah merasakan kesan buruk dari tingkah laku dan permainan sejumlah kecil pemimpin politik Melayu. UMNO yang ditubuhkan pada tahun 1946 sudah dimatikan oleh pendaftar pertubuhan dan mahkamah juga telah menjatuhkan hukuman yang sama. Siapa lagi kalau bukan kumpulan mereka yang bergelar geng 11 yang telah membuat angkara? Dan saya sudah pun membacakan 'Talkin Untuk UMNO' yang dihidupkan pada tahun 1946 yang perlembagaan asalnya tidak tahu dimana adanya.

Sepatutnya pemimpin yang nampaknya rajin beribadat disana sini menyebut nama Allah bertindak dan melakukan apa yang sesuatu kerana Allah menghapuskan perasaan dendam, marah yang ada didalam diri, membersihkan kejahatan dan kemungkaran dalam diri sendiri sebelum membuat permusuhan dengan para pemimpin yang tidak disenangi kerana masalah peribadi.



Kita tahu ramai yang berkata dan bersetuju bahawa politik itu kotor. Kalau mereka terpaksa hancurkan orang yang mereka fikir sebagai penghalang, mereka akan hancurkan, hancurkan kerajaan pun mereka akan lakukan, yang penting mereka dapat berkuasa kembali dan segala dosa-dosa mereka kepada bangsa boleh ditutup kerana itulah sebahagian dari kerja orang politik yang jahat dan kotor. Dr. Mahathir berkuasa, dia boleh gunakan ISA untuk menangkap pemimpin yang banyak buat kacau dan menyusahkan rakyat dan tidak mahu bermusyawarah. Nampaknya Mahathir akan memukul ular dan ular akan mati tetapi tongkatnya tidak akan patah.

Seseorang yang menyedari bahawa Tuhan mendengar apa yang mereka katakan, mereka tentunya akan berhati-hati bila mereka mahu bercakap, tetapi dengan jelas kita lihat puak dari semangat 46 terus menyerang dan memburuk-burukkan para pemimpin didalam kerajaan. Tidak cukup mereka bunuh UMNO di mahkamah, sekarang nak bawa pedang nak pancung UMNO di Parlimen pula.

Kita tahu mereka marah kerana mereka tersingkir. Mereka lupa masa mereka berjaya dulu, mereka berkata bahawa mereka berjaya kerana Allah bukan Mahathir yang beri peluang mereka jadi menteri. Ku Li dua kali kalah, dua kali Mahathir lantik jadikan Menteri yang penting, kata mereka berpegang pada Demokrasi ala barat. Orang Amerika dan Britain terima kekalahan parti politik yang mereka anuti tanpa menyerang parti yang menang seperti bandit.

Sekiranya mereka ikut cara Islam bila gagal mereka sedar bahawa manusia tiada daya dan upaya melainkan dengan kehendak Allah SWT. Tetapi bila bertanding Presiden kalah, beliau tak mahu terima kekalahan, Rais yang sudah bakar jambatan buat apa bising-bising, berenang sajalah kenapa marah itu dialihkan pada Dr. Mahathir? Sayang seribu kali sayang perasaan rela dan sedia menerima kehendak Allah bertukar menjadi perasaan hasad dan dengki serta marah yang berapi-api dan jadikan diri seperti orang yang amok.

Sekarang pintu UMNO sudah dibuka seluas-luasnya. Bila lagi para cendikiawan dan pemimpin Islam mahu menasihati dan memujuk mereka yang tidak mahu masuk,

supaya masuk dan bermusyawarah untuk menamatkan persengketaan disekeliling kita. Tetapi manusia yang lupa diri tidak akan ingat semua itu. Dalam surat khabar dibuat kenyataan yang mereka kurang yakin dengan tawaran yang dibuat oleh Dr. Mahathir. Manusia dipegang katanya, kerbau dipegang talinya.

*Maka disebabkan rahmat dari Allah-lah kamu berlaku lemah lembut terhadap mereka. Sekiranya kamu bersikap keras lagi berhati keras, tentulah mereka menjauhkan diri dari sekelilingmu. Kerana itu maafkanlah mereka, mohonkanlah ampun bagi mereka, dan bermusyawaratlah dengan mereka dalam urusan itu. Kemudian apabila kamu telah membulatkan tekad, maka bertawakallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertawakal kepadanya.*

(Quran, 3:159)

Anehnya, setengah kalangan kita yang mendakwa mempunyai niat baik untuk bangsa dan rakyat melaksanakan politik berkomplot dengan alasan cara berkomplot ini boleh membawa kejayaan kepada bangsa. Kerja adakan komplot-komplot macam ini bukan satu perkara baru. Ia telah diamalkan oleh puak musuh dan puak opoturnis zaman-berzaman. Kerja komplot-komplot ini akan merugikan bangsa. Apakah kita dulu berkomplot masa mahu merebut kemerdekaan? Seperti komplot Musa dan komplot Ku Li. Kalau komplot Ku Li dan Musa benar-benar mahukan perpaduan dan kemajuan untuk bangsa Melayu, mereka patut isytiharkan kepada rakyat mereka bersedia berunding dengan Mahathir dan Ghafar yang mewakili Majlis Kerja Tertinggi dan ahli UMNO secara terbuka. Bukan dengan syarat-syarat dan sebagainya. Tan Chee Khoon pun sokong Malaysia beli senjata. Buktikanlah pada rakyat yang mereka ikhlas. Jangan bercakap tak serupa bikin.

Inilah suatu ujian yang amat kritikal kepada Ku Li dan Musa. Bolehkah mereka memimpin bangsa Melayu dengan adil, begitu juga lain-lain kaum di negara ini? Masa setahun, dua atau tiga dari sekarang akan menentukan kredibiliti mereka

berdua. Musa terpaksa setuju yang dia cuma layak jadi pemimpin nombor dua saja. Sejarah telah membuktikan.

Semasa memimpin pemuda Musa jadi orang nombor 2. Dibawah Mahathir no dua juga dan bila berdua dengan Ku Li dua kali dia kalah. Sekali di Johor Bahru, sekali lagi di Parit Raja.

Calun pilihanraya Hamdan (ikan pirahna) tewas pada hal Musa berkempen sungguh-sungguh. Orang Musa yang sudah masuk UMNO baru hentam Ku Li habis-habisan tetapi Shahrir di Johor Bahru menang kerana Musa Hitam tidak hadir di hari penamaan calun dan Ku Li yang mengetuai semangat 46 dan Musa pun setuju Ku Li jadi Presiden, Rais jadi orang nombor dua. Musa born looser.

Tetapi kita harus ingat bahawa bila kita berkata masa akan menentukan, masa itu termasuklah usaha kita yang aktif untuk memperbaiki keadaan kita. Masa itu sendiri ditentukan oleh kita. Mari kita bertanya diri kita apakah sumbangan kita terhadap negara? Jangan kita tanya apa yang kita akan dapat dari negara.

“Siapa saja yang telah menikahi ibu saya dia adalah ayah saya.”

Kata-kata diatas adalah sebuah peribahasa Arab yang bermaksud kita tidak ada pilihan melainkan menerima kehendak kadak dan kadar. Kalau kita tidak mahu menerimanya jadilah kita anak yang tidak berayah, anak luar nikah.

Manusia tidak dapat memilih ibu atau ayahnya, tidak dapat memilih tempat ia dilahirkan dan tempat dia akan mati.

Kerana kita tidak ada pilihan lain melainkan pilihan yang lebih baik maka marilah kita pelihara dan jaga negara tempat kita dilahirkan. *Bumi ini yang kita pijak, maka langit inilah yang kita junjung.* “Malaysia adalah tanah tumpah darahku. Aku akan mempertahankan negaraku sama seperti aku mempertahankan keluargaku. Aku telah menerima pesanan sabda junjungan Nabiku”.

***“Cintakan Negara itu sebahagian daripada iman.”***

Aku akan tentang musuh-musuh negara yang cuba memporak peranda dan menghancurkan bangsaku. Ketika ini Dr. Mahathir Mohamad adalah Perdana Menteri kita. Kita serahkan hal-hal negara keatas budi bicaranya asal saja dia tidak melakukan kemungkaran dan menyuruh kita melakukan perkara yang sama.

Aku masih ingat kata-kata Almarhum Presiden Sukarno **“Right or wrong my people, good or bad my country. Go to hell with America, go to hell with Britain.”** Dan sekaligus telah mengistiharkan Indonesia keluar dari bangsa-bangsa bersatu.

Saya tidak akan mengatakan “keneraka jahanam engkau Tengku Razaleigh, keneraka jahanam engkau Musa Hitam kerana mereka sebangsa dan seagama dengan saya, tetapi saya tetap akan berkata “berundurlah kamu berdua dari arena politik sekiranya kamu tidak mahu hidupmu terhina dan tercela hingga keanak cucumu. Perbuatan mengamuk yang sedang engkau lakukan ini bukan saja akan merugikan dirimu, dunia dan akhirat tetapi akan memporak-perandakan bangsa dan negaramu.

Cukuplah permainanmu untuk merosakkan negara ini, memecah belahkan umat Melayu. Kita memang mahukan pengganti. Kita tidak mahu Dr. Mahathir dan Ghafar Baba, jadi Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri seumur hidup. Tapi pimpinlah negara ini sampai ada penggantinya dan tentunya kita mahukan pengganti yang lebih baik dari mereka. Sesudah itu orang terkemudian yang akan beruntung.

Bak kata pantun Melayu:-  
Kalau tuan menebang jati,  
Biar serpih jangan tumbang,  
Kalau tuan mencari ganti,  
biar lebih jangan kurang.

Kita tahu Musa dan Ku Li sudah terjatuh kedalam perigi seperti cerita seloka Sang Kancil menipu kambing. Cukuplah sudah ramai Menteri yang awak bawa masuk sama dalam

perigi janganlah semua umat Melayu pun awak nak perbodohkan untuk masuk sama.

Saya tahu Ku Li, Musa sudah tidak ada tempat lagi dalam UMNO, bukan kerana mereka orang team B tetapi kerana dosa-dosa mereka. Tidak lama kedua-duanya akan dihadap ke mahkamah dan segala perbuatan mereka akan terdedah maka akan rosak binasa karier politik mereka seperti apa yang telah terjadi pada Datuk Harun Idris, bijak macammanalah berpolitik sekali sudah jadi banduan susah nak diterima.

Jadi jalan yang paling baik cari kawan-kawan yang ada masalah hutang dan lain-lain jenayah politik supaya ikut sama tarik rakyat supaya mengamuk kerana mereka tahu dalam dunia cuma bangsa Melayu saja yang tahu perbuatan melatah dan mengamuk. Jadi Ku Li dan Musa memulakan budaya amok diikuti oleh mereka yang melatah terutama Shahrir, Ibrahim Ali, Datuk Harun bekas banduan itu pun melatah sama, tetapi yang kuat melatah ialah Marina, wanita besi dalam Semangat 46. Ini ada satu pantun untuk Marina:-

**Marina Yusof janda berkali kirai  
Gaya hidupnya kahwin cerai  
Marinaranya sudah tersadai  
BBMB pasti lanyak dia sampai berderai**

Dan mereka mengeskploitasikan cara mengamuk ini beramai-ramai. Dulu kerja-kerja melatah atau mengamuk ini dilakukan oleh individu dan terjadi sekali sekala tetapi bijaknya master mind dibelakang Semangat 46 disatukan jadi ramai untuk mengamuk dan melatah.

Mereka tahu sebab dan punca amok adalah kerana perkataan 'mengamuk' menggambarkan reaksi seseorang kepada sesuatu yang memeranjatkan atau menyentuh jiwa dan perasaannya.

Seseorang itu boleh mengamuk apabila dia telah lama memendam rasa duka atau marah. Dia tidak akan mengamuk tanpa sebarang sebab. Sebab yang mencetuskan 'amuk' itu, biasanya bukanlah datang dengan tiba-tiba, tetapi telah

dipendam untuk sekian lama. Dalam jangkawaktu begitu lama itu, perasaan marah membara di sanubari pengamuk itu. Setiap hari dia memikirkan hal itu seolah-olah perkara itu maha penting baginya. Sedikit demi sedikit perasaan itu menyelubungi jiwanya dan akan menjadi bertambah buruk sehingga, pada satu ketika, perasaan marah itu tercetus keluar.

Pada waktu itu, tuan punya perasaan akan hilang akal dan kewarasan berfikir. Yang tinggal pada dirinya hanyalah perasaan marah dan mahu melawan sesiapa sahaja yang dijumpainya. Tidak ada yang lain selain dari itu. Bayangkanlah negara hendak diperintah secara latah-latah dan amok-amok.

Pada waktu itu dia tidak lagi dapat membezakan antara yang benci dan yang dikasihi. Matanya sudah menjadi rabun, hatinya sudah menjadi buta. Yang tinggal padanya hanyalah perasaan marah yang membara dan perasaan hendak membunuh sesiapa jua yang berada di depannya.

Maka Sang Rajuna Tapa pun membuka pintu istana. Itu dalam **Sejarah Melayu**, dalam sejarah Malaysia, Musa Hitam pergi keluar negeri memburuk-burukkan negaranya sendiri.

Ku Li pula dengan menggunakan burung kakak tuanya berteriak disana sini. "Mahathir Diktator, Demokrasi sudah mati." Dan dalam waktu yang sama, para pengikutnya yang tak melatah tetapi dah jadi macam burung terkukur pun menganggukkan kepala di depan Ku Li. "Ku..ku..ku..ok. Ku.. Patik.. Ku..", bila berbicara dengan Ku Li. Ku Li duduk atas kerusi para juak-juak yang macam terkukur dan burung kakak tua duduk diatas tikar. Ku..Ku..Ku..patek..Ku..la. Ku..; kerana itulah maka Ku Li berani berkata '*mati hidup balik pun beliau tidak akan masuk UMNO*'.

# MUSA DAN RAZALEIGH DICABAR BERBAHAS

## PARIT RAJA:

Setiausaha Politik Menteri Besar Kedah, Haji Mat Nayan Saad mencabar Datuk Musa Hitam dan Tengku Razaleigh Hamzah untuk berbahas mengenai perpecahan Melayu dan isu diktator yang ditujukan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Katanya, perbahasan itu untuk membuktikan sama ada perpecahan Melayu sekarang disebabkan dasar Dr. Mahathir yang telah berubah antara sekarang dengan semasa Datuk Musa dan Tengku Razaleigh di kabinet dahulu.

Bagaimanapun, beliau berkata, semua

orang tahu apa yang berlaku pada bangsa sekarang adalah berpunca daripada pertandingan 24 April 1987.

Mengenai tuduhan Perdana Menteri diktator, tambah Haji Mat Nayan, beliau sanggup berbahas mengenainya untuk membuktikan sama ada tuduhan itu, satu kenyataan atau semata-mata fitnah untuk menyokong sokongan rakyat yang tidak tahu apa-apa.

Beliau juga menyifatkan tidak tanduk Datuk Musa dan Tengku Razaleigh seolah-olah menunjukkan diri sendiri sebagai pemimpin adalah

bercanggah dengan ajaran Islam sebenar.

"Kalau mereka mahukan jawatan tinggi atau mahu merebut apa jua jawatan pun dalam parti, tidak ada salahnya, tetapi yang salahnya ialah bila mereka menabur fitnah untuk tujuan itu," kata beliau.

Berkenaan sambutan Semarak di setiap negeri, Haji Mat Nayan menjelaskan, ini diadakan semata-mata untuk mewujudkan perpaduan akibat fitnah-fitnah yang telah ditaburkan oleh pemimpin-pemimpin yang kecewa.

"Kalau mereka sanggup ke sana ke mari menabur fitnah sehingga perpaduan hancur dan rakyat

derhaka kepada pemimpin, apakah kita mahu biarkan sahaja keadaan itu," tanya beliau sambil menolak dakwaan sambutan Semarak sebagai satu pembaziran semata-mata.



DATUK MUSA HITAM

## TINDAKAN MUSA DIKESALI

TINDAKAN Datuk Musa Hitam yang membuat kenyataan terbuka di Hong Kong baru-baru ini amatlah dikesali.

Daripada satu segi, beliau cuba menonjolkan bahawa dirinya masih lagi bersuara lantang dan mendapat perhatian ramai.

Bagaimanapun, apabila beliau dilaporkan mendakwa bahawa Dr Mahathir akan mengisytiharkan darurat sekiranya tewas dalam Pilihanraya umum nanti amatlah dikesalkan.

Seharusnya, sebagai seorang tokoh yang matang dalam dunia politik, Datuk Musa perlu memberikan andaian dan bukti yang jelas untuk berkata demikian.

# JANGAN

APABILA Datuk Musa Hitam membuat kenyataan di Hong Kong kononnya pengisytiharan darurat akan diadakan di negara ini jika kerajaan Barisan Nasional tewas, amat menarik untuk kita renungkan.

Datuk Musa, sebagai politikus veteran yang matang tentunya mempunyai alasan tersendiri untuk berbuat demikian.

Beliau juga perlu membuktikan bahawa Dr Mahathir merupakan pemimpin yang tidak wajar untuk rakyat Malaysia.

Sekiranya memberi pendapat secara rambang, adalah mudah tetapi kesannya kepada Malaysia amatlah buruk sekali.

Selain itu tindakan Datuk Musa juga boleh menjejaskan peluang pelaburan asing di negara ini.

Hal ini amatlah tidak wajar ketika kita berusaha untuk membentuk pertumbuhan ekonomi negara.

Rahmat Zakd  
Kampung  
Padang Wahib  
Langkawi.



# SUARA RAKYAT

## MUSA DULU DAN KINI



DATUK MUSA HITAM

POLITIK Datuk Musa Hitam sering menarik perhatian. Sehingga hari ini saya, mungkin juga orang-orang lain tidak faham dan tidak mengerti politik Datuk Musa Hitam yang tidak tentu kedudukannya. Pendirian yang tidak menentu membuatkan penyokong-penyokongnya terlanjut tentang prinsip sebenar yang dipegang oleh Datuk Musa.

Ini dapat kita perhatikan tentang tindak tanduknya sejak akhir-akhir ini. Sebagai contohnya dikempen pilihanraya Johor Bahru baru-baru ini, dia mempertikaikan kepimpinan Dr. Mahathir yang mula membawa kepada pemerintahan

diktatorship.

Selain dari itu banyak lagi yang tak kena pada kepimpinan Dr. Mahathir telah dipecahkan oleh Datuk Musa. Syabas diucapkan tetapi sejak akhir-akhir ini ada suara-suara lain yang memperkatakan kesanggupan beliau untuk bersemuka dengan Dr. Mahathir?

Untuk apakah pula Datuk Musa bertindak demikian? Apakah Datuk Musa sekarang lain dengan Datuk Musa yang bercajak dalam video tape itu?

Yahya Mamat  
Wakaf Bahru

## MENGAPA DR. MAHATHIR JADI TAK POPULAR?

Seseorang Perdana Menteri itu bukan kepunyaan dirinya sendiri. Ianya merupakan kepunyaan masyarakat, dan masyarakat mesti mengetahuinya. Oleh sebab kalau masyarakat tidak mengetahuinya, maka masyarakat itu akan sesat di bawa oleh pemimpin yang tidak memberi pengetahuan kepada masyarakat itu.

Datuk Musa Hitam selalu membawa idea-idea yang baru yang dapat memukau masyarakat. Cetusan pemikiran yang berupa nasihat diatas supaya masyarakat mengenali pemimpin mereka ini saya petik dari ucapan Tok Musa melalui rangkaian TV empatnya yang sangat popular di Johor.

11-11-1988 lebih kurang pukul lima petang hari Jumaat. Saya terserempak dengan Datuk Musa Hitam di rumah rehat Kluang. Beliau datang ke situ untuk menemui beberapa orang pengikutnya yang saya kenal.

Musa Hitam berada di Kluang kerana mengadakan Ceramah politik. Saya berada disana untuk mengikuti perkembangan politik Johor, kebetulan pada hari itu saya baru saja balik dari membuat lawatan ke Parit Raja.

Siapa saja akan bersimpati terhadap Tok Musa yang muncul di muka TV dengan muka yang bersahaja. Dengan nada suara yang rendah dan gaya bercakap orang yang 'Innocent' tidak seperti suara dan gaya bercakap semasa beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri dulu. Bila Musa tunjukan watak manusia yang sudah insaf maka timbul

perasaan benci dan marah terhadap Dr. Mahathir sesudah menonton video tersebut.

Datuk Musa memang hebat. Lakunannya dalam video yang tersebar luas boleh mengalahkan pelakun terbaik di Malaysia.

Kata Datuk Musa Hitam beliau tidak menentang keperibadian Mahathir. Tidak ada yang personal, yang peribadi diantara beliau dan Mahathir. Segala keburukan Mahathir yang didedahkan melalui tape tersebut bukanlah satu perkara personal.

Rakyat mesti tahu tentang keburukan Perdana Menteri. Kalau Dr. Mahathir boleh tulis buku 'Delima Melayu' yang diharamkan oleh Tiga Perdana Menteri, kenapa Musa tidak boleh buat video dan jadikan dirinya lebih hero dari Mahathir? Supaya Mahathir pula mengharamkan tapenya?

Musa mengajar kita semua supaya jangan menjadi pengikut yang membuta tuli, jangan menjadi penyokong yang melulu saja. Sesiapa pun pemimpin-pemimpin dan ketua-ketua yang ada diatas muka dunia ini, termasuk Datuk Musa sendiri apa saja kemahuan mereka kita tak patut terus sokong. Kita kena fikir dan kenali mereka, kerana kita tidak mahu disesat oleh pemimpin yang kita semua tidak mempunyai pengetahuan mengenai mereka.

Terlebih dahulu kita mesti faham betul-betul siapa pemimpin itu, selidik tentang keperibadian mereka, apakah benar-benar mereka seorang Pemimpin, Pendorong Bangsa seperti yang didewa-dewakan atau mereka pemimpin pembohong bangsa. Pemimpin yang telah menjual bangsa dan Negara untuk kepentingan Politik mereka sendiri?

Dalam perkara sembahyang pun kita tak boleh ikut sebarang Imam. Kita patut memfarakah sekiranya Iman tersebut membuat kesalahan yang jelas. Ini pula dalam perkara-perkara yang lain, terutama dalam perkara politik, kerana seksa Allah SWT itu kadang-kadang berlaku dalam perkara yang kecil sekali pun akibat kejahilan kita tak mahu menggunakan akal fikiran yang telah Tuhan anugerahkan kepada kita semua.

Allah memberi kita akal fikiran maka hendaklah kita berfikir. Kita jangan sesekali memuja manusia seolah-olah manusia sudah jadi macam tuhan. Biarpun hari ini ramai yang memuja pemimpin macam tuhan-tuhan kecil seperti dizaman jahiliah.

Di Mekah dulu ada 376 berhala yang disembah sebagai sumber pemiagan pembesarnegara dan dalam zaman jahiliah moden perniagaan menyimpan tuhan-tuhan kecil ini adalah satu perniagaan yang lumayan. Sebab itu ramai yang bergantung hidup pada pemimpin-pemimpin mereka.

Tidak salah kita kasih dan taat pada pemimpin, kerana Islam menyuruh kita taat pada Allah, taat Rasul dan taat pada pemimpin negara kita.

Yang agak menjadi kemuskilan hari ini ialah mereka terlalu kasihkan pemimpin macam kasihkan tuhan. Hingga mereka tidak ternampak akan salah silap pemimpin mereka. Mereka takut nak bertanya apakah yang dicakapkan oleh pemimpin mereka itu satu perkara yang benar atau salah mengikut Al-Quran dan sunnah Rasul. Mereka yang menjadi ulamak pun turun sujud pada pemimpin puak-puak begini. Puak-puak ini nampaknya seperti sudah hilang harapan bahawa yang berkuasa itu Tuhan dan Tuhan saja yang berhak memberikan kuasa itu kepada siapa saja yang Tuhan kehendaki. Mereka fikir kalau tak bergaduh dan berebut dalam politik mereka akan mati.

Hari ini dibandar-bandar besar isu Dr. Mahathir tidak popular menjadi bahan bualan tokoh-tokoh elitist yang berjawatan tinggi. Di kelab-kelab eksklusif perbualan turut direncanakan dengan isu ini. Setengahnya sambil memukul kayu golf, mulut turut mengumpat. Nama Dr. Mahathir dicaci kerana perniagaan mereka terjejas. Kontrak yang dipohon tak dapat, jadi Dr. Mahathir menjadi 'scapegoat' ataupun kambing hitam. Orang ramai yang telah lama menahan kemarahan dan kebencian terhadap para pemimpin UMNO melonggokkan kesemuanya di muka Mahathir tanpa memikirkan bahawa yang mereka buruk-burukkan dan benci adalah pemimpin Melayu dan mereka adalah orang Melayu. Menepuk air

didulang merencik kemuka sendiri, kata peribahasa Inggeris pula jika duduk dalam rumah kaca jangan main lontar batu.

Ahli falsafah China, Confucious pernah berkata bahawa pokok besar macam mana sekalipun kalau dipukul ribut dan angin kencang kiranya pokok tersebut tidak tunduk ikut arah angin, kalau tidak tercabut dengan akar-akarnya akan patah dahan-dahannya. Dr. Mahathir hari ini seperti satu pohon besar yang dipukul ribut. Kiranya dia menari ikut pukulan angin orang Melayu selamat, dia selamat. Ini satu ujian besar kepada Mahathir dan kita semua.

Kepada mereka yang berfikir bahawa Mahathir itu sebatang gigi yang boleh digoyang-goyang kemudian tarik dengan benang, gigi akan tercabut mesti berfikir semula.

Ribut yang tidak henti-henti hampir 20 bulan ini menjadikan ketidak popularnya Mahathir sebagai bahan bualan dan cakap-cakap orang ramai disana-sini, sejak beberapa tahun lalu lagi dan kebencian itu memuncak di Johor Bahru, semasa Datuk Shahrir Samad sengaja meletakkan jawatan untuk bertanding calon Bebas. Kononnya nak ajar Mahathir supaya sedar tentang kesalahannya saja. Keadaan ketika itu begitu meruncing sehingga tak ada ruang lagi bagi Mahathir hendak membela dirinya. Beliau pun nampaknya tidak bersungguh berbuat sesuatu untuk jadikan dirinya popular seperti mula-mula jadi Perdana Menteri.

Kemenangan Shahrir dengan sokongan DAP dan tape Musa Hitam menjadikan Mahathir terus tidak popular. Semangat 46 di belakang Shahrir di bantu oleh PAS yang suka melihat golongan serpihan ini menghancurkan UMNO kerana mereka gagal berbuat demikian menjadikan golongan serpihan ini tambah berani dan lebih agresif lagi. Sepatutnya PAS sebagai sebuah Parti Islam tak patut melagakan umat Islam sama umat Islam. PAS tentu tahu siapa diantara mereka yang tidak mengikut lunas demokrasi yang sebenar. PAS patut berani berkata benar kerana PAS juga tertakluk dibawah negara demokrasi.

Kematian Datuk Syed Zain di Parit Raja berjaya mengumpul orang untuk mengamuk dan melatah sebagai satu

tradisi baru dalam politik. Mengutuk, mengata dan terus terusan menyerang dan menfitnah Mahathir juga jadi satu perniagaan.

Mula-mula di Johor cuma nak tunjuk yang Shahrir lebih popular dari Mahathir. Di Parit Raja nak tunjuk lagi ikan kecil (Hamdan Yahya) lebih popular dari seorang Perdana Menteri. Mereka sekarang mahu jaja kueh yang dinamakan 'popular'.

Di kampung-kampung, walaupun keadaan agak berbeza. Dr. Mahathir tetap jadi tidak popular, bukan kerana kesalahan yang diperlakukannya. Rakyat di kampung-kampung takpun tahu apakah kesalahan yang dikatakan dibuat oleh Dr. Mahathir. Mereka tidak faham dan tidak nampak kesalahan yang didakwa, mereka hanya mendengar "tukang canang" datang berkempen memburuk-burukan Dr. Mahathir yang bercakap macam ini, adalah peguam-peguam yang pernah duduk dalam M.K.T atau pernah jadi menteri. Pemimpin wanitanya bertudung kepala. Puan-puan, Hajah-hajah, belaka memulakan ceramah-ceramah mereka dengan salam dan selawat memuji muja Allah dan mengakhirinya juga dengan nama Allah.

Sekarang ini bulan kelahiran Nabi digunakan untuk suruh benci dan jatuhkan seorang Islam yang jadi Uli Amri. Apakah mereka ini akan dapat shafaat nabi?

Macam mana orang kampung tak mahu percaya. Siapa saja terutama mereka yang tidak kenal siapa Musa dan geng serpihannya yang desperado yang tidak nampak visi Mahathir akan tertanam semangat bahawa Mahathir benar-benar seorang diktator.

Yang bercakap ditape itu bekas Timbalan Perdana Menteri. Musa Hitam berkata dia bercakap dengan penuh keinsafan, dengan penuh pengetahuan dan dengan penuh kesedaran. Dan segala marah yang dilepaskan keatas pribadi Dr. Mahathir bukan sesuatu yang personal.

Musa jadi menteri masa Tunku jadi Perdana Menteri. Hari ini Musa puji Tunku. Tunku baik. Tunku tak jadikan menterinya 'rubber stamp'. Musa tak cakap pasal surat yang dia tulis pada Tunku. Beliau terlupa betapa biadapnya surat itu

yang kini sudah menjadi bahan sejarah.

Itulah yang terjadi pada mereka yang jarang membaca buku-buku politik. Coba baca surat Musa pada Tunku dalam buku saya **Musa Derhaka** dalam bab 'Surat Sial'.

Orang ramai yang jarang mengikut berita-berita politik di media masa. Orang-orang yang hanya suka baca, surat-surat layang dan akhbar yang lebih banyak memburuk-burukkan pemimpin Melayu dari berita yang benar dan kini lihatlah apa yang sudah terjadi pada mereka yang tidak mahu berfikir secara rasional.

Dikalangan lepasan universiti pula samada dari dalam ataupun di luar negeri, terutamanya mereka yang masih mengangur, ikut marah-marah tak tentu pasal. Konon kerana kepimpinan Dr. Mahathir maka kadar penggangguan semakin meningkat. Mereka berpendapat sebagai orang terpelajar, mereka mesti bersikap anti establishment. Itu menunjukkan yang mereka celik dan bijak. Orang yang taat dan hormati undang-undang dan pemerintah negara dianggap sebagai para pengampu.

Mereka yang ada sifat anti establishment dalam diri ini kemudian diberitahu jika sekiranya Tengku Razaleigh Hamzah yang jadi Perdana Menteri, masalah penggangguan boleh diatasi sekelip mata. Ku Li macam ada tongkat sakti yang boleh menghapuskan masalah penggangguan didalam sekelip mata saja. Itulah sebabnya saya fikir Mahathir terpaksa pelawa Ku Li untuk jadi menteri mungkin dengan pribadi dan sikap Ku Li yang pandai mengambil hati, boleh buat janji dan iakan saja kehendak pengikut-pengikutnya, suasana politik Melayu yang bertambah buruk dikalangan orang politik ini boleh di selesaikan.

Ahli perniagaan yang sudah hampir nak terjunam, berkempen keras dan bertungkus lumus diseluruh negara biar Mahathir jatuh, biar Ku Li menang. Maka Ku Li jadi jauh lebih popular dari Mahathir. Orang yang tidak tahu berfikir yang tak tahu ujung pangkal politik jadi keliru. Rakyat diseluruh negara yang tidak ada kepentingan politik sedikit pun tak ambil tahu apa yang berlaku.

Dikalangan para pegawai masa kini, nampaknya begitu lantang mengkritik Dr. Mahathir. Kononnya dasar Dr. Mahathir tidak bijak, ramai yang berfikir mereka lebih bijak dari Dr. Mahathir. Apa tidaknya ada diantara mereka pendapatannya lebih banyak dan lebih lumayan dari para menteri.

Kini ramai pegawai kerajaan yang mengacau projek Semarak sambil mendakwa akronimnya kepada Semarak ialah 'Selagi Mahathir Ada, Razaleigh akan Kacau.' Sebenarnya mereka tak senang turun dan berkerja sama dengan rakyat. Dan banyak perkara akan terdedah bila pemimpin dapat adakan hubungan terus dengan rakyat. Dan mereka akan tambah kacau. Sekiranya Ku Li berubah sikap bila masuk dalam kabinet Mahathir nanti.

Saya sempat berbual dengan beberapa orang pegawai kanan kerajaan yang ikut terlibat membuat dasar negara. Ada sebahagian daripada para pegawai ini begitu berkuasa, ada yang lebih berkuasa dari menteri. Seorang pegawai yang saya kenali pernah berkata (dibelakang menteri). "Di sini saya yang mempunyai kuasa seratus peratus". Saya tak tahu, samada di depan menteri, pegawai berkenaan berani membuka mulut berkata yang benar, yang saya tahu depan menteri pegawai bersikap ampu sana ampu sini, bikin menteri senang hati.

Pegawai begini memang ramai, didepan menteri lembut gigi dari lidah, dibelakang menteri, merekalah boss, kuasa menteri tidak laku. Mereka terlupa agaknya kalau tidak kerana UMNO yang berkuasa entah apa nasib mereka sekeluarga. Kerusi yang diduduki oleh para pegawai Melayu kerana politik dan ketuanan Melayu yang masih kukuh hari ini.

Kalaulah begini mentaliti para pegawai tertentu ini, bagaimana mampu dasar-dasar kerajaan dijalankan. Tidak mungkinkah ada pegawai yang tidak menuruti dasar kerajaan dan apabila berlaku sebarang masalah maka kesalahan itu diletak diatas bahu menteri. Letak di bahu menteri buruknya pergi kepada Perdana Menteri. Inilah namanya harapan pagar, pagar makan padi.

Keghairahan mencari kesalahan Dr. Mahathir dikalangan



pegawai kerajaan ada bahayanya kerana sebagai pegawai yang berkhidmat untuk rakyat, mereka boleh menyesatkan rakyat jika dasar yang mereka jalankan bertentangan dengan dasar kerajaan.

Contohnya kalau Dr. Mahathir mahukan kawasan-kawasan luar bandar dimajukan tetapi para pegawai melambatkan dasar itu tentulah rakyat akan merana. Akibatnya kerajaan juga yang mendapat malu, bukan pegawai tadi. Pegawai berkenaan akan mendapat gaji dan upah-upah setiap bulan. Bila cukup tempoh, mereka menerima pencen. Ada yang ditawarkan duduk di syarikat-syarikat swasta sebagai ahli lembaga pengarah ataupun pengerusi, justeru pendapatan bulanan semakin bertambah. Tetapi para menteri yang dikutuk tentu tidak senang hidup. Nama mereka terjejas akibat dari tindak tanduk para pegawai tadi. Peluang ini kemudian digunakan oleh parti-parti pembangkang untuk meniup api kemarahan rakyat dengan tujuan untuk menjatuhkan kerajaan. Pegawai yang sudah seperti tikus jatuh dalam tempayan beras, mati kekenyangan tanpa sempat mengucap syukur kepada Allah.

Para pelajar yang berada di seberang laut pula mengambil kesempatan melalui salah maklumat ini untuk memburuk-burukan kepimpinan. Selaku golongan yang tidak mempunyai tanggungjawab tertentu, para pelajar ini cuba memesong fakta semata-mata kerana mereka merasakan ini satu perjuangan. Tanpa menghiraukan samada fakta yang diterima itu salah ataupun benar, mereka membuat kritikan dan hasil lemparan buahfikiran yang penuh syakwasangka itu dan orang-orang disekeliling mereka ikut mempercayai. Orang-orang yang bersahabat dengan mereka tentulah percaya apa yang didengar itu kerana ianya datang daripada mulut rakyat Malaysia. Pada hal mereka ini agen-agen Sang Rajuna Tapa dari Malaysia.

Para pelajar kita diluar negeri merupakan sumber utama maklumat rakyat di sesebuah negara. Jika maklumat yang disebarkan itu buruk maka buruklah jadinya. Ia bergantung kepada penyampai maklumat.

Kerana salah maklumat dan sikap tidak

bertanggungjawab inilah maka perkara yang kita bincangkan diawal tadi iaitu hakikat bahawa populariti Dr. Mahathir kian menurun adalah suatu yang sukar dinafikan. Sedangkan kita semua terlupa bahawa Mahathir dari mula lagi sudah menjadi tokoh yang tidak popular. Beliau dibuang dari UMNO dizaman Tunku. Bukunya 'Delima Melayu' menjadikannya tidak popular,tapi tetap popular. namun kalau kita pandang dari sudut hati tidak popular itu sebagai najis yang dibubuh dipangkal pokok, maka pokok menjadi tambah subur. Perbuatan memburukkan Dr. Mahathir adalah satu rahmat.



Allahyarham Tun Dr. Ismail. Pemimpin yang disegani dan dihormati oleh rakyat Malaysia kerana sikap tegasnya. Mari kita bacakan Alfatihah untuk rohnya.

# HARAPAN BEBAS CERAH ✓ DI PARIT RAJA 10 Oktober 88



MOHD. TAWFIK TUN DR. ISMAIL

Oleh: DAUD HAJI IBRAHIM

**KUALA LUMPUR:** Calon Bebas yang bertanding mewakili kumpulan Semangat '46 mempunyai harapan cerah untuk memenangi pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Parit Raja, kata Ahli Parlimen (MP) Sungai Benut, Mohd Tawfik Tun Dr Ismail.

Bercakap kepada WATAN, Mohd Tawfik yang baru sahaja mengisytiharkan dirinya sebagai MP Bebas di Dewan Rakyat yakin pengundi-pengundi di situ sedar dengan isu-isu yang ditimbulkan.

Menurut beliau, soal kehakiman menjadi kemuncak segala isu yang akan dijadikan bahan kempen sepanjang tempoh pilihanraya kelak.

"Pihak kerajaan masih gagal menjelaskan kedudukan kehakiman yang tergugat kebelakangan ini," jelas beliau.

Serentak dengan itu, MP Sungai Benut ini percaya calon yang ditonjolkan juga merupakan faktor yang akan membantu Bebas mencapai kemenangan.

Menjawab pertanyaan, Mohd Tawfik menafikan timbul masalah antara Tan Sri Othman Saat dengan Datuk Musa Hitam dalam soal memilih calon untuk

bertanding dalam pilihanraya kecil ini.

"Setahu saya, nama calon yang diumumkan baru-baru ini adalah calon yang telah dipersetujui bersama antara Datuk Musa Hitam, Tan Sri Othman Saat dan Datuk Shahrir Abd. Samad," ujar beliau.

Beliau juga hairan bagaimana boleh timbul soal perselisihan pendapat berlaku di antara Tan Sri Othman dengan Datuk Musa Hitam dalam soal menentukan calon.

Mohd Tawfik mengulangi bahawa pemilihan yang dibuat adalah satu keputusan bersama tetapi beliau enggan mengulas sama ada mereka bermesyuarat dalam soal menentukan calon.

Serentak dengan itu, beliau mengesahkan beberapa tokoh penting negara akan turut membantu calon Bebas berkempen dan beliau adalah salah seorang MP Bebas yang akan berada di kawasan DUN Parit Raja untuk berkempen.

# PARIT RAJA BUKTI KRISIS KU LI - MUSA

1. Oktober 89

Oleh: SALEH RAHMAD

KUALA LUMPUR: Pilihanraya kecil Parit Raja dianggap bukan sebagai pertandingan antara Barisan Nasional dengan calon Bebas tetapi adalah antara pengaruh Tengku Razaleigh Hamzah dengan Datuk Musa Hitam.

Naib Ketua Pemuda UMNO (baru) Bahagian Seputih, Haji Mustafa Yaakob berkata, Datuk Musa kini berhadapan dengan Tengku Razaleigh yang mendapat kerjasama daripada bekas Menteri Besar Johor, Datuk Haji Osman Saat.

Katanya Datuk Musa yang selama ini menganggap Johor sebagai kubu kuat beliau dan juga UMNO telah cuba diambil alih oleh Tengku Razaleigh apabila beliau mengumumkan keputusan kumpulan Semangat UMNO '46 untuk bertanding di Parit Raja.

"Cara begini telah menidakkan pengaruh Datuk Musa di Johor," katanya.

Tengku Razaleigh telah mengumumkan keputusan tersebut dalam satu majlis sambutan assyura di Kelantan baru-baru ini.

Berikutan itu Datuk Musa dikatakan tidak turut serta dalam mesyuarat kumpulan Semangat UMNO '46 yang memutuskan 13 orang Ahli Parlimen menjadi wakil Bebas dalam sidang Parlimen akan datang.

Beliau juga yakin bahawa Datuk Musa tidak sanggup duduk di bawah Tengku Razaleigh dan dengan ini tidak mungkin beliau akan menerima Tengku Razaleigh sebagai pemimpin kumpulan Semangat UMNO '46.

Sebaliknya Ahli Parlimen Pasir Mas, Haji Ibrahim

Ali tidak bersetuju dengan dakwaan sedemikian.

Katanya, perkara-perkara sebegini hanya berperanan sebagai pemecahbelah perpaduan sematamata.

"Yang penting sekarang ialah Datuk Musa tidak setuju dengan Dr. Mahathir dan Tengku Razaleigh juga tidak setuju dengan Dr. Mahathir. Soal kaedah perjuangan boleh diselaraskan sekiranya mereka mempunyai matlamat yang sama," jelasnya.

## KEMANA AKHIRNYA MUSA DAN KULI?

Setinggi-tinggi gunung, biarpun yang tertinggi sekali di dunia masih boleh didaki dan ditakluki oleh tapak kaki manusia.

Seluas-luas lautan ada tepiannya. Seganas dan sebesar ombak menjadi kecil dan berakhir dipergigian air. Sehebat dan sedayhsat manapun ombak memukul pantai, bumi tidak akan dapat dibinasakan. Pukulan ombak yang tidak henti-henti akan menjadikan pantai tambah putih dan bersih.

Saya mempunyai penuh keyakinan dan kepercayaan bahawa setiap pemimpin yang jujur, tabah, ikhlas dan berani pasti akan dapat menyelesaikan masalah yang sedang menimpa dan melanda rakyat yang dipimpinnya.

Malaysia sudah mengalami masalah yang jauh lebih besar dari masalah yang sedang kita hadapi hari ini. Apa yang ditakuti oleh segolongan umat Melayu adalah kerana mereka cepat lupa sejarah.

Sekiranya kita dapat melepaskan diri dari dijajah selama 446 tahun. Mustahil kita tidak dapat melepaskan diri dari kekusutan dan kekacauan yang diada-adakan oleh golongan yang bernama Semangat 46.

Semangat 46 ini adalah satu semangat yang ingin menakluk dan menjajah orang Melayu supaya kembali menjadi bangsa yang hilang kehormatan dan maruah. Mereka terbagi kepada dua golongan, satu dipimpin oleh keluarga di Raja Tunku Abdul Rahman dan Tengku Razaleigh Hamzah. Mereka ini nampaknya berusaha mahu membawa UMNO kembali kedalam istana dan hanya keluarga di raja seperti Tengku Razaleigh saja yang layak jadi Perdana Menteri.

Satu lagi golongan di pimpin oleh Musa Hitam dan Shahrir Samad. Musa bercita-cita mahu jadikan negeri ini sebuah republik, kerana jiwa Musa dan Shahrir adalah jiwa sosialis, sebab itu mereka boleh

bekerja sama dengan DAP yang tidak suka pada raja-raja dan hak istimewa orang Melayu contohnya Shahrir di Parlimen sudah pun mengikut perangai DAP. Tidak menghormati Dewan yang mulia dan sikap kemelayuannya sudah mulai pudar.

Apalah yang hendak dibandingkan kekacauan yang ditimbulkan oleh Semangat 46 dengan keadaan negara kita semasa dalam darurat? Dalam keadaan penganas komunis bermaharajalela dihutan belantara orang Melayu bersatu bangun menentang dan akhirnya kita berjaya. Kerajaan patut belajar kebijaksanaan dan taktik yang digunakan oleh British, cara bagaimana mereka dapat melumpuhkan penganas komunis.

Orang Melayu merdeka belum sampai dua puluh tahun sesudah peristiwa berdarah 13 Mei 1969 selepas Tunku Abdul Rahman meletakkan jawatan apabila Tun Razak mengambil alih sebagai Perdana Menteri baru orang Melayu merdeka.

Pada bulan May 1969 Dr Ismail (Arwah) talipon pada Tun Razak. Masa Tun Dr. Ismail talipon Tun Razak dalam 'Toilot' Dr Ismail tunggu hingga dapat bercakap dengan Tun Razak beginilah perbualannya secara ringkas.

"Razak.... Ismail sini.... Macam mana keadaan disana? You think you can handel it alone?" Inilah kali pertama Dr. Ismail bercakap dengan Tun Razak sejak Singapura berpisah dengan Malaysia. Sejak Dr. Ismail letak jawatan beliau tak bercakap dengan Tun Razak. Namun untuk menyelamatkan bangsa dan negara, dia lupakan selisih faham, dia lupakan yang dia pernah merajuk, dia sanggup mengorbankan prinsipnya. "*He swallow his pride*". Inilah sifat dan jiwa besar yang ada pada anak Johor yang patut dibanggakan dan dicontohi oleh orang Johor hari ini.

Dipendekkan cerita Tun Razak suruh beliau naik ke Kuala Lumpur.

"Mail..., kau turun kemarilah."

"Aku nak naik macam mana. Aku bukan ada apa-apa jawatan." Ketika itu Dr. Ismail baru menang pilihanraya kawasan Parlimen Mersing. Dr. Ismail pun naik ke Kuala Lumpur dan diberi jawatan Menteri Dalam Negeri. Selepas itu maka terciptalah mageran dan diikuti oleh rukun negara. Mereka yang angkuh dan sombong dan

cuba menimbulkan huru-hara terima padahnya dari Dr. Ismail yang tegas berani dan berraiah memulakan ucapan awalnya.

“Demokrasi sudah mati, mati ditangan pembangkang”.

Semuga Dr. Mahathir tidak akan berkata “Demokrasi sudah mati kerana dibunuh oleh Semangat 46”.

Apakah masih ada pemimpin Melayu dari Johor yang berani, jujur dan ikhlas macam Arwah Tun Dr. Ismail?

Hendak dibandingkan Dr. Ismail dengan Shahrir atau Musa atau anaknya sekalipun, macam siang dengan malam. Sebab itu saya berani tulis buku ‘Musa Derhaka’ dan ‘The Challenger’ kerana saya tahu siapa mereka ini sebenarnya. Sepatutnya sebagai anak Johor saya memihak pada Musa dan Shahrir tetapi saya lebih pentingkan sifat kenegaraan dari sifat kenegerian yang sempit.

Arwah Tun Dr. Ismail letak jawatan kerana tidak setuju dengan sifat Tunku yang banyak sangat tolak ansur, banyak sangat tak pa..tak pa... . Kalau dengan kaum bukan Melayu Tunku bila-bila masa pun tak pa.. tak pa, tapi kalau dengan orang Melayu tak boleh salah dan silap sikit.

Tengok sekarang ini Dr. Mahathir dan Ghafar sudah buka pintu UMNO kepada semua orang Melayu termasuk gang 11, sedia berjumpa lapan mata antara Ku Li, Musa, Ghafar Baba dan Mahathir. Tunku buat apa untuk mendamaikan suasana?

Negara kita dibawah pimpinan Dr. Mahathir dengan berani menentang penyalah gunaan najis dadah. Pada mulanya kita lihat bahaya dadah tidak dapat dikawal dan yang menjadi mangsanya ialah umat Melayu. Tapi keberanian Dr. Mahathir mempengerusikan perhimpunan anti dadah antara bangsa bukan saja menaikkan image Malaysia tetapi melemahkan kegiatan dadah sebagai musuh negara.

Mari kita tanya Tun Hussein Onn, masa beliau jadi Perdana Menteri apa Hussein Onn buat untuk penduduk Parit Raja? Tanya sama Datuk Musa Hitam masa jadi Timbalan Perdana Menteri apa dia buat untuk pengundi di Parit Raja terutama kepada mereka yang berketurunan Jawa? Datuk Mohd Rahmat. Datuk Jalal, YB Payman dan Wakil Rakyat keturunan Jawa yang lain jadi mangsa Musa.



Selain dari dia menyesal, memilih Ajib jadi Menteri Besar setelah dia tahu bahawa Ajib adalah keturunan Jawa. Begitu taat Ajib pada Musa berkorban apa saja jadi budak suruhan pun tak pa. Musa sanggup mengkhianati dan menjadikan Ajib mangsanya. Tunggulah apa akan jadi pada Ron dan lain-lain anak Jawa disamping Musa termasuk Hamdan Yahya sendiri.

Tanya pula pada Tan Sri Othman Saat 14 tahun jadi Menteri Besar Johor, Osman Saat buat pembangunan apa untuk orang Parit Raja? Sekarang sesudah keluar dari kerajaan baru nak tanya kerajaan sudah buat apa?

Yang jelas kita nampak Musa, Ku Li, Osman Saat mahu jadikan Parit Raja seperti Amerika mencuba senjata dan pengarahnya di Vietnam atau Rusia menggunakan kuasanya di Afghanistan yang jadi mangsa nanti penduduk Parit Raja kerana itulah jawapan Musa bila ditanya. Tunggu keputusan pilihanraya Parit Raja. Kalau Ku Li ikhlas kenapa tak buat pilihanraya di Kelantan? Kenapa beliau sendiri tak letak jawatan? Kenapa cuba jadikan penduduk Johor Bahru dan Parit Raja sebagai tikus ujian? Kenapa UMNO Johor saja yang dihancurkan?

Kemana akhirnya Musa dan Ku Li? Apakah mereka akan jadi seperti pantun Melayu. Ikan dilaut asam didarat, di Parit Raja kedua-duanya terjat.

Peratus pengundi Melayu di Johor Bahru ialah (48.17%) Cina (40.65%) India (8.01%) lain-lain (3.1%). Kekalahan Haji Masood calon BN adalah disebabkan perpecahan politik Melayu yang dominan. Bila undi Melayu berpecah, siapa saja calon Melayu yang menentang kerajaan boleh menang bila disokong oleh DAP dan sekali lagi bila UMNO terus berpecah. DAP dengan sokongan bukan Melayu boleh menang bila diadakan di Johor bahru bila Shahrir tidak mahu angkat sumpah dalam masa 6 bulan kerusinya terpaksa dikosongkan untuk diadakan pilihanraya kecil sekali lagi.

Di Parit Raja pula pengundinya 18 peratus hampir 3 ribu pengundi Cina, sedikit India, Melayu hampir 80 peratus tetapi kalau undi Melayu pecah dengan 3 ribu undi Cina yang solid untuk calon bebas akan merugikan umat Melayu.

Kalau dibandingkan dengan Dr. Mahathir dan Datuk Musa Hitam,

Tengku Razaleigh adalah pemimpin yang paling popular. Hampir semua orang Cina akan memilih Ku Li untuk jadi Perdana Menteri. Yang menjadi persoalan ialah bolehkah Tengku Razaleigh mengambil alih kepimpinan Melayu sekiranya calonnya Hamdan Yahya menang pilihanraya Parit Raja?

Kita tahu rakyat yang sedar tidak setuju dengan Musa. Kalau ada pun yang mahukan Musa cuma orang Johor saja disebabkan sifat-sifat kenegerian yang ada pada pengikut Musa yang telah terpengaruh perasaan kebencian terhadap Mahathir.

Orang ramai sudah tahu politik Musa yang menimbulkan satu budaya yang dinamakan budaya 'gerun' "*Politik of Fear*" yang diserapkan oleh Musa ini telah membuat orang Melayu hilang kepercayaan kepada pucuk pimpinan dan kerajaan yang dipimpin oleh orang Melayu dalam waktu yang sama menamakan semangat ketakutan dan syak wasangka terhadap pemimpin lain selain darinya. Syak wasangka terhadap Ku Li kerana Ku Li dari golongan feudal. Anwar Ibrahim kerana menuju kearah keislaman.

Orang ramai dan media masa nampaknya takut hendak membuat teguran terhadap golongan mereka yang menentang kerajaan dan merasakan saling tidak mempercayai sesama sendiri, semangat '*Culture of fear and suspicion*' ini semakin hari semakin ketara. Dari segi ini Musa telah menunjukkan kehandalan bermain politik yang cuba memaksa pucuk pimpinan supaya tunduk kepada kehendak dan kemahuannya.

Dulu Musa tanamkan satu budaya yang dinamakan budaya 'kurang ajar', supaya orang Melayu bersikap kurang ajar. Bila anak muda Melayu sudah kurang ajar, suruh buat apa saja, orang yang sudah terpengaruh dengan budaya kurang ajar pasti membuatnya, tanpa merasa takut. Suruh tentang kerajaan mereka akan tentang, tengok sajalah Shahrir sebagai contohnya.

Semasa Musa jadi Menteri Dalam Negeri Musa hapuskan keris dan lembing dari disimpan oleh umat Melayu. Musa tidak senang kepada penyerapan nilai-nilai Islam, mungkin tidak mahu agama Islam sebagai agama rasmi.

Sebenarnya saya bukan tidak mahu turun ke Parit Raja kerana saya bukan pengundi atau saya bukan ahli UMNO tapi saya mempunyai

penuh keyakinan bahawa orang Parit Raja dibawah pimpinan Tan Sri Muhyiddin, Menteri Besar Johor. Datuk Mohd Rahmat selaku Setiausaha Agung dan Menteri Penerangan boleh menguasai tempat sekecil Parit Raja.

Lagipun apa yang hendak dibinibangkan orang yang diletakkan oleh Musa Hitam sebagai calon bebas. Hamdan Yahya 'ikan piranha' adalah orang yang terlalu banyak hutang dan masalah peribadi yang telah pun diketahui oleh rakyat Malaysia. Kalau nak dibandingkan dengan calon BN Yasin Kemari. Saya gunakan perkataan 'ikan piranha' pada Haji Hamdan kerana saya tahu bahaya sekiranya Hamdan menang.

Ku Li, Osman Saat tidak setuju dengan Hamdan yang dipilih oleh Musa dan Shahrir tetapi nak buat macam mana, demi untuk menjatuhkan kerajaan yang ada. *'To face a common enemy'* kerajaan hari ini adalah musuh golongan mereka. Mereka masih bermusuhan namun terpaksa menunjukkan sifat berbaik-baik, berpeluk, tersenyum, menyingai sampai nampak gusi, untuk tunjuk pada orang ramai betapa mesranya mereka.

Saya percaya segala kerja-kerja karut mengarut yang dibuat oleh Semangat 46 hari ini jika tidak diberhentikan dengan segera ianya akan membawa kita balik ke zaman 446 tahun semasa kita dijajah. Bukti jelas apa yang sudah dibuat oleh Tunku semasa beliau mempunyai kuasa, begitu susah hendak mendapat balik Singapura yang telah terjajah. Tunku lepaskan begitu saja tanpa sebarang rundingan dengan pemimpin dan bangsa Melayu. Apa juga alasan yang diberi Semangat 46 yang mahu orang Melayu balik dijajah 446 tahun dulu saja yang boleh terima.

Cuba baca balik tulisan saya minggu lepas mengenai Sang Rajuna Tapa yang ada kunci ditangan bersedia berpakat dengan musuh-musuh untuk membalas dendam pribadi kebencian terhadap Mahathir dan kerajaan. Rakyat tidak akan mendapat untung apa-apa dari Semangat 46 kerana pintu UMNO sudah terbuka untuk semua umat Melayu termasuk pengikut Semangat 46 sendiri.

Shahrir Samad yang sudah diberi mandat oleh rakyat tunjuk angkuh dan sombong buat kacau di Dewan Rakyat dan Musa Hitam pula buat kacau diluar negeri menghasut para pelabur supaya jangan melabur.

Tengku Razaleigh di Parit Raja suruh pengundi jangan keluar mengundi sekiranya Hamdan Yahya jadi Muflis. Kalau Ku Li sayangkan Hamdan bayarkanlah hutangnya. Ini kerja-kerja menghasut rakyat bukan kerja seorang pemimpin yang baik dan bijak.

Bila UMNO sudah buka pintu kepada semua umat Melayu, Ku Li kata mati hidup balik Ku Li tidak akan masuk UMNO baru. Musa Hitam pun tolak tak mahu berdamai, tak percaya konon Dr. Mahathir tidak ikhlas mahu main sandiwara. Siapa yang main sandiwara sebenarnya?

Jadi bukanlah tambahan 10 undi untuk Presiden atau Timbalan Presiden yang Semangat 46 nak marah sangat, rupa-rupanya. Rupa-rupanya roh para penjajah Semangat 46 yang tidak mahu ketuanan Melayu kekal di bumi sendiri.

Kita dapat menerima hakikat kenapa kaum Cina menentang kerajaan yang dipimpin oleh Dr. Mahathir. Pertama kerana mereka lebih sensitif dan beranggapan bahawa Dr. Mahathir adalah pemimpin Melayu yang berjiwa Melayu dan tidak boleh dipermainkan.

Kaum Cina menganggap mereka sebagai masyarakat kelas dua kerana mereka memang tidak pernah puas, beri banyak manapun tidak cukup lagi.

Semangat 46 menentang Dr. Mahathir kerana mereka beranggapan selagi Dr. Mahathir duduk dikerusi itu mereka tidak boleh jadi proxy bagi kaum lain. Mereka mesti berjuang untuk kepentingan rakyat Melayu yang diwakili oleh mereka. Inilah agaknya yang mereka tak seronok berjuang untuk umat Melayu bukan dapat apa-apa.

Kemana mereka nak bawa pengikut jangan ditanya? Apa nak jadi pada anak cucu dan bangsa Melayu nanti jangan tanya? Yang penting semangat 46 mesti berkobar didada. Jatuhkan Mahathir kerana Mahathir diktator. Maka burung kakak tua pun sana sini terpekik dan terlolong. Orang yang tak kenal yang mana satu burung kakak tua yang mana satu manusia pun jadilah macam Pak Pandir, disuruh panggil Pak Haji dibawanya pipit Uban kerana dikepala burung pipit uban ada keputihan seperti kupiah Pak Aji. Apa nak buat bila ramai sangat yang merasakan diri pandai akhirnya jadi

pandir.

Inilah akibat dengar cakap burung kakak tua yang hidupnya jadi penulis upahan belajar pandai-pandai cari makan rosakkan bangsa sendiri. Inilah akibat yang terjadi bila anugerah yang tertinggi yang ada pada manusia yaitu akal dan fikiran yang waras berpandukan Al-Quran dan Hadith tidak digunakan.

Mereka tidak suka orang dikeliling Dr. Mahathir taat mengikut perintah dan berdisiplin. Mereka mahu semua rakyat menjadi kurang ajar dan engkar pada Perdana Menteri tetapi jadi Pak turut pada mereka saja. Cuba tengok betapa ramainya pegawai dan kakitangan kerajaan di Johor yang ikut saja seranan mereka supaya menolak kerajaan yang ada tanpa memikirkan risiko. Apakah kerajaan campuran DAP, Semangat 46 akan lebih baik dari kerajaan Melayu yang ada? Siapa akan menang tarik tali antara golongan fudeal dan sosialis?

# BERMAIN POLITIK?

9-0ct-1988  
Kuala Lumpur

Saudara Pengarang,

Semua orang sudah tahu bahawa bekas Timbalan Perdana Menteri yang juga bekas Timbalan Presiden UMNO, Datuk Musa Hitam adalah seorang pemimpin yang agak pintar bermain politik.

Tindak-tanduk beliau meletak jawatan dahulu dan kemudiannya setelah dipujuk, menerima semula jawatan Timbalan Presiden UMNO menunjukkan bahawa beliau memang bermain politik.

Dalam pemilihan agung parti UMNO pada 24 April 1987, Datuk Musa bertanding dengan Encik Ghafar Baba untuk mempertahankan jawatannya itu. Tindakannya itu menimbulkan tandatanya setelah beliau meletakkan jawatan tersebut kemudian hendak dipertahankan semula. Ramai yang menuduh Datuk Musa mempunyai motif tertentu.

Dalam pemilihan itu, ketika berkempen Datuk Musa telah mengajak lain-lain pemimpin UMNO bersama-sama beliau menyerang kepimpinan bekas bossnya, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Akibatnya beliau tewas dan pemimpin-pemimpin UMNO yang memegang jawatan menteri dan timbalan menteri dalam kabinet telah dipecat dan sebahagiannya meletak jawatan.

Datuk Musa kemudian merayu Dr. Mahathir supaya melantik semula rakan-rakannya yang telah dipecat. Apabila Mahathir menolak Datuk Musa mula merajuk.

Pertelingkahan di kalangan masyarakat Melayu terus menjadi-jadi dan berlarutan hingga sekarang akibat daripada tindak-tanduk Datuk Musa dan para pengikutnya.

Akibat daripada berpanjangnya pertelingkahan itu beberapa pihak telah membawa UMNO ke mahkamah sehingga menyebabkan parti itu terkubur.

Team A dan Team B kemudiannya berebut-rebut untuk menubuhkan parti baru. Malangnya hanya UMNO (baru) sahaja yang diterima manakala parti-parti lain ditolak.

Datuk Musa kemudiannya mengambil langkah bijak dengan menyertai UMNO (baru) dan dilantik

pula sebagai Ketua Penaja UMNO (baru) Bahagian Segamat. Datuk Musa kemudiannya memainkan peranan untuk menyejukkan keadaan sambil memasukkan jarumnya.

Beliau kembali menggesa Dr. Mahathir supaya menerima kembali rakan-rakannya yang dipecat. Sekali lagi Dr. Mahathir menolak. Maka sekali lagi Datuk Musa merajuk dan peristiwa di Segamat menjelaskan kedudukan beliau yang sebenarnya.

Beliau mengemukakan bahawa beliau tidak akan menyertai UMNO (baru) dan melepaskan jawatannya sebagai ketua penaja bahagian. Datuk Musa terus memainkan peranannya.

Di Johor Bahru, Datuk Musa menunjukkan sifat marahnya kepada Dr. Mahathir. Peranannya dimainkan melalui pita video dan kemudiannya beliau cabut lari ke London. Inilah stail Datuk Musa.

Kemudian beliau mainkan pula isu perdamaian. Sekali lagi orang tahu bahawa ini cuma taktik Datuk Musa.

Apa yang dipertikaikan sehingga blakah Datuk Musa akan berterusan berperangai begini. Apakah beliau



DATUK MUSA HITAM

sedar dengan apa yang dilakukan?

Oleh itu adalah penting Datuk Musa menyatakan pendirian dan kedudukan sebenar beliau. Siapa yang benar-benar beliau sokong dan apakah tujuan sebenar yang tersembunyi di sebalik hati kecilnya.

Pemimpin Desa,  
Kuala Terengganu, Terengganu.

Hidupkan  
28-10-88  
UMNO lama:  
**UNTUK  
TUTUP  
KESALAHAN  
- Datuk Isa**

**PARIT RAJA:** Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Isa Abdul Samad menyifatkan tindakan golongan tertentu yang berusaha untuk menghidupkan UMNO lama adalah semata-mata untuk menutup kesalahan mereka yang menyebabkan UMNO diharamkan.

Katanya, sebenarnya mereka yang kononnya mahu menghidupkan semula UMNO lama inilah menyebabkan UMNO mati tetapi mereka tidak mahu mengaku kesalahan mereka kerana takut semua orang Melayu akan marah.

"Jadi untuk menutup kesalahan mereka itu, mereka pun membuatlah berbagai usaha yang menggambarkan seolah-olah mereka tidak bersalah. Tapi sebenarnya rakyat tahu mereka-lah yang bersalah," kata beliau.

Bercakap kepada WATAN di sini, beliau juga berkata UMNO Negeri Sembilan tidak akan menyokong sebarang usul yang mahukan perlembagaan UMNO lama dikekalkan dalam UMNO baru melalui perhimpunan agung parti itu 28 Oktober ini.

Menurut Datuk Isa, UMNO lama telah diharamkan, maka sebagai penghormatan kepada badan kehakiman yang merupakan badan bebas di negara ini, perlembagaan UMNO lama sebenarnya tidak boleh digunakan lagi.

"Kita sebagai parti pemerintah akan tetap menghormati badan kehakiman ini dengan menolak sebarang usaha mahu menggunakan perlembagaan UMNO lama itu. Tapi kalau ada sesiapa yang mahu membawa usul mengenainya, terpulanglah," katanya.

Beliau juga memberitahu, perlembagaan UMNO baru sewajarnya diterima oleh semua pihak memandangkan perubahan yang dilakukan hanyalah lebih kurang 5 peratus sahaja.

"Itupun kita meminda demi kebaikan parti dan masa depan orang-orang Melayu," tegas beliau lagi.

## TERHUTANG BUDI TERGADAI BODY

Datuk Shahrir Samad calon bebas di Johor Bahru terhutang budi pada DAP dan para pengundi Cina yang memberikan kemenangan majoriti yang besar padanya. Tunku pula terhutang pada pengundi Cina yang memberikan undi pada Shahrir.

Shahrir terhutang budi pada orang Melayu Johor Bahru, pada ahli UMNO haram 46, pada anggota PAS yang telah membantunya. Pada Musa Hitam gurunya dan orang-orang Musa, pada Tan Sri Othman Saat dan orangnya, pada Tengku Razaleigh Hamzah dan orang Kelantan yang memihak pada Ku Li.

Kebiasaan orang Melayu kalau sudah terhutang budi, maka beratlah tanggungjawabnya. Hutang emas dibayar dengan emas, hutang nyawa dibayar dengan nyawa, hutang budi dibawa mati. Kalau tak terbayar maka tergadailah body.

Ikutkan nafsu lesu. Ikutkan rasa binasa. Ikutkan hati mati.

Mati yang dimaksudkan bukan badan terkubur di liang lahad, tetapi mati akal. Tubuhnya bebas dan perasaan dan pemikiran terjerat kerana tersalah percaturan politik.

Sekarang nampaknya Musa mahu berdamai dengan Dr. Mahathir tentu kerana kepentingan politiknya. Ku Li dan orangnya apa nak jadi? Pandai Musa main politik. Apakah Ku Li mahu sokong calon bebas dari Johor lagi?

Nampaknya perkara yang sama, akan dialami oleh siapa saja yang akan menjadi calon bebas di Parit Raja. Terhutang budi akan tergadai body.

Bertanding atas calon Bebas yang tidak bebas, samalah seperti nasib nelayan dan penanam padi, yang terpaksa menanggung penyeksaan



hidup disebabkan oleh orang tenaga. Dalam politik pun ramai yang lintah darat, kapitalis politik.

Saya merasa sangat pelik apakah benarnya yang hendak diperjuangkan oleh mereka yang berselindung di sebalik UMNO 46. Ke mana matlamat perjuangan mereka sebenarnya? Menyokong calon Bebas untuk apa?

Rakyat yang memberikan undi pula atas dasar apa undi diberikan pada bebas? Undi kerana semata-mata sentimen Johor bencikan Mahathir atau ikut-ikutan gembala saja? Sampai bila nak jadi alat?

Orang buta pun kalau mereka mahu menaiki bas, mereka akan bertanya, apa no bas yang nak dinaiki? Ke mana arah tuju bas ini? Kenapa kita yang celik ini terburu-buru beri sokongan pada calon Bebas? Sudah matikah perjuangan semangat 46 hingga sanggup menyerahkan diri pada calon bebas yang tidak jelas ideologi dan perjuangannya?

Pemimpin-pemimpin yang menggerakkan semangat 46 ini berkata perjuangan mereka untuk membela nasib bangsa dan agama. Benarkah apa yang dikata? Kalau betul siapakah pemimpin mereka yang sebenarnya yang mahu berbuat demikian. Tunku, Ku Li, Musa atau Shahrir?

Yang jelas bagi saya cakap-cakap Tunku Abdul Rahman cakap yang tidak serupa bikin. Singapura itu cukuplah sebagai contoh. Ramai cerdik pandai Melayu yang mengasaskan parti Gerakan, akhirnya Pulau Pinang terserah pada siapa? Tunku sendiri sajalah yang hidup-bahagia di Pulau Mutiara itu.

Buaya pandai menangis, tahun 1969 masa peristiwa berdarah, 13 Mei Tunku menangis juga. Apakah air mata yang gugur dari mata Tunku itu air mata keramat? Apakah di Parit Raja nanti Tunku akan menangis lagi?

Seorang yang dinamakan bapa Kemerdekaan, seorang tua yang digelar Bapa Malaysia, seorang yang bertaraf negarawan, patutkah beliau menyokong Datuk Shahrir sebagai calon Bebas menentang calon kerajaan? Dan sekarang mahu berkempen untuk calon Bebas di mana saja dan sanggup berkongsi dengan siapa saja.

Sekiranya Sharir menang atas tiket Semangat 46, soalan ia bertanding atas dasar individu atau atas perjuangan untuk membela nasib rakyat tak perlu saya timbulkan, tetapi kerana Shahrir menentang calon kerajaan yang dulunya dia bertanggungjawab, keatas keputusan yang diambil bersama. Saya timbulkan soalan ini kerana trend yang sama akan diikuti oleh calon Bebas di Parit Raja nanti.

Hari ini DAP mendakwa kemenangan Shahrir adalah kemenangan DAP. Semangat 46 pun mendakwa merekalah yang memperjuangkan Shahrir hingga Shahrir boleh menang. Ada juga ahli PAS yang bekerja keras selain dari menggunakan akhbar suara PAS. Mereka turut berkempen di Johor Bahru. Apakah kemenangan Bebas benar-benar bebas? Kasihan Shahrir ramai semangat yang hendak menanggungnya.

Sepatut para pemimpin menjadikan diri mereka tiang seri. Pemimpin masyarakat Melayu tak patut jadikan diri sebagai bahan yang jadi alat mata kapak untuk menumbangkan pokok yang rendang tempat kita semua berteduh.

Kasihan mereka yang cuba memperjuangkan semangat UMNO haram 46, nasib mereka tak ubah seperti keluar dari mulut harimau masuk ke mulut buaya. Mungkin mereka ini jujur, ikhlas, tetapi sayang telah terpedaya, terperangkap dalam permainan politik tinggi, politik dalam politik.

Dulu UMNO terpaksa berhutang budi pada MCA kerana ketika itu orang Melayu ramai yang miskin dan masih belum celik. Hari ini nampaknya UMNO 46 haram di belakang terpaksa berhutang budi pada DAP dan entah siapa-siapa lagi untuk mendapatkan kemenangan kawan-kawan desperado diseluruh negara.

Manusia hidup makin hari sepatutnya makin maju. UMNO (baru) sudah berjaya bebas dan boleh berdikari. Merka kini menguasai kerajaan dan ramai hartawan serta cerdik pandai dalam UMNO baru.

Sayang!...pemimpin yang sepatutnya membawa pengikut untuk terus maju, sebaliknya memutarakan waktu dan mundur ke belakang. Tetapi ramai yang berterik supaya mereka didamaikan.

Saya tidak akan turun ke Parit Raja untuk berkempen. Pertama,

kerana saya bukan pengundi, lagipun saya bukan ahli UMNO. Cukuplah berkempen di Johor Bahru tempoh hari.

Di Johor sudah ada YAM Muhyiddin selaku Menteri Besar dan Mustapha Muhammad selaku Menteri Pusat juga Ahli Parlimen Seri Gading dan Haji Ikhwan Nasir selaku Pegawai Penerangan Khas. Bila lagi mereka nak tunjukkan bakat dan berkemampuan memimpin? Bila lagi nak tunjukkan mereka bukan ahli politik subsidi?

Sekiranya calon Barisan Nasional menang, bolehlah Muhyiddin, Mustapha Muhammad mungkin Ikhwan sendiri dikurniakan anugerah Datuk oleh Tunku D.Y.M.M Sultan Johor. Kiranya kalah juga lagi calon Barisan Nasional, tidaklah menghairankan kerana masa Tunku jadi Perdana Menteri dulu pun Kelantan dan Terengganu terlepas ke tangan PAS. Tapi bila Bebas menang lagi terpaksa jawatan-jawatan ini dibahagi-bahagikan kepada Tok Musa, Shahrir dan kuncunya. Kerana huru-hara yang berlaku hari ini akan reda bila mereka dapat bertukar tempat duduk, kerusi Mustapha beri balik kepada pada Shahrir yang pernah menjadi Menteri Welfare dan berikanlah kerusi Menteri Besar kepada Datuk Musa Hitam. Kasihan dia tak ada kerja. Mungkin huru hara ini boelh selesai. Kalau Tok Musa tolak, mungkin Pak Seman ingin duduk semula menjadi Menteri Besar, lepas itu baru mereka boleh berdamai dengan senang hati.

Hidup mesti berkorban atau melawan. Kalau Shahrir dan Rais Yatim berani bakar jambatan kenapa tidak Mustapha dan Muhyiddin? Mereka mesti berani bakar perahu menang atau mati. Tentu mereka berdua ini boleh buktikan pada Dr. Mahathir kemampuan dan kebijaksanaan mereka. Ini kerusi orang mati yang menjadi rebutan. Kerusi yang ditinggalkan oleh orang mati tak sepatutnya dijadikan rebutan tetapi kalau Bebas nak rebut juga kena pakai amanat orang tua-tua. Langkah mayat jaguh-jaguh UMNO baru dulu kerana kerusi orang mati ini salah ambil tak selamat. Tengok Hussein Onn, Haji Suhaimi, Mokhtar Hashim dan Ikhwan Nasir sendiri yang jadi Ahli Parlimen ambil alih kerusi orang mati.

Biarlah orang Johor sama orang Johor saja yang menyelesaikan politik Johor.

Kalau baru Parit Raja saja pemimpin Johor tak boleh jaga, bagaimana

kiranya diadakan pilihanraya di sungai atay di laut raja?  
Nampaknya elok cari kerja lain sajalah. Ini yang terjadi bila kerusi yang menjadi matlamat, sepatutnya perjuangan atau ideologi yang diutamakan bukan kemahuan dan keinginan individu yang diberi perhatian.

Bila pemimpin bersikap seperti daun pintu berinsel dua, ditolak ke kiri boleh ke kanan pun boleh. Jadilah diri sebagai pintu pagar keretapi, pintunya sentiasa terbuka dan tertutup. Bila kenderaan lain lalu tertutup untuk keretapi. Sorong makan ditarik makan. Politik apakah dinamakan ini? Bolehkan negara diserahkan pada manusia yang kita tidak tahu ideologi dan perjuangan mereka?

Sudah menang di Johor Bahru, Bebas tidak puas, mahu pula Parit Raja, pada hal kemenangan di Johor Bahru itu akan membawa satu malapetaka yang tersembunyi yang masih belum dapat dilihat oleh umat Melayu yang terlena dan yang tidak mengerti apa itu politik dalam politik.

Ramai yang mempersendakan saya bila Shahrir menang dengan majoriti lebih dari 12 ribu undi. Mereka tidak membaca apa yang tersirat dalam tulisan saya. Kalau semua ramalan saya sudah tepat itu satu petanda yang merbahaya.

Shahrir sudah menang satu kerusi, boleh buat apa dia dengan satu kerusi Parlimen melainkan bekerjasama dengan DAP yang telah memberikan kemenangan padanya. Banggakah orang Melayu dengan kerjasama Bebas, DAP di Parlimen nanti? Dan calon Bebas di Parit Raja mahu satu kerusi di Dewan Undangan pula nampaknya macam Portugis minta tanah.

Sifat semula jadi manusia tidak tahu cukup, maka mereka yang pernah gunakan nama UMNO 46 juga kan jadi calon-calon Bebas di tempat-tempat yang lain. Mereka juga harus jadi kuda tunggangan atau ayam sabung. Siapa saja demi untuk mendapatkan kemenangan pada kerusi-kerusi yang bakal mereka kosongkan.

Inikah yang mereka laung-laungkan sebagai perjuangan untuk agama dan bangsa? Saya berpendapat lebih baik penyokong dan pemimpin UMNO 46 tidak lagi gunakan semangat UMNO 46 itu sebagai barang perniagaan mereka.

Menyokong calon Bebas bertanding atas calon Bebas bergabung dengan DAP dan PAS inilah yang menjadi perjuangan UMNO 46 masa matinya UMNO.

Mari kita bertanya, apakah ideologi DAP Apakah Ideologi Shahrir? Samakah ideologi Shahrir dan Tengku Razaleigh? Mungkin Tunku dan Ku Li sama. Kalau dalam satu gabungan mereka mempunyai ideologi yang bercanggah antara satu dengan yang lain. Ke mana arah mahu dibawa pengikutnya nanti?

Antara pengikut sama pengikut sendiri kini terumbang ambing tidak tahu lagi siapa yang nak diikuti, tidak mungkinkah Parit Raja nanti akan Longkang Raja? Berfikirlah. Berfikir itu pelita hati.

## **PALING SIAL**

Mereka ini  
paling sial mereka ini  
di dalam bangsaku  
yang hidupnya cuma untuk  
tahu mengikut sesuatu  
dengan kepala yang beku.

Mereka ini  
paling sial mereka ini  
di dalam bangsaku  
yang hidupnya cuma  
cari ambil tahu  
pincang kurang sesuatu  
untuk bisa cerca mencerca  
keadaan itu.

Mereka ini  
paling sial mereka ini  
di dalam bangsaku  
yang hidupnya cuma  
usaha berusaha untuk mendiskarigi  
saudaraku mana-mana saudaraku  
yang mau menapak maju.

Kampung Selamat  
8 Jun 1968

*(Utusan Zaman, 28 Julai 1968)*

OLEH  
*Datuh Ahmad Sebi*

dipetik dari buku  
**KEPADA MAHATHIR**

## SANG RAJUNA TAPA MENJELMA DI PARIT RAJA

Tingkah laku dan perbuatan Datuk Shahrir di Dewan Rakyat tidak mahu angkat sumpah kepada Yang DiPertua Dewan Rakyat mengingatkan saya kisah Sang Rajuna Tapa semasa pemerintahan Raja Iskandar Shah, Sultan yang memerintah Singapura dari tahun 1388 hingga 1391.

Jatuhnya sebuah kerajaan Melayu lebih kurang 600 tahun dahulu adalah disebabkan oleh sifat pendendam dan marah Sang Rajuna Tapa kepada raja yang telah menghukum anaknya. Rajuna Tapa sanggup bersubahat dengan musuh yang datang menyerang negaranya sedangkan masalah Rajuna dan raja adalah masalah pribadi.

Sang Rajuna Tapa tidak percaya pada kadak dan kadar. Masa raja berkahwin dengan anaknya dia senang hati, bila raja menyula anaknya kerana difitnah bermukah dia membalas dendam dengan memberikan kerjasama dengan musuh bangsa dan negara apabila negara diserang oleh musuh. '*A bad looser*'

Sekarang mereka yang telah membantu dan memberikan kemenangan kepada calon bebas, Shahrir Samad mesti berfikir. Sayang seribu kali sayang Shahrir baru ada satu kerusi di Parlimen tapi sudah pun menunjukkan kesombongan dan keangkuhannya, sedangkan kawannya Hamdan (ikan kecil) yang akan bertanding di Parit Raja belum pun menang lagi. Kalau 46 haram dapat satu lagi kerusi bebas yang diwakil oleh ikan piranha di Dewan Undangan Johor tunggulah angkara buruk yang akan menimpa negara. Sekarang pun Musa Hitam dan Shahrir telah mengenenepikan kehendak Ku Li yang mahukan calonnya yang dipilih oleh Othman Saat belumpun dapat apa-apa mereka sudah bertelagah.

Tidak lama lagi rakyat akan sedar bahaya memberikan undi mereka pada calon 'Bebas'. Kebebasan bererti terdedah dan apa saja yang terdedah akan menjadi mangsa nafsu mereka yang senang pada pendedahan, sebab itu benda-benda yang berharga didalam tubuh manusia tuhan letakkan ditempat yang tersembunyi disuruhnya manusia menutupnya kerana takut godaan syaitan yang suka kepada kebebasan.

Kemenangan 46 haram telah pun memberikan gambaran bahawa umat Melayu sedang menuju kehancuran. Inilah akibat memberikan kuasa kepada orang yang tidak berhak memileki kuasa.

Kejatuhan kerajaan Melayu Melaka adalah disebabkan tindak tanduk segolongan pengkhianat bangsa yang bertopengkan Islam. Golongan oportunist yang bijak menangguk di air keruh, dan menjerat di pengertian, untuk memuaskan nafsu tanpa memikirkan kehancuran maruah bangsa dan negara tercinta. Lupakah kita pada sejarah kegemilangan kerajaan Melayu Melaka di kurun 15 yang telah hancur berkecai kerana permainan golongan yang memegang kunci Kota Melaka yang telah bersubahat dengan Portugis. Cuba kita kaitkan kunci dan peristiwa 446 tahun dahulu semasa bangsa Melayu terjajah. Dari 1511 hingga 1957 selama 446 tahun betapa hina dan menderitanya umat Melayu. Kunci dan semangat nostalgia 46 mengingatkan kita kepada sesuatu yang sangat memilukan hati. Sekiranya kita hilang semula kebebasan yang baru kita dapat kembali selama 31 tahun. Wal hasil balik asallah nampaknya.

Anak kunci pintu untuk menjatuhkan kerajaan Melayu hari ini berada ditangan seorang Rajuna Tapa moden. Rajuna Tapa dengan bantuan DAP dan kaum Cina telah berjaya mendapat anak kunci yang akan memberikan kebebasan kepada semua rakyat sama rata sama rasa, tidak ada lagi Cina Melayu dan India. Semuanya akan jadi Malaysian Malaysia, maka akan berjayalah Malayan Union yang dimimpikan oleh Great Britain di tahun 1946 dulu.

Mungkin Sang Rajuna sedang membuat perundingan dengan MCA untuk tawar menawar pembahagian kuasa. Kalau MCA mahu bergabung dengan bebas, bebas akan



tawarkan peluang-peluang yang lebih baik dari yang telah didapati dari kerajaan yang dipimpin oleh Dr. Mahathir kepada orang Cina hari ini. Mungkin lebih banyak kerusi akan diberikan kepada kaum Cina kalau MCA mahu kerusi Kementerian Kewangan, Menteri Dalam Negeri dan yang lain-lain juga boleh dirundingkan. Yang penting pemimpin semangat 46 dapat kerusi Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, dan Rais Yatim, Ibrahim Ali, Ibrahim Azmi, Rahmah Osman, Marina, Datuk Harun, Othman Saat, Manan Osman. Nak tambah satu lagi kerusi Timbalan Perdana Menteri oleh kaum Cina pun boleh menjadi menteri.

Apa nak jadi pada para pegawai kerajaan Melayu yang selama ini ada kedudukan dan pangkat dan ramai lagi siswazah Melayu yang menganggur. Itu tidak penting kerana mereka sudah belajar yang pegawai kerajaan hari ini pun sudah pandai belot dan tentang kerajaan. Apakah satu hari nanti kakitangan kerajaan tidak akan menentang mereka. Cina minta nak jadi D.O atau OCPD mereka akan beri.

Pilihanraya umum akan tiba, esok atau lusa. Pintu-pintu untuk masuk ke negara kuncinya kini berada ditangan parti haram 46 yang bersedia untuk berkerjasama dengan siapa saja. Yang penting membalas dendam terhadap Dr. Mahathir kerana Dr. Mahathir telah membuang mereka dari kabinet dan tak terima masuk UMNO (Baru).

Siapa nak jadi Perdana Menteri, Musa atau Ku Li. Pada saya kedua-duanya saya tak setuju. Masakan Shahrir atau Rais Yatim. Musa akan lawan Ku Li, Rais akan lawan Shahrir merebut kerusi Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Dan siapa pun tidak akan merasa kebahagiaan dan kesejahteraan dari perjuangan semangat 46 melainkan kerja mereka hanya akan menghancurkan umat Melayu dan rakyat Malaysia.

Cuba kita buat kira-kira hari ini. DAP ada 24 kerusi di Parlimen. Pilihanraya umum nanti pasti semua kerusi MCA akan di sapu oleh DAP kerana MCA tumpang undi Melayu dan orang Melayu sudah berpecah. Undi Cina dimana-mana pun demi untuk perjuangan kecinaan mereka tetap 'solid' 40 kerusi. Bebas yang didokong oleh parti 46 haram mungkin

dapat 30 kerusi PAS 5 kerusi. Siapa tahu PBS, SUPP dan lain-lain parti yang sealiran akan bantu mereka dengan 30 lagi, mereka akan ambil alih kerajaan. Siapa nak jadi Menteri Pelajaran Ho Se Pang atau P.Pato, tak apa asal Anwar Ibrahim hilang dari jawatan sudah.

1391 adalah tarikh gugurnya kerajaan atau empayer Melayu nusantara kemudian menjelma semula di Melaka, akhirnya 1511 - akibat dendam membara akibat dengki, iri hati, hasad dan fitnah yang dilakukan oleh para pemimpin Melayu terhadap bangsanya sendiri dan dengan bantuan sipetualang, pembelot yang ada kunci ditangan, bangsa Melayu hilang hak ketuanannya di bumi sendiri selama 446 tahun. Kita tertindas dan hidup dalam kehinaan hinggalah kita mendapat kemerdekaan pada tahun 1957.

Lembu punya susu sapi yang dapat nama. Mereka yang memperjuangkan kemerdekaan dilupakan, orang yang hanya menjadi Negotiator diagung-agungkan sebagai Bapa Kemerdekaan. Pada saya dia tidak lebih dari 'Bapa kucing' seperti tulisan saya di buku 'Talqin Untuk UMNO'.

Apakah baru 31 tahun kita bebas dan merdeka, kita sedang menuju ke arah menjadi satu bangsa yang besar di bidang industri yang sudah mula dikenal oleh dunia yang akan menandingi Jepun dan Korea, kita akan biarkan Negotiator kemerdekaan dan geng-geng haramnya meruntuhkan empayar yang akan terbena?

Penduduk Melayu di Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand berjumlah ratusan juta akan menjadikan bangsa Melayu yang disegani oleh dunia. Patutkah kita biarkan segolongan pemegang kunci dan ikan piranha menjadikan kita budak-budak British semula?

Pemimpin 46 sudah menunjukkan belang-belang mereka. Sejarah telah mengajar kita siapa mereka yang sebenarnya. Pribahasa telah mengatakan anjing yang sudah biasa makan tahi kalau tak makan pun cium juga. Hampir semua dari golongan mereka pada satu ketika telah melakukan dosa-dosa besar terhadap umat Melayu.

Kesemua pemimpin 46 pernah diberi kuasa, undi dapat dari orang Melayu. Apa yang telah mereka buat semasa didalam kerajaan? Apakah mereka sungguh-sungguh memperjuangkan hak dan nasib bangsa Melayu? Kenapa sekarang baru nak mempersoalkan kerajaan Melayu yang ada? Apakah manusia yang bernama Melayu kini cepat sangat lupa bukannya dari golongan para pemegang kunci inilah dulunya pernah terdapatnya golongan yang telah mencuba membuka pintu UMNO 46 pada bangsa asing. Hussein Onn pernah menjadi pembelot meninggalkan perjuangan, tinggalkan kerusi Ketua Pemuda merajuk kerana orang Melayu tak setuju hidung mereka ditarik. Tunku telah menghadiahkan Singapura kepada Cina diatas dulang perak kerana semangat kucing yang sudah sebatu dalam diri.

Musa lepaskan Sabah kepada Pairin Ketingan semasa dia jadi Pemangku Perdana Menteri semasa Dr. Mahathir tak ada dalam negeri. Musa Hitam sekarang cakap nak menyatu padu dan memperjuangkan nasib Melayu. Siapa kini yang hendak mengembalikan orang Melayu dan Raja-raja mereka menjadikan Malayan Union yang sangat ditakuti oleh Melayu. Kalau itu yang semangat 46 mahukan berterus terang saja. Mungkin ramai golongan mereka akan setuju, jadikanlah saja Malaysia sebagai hak milik bersama Malaysian Malaysia. Buat apa bersembunyi disebalik semangat 46. Konon semangat nak membangunkan bangsa. *'You can cheat somebody sometime but you cannot cheat everybody everytime.'*

Tapi nak buat macam mana jurucakap bagi pihak 46 haram ini seperti seekor burung kakak tua dalam buku cerita inggeris 'The Treasure Island' dalam kapal lanun ada seorang ketua lanun yang bernama 'long John Silver' penyamun yang mempunyai satu kaki saja. Diatas bahunya lanun ini ada seekor burung kakak tua.

Dalam golongan parti haram 46 juga ada seekor burung kakak tua yang pandai berkata-kata.

Burung kakak tua yang ada M.A '*master of copycats*' kakak tua jantan ini pandai berkata Shahrir Wira, Ku Li wira. Semangat 46 mesti berjaya berjuang kerana bangsa. Penyamun tarbus wira...wira.

'Hello....hellao... Mahathir Diktator.... Mahathir jahat... busuk... Tipu... Demokrasi sudah mati... Semarak... Semarak habiskan wang rakyat. Hellol... diktator. Mahathir diktator Shahrir wira, Mahathir diktator. Demokrasi sudah mati, 46...46..46... semangat 46. Johor Bahru Shahrir wira. Parit Raja 46... semangat wira.'

Orang ramai pun kagum. Ada juga burung kakak tua yang pandai cakap politik yang ada M.A. Tiap-tiap minggu dimana-mana suara kakak tua ini lantang kedengaran.

Mereka diatas bahtera semangat 46 besar hati punyai seekor burung kakak tua yang dibawa dari Australia boleh ulangi cakap-cakap tuannya, seperti burung kakak tua kepunyaan lanun 'long John Silver' yang pandai menyanyi 'Ya ho..ho.. ya ho..ho.. and a bottle of rum!'

Pilihanraya kecil di Parit Raja mengingatkan saya kepada satu cerita dalam Ihya Ulumuddin karya Imam Al-Gazali bagaimana seorang laki-laki telah menangkap seekor burung pipit terpegun mendengar pertanyaan burung tersebut.

"Apakah yang kamu ingin buat terhadap aku."

'Nak sembelih dan makan engkaulah'.

'Bukan ada gunanya kau makan aku, kenyang pun tidak seberapa, puas pun tidak juga, lebih baik engkau dengar tiga cerita daripada kau makan aku.' Cerita pertama akan aku ceritakan selepas aku bebas dari tanganmu. Kedua apabila aku berada di pohon dan Ketiga apabila aku berada diatas bukit.

'Cuba engkau ceritakan yang pertama'. Orang itu minta pada burung pipit.

'O.K. No problem, pertama engkau mesti ingat bahawa jangan engkau gundahkan apa yang telah hilang dari engkau.'

Lalu laki-laki itu pun lepaskan burung itu, sesudah burung itu berada diatas pohon bertanyalah lelaki itu bagaimana dengan cerita yang kedua?

'Janganlah engkau benarkan apa yang tidak ada, bahawa ia akan ada'. Maksud kata burung itu janganlah berangan-angan.

Burung tersebut pun terbang lalu berkata, 'Hai orang celaka! Jikalau engkau sembelih aku nescaya akan aku keluarkan dua biji permata dari perutku dan berat tiap-tiap mutiara tersebut dua puluh gram.'

Laki-laki tersebut mengigit bibir dan mengeluh serayu berkata, katakanlah yang ketiga.

'Engkau telah lupa yang dua tadi maka bagaimanakah aku terangkan yang ketiga? Apakah aku tidak mengatakan kepada engkau bahawa engkau jangan mengeluh terhadap apa yang telah hilang dari engkau dan jangan engkau benarkan apa yang tidak ada. Aku, dagingku, darahku. Buluku tidak akan ada dua gram. Bagaimana akan berada didalam perutku mutiara yang seberat 20 gram.' Burung itu terbang lalu hilang.

Shahrir Samad sudah dapat satu kerusi Parlimen pengundi di Johor Bahru nak tuntutan apa lagi darinya. Dia calon bebas ada kepak boleh terbang kemana dia suka. Begitulah nanti nasib para pengundi di Parit Raja sesudah mereka berikan undi pada 'Ikan Piranha' Hamdan Yahya.

'Ikan piranha' juga akan menghilang kedalam air setelah sekiranya dia mendapat kemenangan. Ikan kecil didalam parit yang mengalir terus ke sungai. Siapa tak kenal Hamdan Yahya (ikan kecil) dalam dunia perniagaan. Ikan kecil bukan saja nak makan ikan besar, daging pun nak ditelannya. Akhirnya orang Melayu berniaga buluh kasap dan pantun Melayu 'ikan kekek mak iloi...iloi..., ikan gelama mak ilai... ilai..., dapat kerusi sukanya amboi..., tak sedar negara dan bangsa tergadai.

Mungkin ada yang masih ingat tetapi ramai yang sudah lupa, ramai yang menganggap bahawa Singapura baru dibuka oleh Raffles pada tahun 1819. Cerita tentang raja-raja Melayu pernah memerintah Singapura sebagai satu dongeng saja. Yang penting ialah Rajuna Tapa cuma hilang satu anak saja tetapi rela mengorbankan bangsa dan negara. Ini sebenarnya

persoalan personal, tak patut rakyat yang tak berdosa dijadikan mangsa. Nampaknya Sang Rajuna Tapa menjelma semula. Sejarah kejatuhan ketuanan bangsa Melayu akan berulang kembali.

Setelah tenggelam kerajaan Melayu Singapura, timbul kerajaan Melayu Melaka. Jatuh dan tergulingnya kerajaan Melayu Melaka kerana dengki, hasad dan fitnah. Sekarang pintu-pintu masuk ke Malaysia, Johor Bahru - Shahrir, Selangor - Datuk Harun, Perlis - Radzi Sheikh Ahmad, Kelantan - Tengku Razaleigh. Fikirkanlah betapa hebatnya mereka ini kesemuanya orang-orang yang berhak berkuasa tiba-tiba hilang kuasa.

Kemerdekaan dan kebebasan yang baru didapati oleh calun bebas mereka rasakan ialah kemerdekaan yang sebenarnya. Mereka boleh berkata apa yang mereka suka tanpa takut, tanpa gentar. Tidak pernah orang Melayu seberani ini sebelumnya. Dr. Mahathir adalah pemimpin Melayu yang pertama yang telah memerdekakan pemikiran orang Melayu dengan memberikan mereka Demokrasi yang sebenarnya. Bebas berkata tapi kita bimbang mereka yang bebas ini akhirnya tidak takut, tidak segan pada raja dan pemerintah, mereka jadi terlalu berani. Pada tuhan pun sudah tidak takut lagi melainkan takut rugi. Darjat kemanusiaan akan menurun ketaraf kekufuran. Ketika itu nafsu menguasai fikiran. Maka binasalah bangsa dan negara.

# MUSA SUDAH TERPERANGKAP

**PARIT RAJA:** Bekas Setiausaha Politik Timbalan Perdana Menteri, Ruhanie Ahmad menyifatkan tindakan Datuk Musa Hitam menyokong kumpulan Semangat 46 adalah kerana terperangkap dengan taktik Tengku Razaleigh Hamzah untuk memecahbelahkan perpaduan Melayu.

Katanya kepada penduduk Kampung Parit Raja Darat di sini, Datuk Musa tidak wajar menjual maruah bangsa sendiri kepada kumpulan yang selama ini menentang ketuanan Melayu.

Menurutnya sikap pemimpin itu yang tergamak bersekutu dengan parti DAP semata-mata untuk menentang Barisan Nasional di Parit Raja membuktikan kumpulan calon Bebas Haji Hamdan Yahya tidak lagi mempunyai maruah bangsa.

Beliau menyifatkan kumpulan itu sanggup melakukan apa sahaja untuk memecah belahkan bangsa sendiri kerana terperangkap dengan dakyah politik Tengku Razaleigh setelah kalah merebut jawatan Presiden UMNO tahun lalu.

Beliau juga berkata bahawa Datuk Shahrir Abdul Samad sebagai pemimpin Johor juga telah menjualkan perjuangan bangsa semata-mata kerana kecewa tidak menjadi pemimpin UNNO (baru) bahagian Johor Bahru.

Katanya, Datuk Shahrir sendiri pernah mendesak Menteri Besar Tan Sri Muhyiddin supaya melantiknya sebagai ketua UMNO (baru) bahagian itu.

Oleh: **HAMDAN RAJA ABDULLAH**

"Tetapi apabila pemimpin pusat menolak, beliau terus bertindak menentang UMNO (baru) dan juga kerajaan, katanya.

Menurutnya lagi apa yang menyedihkan ialah sikap Datuk Shahrir sanggup menjadi alat kepada Tengku Razaleigh untuk menentang bangsa sendiri walaupun tahu niat pemimpin Kelantan itu sebenarnya tidak jujur terhadap orang Melayu.

Katanya selepas UMNO baru ditubuhkan Datuk Shahrir pernah mencabar penyokong-penyokong Tengku Razaleigh supaya mendesak pemimpin mereka meletak jawatan di Kelantan dan bertanding semula untuk mengetuai kumpulan '46.

"Tetapi Tengku Razaleigh tahu kumpulan UMNO '46 Kelantan akan kalah kepada PAS lalu memujuk Datuk Shahrir supaya memulakan gerakan menentang kerajaan di Johor Bahru," jelasnya.

Katanya, orang Melayu Johor harus sedar permainan politik Tengku Razaleigh itu, mahu melemahkan kekuatan Melayu di negeri ini.

Beliau merayu pengundi Parit Raja supaya menolak kumpulan calon Bebas demi menjaga kekuatan politik bangsa dan mengekalkan perpaduan masyarakat setempat.

## BANGUN, JATUH DAN JATUH LAGI MUSA HITAM

Sebaik-baik Pak Habib sampai ke pejabat, pada jam 9.00 pagi beberapa hari yang lalu setiausaha Pak Habib memberi tahu ada panggilan dari Datuk Jalal, bekas Timbalan Menteri Perumahan, EXCO Johor yang letak jawatan kerana telah dipermain-mainkan oleh Datuk Musa Hitam.

Tanpa membuang masa Pak Habib pun menghubungi dia. Begitulah yang selalu Pak Habib lakukan kerana penulis memang jarang ke pejabat.

“Salam mu alaikum Tok”

“Mualaikum salam, apa khabar Bib? Lama tak jumpa?”

“Syukur alhamdulillah. Tok apa macam?”

“Biasa saja, ini tengah baca Mingguan Kota yang Bib tulis. *Marina dalam video lucu dan Ibrahim Ali cium buntut Dr. Mahathir*, nampaknya you ada sebut saya “, kata Datuk Jalal sambil ketawa.

“Datuk selalu bagitahu, bila saya tulis mengenai Datuk Musa, Tok mahu saya tulis nama Datuk sama, saya sebutlah. Lagi pun saya suka kalau Tok dan Tok Musa boleh berbaik-baik semula.”

“Terima kasih, saya tak ada apa-apa, bila-bila pun boleh baik. Dah selesai bicara?” Belum sempat saya jawab, dia sambung lagi. “Kata you nak bawa saya sama jadi saksi?”

“Memang niat saya pada mulanya macam itulah, tapi saya kira Zakaria dari BPR seorang dah cukuplah, sebab itu saya tak panggil Tok, Tok Mat dan Datuk Daud Taha”.

“Macam mana you boleh dapat Zakaria ini?”



diberitahu bahawa bekas Timbalan Perdana Menteri, Dato' Musa Hitam telah mengarahkan supaya seorang pegawai penyiasat kanan Badan Pencegah Rasuah (BPR) diberhentikan daripada menyiasat dua buah syarikat di Johor Bahru.

Pegawai Penyiasat itu, Encik Zakaria Mohd. Esa, 51 memberitahu Mahkamah bahawa arahan tersebut diberikan kepada Timbalan Ketua Pengarah BPR ketika itu.

“Jabatan saya diarah supaya memberhentikan saya daripada menyiasat Dapat Sdn. Bhd., dan Bakland Sdn. Bhd., dan mendakwa bahawa saya menuntut bayaran daripada kedua-dua syarikat itu,” kata beliau.

Encik Zakaria memberi keterangan tersebut ketika disoal oleh peguam Abdul Razak Ahmad yang mewakili Syed Hussein Alattas yang disaman oleh Dato' Musa Hitam.

Perbicaraan yang disambung hari ini didengar oleh Hakim Dato' Lim Beng Choon.

Dalam keterangannya, Encik Zakaria mendakwa, kedua-dua syarikat itu mengeluarkan derma politik sebanyak \$1 juta kepada Dato' Musa atas pertolongan beliau mengarahkan supaya siasatan terhadap mereka dihentikan.

Dakwaan bahawa beliau menuntut bayaran daripada kedua syarikat itu, kata Encik Zakaria, adalah tidak benar.

“Penyerahan \$1 juta itu dibuat oleh Pengarah Urusan Dapat Sdn. Bhd., clement De Cruz kepada Dato' Musa. Penyerahan dan penerimaan yang dilakukan itu adalah satu kesalahan menurut SAeksyen 3A(1) Akta Pencegah Rasuah 42/61,” jelas beliau.

Menurut saksi itu, hasil siasatan beliau mendapati bahawa Bakland adalah syarikat bernilai \$1 yang menerima peruntukan 1,4000 ekar tanah di Johor Bahru daripada

seorang ahli perniagaan Singapura, Ng Eng Tee pada harga yang dipersetujui sebanyak \$15 juta.

Encik Zakaria juga memberitahu, 30 peratus daripada saham Bakland diperuntukan kepada UMNO Johor dan salah seorang pengarah Bakland, Dato' Yunos Sulaiman telah diamanahkan untuk menjaga kepentingan UMNO itu.

“Dapat Sdn. Bhd., pula menjalankan kerja-kerja pembinaan Holiday Inn dan Holiday Plaza yang terletak diantara Taman Melodies dan Taman Century di Johor Bahru,” tambah beliau.

Pegawai penyiasat itu juga berkata, tanah tapak pembinaan bangunan tersebut adalah tanah rezab bagi perparitan dan bukan untuk tujuan perdagangan.

Bagaimanapun, jelas beliau, Menteri Besar ketika itu, Tan Sri Haji Osman Saat telah meluluskan penukaran tanah rezab perparitan kepada tanah perdagangan walaupun pihak Majlis Perbandaran Johor Bahru membantah.

“Ekoran bantahan itulah saya memulakan siasatan atas arahan Pengarah BPR Johor ketika itu, Encik Ali Ghani. Sebenarnya, di bawah bangunan Holiday Inn dan Holiday Plaza itu mengalir sebatang parit besar yang dikenali sebagai Sungai Sengkuang,” kata Encik Zakaria.

Menjawab satu soalan lain daripada Encik Abdul Razak, saksi itu berkata, siasatannya juga mendapati bahawa Ng Eng Tee telah membeli sebuah kereta terpakai jenis Rolls Royce daripada Tan Sri Haji Osman Saat dengan harga \$170,000.

Bekas Menteri Besar itu tidak seharusnya menjual kereta tersebut kepada Ng kerana beliau adalah pihak ketiga yang meluluskan pembinaan bangunan Holiday Plaza.

Encik Zakaria juga mendakwa, Bakland dan Dapat Sdn. Bhd. telah memberi saham percuma bernilai \$18,248,000

kepada Timbalan Menteri Perusahaan, Dato' Haji Daud Taha.

Mahkamah juga mendengar keterangan daripada Pembantu Undang-Undang di Pejabat Pendaftar Mahkamah Agung, Puan Azizah Ahmad dan seorang ahli perniagaan yang juga bekas Ketua Pemuda UMNO Bahagian Bukit Bintang, Haji Mohd. Rozali Haji Abdul Rahman.

Pihak defendan hari ini menamatkan kes pembelaan mereka dan Hakim Dato' Lim Beng Choon kemudian menetapkan supaya hujah-hujah kedua-dua belah pihak didengar pada 19 dan 20 Jun akan datang.

Sebabnya saya tak tulis sendiri apa yang berlaku di mahkamah adalah kerana bimbang kalau salah tulis boleh jadi satu kesalahan jenayah. Itulah antara sebab-sebab lama saya tak menulis, takut membuat komen-komen tentang pembicaraan yang boleh menyebabkan contempt of court.

Biar bagaimanapun, baguslah kalau Muhyuddin nak bertanding Naib, Musa boleh berehat sajalah. Kalau iapun Muhyuddin adalah antara anak buah Musa juga, dengan gugumnya Musa dari arena politik UMNO Johor, mudah-mudahan UMNO boleh pulih seperti sedia kala.

Sebelum mengakhiri bab ini, saya teringat tingkah laku menteri-menteri atau ketua-ketua pejabat bila ditanya mengenai satu-satu masalah penting yang mesti diselesaikan, mereka akan menjawab dengan mudah dan acuh tak acuh saja. Jawapan mereka;

*akan disiasat, sedang disiasat, sudah disiasat dan sedang menunggu keputusannya.*

Mereka tidak serius, tidak komited dan ambil lewa saja.

Inilah kadang-kadang saya susah hati dengan orang kita yang berpangkat besar, punya kuasa besar tapi hati mereka kecil, jiwa mereka kecil, fikiran mereka seolah-olah masih dijajah dan tak berani ambil keputusan yang tegas sebab itu Tan Sri Hassan Ibrahim boleh jadi hero. Pada hal apa yang Hassan Ibrahim lakukan selama

ini cuma satu perkara biasa, perkara yang sepatutnya dibuat oleh mereka yang mempunyai kuasa seperti dia, tapi nak buat macam mana, kerusi yang berkuasa bukan orangnya. Mungkin ada yang takut dengan bayang-bayang sendiri.

Saya tak takut, nak takut apa dengan manusia bila kita sedang memerangi kemungkaran. Kerana memerangi kemungkaran adalah tanggungjawab setiap orang Islam, jangan perang kemungkaran yang samar-samar. Kalau nak perang, perang habis-habisan, kemungkaran yang sudah jelas tunggu apa lagi? Dan saya akhiri tulisan minggu ini dengan sebuah lagu;

*Jangan tunggu lama-lama, nanti diambil orang*

# DATUK MUSA BUKAN PEMIMPIN MELAYU- Azman Attar

✓  
1-October 8

Oleh: SHAHBUDIN HAJI HUSIN

KUALA LUMPUR: Ketua Penerangan UMNO (baru) Wilayah Persekutuan, Senator Azman Attar Othman berkata, beliau belum pernah menyenaraikan Datuk Musa Hitam sebagai pemimpin Melayu negara ini.

Katanya, tindak-tanduk Datuk Musa menunjukkan dia seorang yang tidak layak diiktiraf sebagai pemimpin Melayu.

"Ini menyebabkan sejak dulu saya tidak pernah menyokong serta meletakkannya sebagai salah seorang pemimpin di negara ini," tegas beliau

Dalam hubungan ini, Senator Azman Attar juga menjelaskan ketika pertandingan merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO tahun 1981 dulu, beliau menjadi salah seorang penyokong kuat Tengku Razaleigh Hamzah.

"Dan sokongan saya kepada Tengku Razaleigh pun kerana terpaksa membuat pilihan antara menyokong Datuk Musa dan Tengku Razaleigh," ujarinya.

Tentang rundingan perdamaian yang sedang diura-urakan sekarang, beliau juga menyarankan agar Datuk Musa tidak perlu disenaraikan dalam rundingan itu.

Katanya, adalah memadai bagi Datuk Seri Dr

Mahathir dan Ghafar Baba memanggil Tengku Razaleigh sahaja dalam rundingan itu.

"Langkah ini bukan anti perpaduan tetapi kita tidak mahu pisang berbuah dua kali. Apa yang kita mahukan ialah perpaduan yang benar-benar murni antara orang-orang Melayu tercapai segera," tambahnya.



**Musa** : Ku, kasi I peluang masuk 46 semula.

**Ku Li** : Cukuplah Musa, pisang tak akan berbuah dua kali. Kalau tak kerana tipu helah you, I tak lawan Presiden UMNO. You nak selamat you lawan Che Ghafar jadi orang kata I yang jahat, derhaka lawan presiden. Ini semua you punya pasal. Berapa banyak orang punya periuk you sudah kasi masuk pasir. Sekarang you nak tunjuk baik. Sana sini puji Mahathir, you tak gentlemen sudah ludah jilat balik. You tak ada prinsip.

**Musa** : Itu dulu Ku, sekarang I dah berubah. I betul-betul dah bosan dengan Mahathir - Ghafar, benci dengan UMNO. Mereka sudah tak mahu kasi I bertanding lagi. Ku, dalam perjuangan kita kena buat macam-macam untuk kekal dalam politik. Kita bukan tak ada prinsip bukan nak menipu. Kita cuma gunakan kepintaran saja.

**Ku Li** : O.K. mungkin I setuju dengan pendapat you. Kita gunakan undang rimba tapi negeri masih ada undang-undang. Macam mana I nak kasi you peluang bertanding. You punya kes rasuah dengan Badan Pencegah Rasuah masih belum selesai. Kes you saman Syed Hussein pun tergantung di mahkamah. You kalau diterima masuk 46 pun kami tak akan kasi bertanding. Dulu sudah jadi Timbalan Perdana Menteri, jadi Menteri Dalam Negeri dipilih jadi Timbalan Presiden UMNO you merajuk, letak jawatan, ikut I keluar parti, masuk semula, sekarang nak keluar. Manusia apa you ni Musa?

## **SULTAN MAHMUD DAN LAKSAMANA BENTAN HIDUP SEMULA.**

**“Sejarah akan berulang”**. Sejauh mana benar kata-kata tersebut hanya dapat dikatakan sesudah kita membaca menafsir dan mengingat sejarah itu sendiri.

Sejarah boleh ditafsir mengikut peredaran zaman, namun cara dan gaya ianya ditafsirkan tidak ada lain kecuali memaparkan kebenaran dengan tidak berselindung-selindung tentang kesombongan dan kebongkakan serta kesilapan manusia yang berkuasa dan telah salah mempergunakan kuasa kerana mengikut hawa nafsunya hasil mendengar kata-kata orang di sekeliling mereka tanpa mengingat kekuasaan Tuhan.

Al-Quran sendiri menukilkan sejarah silam untuk menafaat manusia yang membacanya dan berfikir. Allah berulang kali mengingatkan manusia supaya berfikir. Berkali-kali ayat yang mengandungi ungkapan **‘berfikirlah’**, diulang-ulangkan di dalam Al-Quran.

Sejarah adalah satu perkara yang penting. Semuga dengan mengingat sejarah bangsa kita segala rahsia disebalik kejadian yang menyayat hati dimasa-masa yang silam terserlah. Sejarah tidak boleh diubah-ubah dan ditulis semula. Sejarah adalah sejarah.

19 November tahun 1985 bersamaan dengan 6 Rabiulawal 1406 adalah satu tarikh yang sukar untuk dilupakan oleh umat Islam yang kasihkan saudara-saudara mereka yang telah terkorban sebagai Assyahid.

Tiga tahun yang lampau, satu peristiwa yang amat tragis berlaku diMemali Kedah. Almarhum Ibrahim Libya Alsyahid telah pergi atas panggilan Ilahi. Banyak perkara yang boleh

membawa kesedaran dan contoh tauladan yang patut dipelajari oleh orang Melayu tidak kira mereka ahli UMNO atau PAS atau yang tidak pernah berparti sekalipun.

**“Mintalah, (berdoa) minta padaku doamu akan ku perkenankan.”** Begitulah Tuhan berfirman melalui nabiNya Muhamad S.A.W, supaya kita sentiasa bermohon dan berdoa pada Allah S.W.T untuk mendapatkan sesuatu, kerana sifat Tuhan itu amat pemurah lagi amat pengasihani. Baik yang kita minta, maka baiklah yang kita akan terima, begitu jugalah sebaliknya.

Mashuri sebelum mati telah meminta sesuatu, telah bermohon sesuatu pada Tuhan. Beliau berdoa semoga kezaliman Sultan yang telah menganyaikan dirinya yang tidak berdosa akan dibalas oleh Tuhan. Doa Mahsuri berbentuk sumpah. Sumpah supaya Pulau Langkawi menjadi padang jarak padang terkukur selama tujuh keturunan.

Sejauh mana sumpah ini benar, Wallah hu Alam. Tetapi lagenda Mahsuri di Pulau Langkawi sudah menjadi sejarah. Apakah Langkawi mundur kerana disumpah oleh Mahsuri? Bukan itu pokok persoalan yang kita nak katakan disini, hakikatnya ialah Mahsuri teranyai seorang diri, tapi tujuh keturunan orang Melayu di pulau itu hidup terseksa akibat sumpahnya. Itulah mengikut cerita sejarah.

Mahsuri mempunyai sebabnya yang tersendiri atas apa yang dilakukannya, mungkin manusia dipulau itu tidak berani menegakkan kebenaran, tidak berani berkata benar, tidak berani menentang kemungkaran, membiarkan orang yang berkuasa berbuat apa saja yang mereka suka, fitnah menfitnah, dendam mendendam, hasad dan dengki berleluasa.

Sejarah Laksamana Bentan di Kota Tinggi, Johor juga berakhir dengan sumpah seorang raja. Satu lagenda yang kekal hingga kehari ini. Makam Sultan Mahmud dan Laksamana Bentan masih berada di Kota Tinggi Johor. Apakah tidak berlaku perkara dendam, fitnah dan hasad dengki yang berleluasa terhadap orang yang berkuasa hingga kehari ini. Kesaat ini?



Sebelum Sultan Mahmud menghembuskan nafas yang terakhir, Almarhum menyumpah agar tujuh keturunan orang bentan kalau menjejakkan kaki kebumi Kota tinggi akan muntah darah. Sultan Mahmud marahkan Laksamana kerana menikamnya, kerana menderhaka kepada Sultan.

Kenapa tujuh keturunan orang Bentan yang mesti menerima padahnya? Sedangkan yang menikam sultan hanyalah Laksamana, seorang diri. Itupun dilakukan kerana kezaliman, kekejaman sultan yang tak berperikemanusiaan yang telah tanpa usul periksa menjatuhkan hukuman mati pada isterinya yang sedang hamil. Isterinya dibelah perut kerana mengidam seulas nangka. Sultan Mahmud yang telah dipengaruhi oleh fitnah lupa pada jasa-jasa bakti Laksamana terhadap baginda dan bangsanya. Sultan telah lupa diri, sultan sudah dipengaruhi oleh syaitan.

**'Sultan beraja dimata bersultan dihati'**. Ada akal fikiran tak digunakan. Tak ada belas ikhsan, tidak ada perikemanusiaan. Apakah pemerintah dan pucuk pimpinan kita hari ini macam perangai Sultan Mahmud? Dan apakah perlunya lahir seorang lagi Laksamana Bentan?

Singapura kalah diserang oleh Majapahit, juga disebabkan dendam terhadap sultan yang telah menyula anak Sang Rajuna Tapa tanpa usul periksa. Marahkan sultan, kerana menyula anaknya yang kebetulan jadi isteri sultan. Satu negeri manusia menjadi huru hara menderita dan tersiksa. Akhirnya raja yang zalim hilang tahta. Orang Melayu kehilangan Singapura.

Hari ini Ku Li dan Musa sudah diberi peluang untuk jadi menteri semula tetapi kerana marah dan dendam pribadi golongan mereka yang tak berapa orang, orang Melayu yang tak berdosa akan jadi mangsa. Kenapa? Mahukah kita sejarah silam berulang semula?

Orang yang beriman mesti tabah menerima ujian Tuhan. Sekiranya manusia sedar bahawa segala-gala yang berlaku keatas diri mereka adalah kehendak kadak dan kadar maka manusia tak jadi pendendam dan ikutkan hati yang marah menjadi sombong dan bongkak. Nabi Muhamad dan Nabi

Musa menerima dengan reda menjadi gembala kambing sebelum dilantik menjadi Rasul. Apa nak dimalukan jadi menteri tak berportfolio?

Sekiranya Mahsuri, Sang Rajuna Tapa dan Sultan Mahmud hidup semula, tentulah mereka akan menyesal kerana betapa nipisnya iman dan kurangnya pengetahuan mereka mengenai agama. Mereka akan bertaubat kerana kesilapan tidak berfikir dengan betul mengikut jalan Allah dan Rasul. Katakanlah ketika itu kiranya ada para ulamak yang menjadi penasihat para Sultan menjalankan tugasnya dengan amanah. Dan mereka telah katakan dengan berani mengenai yang hak dan yang batil mereka berkata benar, walaupun pahit untuk didengar seperti yang telah diajarkan oleh Junjungan Nabi S.W.A., mungkin umat Melayu hari ini tak macam ini.

Sultan Mahmud yang mangkat dijulang, Sang Rajuna Tapa dengan kisah derhaka dan Mashuri tinggal nama dan sejarahnya saja. Tapi bagi kita yang masih ada peluang, mahukah kita membiarkan cerita, kejadian Musa dan Ku Li serta golongan serpihan yang sedang menentang pemerintah ini dijadikan satu lagenda untuk tatapan manusia dihari muka?

Semuga sejarah buruk menyumpah bangsa dan negeri disebabkan marah dan dendam pada orang tertentu tidak akan berulang. Semuga pihak serpihan yang mahu membalas dendam mahu membakar kelambu kerana marahkan pepijat berfikir panjang-panjang. Kenapa keinginan dan cita-cita peribadi mereka dilibatkan dengan bangsa dan negara?

Sejarah Laksamana telah mereka lupakan, namun kesah Ibrahim Libya di Memali masih menghantui pemikiran mereka yang bersalah dan berdosa kerana terlibat sama.

Sepatutnya Musa Hitam dan Rais Yatim pergi memohon maaf secara terbuka, dan kemudiannya menghulurkan bantuan atau paling kurang bertanyakan khabar dan berita serta nasib para keluarga syuhada yang masih tinggal. Bagaimanakah isteri-isteri yang telah kehilangan suami-suaminya, anak-anak yang telah menjadi yatim? Kerana ketika kejadian itu Musa menjadi Menteri Dalam Negeri dan Rais Yatim menjadi Menteri Penerangan yang menyampaikan berita kepada seluruh

dunia. Datuk Rais Yatim bertanggungjawab mengenai segala berita yang tersiar mengenai kejadian berdarah di Memali.

Musa ketika itu dengan sombong dan bongkaknya menyifatkan pelampau agama musuh utama negara. Tidak ada sedikitpun bayang garis-garis penyesalan di wajahnya. Tidak ada sedikitpun rasa resah mengenangkan nasib keluarga syuhada dan mangsa-mangsa yang ditembak dan dipukul. Datuk Musa Hitam yang ketika itu menjadi Pemangku Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri melihat bagaimana anggota polis melayan para syuhada itu seperti bukan melayan manusia.

Peristiwa Memali adalah satu perkara yang mustahil untuk dilupakan dan memang tidak mungkin dilupakan. Namun kita sama sekali jangan lupa pada pemimpin dan ahli UMNO yang kini sebahagiannya menjadi serpihan kerana kita tahu dalam hati kecil mereka tidak semua yang suka pemimpin UMNO mengambil tindakan demikian. Namun disebabkan ramai pengikut yang mendesak dan pemimpin tidak menggunakan pertimbangan akal yang berpandukan ajaran Islam yang sebenarnya maka terjebaklah mereka dalam satu kancuh dosa dan dusta. Saya percaya keluarga Ibrahim Libya tidak menaruh dendam kepada ahli-ahli UMNO kerana mereka tahu dalam orang UMNO tidak semuanya suka tragedi ini berlaku dan dengan pergi beramai-ramai bermaaf-maafan mungkin dapat mententeramkan jiwa-jiwa para pemimpin serpihan yang resah gelisah kerana mahu berkuasa kembali.

Politik seperti ini akan membawa padah dan kebinasaan. Yang menentukan sesuatu ialah suara ramai bukannya kebenaran dan keadilan. Pemimpin akan merasa kedudukannya tergugat sekiranya tidak memenuhi citarasa pengikutnya. Pengikut kata hapuskan Dr. Mahathir, tentang Dr. Mahathir, pemimpin ikut saja. Dan pemimpin yang begini dinamakan pemimpin yang berjaya kerana mereka ikut saja kehendak pengikutnya.

Sumpahian Mahsuri, peristiwa anak Sang Rajuna Tapa di sula dan peristiwa perut isteri Laksamana Bentan dibelah adalah angkara yang dilakukan kerana mendengar apa saja desakan orang-orang dikeliling yang sanggup melihat

pembunuhan dilakukan. Begitu juga seorang ulama muda boleh dibunuh bersama pengikut dan anak muridnya hanya kerana desakan dari para ahli UMNO yang tahunya mendesak tetapi tidak tahu kenapa mereka mesti mendesak dan permainan media-media massa yang membesar-besarkan perkara yang kecil untuk kepentingan pribadi dan melakukan akhbar menjadi minyak kepada api yang sedang membakar.

“Tidak timbul penentangan Ustaz Ibrahim terhadap kerajaan disebabkan semangat semata-mata atau penentangan tanpa asas. Hujahnya mantap, keyakinannya teguh dan tidak bergoncang, -bahawa yang layak didaulatkan hanyalah Hukum Allah. Cuba kita menungkan ucapan terakhir Asyhid. “Marilah kita bersumpah dan berikrar dengan laungan Allahu Akbar dengan erti dalam perjuangan Islam ini mati hidup kita, jiwa raga kita, harta benda dan nyawa kita korbankan demi menegakkan kalimah Allah Yang Maha Tinggi... Mudah-mudahan kita dapat mengukuhkan aqidah dan keimanan kita. Oleh itu tinggalkanlah kemungkaran dan kefahaman-kefahaman karut yang kita amalkan sebelum ini dengan kita berkata: Aku bersaksi bahawasanya Tiada Tuhan yang layak disembah melainkan Allah dan Nabi Muhammad itu Rasulullah”.”

Ibrahim Libya tidak pernah mengutuk atau menyumpah seperti yang dilakukan oleh Mashuri dan Sultan Mahmud. Beliau mati dalam iman. Beliau tidak mewasiatkan murid dan pengikutnya suruh balas dendam dan tentang ISA seperti mana yang dilakukan oleh PAS hari ini.

Pemimpin PAS menganggap Ibrahim Libya adalah seorang yang syahid dan tempatnya di syurga disisi para ambiah dan awlia Allah kerana perjuangannya adalah kerana Allah. Dari itu perlu apa mereka menyumpah pemimpin kerajaan apabila mereka ditahan dibawah I.S.A. Saidina Hussien dan keluarganya tidak bangun menuntut bela atas kematian ayahandanya Ali. Mereka berjuang dan berjihad kerana Allah bukan kerana membalas dendam. Perbuatan PAS yang takut dan benci pada I.S.A adalah satu perjuangan yang tidak ikhlas dan tidak dituntut oleh landasan PAS itu sendiri.

Ibrahim Libya mati dan antara lain sebabnya ialah bahawa beliau dan rakan-rakannya ditomah dan dituduh sebagai penjenayah. Alhamdulillah hari ini terbukti yang tuduhan itu palsu, dusta yang sengaja diada-adakan. Kenyataan Datuk Musa Hitam yang mempergunakan kuasa yang ada padanya ketika itu ternyata telah disalah gunakan. Nah apa bezanya tomahan dan tuduhan Musa, ahli-ahli P.A.S dan kumpulan serpihan terhadap Dr. Mahathir? Apakah kita tidak patut mempersoalkan peri laku Musa dan kumpulan serpihan yang menuduh Mahathir seorang diktator, komunis, Mahathir rasuah, apakah tuduhan itu mempunyai asas? Nampaknya tujuannya semata-mata untuk menjatuhkan Dr. Mahathir pemimpin Melayu yang sah untuk digantikan dengan kumpulan serpihan yang haram dan ramai yang bersubahat menerimanya tanpa berfikir.

Tidak ada tuduhan rasmi keatas Ibrahim Libya dan tidak disabitkan di mana-mana mahkamah pun sampai ke hari ini. Beliau ditahan di bawah undang-undang jenayah. Dan kemudian banyak lagi tipu helah dibuat keatasnya. Tetapi orang PAS memperjuangkan pribadi bukan perjuangan untuk menegakkan kebenaran. Jika benar mereka memperjuangkan kebenaran mereka akan memperjuangkan siapa saja yang ditohmah tanpa bukti seperti yang berlaku pada Dr. Mahathir hari ini.

Saya bukan orang PAS yang mahu mengeksploitasikan kematian Ibrahim Libya dalam tragedi Memali yang dianggap sensitif. Apakah umat Islam tidak patut sensitif dengan apa saja perkembangan yang berlaku? Umat Islam bukan pemerhati pasif pada tragedi demi tragedi tetapi kalau kita tidak ingatkan ia akan terus berlaku keatas siapa saja yang berjuang atas landasan Islam. Lihatlah bagaimana akhbar kumpulan Utusan Melayu dan segelintir pemimpin UMNO sedang lakukan terhadap Ustaz Ashaari dan Darul Arqam. Mereka mencari dan terus mencari dan membesarkan kesalahan yang kecil tetapi menyembunyikan kebaikan dan kebajikan yang telah dan sedang diusahakan oleh Ashaari dan Arqam.

Mahukah kita melihat Ustaz Ashaari dan pengikutnya jadi seperti Almarhum Ibrahim Libya Asyahid. PAS sendiri

pun sedang merancang untuk menjahanamkan Arqam dengan mengadakan forum bersama mereka yang telah menjadi serpihan Al-Arqam. Nampaknya PAS yang kononnya memperjuangkan Islam telah mengambil kesempatan memperniagakan darah para syuhada di Memali dan mengumpul serpihan UMNO dan Arqam untuk terus memecah belahkan ummah. Inikah gaya dan cara PAS mahu menyatukan ummah?

**“Sesiapa yang menyakiti seorang dari waliKu (kekasihKu - yang cintakan Allah dan RasulNya) maka sesungguhnya Aku (Allah) dan RasulNya telah mengisytiharkan perang atasnya.”**

Sabda Rasulullah S.W.A.

Menggunakan kebencian dan tindakan diluar undang-undang terhadap orang yang mahu membawa pembaharuan yang baik terhadap bangsa dan negara kita kerana kita rasa kita teraniaya dan dizalimi bukanlah sifat perjuangan yang sebenarnya seperti apa yang dilakukan oleh tiga manusia dalam sejarah terajis Melayu. Kalau kita perlu ajar bangsa kita, kaum kita marilah kita ajar mereka dengan cara menggunakan pendidikan terlebih dahulu sebelum kita menggunakan hukuman. Kalau kita tidak mahu belajar dari sejarah Sang Rajuna Tapa, mari kita belajar dari Datuk Lee Kuan Yew bagaimana beliau berjaya mengubah budaya rakyat Singapura dengan menggunakan pendidikan sebelum menjatuhkan hukuman.

Rakyat mesti tahu siapa yang salah, siapa yang benar. Kemudian tinggalkan yang salah dan ikutlah yang benar. Cakap pasal salah benar ini saya teringat di Johor Kadi dan Imam serta orang yang ada pengetahuan agama pun memihak kepada Musa kerana semangat kenegerian. Apa nak jadi pada Tok Kadi yang makan gaji dengan kerajaan, tapi gunakan kemudahan kerajaan dibulan Maulud Nabi untuk memburuk-burukan dan menambahkan kekeruhan dalam politik? Dimana mereka letakkan iman dan pengetahuan agama mereka?

Apa bezanya di Kelantan, Ku Li orang Kelantan, salah betul mereka mesti sokong dan bantu Ku Li kerana sifat

kenegerian. Bukankah ini yang dinamakan asabiah dan siapakah yang bersubahat menghidupkan asabiah dinegeri ini kalau bukan mereka yang cakap tak serupa bikin.

Janganlah apa yang kita pandang semua betul kerana kita suka, sedangkan kita tahu kita tidak boleh percaya mata kita sendiri. Mata adalah alat yang suka menipu manusia. Kalau dalam ketakutan tunggul kita kata hantu, ditengah padang pasir kilau panas kita sangka air. Orang yang buruk wajahnya kerana hati kita berkenan kita pandang cantik. Benda yang indah kita nampak buruk kerana kita benci.

Orang yang beriman tidak beraja dihati. Orang yang mengikutkan kata hati akhirnya mati. Tengok sajalah golongan serpihan yang mengikutkan kata hati, berapa ramai dari mereka yang politiknya sudah mati dan mahu matikan politik orang lain pula.



Perhatikan dengan teliti telatah pemimpin UMNO di atas tangga istana. Apakah tanggungjawab UMNO sekadar untuk menjaga istana saja? Apa peranan istana terhadap UMNO? Kehidupan adalah memberi dan menerima.





Siapa sebenarnya wira dan siapa sebenarnya penghianat dan pembelot kepada perjuangan rakyat?

## ADA SAMSENG DIPARLIMEN

Sebaik-baik saja Pak Habib sampai di Lobby Parlimen, pada petang Khamis 8/03/90, Pak Habib temampak Datuk Sanusi Junid sedang duduk. Di sebelah kanannya Y.B. Tamrin, anak Encik Gaffar Baba, Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Di sebelah kiri Sanusi, Datuk Abdullah Badawi, (Pak Lah) bekas Menteri Pendidikan, bekas Menteri Pertahanan. Hari ini Pak Lah cuma seorang ahli Parlimen dan Naib Presiden UMNO. Pak Lah senyum pada saya tapi hatinya mungkin tak berapa senang kerana dalam kolum saya di Mingguan Kota yang baru terbit, saya kata Pak Lah tertinggal bas. Pedas tu, bisa.

“Apa macam Beb?” tanya Tamrin ahli Parlimen yang sentiasa berpakaian kemas dan bergaya. Rambutnya yang lebat dan memutih seperti rambut Datuk Khalid Yunus menampakkan Tamrin Gaffar lebih dewasa (Uban sexy). Orang lelaki kalau sudah berumur tak ada uban atas kepala macam okok bunga kertas yang tak berbunga.

“O.K. Brader.”

“Syed you punya kes dengan Musa macam mana?” tanya Sanusi Junid.

“Tak ada apalah Tok, ini kes kecil saja. Datuk tengok apa macam?”

“Saya tengok Musa ni, dia tak pakai akal bila dia saman you. Menang kalah you rugi apa? Yang rugi, yang teruk dia. Macam-macam nak kena jawab.” Sanusi ketawa. Ketawa Sanusi macam sedapnya kelapa muda. Tamrin ketawa. Pak Lah senyum. Dia tengok Sanusi, dia tengok saya. Saya senyum.

“You tengok macam saya.” Sanusi cakap penuh konfiden dan dia

terus bercakap lagi sambil senyum melebar. "Orang macam Syed ini saya tak ajak gaduh. Dia nak tulis apa, biar dia tulislah. Itu kerja dia. Bergaduh dengan dia menyusahkan diri kita saja... Apa macam buku baru yang saya kasi you kes Salman Rushdie. Bagus?"

"Best Tok. Buku-buku yang Datuk bagi saya baca tidak ada yang tak bagus. Tok kan guru saya? Sebab itu saya boleh jadi macam ini."

"Ini penyakit ni... you kata saya guru you, nanti orang ingat apa-apa." Sanusi gelak ketawa kelapa muda.

"Yang betul, saya mesti kata betul. Tok memang guru politik saya. Buku-buku politik saya jadi lain sejak Datuk kasi saya macam-macam idea dan cerita-cerita mengenai pemimpin UMNO."

Sebelum pembicaraan saya berakhir pada 28hb Februari, saya pergi mencari buku-buku terbaru dari Datuk Sanusi, bekas setiausaha agung UMNO. Beliau mempunyai perpustakaan yang lengkap dengan buku-buku rujukan politik antarabangsa, termasuk juga video-video dan macam-macam buku lagi. Selain dari Dr. Mahathir dan Anwar Ibrahim, Sanusi juga adalah orang yang rajin bekerja dan kuat membaca. Buku-buku terbaru yang orang lain belum baca, Sanusi sudah baca. Dia baca buku menggunakan 'Speed Reading'. Tak hairan kita, kiranya Sanusi adalah di antara menteri yang paling kreatif. Apa saja kementerian yang dipegangnya mesti ada sesuatu yang ditinggalkannya. Samaada orang nak menghargainya atau tidak, terserah.

Perbualan kami terhenti, kerana sahabat saya saudara Y.B. Osman Abdul muncul. Entah macam mana lepas tu topik perbualan berubah. Kemudian makin ramai yang datang jumpa Datuk Sanusi. Saya beralih dari situ dan berjumpa novelis YB Alias Ali dan YB Adam Kadir. Mereka berdua ni selalu berdua saja.

Ruangan lobby penuh sesak. Hari ini ada kes Vijendran dan kes Rahman Bakar lawan Dr. Syed Hussein Alattas (bukan saya) tapi Naib Chanselor Universiti Malaya. Inilah susahnya bila dua orang yang sama kontroversi punya satu nama.

Terlanjur Osman Abdul muncul, saya nak cerita sikit pasal setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri ini yang 'standard'nya sama hebat dengan penyanyi rock.

Saya dah dengar cerita Osman Abdul seorang pemidato yang handal. Man Bedul satu waktu dulu paling lantang dan berani semasa jadi *Back Bencher* di Parlimen. Sikapnya masih macam tu juga. Dia jenis tak peduli orang. Apa dia nak cakap dia cakap. Di pendekkan cerita, bulan lepas saya mengikuti ceramahnya di Pasir Putih di kawasan Y.B. Jalani.

Ada hal yang pelik mengenai Osman Abdul. Sebaik saja kami sampai di Kota Bharu, Man pergi cari kedai ubat. Nak beli ubat batuk, kata Osman. Kononnya ada penyanyi rock memberi dia petua. Kalau nak cakap terpekik, terjerit, terlolong macam penyanyi rock, boleh menyanyi berjam-jam dan tetap stedy mesti minum sejenis obat batuk dulu.

Pertama Man Bedul tuju ke sebuah farmasi Melayu berhampiran perhentian teksi Kota Bharu. YB kata pada saya, kita cuba beli di kedai Melayu dulu. Ini Kota Bharu kalau tak ada, baru kita cari tempat lain. Memang tak ada pun, baru pergi kedai sengseh Cina. Obat batuk yang tak berapa ringgit harga ada di jual di situ. Dia beli dua botol dan bawa balik ke hotel Perdana. Seperti biasa, Hotel Perdana adalah tempat saya menginap bila di Kota Bharu.

Malam itu Y.B. Osman Abdul memulakan ceramahnya dengan Bismillah. Dia beri salam, dia berselawat keatas junjungan Nabi Muhamad s.a.w dan dibacanya beberapa doa dari ayat Al-Quran dengan fasih. Kalau kita tak tengok mukanya, kita fikir ini mesti Ustaz Hadi atau Nik Aziz yang berceramah. Itulah komen orang ramai sesudah habis Man Bedul berucap. Osman banyak menggunakan Al-Quran dan Hadith dan sejarah Islam dalam ceramahnya. Hujah-hujahnya boleh mempengaruhi orang ramai yang mendengarnya kerana terdapat banyak kebenaran dan keikhlasan. Cerita pengalaman peribadinya menarik dan dapat mempengaruhi orang yang mendengar dan berfikir.

Man Bedul berucap dari pukul 10 hingga jam dua belas sambung lagi hingga 12.30. Entah berapa ribu orang yang hadir. Taklah saya kira tapi suaranya berkumandang seluruh kampung. Hadirin terpaku dan terpukau meminta Osman Abdul meneruskan. Ada yang mendengarnya sambil duduk di dalam kereta, ada yang duduk di atas kerusi yang di khaskan. Ada yang bersila dan tak kurang juga yang berdiri di sepanjang jalan dan lorong. Yang duduk bersembunyi

di dalam gelap pun ada. Saya perhatikan ini semua. Sepanjang ceramahnya saya berjalan dan memerhatikan telatah hadirin yang ada di situ. Ada hadirin yang kerana terlalu asyik dengan ucapan Osman Abdul seperti asyiknya peminat-peminat rock terhadap Ramli Sarip dan Ella 'ratu rock'. Mereka tak segan-segan menyuarakan supaya ceramah Osman Abdul diteruskan biar sampai ke pagi.

Itulah Osman Abdul yang minum obat batuk sebelum berucap. Tapi dia tak sehebat Sanusi Junid dalam membuat orang ramai ketawa. Dari segi membuat orang ramai gelak ketawa, Sanusi jaguh. Sanusi lebih hebat dari Anwar Ibrahim, guru Osman Abdul. Namun biar bagaimana pun Man Bedul punyai bakat besar sebagai seorang 'orator'.

Sekarang mari kita balik semula ke Parlimen. Dalam dewan. Ibrahim Ali sedang rancak membahaskan mengenai isu profesor Alattas 'versus' Rahman Bakar. Ibrahim Ali bercakap dengan suara yang lantang. Bukan main lama lagi dia bercakap. Tak kasi jalan orang lain, walaupun beberapa kali di ganggu. Brahim memang hebat bercakap. Ramai orang ketawa. Dia pun ketawa sama. Dia sebat, di kepak, belasah Vice Chanselor Universiti Malaya. Dikatakannya Dr. Alattas itu (kongkang) kerana Dr. Alattas tidak setuju menaikkan pangkat seseorang ahli-ahli akademik tak semudah menanam kangkong. Di terbalikkan perkataan kangkong jadi kongkang. Dia sebat kawan lamanya Anwar Ibrahim. Habis-habisan minta Dr. Alattas berhenti dari menjadi Naib Chanselor. Kalau boleh Anwar pun turut disingkirkan dari Kementerian Pendidikan. Dia tak kasi can. Dia gunakan isu yang di bawa oleh Rahman Bakar untuk menghentam Kerajaan. Pandai Ibrahim Ali gunakan kesempatan yang dihadiahkan kepadanya oleh Rahman Bakar.

Saya terjumpa Halim Mahmood, Harun Perancis, dan isterinya geng lama, member lama. Kedua-duanya wartawan bekas tahanan ISA. Kami duduk bersama di meja YB Datuk Raja Ariffin. YB Md. Sam Sailan ada sama di kantin dewan. Kami berbual sambil mendengar Brahim Ali cakap tak buat 'homework' dulu, tak ada isu yang boleh dijadikan berita diakhbar.

Raja Ariffin merupakan jurutera yang pertama sekali yang telah menunjukkan bakat dalam arena politik. Pemimpin pelapis yang punyai potensi untuk maju ke hadapan dalam kabinet Mahathir. Dia

bercakap benda-benda yang penting saja. Sayang, kami tak dapat berbual panjang kerana waktu rehat baginya sudah habis. Sebab itu saya tak ceritakan perbualan kami yang pendek itu.

Bila Y.B. Raja Ariffin meninggalkan meja kami, saya berfikir apakah ahli UMNO yang sudah biasa mempunyai guru sekolah, peguam dan kini mereka dapat ramai ahli pemiagaan sebagai pemimpin dapat menerima seorang jurutera yang berwatak serius, kurang 'politicking', hubungan akrab dengan orang ramai pun tak sehebat mana sebagai pemimpin pelapis masa depan?

Sebaik-baik habis bercakap, Brahim terus keluar dari dewan dan datang ke kantin. Memang inilah tempat kebanyakan Ahli Parlimen buang masa sebab itu selalu tak cukup korum. Dia nampak saya. Dia menuju ke meja kami. Saya bersalaman. Kemudian Brahim pindah ke meja di mana kawan-kawannya sedang menunggu.

Habis berbual dengan kawan-kawan, saya pergi ke meja Brahim. Dia terangkan pada saya mengenai berita yang di muatkan di muka belakang Mingguan Kota. Kata Brahim dia bukan nak cium buntut Mahathir tapi cium punggung. Kalau Barisan Nasional boleh menang pilihan raya nanti, terutama di Pulau Pinang tukar Lim Chong Eu dengan Ketua Menteri UMNO.

Brahim tak setuju perkataan yang saya gunakan. Dia nak cium punggung bukan buntut. Sebenarnya punggung ke, buntut ke, itu juga bendanya. Kalau ikut bahasa orang Sarawak lagi dahysat, kerana Dr. Mahathir tak ada benda itu. Benda itu perempuan yang punya, tapi itulah perkataan yang digunakan oleh orang Sarawak. Bukan punggung atau buntut. Orang pantai timur kalau tahu perkataan itu, tentu dia kata Brahim ini sudah rosak.

Dan Ibrahim nafikan yang dia ada kata Y.B. Jalani dari Pasir Putih itu, Y.B. A.K. Jalani Kengkang. Dia cuma kata Y.B. Jalani ditambahkan A.K. di depan dan orang ramai pun ketawa, kerana kalau ada A.K. di depan nama orang yang bernama Jalani, maka dengan sendirinya orang yang tahu A.K. akan cantumkan jadilah A.K. Jalani Kengkang.

Saya tak tahu samada Brahim ini tahu atau tidak bahawa, 'Jailani' ini adalah satu nama yang baik, nama yang di muliakan oleh mereka yang mencintai orang keramat dan para wali. Raja kepada segala

wali Allah yang mendapat gelaran sultanah Ambia ialah Sheikh Abdul Kadir Jalani. Saya rasa sesudah dia tahu, Brahim tak akan mempermainkannya lagi, kerana Sheikh Abdul Kadir Jalani mempunyai kekeramatan yang luarbiasa dan di sini saya nak tutup cerita ponggong. Bontot. Cerita A.K. Kengkang kerana adalah lebih baik kita sesama orang Islam bersalaman, ucap tahniah, adakan Maulud atau kenduri kesyukuran dari buat kerja-kerja haram cium punggung orang atas kemenangannya. Nak cium tangan atau pipi Mahathir tak apalah.

YB Tuan Haji Ibrahim Ali adalah Ketua Pemuda Semangat 46. Bawalah cerita-cerita yang serius yang bermanfaat, berfaedah kepada bangsa supaya 46 boleh jadi sebuah parti politik yang serius. Barulah mereka boleh berangan-angan nak jadi parti alternatif kepada UMNO. Kalau beginilah cara pemikiran Ketua pemudanya, dan sikap para pemimpin yang lainnya, Naib Presidennya Marina Yusof cerita pasal video lucu apa akan jadi pada bangsa kita. Teringat saya kata Tamrin Ghafar: "Apalah para pemimpin Semangat 46 maki hamun orang UMNO, tak simpan-simpan sikitpun. Rahsia-rahsia orang Melayu, bergaduh dan bertengkar perkara biasa jangan sampai tak dapat kawal nafsu. Padahal mereka cuma bercerai buat sementara. Mereka akan masuk semula dalam UMNO nanti tapi pekong dan nanah orang UMNO mereka dah dedahkan. Tak malu ke satu hari bila mereka berbaik semula seperti Shahrir Samad dan Musa Hitam. Berkahak ke langit, kahak yang sama jatuh masuk dalam mulut sendiri? Tapi kalau jenis muka tak malu tak apalah, yang bachin muka sendiri juga".

Saya keluar dari kantin bersama Halim dan Harun Perancis. Kami bersua pula dengan Shahrir Samad. Dari dulu hingga sekarang dia masih tak mahu tegur atau bersalaman dengan saya. Tapi dia tegur dan bersalaman dengan Harun. Harun Perancis beritahu saya, bahawa Shahrir kata:

*"Pak kal aku pergi sekolah, kalau tidak aku tumbuk Syed Hussein itu."*

Cakap pasal tumbuk ini, teringat pula saya akan Kiai Arshad yang nak sepak saya di PWTC ketika saya menjual buku di Perhimpunan Agong UMNO yang lalu kononnya kerana saya mengkritik raja-raja dalam dua buah buku -**TALQIN UNTUK UMNO** dan **WANITA, TAHKTA DAN KUASA**.

Kepada Pak Kiai saya tanyakan sudahkah dia membaca buku-buku saya itu, jangan nak sepak-sepak sebarang. Tengoklah Karpal Singh, tak bisu lepas kena sepak tapi lebih lantang lagi. Yang masuk penjara Kiai Arshad juga. Syukur Alhamdulillah Pak Kiai tak jadi sepak saya. Dia baca doa panjang-panjang dimeja saya bemiaga. Cerita orang nak sepak, nak pukul, nak bunuh saya ini, dah banyak sangat saya dengar. Kalau di takdirkan ajal saya ditangan Shahrir, saya bersyukur dan redha kepada Allah SWT kerana bagi saya dimana pun sama saja, dirumah sakit, didalam penjara, dimesjid, di mahkamah atau di rumah tapi Shahrir kena fikir sikit, badan macam ular lidi jangan cuba nak takut-takutkan orang.

Kemenangan Shahrir sebagai ketua UMNO Bahagian di Johor Bahru adalah 'fluke' sebab YB Yunos Sulaiman macam kuda polo yang banyak batu dalam perut, bolehlah dia kalahkan. Lagi pun Yunus selalu sangat puasa. Kerja parti, kerja Wakil Rakyat bukan dia buat sangat, dah patut pencen pun. Puasa tiga bulan setahun tak akan dapat kempiskan perut yang sudah tertelan anak batu giling. Bukan Yunus saja yang ada geng, geng Shahrir yang lain pun ada yang sudah tertelan anak batu giling. Nasib baik sikap orang yang berkuasa sedang membuat kajian akan disiasat akan diambil tindakan kalau tidak....

Tak banyak beza antara Eunus dengan Shahrir. Shahrir pula walaupun dah lama jadi MP, tak menampakkan sebarang kemajuan. Ditengah-tengah bandar Johor masih tak ada masjid baru yang didirikan. Suraupun tak ada. Nasib baik ada masjid datuk saya di hujung jalan Ah Fook, kalau tidak cuma ada kuil Hindu dan kuil Sikh. Ada surau dipasar makan pun di robohkan masa zaman Tan Sri Osman Saat. Kini tanah itu jadi tempat jual minyak.

Pasar di Johor Bahru, masih busuk dan kotor. Barang-barangnya punyalah mahal cekik darah rakyat. Maksiat disana sini. Apa tak pemimpin UMNO leka nak rebut kerusi, leka nak berkuasa semula. Orang tegur nak tumbuk. Orang kata rasuah, heret orang ke Mahkamah.

Dari segi ini saya puji Ibrahim Ali. Dia gentleman. Dia boleh bedal orang, orang boleh hentam dia. Di Parlimen atau di mana jumpa, muka manis, bersalam, duduk semeja, makan dan minum sama. Mungkin ini sifat yang di pelajari dari gurunya Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, anak raja Kelantan yang berbudi



pekerti tinggi, tahu beradab sopan. Begitu juga dengan Zainal Abidin Zain, Radzi Sheikh Ahmad, Ustaz Ibrahim. Mereka ini bersemangat tinggi, macam inilah orang politik, tak emosional dan berdendam.

Ramai Ahli Parlimen bercakap di dewan yang mulia sekadar nak cari publisiti supaya orang di kawasan masing-masing tengok ahli parlimen mereka bercakap. Itu saja. Jarang yang bemas dan menunjukkan kematangan berpolitik dan boleh mengubah pemikiran dan membawa kemenangan kepada rakyat.

Ada yang macam burung Tiung saja. Orang cakap 'Hello' dia cakap hello. Orang cakap 'Assalamualaikum' dia cakap assalamualaikum. Ada guru suruh nyanyi lagu 'Isabella' tiung pun nyanyi. Tiung menang peraduan. Tiung dapat sanjungan. Cuba tanya tiung apa makna 'hello' 'assalamualaikum' dan cerita 'Isabella'? Siapa Isabella? Sudah baca novel Isabella? Lebih kurang samalah macam Yahya Ismail yang mempunyai kolumn di Mingguan Kota, kalau kerajaan kita ini tak ada sikitpun yang baik.

Saya bimbang nanti ada Ahli Parlimen lain yang jadi macam Shahidan Kassim dari Perlis. Grand Design sana, grand design sini, penghabisan jadi 'Shahidan Design'. Ini yang saya bimbangkan akan terjadi pada Rahman Bakar, 'The Giant Killer'. Terror tu memang terror, boleh kalahkan Ustaz Hadi. Itu pilihanraya di Terengganu. Haji Hadi tak sama macam Dr. Syed Hussein Alattas. Haji Hadi pembangkang. Lagipun nama dan pengaruhnya makin hari makin menurun. Menara Masjid Haji Hadi di Rusila hingga hari ini sudah bertahun-tahun tak siap-siap lagi.

Nampaknya kalau macam ini (ayah Wan) Datuk Wan Mokhtar akan kekal satu penggal lagi sebagai Menteri Besar Trengganu dan saya tak pelik kalau ayah Wan juga, dapat kekalkan kerusi Naib Presidennya kerana para pemimpin pelapis dari Trengganu belum menunjukkan kematangan berpolitik. Ada yang tak dapat membezakan kucing dengan harimau. Ingat ini tahun Kuda. Salah Kuda yang awak naik nanti, awak kena tendang dengan Kuda. Inilah bahaya orang-orang muda yang tak kenal yang mana satu kuda, yang mana satu keldai.

Bagi mengakhiri kolumn minggu ini, mari kita nyanyikan satu lagu Pantai Timur;

**'Kenek-keneklah udeng  
lembu patahlah tanduk,  
cek mek kenalah godeng,  
Che Awang kenalah tumbuk'.  
Ooo... Ah... Ooo... Ah...**

# SHAHRIR TIDAK MATANG

KUALA LUMPUR: Tindakan Datuk Shahrir Abdul Samad enggan mengangkat sumpah di hadapan Yang Dipertua Dewan Rakyat melambangkan beliau seorang yang tidak matang.

Ahli Parlimen Kota Setar, Datuk Abu Bakar Rautin berkata, sebagai ahli yang dipilih Datuk Shahrir perlu menyuarakan hasrat rakyat mengikut saluran yang telah ditetapkan bukan mengikut perasaan sendiri.

Katanya, jika beliau tidak mengangkat sumpah sebagai Ahli Parlimen, beliau tidak dapat berperanan menyampaikan hasrat dan rintihan masyarakat



DATUK ABU BAKAR RAUTIN

kepada kerajaan. Ini akan menyulitkan kerajaan menyalurkan pembangunan kepada rakyat.

Tindakan Datuk Shahrir katanya, tidak bijak sebab Dewan Rakyat mempunyai peraturan sendiri dan perlu dihormati oleh semua Ahli Parlimen.

Menurutnya, Yang Dipertua Dewan Rakyat tidak mempunyai sebarang kepentingan dalam majlis megangkat sumpah

"Kalau ada perkara yang dibincangkan dan Yang Dipertua Dewan Rakyat mempunyai kepentingan, maka ketika itu baru ada sebab musabah untuk Datuk Shahrir membantah, jelasnya.

## **BAB 18**

### **YANG PENTING MENANG**

Kita semua telah memilih Demokrasi sebagai sistem kerajaan kita. Sama ada kita suka atau tidak kita mesti terima dengan hati dan perasaan yang terbuka kemenangan yang diperolehi oleh Datuk Shahrir.

Sudah terantuk baru menadah, itu satu perkara biasa bagi manusia bersifat leka dan lalai.

Sesudah calon Barisan Nasional kalah baru saya teringat kata-kata Saiyidina Ali bin Abi Talib r.a. "Bahawa kebatilan itu jika diatur dan dikemaskan dengan rapi dapat mengalahkan yang hak yang tidak teratur dengan kemas.

Kejadian ini berlaku sewaktu berkobarnya peperangan diantara Saiyidina Ali melawan Mu'awiyah di Siffin, dimana pasukan Saiyidina Ali mendapat kemenangan dan Mu'awiyah menderita kekalahan, lalu Mu'awiyah mengusulkan damai dengan menjunjung Quran di atas hujung tomboknya. Setelah itu Mu'awiyah berundur ke Bahgdad dan Syam lalu mengatur dan menyusun pasukannya semula. Setelah itu Mu'awiyah teratur dan tersusun beliau kembali menyerang Saiyidina Ali di Madinah. Pasukan Saiyidina Ali yang tidak teratur dan tersusun menderita kekalahan. Bukankah keadaan politik sekarang ini ada persamaannya? Manusia berada di dalam keadaan kebingungan.

**"Hai orang yang berselimut. Bangun dan berilah peringatan! Besarkanlah pakaianmu, jauhilah perbuatan maksiat. Janganlah kamu memberi kerana hendak memperolehi yang lebih banyak dan hendaklah kamu, bersabar untuk memenuhi perintah Tuhanmu."**

(Al-Quran surah 74 ayat 17.)

Sebelum saya meneruskan tulisan ini saya teringat akan pertemuan saya dengan Haji Ikhwan Nasir, bekas Yang Berhormat, bekas

Setiausaha Akhbar Allahyarham Tun Dr. Ismail di Subang Airport. Kini menjadi pegawai penerangan khas UMNO.

Malam 26.8.88, saya adalah salah seorang penumpang yang sedang mencuba sebagai standby, menunggu tempat duduk ke Alor Setar, kerana ingin mengikut SEMARAK di Sik.

Kebetulan saya bersua dengan Haji Ikhwan, saya sedang berbual dengan beberapa orang kawan dari Kelantan. Bila ditanya oleh seorang kawan mengenai kekalahan Haji Mas'ud, dia cepat-cepat buat post mortem, antara isi post mortem yang diceritakan, yang tidak begitu sedap didengar oleh telinga saya. Kata Haji Ikhwan antara sebab-sebab kekalahan Haji Mas'ud adalah kerana tulisan saya yang begitu kuat menghentam Shahrir dalam Mingguan Kota 28.8.88 tetapi khabar itu keluar lebih awal. Sekali ramal cukuplah. Katanya akibat dari tulisan saya pihak Shahrir makin tambah kuat menentang dan tambah hati-hati dan pengundi tambah simpati terhadap Shahrir terutama pegawai dan kakitangan kerajaan.

Saya jawab mudah saja, begitulah adat bila sudah kalah cari kesalahan orang di keliling. Salah sendiri tidak mahu cari. Buat post mortem biar adil. Menteri dan Timbalan Menteri serta setiausaha dan orang mereka yang tidak menentang Shahrir kenapa tidak salahkan.

Orang UMNO lebih bersikap defensif dari ofensif. Masing-masing mahu jaga nama dan kedudukan sempat beri amaran agar Dr. Mahathir dan Tok Mat Rahmat, Anwar Ibrahim, Sanusi Junid jangan datang berkempen di Johor kerana orang Johor tidak senang tengok muka mereka.

Jentera pilihanraya tidak teratur didalam bilik gerakan, hampir tujuh puluh peratus dikuasai oleh orang-orang Shahrir.

Orang Johor anggap Shahrir sahabat mereka. Mereka beri bantuan kepada calon Bebas yang menentang kerajaan kerana pada mereka yang ditentang bukan Haji Mas'ud, bukan Muhyiddin tetapi Dr. Mahathir dan mereka diyakinkan bila Dr. Mahathir berundur Shahrir dan golongannya akan masuk UMNO baru merekalah yang akan menguasai UMNO nanti.

Penyokong Shahrir tidak hirau siapa yang menentang UMNO. Sebagai menentang umat Melayu. Pada hal pesan Dato' Onn,

UMNO itu Melayu dan Melayu itu UMNO.

Mereka tidak peduli Shahrir berpakat dengan DAP walaupun yang terang dan jelas perjuangan DAP tidak senang pada bangsa dan raja-raja Melayu. Biar pun guru Shahrir main politik sembunyi-sembunyi tapi disayangi oleh mereka. Buat apa pun dapat sokongan kerana mereka Johor sama Johor.

Shahrir tidak lebih dari ayam sabung kepunyaan tauke yang ditajinya sudah dibubuh pisau yang beracun untuk meneji dua ayam sabung Melayu hingga mati. Mereka yang telah diberikan mandat pada Shahrir bangga dan gembira dapat kalahkan dua ayam sabung Melayu.

Bangsa Melayu pantang menderhaka. Itu Melayu di zaman Kesultanan Melaka, pesan Laksamana Hang Tuah telah dirosakkan oleh Tok Musa durhaka. Dia berjaya mendidik supaya orang Melayu kini bersikap kurang ajar, bunuh saudara sendiri tak apa, yang penting dapat kuasa politik. Bukankah negara itu kita dan kita itu negara. Kemana perginya ajaran 'cintakan negara separuh dari iman' tidak lagi jadi amalan, yang penting kuasa, duit dan pangkat serta kedudukan. Sekarang mereka sudah dapat satu kerusi, kubu terakhir kebangsaan bangsa Melayu telah mereka tumpaskan.

Kewajipan setiap pribumi untuk mempertahankan kerajaan, tanggungjawab mempertahankan kerajaan kita hingga ketitisan darah yang terakhir jadi satu mainan. Pemimpin Melayu kini jadi budak suruhan, sekejap ke luar negeri, sekejap berada di dalam negeri untuk timbulkan kekeliruan.

Ada dua tiga orang penulis telah mengingatkan saya. Kata mereka saya sudah tercemar kerana saya turut terlibat secara peribadi berceramah dan berkempen pancing undi untuk Barisan Nasional. Katanya penulis tidak boleh memihak terutama berada di pihak kerajaan. Kalau hendak memihak juga duduk bersama membela penentang kerajaan.

Saya mengemukakan pertanyaan, bagaimana para penulis yang menggunakan kebebasan akhbar untuk menaikkan semula ahli-ahli politik yang sudah lagi tidak berkuasa? Ahli-ahli politik yang terang-terang korup dan penuh dosa terhadap bangsa dan negara. Menulis membantu pemimpin politik yang memberi sesuatu

mahukan lebih banyak boleh dan menulis merosakkan, mengelirukan fikiran bagaimana? Itu adalah trend politik hari ini kalau mahu disanjung mesti jadi manusia yang anti establishment.

Saya mempertahankan Dr. Mahathir bukan kerana batang tubuhnya, tetapi pemikiran dan cara pentadbiran yang dibawa oleh Dr. Mahathir. Apakah kita semua sudah terlupa bahawa UMNO adalah satu parti politik yang tidak mempunyai ideologi? Apa juga amalan Presidennya itulah ideologi UMNO.

Mungkin ramai yang buat-buat tidak tahu jiwa dan ideologi Dr. Mahathir. Perjuangannya untuk umat Melayu dari sebelum dia pegang jawatan Perdana Menteri hingga hari ini sudah dipadam, diganti dengan semangat kebencian oleh musuhnya.

Berbaik dengan kaum lain bukan bererti dia jenis tak pa.... Walaupun dia orang Kedah yang pandai cakap tak pa...tak pa...samakah akidah hidup Dr. Mahathir dengan Tunku yang sanggup ditarik dengan upah ke sana ke mari, sanggup mengalahkan kerajaan yang dipimpinnya satu waktu dulu?

Mudah orang Melayu Johor lupa sejarah. Tengok Tunku menangis, lupa siapa yang lepaskan Singapura, tengok pita Musa tak teringat ke Memali dan bagaimana Sabah boleh terlepas akhirnya menang sorak kampung tergadai. Johor di tangan Bebas, bebas dibawa kemana saja.

Dunia akui Dr. Mahathir sedang membawa Malaysia ke arah keislaman. Lihat saja beliau memberikan taraf kedutaan kepada P.L.O yang mana nagara-negara Arab sendiri tidak berbuat demikian, begitu juga dengan kedudukan Mujahiddin. Keberanian memerangi dadah Antarabangsa. Bagaimana beliau dapat menutup mulut Australia supaya jangan campur tangan dalam urusan dalam negeri dia mengenai dasar luar kita. Ini yang golongan Datuk Shahrir tak seronok.

Ini yang tidak disenangi oleh Tunku, Tok Musa, Shahrir dan geng-geng mereka. 'The mind of Mahathir' yang patut diterangkan pada rakyat yang fikiran mereka telah diracun oleh Shahrir dan geng mereka .

Tak apalah orang UMNO marah dan tidak terima kasih. Saya turun

ke Johor membantu pun bukan dijemput. Saya pengundi Di Johor Bharu. Saya merasa bertanggungjawab saya bersalah dan menemui pengundi di Johor Bharu kerana saya pun pengundi. Syukur saya pada Tuhan dapat juga bersalam dan bermesra hampir ribuan orang. Kalaulah Menteri-menteri, Timbalan-timbalan menteri dan ahli Yang Berhormat ikut sikit jejak langkah saya, senyum dengan setiap orang, bersalam dengan ikhlas, benar-benar mahukan Haji Mas'ud menang. Kalau tidak menang tidak kalah seteruk ini.

Berapa ramai orang UMNO yang sudah bersalam dengan ikhlas dan mesra, senyum dan memberi hormat dan tunjukkan wajah yang benar-benar gembira bertemu orang yang dia berjabat tangan dan merasakan orang itu penting kerana kuasa memberi undi itu ada di tangan rakyat? Rakyat bukan suka sangat pada Shahrir dan gengnya bersungguh-sungguh bersama rakyat maka rakyat pun terpersona dan terpikat.

Saya tengok kebanyakan Pengikut Dr. Mahathir lebih kurang macam dia juga, tidak ada P.R. tidak macam Tunku, Musa dan Shahrir dan orang-orang mereka yang sentiasa ramah mesra. Mungkin ada orang Mahathir yang baik dan rajin kerja tetapi tak tunjukkan ramah mesra, tak tunjuk sokongan bulat pada Dr. Mahathir.

Rakyat perlukan hubungan mesra antara manusia dengan manusia selain dari projek pembangunan, sebab itu tambah hari tambah jauh rakyat dengan pemimpin dan pucuk pemimpin. Mereka bukan tidak tahu tidak ada pemimpin buat masa ini yang boleh mengambil alih dari Dr. Mahathir tetapi kerana kurangnya P.R. Mahathir. Jadi tuduhan kata nista terhadap Dr. Mahathir mereka percaya dengan melihat watak-watak manusia disekeliling Mahathir yang menjadi angkuh dan sombong bila ada kuasa politik di tangan.

King Ghaz dulu gagal bukan kerana dia tidak ada vision, bukan kerana dia tak buat kerja, tidak pandai tetapi dia tak pedulikan orang. Dia kira kalau orang hendak sukakan dia suka, tak suka tak pa. Mahathir dan orang-orangnya kena belajar dari kesilapan King Ghaz dan belajar ambil hati dari Tengku Razaleigh Hamzah atau dari Allahyarham Presiden Zia Ul Haq. Kata Tengku di hari kematian Zia Ul Haq, Presiden Zia Ul Haq hantar buah mempelam istimewa. Dr. Mahathir kena buat macam itu juga. Hantar benda kecil macam itu, Tunku tentu sayang sama mahathir bila Mahathir sudah mati nanti.



kebanyakan sikap orang sekapal dengan Ku Li, Musa dan Shahrir.

Seorang kawan lama saya sedang membelek-belek buku 'Talkin Untuk UMNO' dan bertanya sama ada Tajudin sudah membaca Talkin Untuk UMNO. Jawab Tajuddin "buku Syed tak payah baca. Belum baca sudah tahu isi kandungannya". Dia kenal saya sudah lama, tentulah dia tahu apa yang saya tulis.

Manalah politik tak bercelaru terlampau banyak orang yang semua tahu hari ini.

Tajudin meminta pendapat saya tentang siapa yang akan menang? Dia mahu saya jawab Shahrir yang menang. Tajudin akan gunakan kebijaksanaannya untuk memberi kemenangan pada Shahrir. Bercakap dengan orang yang ada degree dalam ekonomi, orang yang sudah berkerja ditempat yang besar-besar, sudah melawat kilang motokar mitsubishi di Jepun sebelum Dr. Mahathir pergi Jepun, bukan sekali pulak tu, dia bercerita berpuluh kali, ke Detroit dia pergi untuk tempah kereta jenis jep. Tetapi business itu dapat kat orang lain, itu yang dia tak seronok tu.

Saya memang suka berterus terang. Saya beritahu dia saya sudah dengar rata-rata orang di Johor Bahru mengatakan Shahrir mesti menang kerana orang yang membantu Shahrir adalah orang yang handal-handal bercakap. Mereka orang-orang profesional yang berpengalaman.

Macam mana orang yang berpengalaman dan pandai bercakap, orang yang ada kelulusan tinggi, bekas-bekas menteri dan Menteri Besar yang masih ada pengikut tidak boleh menang?

Orang-orang yang kecewa orang yang nyawa macam nyawa ikan pasti berjaya menarik simpati orang Johor.

Mereka menghalakan kebencian terhadap Dr. Mahathir seorang diri saja. Mereka tak sukakan Mahathir. Dr. Mahathir didakwa sedang membawa pemerintahan negara ini ke arah diktator.

Kita boleh tabik pada mereka kerana kebijaksanaan mereka menanam semangat kebencian terhadap Dr. Mahathir. Dan yang peliknya tidak pula isu kebencian Dr. Mahathir ini ditentang habis-habisan oleh tokoh-tokoh UMNO.

Pandangan saya tak sama seperti pandangan mereka yang kecewa, saya pandang dengan mata hati dan saya senentiasa ingatkan tuhan. Walaupun saya tak ada songkok atas kepala macam geng-geng yang menggunakan psikologi benci sebagai satu *'force'* untuk memberikan kemenangan pada Shahrir. Saya tahu *politic offear* ini bukannya satu force yang boleh menjatuhkan Perdana Menteri. Kerana menentang Presiden UMNO bererti menentang Presiden Barisan Nasional. Kerajaan kita adalah kerajaan Barisan Nasional, jadi bolehkah mereka ini menentang kerajaan dengan alasan tak sukakan Dr. Mahathir?

Saya telah diajar bahawa semua benda dalam dunia ini sifatnya berlawanan. Benci itu lawannya sayang. Bila orang sudah habis-habis benci, sudah tak ada benci lagi dia pasti akan sayang. Bila manusia sudah habis berani akhirnya yang tinggal hanya perasaan takut saja.

Kita tahu dan percaya, kita berani kerana benar. Orang yang berani kerana salah orang itu tidak benar.

Mereka tanam semangat kebencian pada setiap orang Johor, mereka tutup semua sekali kebaikan dan jasa Dr. Mahathir kerana dia orang Kedah.

Mereka saja yang betul, yang baik, yang pandai. Semua yang sokong Dr. Mahathir tidak betul. Walaupun mahkamah tinggi sudah menjatuhkan hukuman UMNO 46 yang diperjuangkan oleh mereka sudah berkubur. Mereka tetap tidak mahu percaya. Mereka tetap membawa orang-orang Melayu supaya menjadi penderhaka menentang kerajaan.

Sampai begitu dahsyat sekali perang politik antara golongan Shahrir dan orang Melayu Johor. Jelas dan nyata UMNO itu Melayu dan Melayu itu UMNO. Itulah yang mereka perjuangkan kononnya, dalam satu waktu yang sama

mereka tarik orang ramai suruh jatuhkan Presiden UMNO. Ini yang kita tidak faham.

Mereka ingat orang Melayu Johor lupa. Siapa bunuh karier politik para pemimpin politik di Johor kalau bukan Datuk Musa Hitam masa dia jadi Timbalan Perdana Menteri dulu. Sekarang dia iri hati tengok Datuk Mohd Rahmat adalah pemimpin dari Johor yang paling senior. Sekiranya Encik Ghafar jadi Perdana Menteri, Datuk Mohd Rahmat akan jadi timbalannya. Apa peluang Datuk Musa, Ku Li, Shahrir dan bekas-bekas menteri yang menentang kerajaan untuk jadi menteri semula?

Sebenarnya mereka nak jatuhkan Mohd Rahmat, supaya mereka atau geng-gengnya boleh ganti tempat itu.

Dengan menggunakan strategi memburuk-burukkan Dr. Mahathir seorang diri saja, mereka kurangkan musuh. Disinilah cerdiknya mereka. Tapi apa jadi pada tubuh kalau kepala sudah dipotong? Bila Mahathir letak jawatan ikut kehendak mereka, akan huru haralah negeri ini nantinya. Alat siapa mereka ini agaknya?

Kepada siapa yang pernah membaca cerita Nabi Sulaiman dengan Raja Gagak tentu tahu bahawa gagak tetap menganggap gagaklah paling cantik dari lain-lain binatang.

Kalau pengikut-pengikut Musa dan Ku Li tak kata Datuk Shahrir, orang yang paling berani, paling lantang, sanggup berkorban apa saja untuk memperjuangkan nasib bangsa Melayu nak kata siapa lagi? Tak kan mereka nak kata Haji Masud seorang guru yang sanggup letak jawatan sedangkan 9 bulan lagi tempuh bersara lebih baik dari Shahrir?

Shahrir tahu Haji Masud jauh lebih baik, amanah dan bersih darinya. Haji Masudlah yang telah membuat semua kerjanya masa Shahrir jadi menteri dulu dan habiskan masa di Kuala Lumpur.

Apa nak dihairankan, kalau mereka yang sudah kalah perang tidak kata generalnya pandai-pandai belaka, askarnya kuat-kuat belaka senjatanya yang terbaik. Musuh yang salah,

masakan tenteranya mahu pergi perang lagi. Yang teruk dalam perang askar. Gurkha-gurkha yang nanti jadi mangsa pak-pak turut yang tak dapat berapa sen jadi pengikut mereka.

Gurkha-gurkha Shahrir tak tahu Datuk Shahrir ada pencen menteri, ada pencen ahli parlimen. Lepas kalah nanti balik Kuala Lumpur jaga kedai dobinya.

Orang ramai kagum melihat majlis ceramah Shahrir dikerumuni. Kita mesti ingat orang jual ubat dikaki lima mestilah pandai bercakap dan kumpul orang. Kalau tak pandai jual koyok siapa yang hendak beli ubat mereka? Sayangnya tengoklah sikit badan yang kurus melidi mahu jual ubat untuk mengemukakan badan, orang yang tak pandai berfikir bolehlah terpedaya.

Geng-geng mereka cakap tentang kemungkaran politik pasal Mahathir diktator. Tan Sri Osman Saat pun turut berkempen. Tidakkah Tan Sri dulu disuruh berhenti kerana rasuah dan perangai macam Diktator?

Saya teringat kawan saya mahaguru Omar Din guru silat yang mempunyai ribuan murid di serata Malaysia. Kehandalannya sama hebat macam David Copperfield. Di mana Omar Din sekarang?

Kerja pendekar, tugas dan tanggungjawab ahli silat dan ilmu mempertahankan diri ialah untuk mempertahankan bangsa dan negara dari di serang oleh musuh bukan berkerja sama dengan musuh-musuh Melayu. Orang DAP yang terang tidak suka pada raja-raja Melayu tentang Dasar Ekonomi Baru dan bersifat kecinaan kini menjadi regu mereka. Di mana silapnya? Macam mana orang yang sepatutnya jadi pagar, rupanya mereka yang menjahanamkan tanaman.

Berbalik kepada cerita guru silat yang mempunyai kuasa ghaib yang hari ini sedang menjalani hukuman di Pulau Jerjak.

Inilah balasan kepada mereka-mereka yang gunakan kekuatan untuk mengugat dan cuba menjatuhkan kerajaan.

Guru-guru silat sepatutnya tentang Shahrir dan gengnya

yang cuba mengugat kekuasaan yang ada pada orang Melayu. Menentang pemimpin Melayu bererti menentang pemimpin Islam yang tidak berdosa. Kerja-kerja mereka ini adalah kerja mungkar. Kerajaan kita yang dipimpin oleh Datuk Seri Dr. Mahathir tak buat kerja-kerja mungkar.

Setiap orang yang pergi ke peti undi belum tentu kepada siapa undi itu akan diberikan. Allah saja yang berkuasa mengerakkan tangannya dengan dua perkataan 'kunfayakun' menang kata Allah, menang kata Mohamad, maka menanglah Haji Masud calon Barisan Nasional, Insyaallah.

Mari kita ingat satu cerita zaman dulu kala Arnab yang sombong dan angkuh macam angkuhnya Shahrir. Haji Masud yang lemah lembut dan berilmu kita kononkannya macam kura-kura.

Kalau dibandingkan dengan Shahrir yang macam arnab. Memanglah gigi arnab lebih besar dari gigi kura-kura. Telinga Arnab lebih besar dan play boy kelab gunakan arnab sebagai simbul mereka. Pandai keluar masuk dan sembunyi dalam lubang tapi dalam perlumbaan kura-kura lawan arnab, kura-kura juga yang menang akhirnya. Walaupun kura-kura berjalan perlahan tetapi dia buat kerjanya tanpa angkuh dan sombong.

Berbalik pada cerita Haji Tajudin dalam pesawat tadi, dia beritahu saya sekiranya saya terus menyokong Mahathir, Haji Masud akan menang, sesudah itu yang rugi saya juga nanti.

Katanya bila Musa, Ku Li, Shahrir orang harapan terakhir bagi mereka menentang Mahathir kalah, Negeri Johor ini akan aman, saya nak cari makan macam mana? Siapa yang nak beli buku saya lagi?

Betul juga cakap Tajudin Rahman ini. Dia memang pandai membuat orang berfikir cara dia. Tentu sekali umpan Tajudin tak boleh saya makan. Saya bukan tergolong dari mereka yang sudah kalah perang. Kalau tak terus tentang kerajaan askar-askar suruhan ini nak buat kerja apa lagi?

Berbalik pada cerita siapa yang akan menang saya tetap akan berkata yang benar itu tetap benar dan Allah akan memberi kemenangan kepada mereka yang jujur dan ikhlas. Satu kemenangan dunia dan akhirat. Shahrir tak boleh menang biarpun DAP sudah berpakat dengannya untuk menentang dan menjatuhkan kerajaan Melayu.

Orang Johor bijak-bijak. Mereka akan beritahu Shahrir. "Cukuplah Shahrir. Baliklah ke Kuala Lumpur, jaga kedai dobi". Kita tak boleh dan tak akan beri kemenangan pada orang yang tak ada prinsip. Orang yang nak tentang bangsa sendiri. Kita akan sokong UMNO kerana UMNO itu Melayu dan Barisan Nasional itu kerajaan kita. Shahrir bebas, kami lepaskan awak. Bebaskanlah awak dari kami. Kami pun nak amalkan kebebasan dalam memilih kerajaan kami.

Banyak petanda yang menunjukkan Shahrir akan kalah. Pertama keangkuhan dan kesombongannya nak tunjuk pada dunia dia adalah wira yang boleh mengalahkan Perdana Menteri '*single handed*'. Kedua orang disekeliling Shahrir sudah terlalu banyak dosa pada bangsa dan rakyat Malaysia. Dosa-dosa yang tidak boleh dimaafkan. Tunku lepaskan Singapura, Musa Hitam buat karut di Sabah dan Memali, Ku Li tak buat apa-apa pun kebaikan untuk umat Melayu seluruhnya masa pegang dua kementerian melainkan geng-gengnya saja.

Berfikirlah. Berfikir itu pelita hati. Mari kita ingat kembali macam mana sahabat nabi Isa yang berpakat dan cuba membunuhnya tapi tuhan berserta dengan orang yang benar. Tuhan angkat Nabi Isa kelangit. Orang yang menghasut dan mengajak orang ramai membunuh Isa. Penghabisan dia sendiri yang kena bunuh. Jangan gunakan sentiman kebencian sebagai satu '*force*' untuk menjatuhkan orang. Akhirnya diri sendiri juga nanti yang akan menjadi sasaran kebencian orang ramai. **Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tak ada gunanya.**

Tuhan tidak tunggu hingga sampai ke anak cucu. Hari ini mereka yang membuat kesalahan akan menerima secara '*instant*' seperti juga makanan segera yang kita lihat hari ini.

S I N I S

Oleh: KARTEKANA

18-10-88





AH!  
AKU TAK  
MAIN GENDA-BENDA  
NI SEMUA!

SRAPP!!!

BAGAIMANA LA  
ORANG EMOSIONAL  
BEGINI  
DIHARAPKAN  
MENJADI  
PEMIMPIN BANGSA ?

KARTEKANA

13-10-91



## WAKIL RAKYAT CUCI PINGGAN, CUCI MANGKUK

● Bila lama tidak menulis, terjumpa saja kawan-kawan mereka mulalah bertanya; Kemana menghilang? Kenapa tak menulis? Ada buku baru ke?

Alhamdulillah ada, **LIMA RAJA TERAKHIR**. Syukur pada Tuhan minggu ini Pak Habib dapat bertemu semula dengan pembaca setelah agak lama menyepi. Lama tak menulis bukan malas. Walaupun kita tahu orang Johor ramai yang suka merajuk tapi Pak Habib tak merajuk, terlalu sibuk... Selain dari menyiapkan buku **LIMA RAJA TERKAHIR** Pak Habib sedang berlakun dalam drama swasta Amir Haidar Hadarami.

Biar bagaimanapun marilah ikut Pak Habib ke Johor Bahru sekejap, kerana mengikuti lawatan musuh ketat Shahrir Samad dan gengnya ke Johor Bahru. Zaman sekarang, berulang alik ke JB macam KL - Kelang saja. Pergi pagi balik petang.

Jumaat, 6 Julai 1990 pukul 6.00 pagi Pak Habib berada di Terminal 2 kerana jadual penerbangan ialah jam 6.20 pagi. di sana saya terserempak dengan dua orang kuat Pergerakan Pemuda UMNO. Jamaluddin Abu Bakar, Exco Pergerakan UMNO Malaysia juga Ketua Pemuda Ledang dan Sulaiman Taha, Penolong Setiausaha Pemuda UMNO yang juga Ketua Pemuda Labis. Mereka ini nak ke JB sambut boss.

Setiausaha Agung Persatuan anak Jawa Johor (PAJAR), Othman Suffian ada sama. Akhir sekali tak ketinggalan Shahrir 'tukang dhobi'. Wakil Rakyat yang sudah dapat gelaran baru 'jaguh cuci pinggan mangkuk.' Datuk Shahrir Abdul Samad selaku Ketua Bahagian UMNO Johor Bahru nampaknya tak

mahu ketinggalan nak tunjuk muka kat boss juga, muka baik, muka jahat saya tak pasti, dia saja yang tahu nawaitunya.

Buat pertama kali setelah sekian lama, baru saya lihat Shahrir tersengih-sengih dengan saya. Mimpi apa agaknya? Sengih Shahrir ni lain macam sikit, seperti senyum sinis. Senyum orang tak suka, orang benci dan meluat tengok kita. Tapi biar bagaimanapun sekali orang senyum kat kita, sepuluh kali kita akan balas senyumannya. Saya tahu dia pernah beritahu kepada seorang wartawan, Daud Ibrahim. Kata Shahrir kepada Daud '*dalam dunia ini Pak Habib seorang sahaja yang dia tidak akan bersalaman, biar di mana sahaja dia berjumpa*'. Itu kata dia, tak apa. Tapi kalau Tuhan nak gerakkan hatinya supaya bersalaman dengan saya macam mana? Orang Islam tak baik macam tu, lagi pun dia pemimpin politik.

Macam mana jadi pemimpin, kena usik merajuk, marah, murka sampai tak tegur berbulan-bulan lamanya tapi dia lanyak, dia kata, maki orang tak apa. Saya berbual-bual dengan Jamaluddin, Sulaiman Taha dan Othman Pajar (Jawa) seperti biasa. Kita orang sekampung, bertentangan pendapat, bergaduh politik perkara biasa, yang nak bawa sampai ke dalam kubur pasal apa? Osman Sopian, inipun dulu masa dalam P.S.R.M hari-hari hentam kerajaan, hentam menteri tapi kini jadi orang kuat Tok Mat orang UMNO. Tok Mat boleh terima dia dalam perkampungan politik. Mana ada sahabat dan musuh yang kekal. Semuanya berubah-ubah ikut musim.

Topik pagi tu, ialah mengenai 'beruk-beruk politik' yang kebelakangan ini tuan-tuan mereka nampaknya tidak begitu pedulikan mereka lagi. Kisah ini dah pernah saya ceritakan kepada Timbalan Menteri Tenaga Telekom dan Pos YB Ghani Othman, Senator Majid Abdullah dan Senator Syed Hamid Alsagoff beberapa minggu lalu di Parlimen.

Kalau tak silap Pak Habib, Datuk Basri Bajuri dan Dr. Abdul Hadi Derani dari Kota Star juga dah dengar cerita '*beruk rantai pendek*' ni. Tapi, tak apalah kerana ceritanya seronok. Malah cerita ini lebih '*real*' dari kisah '*Maharaja Beruk*' yang ditulis oleh pakar hal-ehwal BERUK, Yahya Ismail yang boleh dianggap sebagai '*beruk rantai pendek*'

menurut metafora sastera.

Sepatutnya taukeh-taukeh atau tuan punya ladang kelapa tidak perlu memanjat pokok kelapa sendiri, kerana mereka sudah punya beruk-beruk sendiri. 'Beruk' ini ialah istilah baru bagi menggantikan perkataan 'gurkha' atau valache. Akhir-akhir ini ramai beruk yang menganggur duduk berpusing di pangkal pokok kelapa. Rantai pendek nak buat macam mana? Sesekali terlepas, taukeh ladang kelapalah yang dipanjat dan dikerabat mereka. Nasiblah, beruk gigit tuan.

Cerita ini pada mulanya satu 'Metaphor' untuk Ghani Osman yang dulu rajin bawa 'beruk'nya naik basikal ke kebun kelapa, tapi akhir-akhir ini beruknya sudah terlepas jadi beruk tak bertuan.

Sekarang ini bila beruk sudah mula panjat tuan, kerabat sana kerabat sini, tuannya nak marah pulak. Musim pilihanraya samalah macam musim banyak kelapa kering dipohon. Berilah peluang beruk-beruk berkerja. Janganlah kerja berukpun tuan nak buat sendiri. Begitulah bunyi keluhan beruk-beruk yang sedang menganggur.

Cerita '*beruk rantai pendek*' panjat tuan menjadikan penerbangan dari Kuala Lumpur ke Johor Bahru sesingkat memanjat dari pangkal nyiur ke pucuknya saja. Setibanya di Lapangan Terbang Sultan Ismail Senai, adik Pak Habib sudah pun menunggu. Kami menghantar Jamaluddin ke hotel Rasa Sayang sementara saya terus ke Perkuburan Mahmoodiah untuk menziarahi makam ayahanda Pak Habib. Selalunya orang lebih suka berjumpa dan menziarahi orang hidup, tetapi telanjur tempat orang mati lebih dekat, apa salahnya pagi-pagi Jumaat ke kuburan membacakan ayat suci seperti kebiasaan sejak dulu-dulu lagi?

Selesai membaca ayat-ayat suci dan mendoakan orang tua yang berada di alam barzah saya kembali semula ke Lapangan Terbang untuk menyambut Perdana Menteri Dr. Mahathir yang akan melawat daerah Pak Habib pada pukul 9.30 pagi. Sebagai anak Johor jati, saya merasakan kita mesti tunjukkan bahawa orang Johor adalah golongan intelek yang berjiwa besar. Kita bangga menjadi tuan rumah kepada

pemimpin negara yang telah mengharumkan nama negara. Orang beradat berbahasa, begitulah cara anak 'orang tua-tua'. Kita tidak akan mencemek muka kerana ada pemimpin lain yang tidak senang dengan sapa saja yang jadi tetamu kita.

Dilapangan terbang saya terserempak dengan Rahim King. Boss komando kawan lama saya Rahim King mengajak Pak Habib menaiki kereta bersama dengan dua orang rakannya mengekori kereta yang dinaiki oleh Perdana Menteri.

Kereta Rahim King berada nombor lima di barisan kereta-kereta VIP. Kalau tak silap saya berada dibelakang kereta Ketua Polis Johor, Tuan Haji Zakaria Chek.

Sebaik sahaja rombongan beliau tiba di Kompleks Islam Johor Bahru, sambutan hebat diberikan kepada Perdana Menteri oleh hampir 2,000 pemimpin-pemimpin UMNO Johor Bahru. Malahan Perdana Menteri diberi sambutan '*standing ovation*' oleh 2,000 pemimpin UMNO ini semasa beliau mengakhiri ucapannya. Ini kemudiannya diiringi pula dengan nyanyian lagu UMNO Johor.

Satu perkara yang pelik tapi benar, satu perkara yang tak disangka-sangka, bara bertukar menjadi air telaga. Begitulah nampaknya suasana semasa Presiden UMNO berucap. Suasana dalam dewan menjadi sunyi sepi. Hadirin hadirat yang terdiri dari ketua-ketua bahagian, ketua cawangan, wanita dan Pemuda yang hampir 2,000 orang telah memberikan sambutan yang luar biasa, gembira dan mesra.

Tok Mat dan Datuk Mustaffa Mohamed duduk di barisan depan bersama-sama Dr. Mahathir Mohamad, Tan Sri Muhyuddin, Dr. Siti Asmah, Puan Sri isteri Menteri Besar, Datuk Ajib Ahmad, Datuk Shahrir, YB Adam Hamid dan YB Hasmoni Salim, duduk di barisan belakang, berganding, cukup rapat dan mesra antara satu dengan lain. Maklum sajalah orang yang dalam satu kancah dan satu periuk.

Keempat-empat orang Musa menunjukkan sikap yang mereka seolah-olah tidak begitu senang dengan kehadiran Presiden mereka terutama Shahrir yang memang dikenali dengan sikap anti Mahathir. Ketika itu Muhyuddin berucap

Shahrir berbual dengan Hasmoni. Begitu juga apabila Dr. Mahathir bangun berucap, Shahrir semakin rancak berbual dengan gengnya. Walaupun ada ketika bila mereka kena 'smash' kena taruk cukup-cukup dalam bahasa sindiran tanpa menyebut nama tapi orang yang termakan cili tentu terasa pedasnya. Muka-muka mereka kelihatan biru, lebam dan akhirnya birat, maklumlah orang dah hilang taring hilang bisa terasa diri malu.

Mereka tak sangka orang Johor Bahru boleh terima Mahathir, boleh sambut Mahathir. Mereka terlupa kekuasaan Tuhan, bila timbul kebenaran yang batil akan gugur dengan sendirinya.

Mereka tak sangka bahawa mereka sudah duduk dibarisan belakang. Silap-silap tak lama lagi mungkin hanyut. Mereka lupa bahawa sekali air bah sekali pantai berubah. Masing-masing semua ada bisul cuma belum meletup saja lagi.

Biar pun Perdana Menteri tak sebut nama sesiapa, beliau cuma sebut contoh seorang wakil rakyat yang 'popular' yang di pilih beberapa penggal namun tak dapat berbakti untuk rakyat. Maklum sajalah, calon bebas. Boleh buat apa. Sebab itu agaknya Shahrir terpaksa masuk UMNO semula.

Kata Dr. Mahathir, orang yang dimaksudkan itu ialah Jabbar bin Yusof, wakil rakyat Batu Laut yang pernah menang tiga penggal sebagai wakil rakyat atas tiket Bebas. Kita perlu bertanya diri kita apa tujuan rakyat memilih wakil mereka masa musim pilihanraya. Apakah semata-mata kerana wakil rakyat itu popular? ataupun kerana dia baik?

Atau apakah kerana mereka pandai jaga hati rakyat, boleh hadir dimajlis perkahwinan dan kematian, sanggup basuh pinggan mangkuk di majlis kenduri? Apakah kita mahu wakil rakyat hanya untuk basuh pinggan mangkuk kita? Dalam zaman pembangunan kita perlukan wakil rakyat yang dapat memainkan peranan besar khususnya untuk menguatkan parti dan kerajaan? Kata Dr. Mahathir, "*masih ada beberapa perkara yang belum selesai walaupun negara sudah merdeka 32 tahun. Kita kena bertanya diri kita apakah matlamat kita*

*sebenarnya? Bukankah menyelesaikan masalah-masalah yang belum selesai sesudah merdeka menjadi tanggungjawab bersama? Kita mesti memikirkan masa depan anak cucu kita. Tujuan diadakan pilihanraya bukan sekadar memilih calon yang pandai cuci pinggan mangkuk” .*

“Orang Johor dulu menerima Tunku Abdul Rahman sebagai pemimpin UMNO sebaik sahaja Dato’ Onn meninggalkan UMNO tanpa memikirkan yang Tunku orang Kedah. Begitu juga semasa rakyat tanah Melayu memilih Datok Onn bukan kerana Datok Onn orang Johor tapi perjuangan untuk membangunkan dan memerdekakan bangsa dari belenggu penjajah. Ketika itu perjuangan UMNO bukan untuk pemimpin tertentu. Pemimpin datang dan pemimpin pergi tetapi tugas mentadbirkan negara mestilah diteruskan, sebab itu orang Melayu masih jadi tuan dalam negerinya sendiri kerana UMNO masih kuat dan orang Melayu masih percaya pada UMNO.”

Rakyat mestilah menolak mana-mana pemimpin yang sudah meninggalkan parti yang ternyata merupakan satu liability. Pemergian pemimpin-pemimpin yang semacam ini mudah sahaja dicari ganti. Jangan taksud pada seorang pemimpin yang dah rosak hingga sanggup rosakkan bangsa dan negara.

Siapa yang tak sayangkan pemimpin mereka, orang itu musuh, maka siapa saja yang sanggup jadi juara untuk mempertahankan ego segolongan pemimpin, orang itu hero. Shahrir yang ketika itu bertanding atas nama 46, lambang kunci menang tetapi akhirnya masuk UMNO semula. Kempen mereka ajak rakyat membenci Dr. Mahathir tak berjaya. Akhirnya mereka masuk UMNO semula kerana mereka sedar Johor dihormati kerana sikap gentlemen, sikap intelek orang Johor dizaman Datuk Onn. Di zaman Tun Dr. Ismail mereka tak jahanamkan perjuangan dan tanggungjawab yang diamanahkan oleh bangsa semata-mata kerana kepentingan diri dan orang-orang tertentu.

Orang Johor ni lain sikit perangainya. Lihat sahaja apabila mereka menonton perlawanan bolasepak. Kalau pasukan Johor main tak baik, mereka sokong pasukan yang

mendatang. Begitu juga dengan politik.

Lihat sahaja perangai Shahrir, Perdana Menteri sedang berucap dia asyik berbual-bual. Tak hormat langsung. Janganlah angkuh. Mentang-mentang geng awak menguasai 16 bahagian UMNO di Johor, awak buat tak peduli kepada Presiden parti.

Nampaknya geng-geng Shahrir terasa mereka jaguh. Di Johor mereka menguasai 16 daripada 18 kerusi Ketua Bahagian. Mereka terlupa agaknya UMNO sekarang mempunyai 114 bahagian. Kalau pun awak terasa kuat, tak baik angkuh. Ahli UMNO hanya berapa peratus saja dari kalangan masyarakat Melayu. Apakah mereka fikir mereka yang menentukan kalah menang calon? Ingat sikit kuasa Tuhan. Sungguh tak sopan mendesak dan mengugat pucuk pimpinan nak tubuh parti baru kalau geng sendiri tak terpilih sebagai calon. Ini ke jenis pemimpin yang nak perjuangkan bangsa?

Dr. Mahathir menceritakan bagaimana masa pilihanraya tahun 1986 ada rombongan yang datang kerumahnya jam tiga pagi. Kata rombongan itu kiranya calon mereka tak di pilih, pasti siapa saja calon lain yang dibubuh akan kalah.

Dr. Mahathir mempelawa kiranya nak ugut dan gertak datanglah berjumpa beliau tiga bulan sebelum pilihanraya, senang sikit boleh berunding. Kalau datang pukul 3.00 pagi mendesak orang yang baru tidur, sedang letih mahu tak mahu terpaksa mengalah. Itu kerja tak gentelmen.

Sikap ini Shahrir kena belajar. Perdana Menteri yang telah menduduki kerusi Presiden pun masih mahu berunding dan berbincang soal calon, jadi kenalah hormat sikit. Janganlah mencabar sana sini, dan kemudian umum nama sendiri akan jadi calon kerana rasa diri sudah cukup popular. Rakyat perlukan wakil yang baik yang boleh berkerja bukan yang kurang ajar, yang hanya tahu cuci mangkuk dan yang suka melawan. Lagi pun boss awak Datuk Musa dah tak ada apa-apa lagi. Lawan Ghafar seorang guru lulusan SITC pun tahun 1987 kalah. Lawan saya yang tak lulus tingkatan tiga pun mengelabah dan Ketua Pemuda Shahrir, Khalid lawan Ghaus kerani biasa pun tak boleh menang padahal Khalid ada LLB.

Ada orang kata LLB tu lama-lama bebal.

Satu hal yang buat Pak Habib terkejut ialah Kadri Sabran. Dia duduk dibawah bersama-sama orang ramai. Kadri menjadi mangsa permainan Ajib. Dulu Kadri rakan baik Ajib. Kadri pernah beritahu rakan baik Pak Habib katanya, "dia tentang Ajib dulu kerana Ajib kata, dia mahu jatuhkan Ajib, padahal tidak. Alang-alang orang dah kata kita jahat, lawan sahajalah. Kalah menang letak nombor dua. Maka berlawananlah orang Musa sama orang Musa, jawa sama jawa. Ajib jawa, Kadri pun jawa juga. Azakhirnya, Kadri Sabran tewas dan dia seolah-olah tersingkir dari kumpulan Musa. Bila agaknya Ajib, Hasmoni, Kadri Sabran nak masuk jadi ahli Pajar. UMNO, UMNO juga, tak kan sudah jadi pemimpin UMNO, asal usul keturunan nak dilupakan begitu saja.

Sebaik sahaja Perdana Menteri selesai berucap dimana sebelumnya setiap fakta yang dituturkannya, mendapat tepukan gemuruh. Akhirnya beliau diberikan '*standing ovation*' dan hadirin sama-sama bangun menyanyikan lagu UMNO. Shahrir pun bangun menyanyi sama, walaupun mukanya Pak Habib tengok semakin pucak dan tidak bermaya lagi macam bulan kesiangan macam bossnya.

Siapa pun tak terasa sedih atau kesal padahal dalam ucapan Perdana Menteri, sepatah nama Musa Hitam tak tersebut seolah-olah Musa sudah dilupakan oleh orang Johor. Musa dah jadi macam pohon tumbang, kura-kura pun sudah boleh panjat. Inilah nasib namanya. Bila nasib dah buruk orang pandai jadi bodoh. Orang senang tiba-tiba jadi susah. Akhirnya nanti beruk sendiri yang gigit tengkuk tuan.



# SHAHRIR CARI PUBLISITI MURAH

**KUALA LUMPUR:** Tindakan Ahli Parlimen Johor Bahru yang enggan mengangkat sumpah di hadapan Speaker Dewan Rakyat disifatkan sebagai satu usaha mencari publisiti murah.

Ketua Penerangan UMNO (baru) Wilayah Persekutuan, Senator Azman Atar Othman berkata, apakah Datuk Shahrir Abd Samad masih tidak cukup dengan populariti yang beliau dapati setakat ini. Bercakap kepada

WATAN, Senator Azman mempertikaikan dakwaan yang mengatakan Datuk Shahrir seorang pemimpin rakyat.

Sehubungan dengan itu, Senator Azman yang juga Ketua Penaja UMNO (baru) Bahagian Batu berkata, soal kementerian Datuk Shahrir di Johor Bahru dengan pertolongan DAP atau kemenangan perjuangannya tidak perlu dijelaskan lagi kerana rakyat boleh menilaikannya tetapi tindakan enggan

mengangkat sumpah adalah tidak wajar.

"Sepatutnya Datuk Shahrir sudah mula menjalankan tugas sebagai wakil rakyat sekarang tetapi disebabkan kedegilan beliau itu, tugas yang dipikulnya sekarang tidak dapat dilaksanakan," ujar Senator Azman.

Serentak dengan itu, beliau mempersoalkan mengapa Datuk Shahrir enggan mengangkat sumpah yang antara lain sumpah itu adalah ikrar

taat setia kepada negara di samping memper-tahankan perlembagaan negara.

"Apakah Datuk Shahrir tidak taat setia kepada negara dan enggan mempertahankan perlembagaan negara?" soal Senator Azman lanjut.

Beliau seterusnya menyifatkan tindakan itu sebagai tidak mengiktirafkan Tan Sri Ahmad Zahir Ismail sebagai Speaker dan juga perbuatan yang boleh menjerut leher sendiri.



SENATOR AZMAN ATAR  
OTHMAN

15-10-88

## TERBANG PUN KALAU DAH KAMBING, KAMBINGLAH

Tidak pernah saya merasa begini berat hati hendak menulis sebuah rencana untuk Mingguan Kota, sebabnya kerana saya terfikir bagaimana orang yang waras akal dan rasional pemikirannya tidak dapat hendak membayangkan bagaimanakah sebuah negara di dunia moden hari ini boleh diperintahkan dan ditadbirkan dengan hanya menggunakan satu slogan yaitu semangat yang kosong, tak tahulah saya melainkan dengan pemerintahan diktator?

Datuk Harun mewakili kumpulan Serpihan, yang kita tak tahu ujung pangkal perjuangan pertubuhannya yang belum berdaftar tiba-tiba mahu ambil alih pemerintah negara. Macam orang belum bernikah tiba-tiba saja mahu melahirkan anak.

Rakyat mesti tahu amalan hidup pemimpin sentiasa berkait rapat dengan corak pemerintahan. Bila kita hubungkan semua faktor-faktor ini, maka kita akan dapati bahawa ideologi adalah satu persoalan yang penting. Mereka yang mahu memerintah wajib memberi tahu kepada rakyat yang akan memberikan kuasa kepada mereka, ideologi apakah yang akan dibawa dan diperkembangkan sekiranya golongan Tunku dan kumpulan serpihannya mahu menghidupkan UMNO lama itu memerintah negeri ini nanti atau salah seorang dari mereka dijadikan Perdana Menteri.

Kerja rebut-rebut kerusi macam bidan terjun ini bukan kerja orang politik yang berpandangan jauh, bukan kerja seorang nasionalis.

Banyak persoalan yang dapat dikemukakan dan kalau kita rajin bertanya maka kita tanyakanlah. Apabila kita tanyakan dengan secara sungguh-sungguh maka akhirnya ada diantara mereka yang akan berkata seperti sebuah cerita yang telah diceritakan oleh seorang kawan saya kepada saya. Ada pun ceritanya adalah seperti berikut;

Pada suatu masa dulu ada dua orang pemuda tinggal didalam suatu kampung. Ada pun kampung itu letaknya di Jajahan Gasang dalam sebuah negeri bernama Kilatan. Yang tua bernama Ibrahim, timang-timangannya Brehim. Yang muda bernama Abdul Rahman, timang-timangannya Deraman.

Pada suatu hari berlakulah satu perselisihan pendapat. Brehim memberitahu Deraman ada seekor burung sedang hinggap di atas belakang seekor lembu. Burung itu sangat besar dengan sayapnya yang berkilau-kilau. Apabila Brehim memberitahu kepada Deraman, maka Deraman pun keluarlah untuk melihatnya. Apabila Deraman melihatnya maka berkatalah Deraman;

“Bukan burung Brehim!” kata Deraman.

“Kalau bukan burung, binatang apa?” tanya Brehim.

“Kambing Deraman!”

“Burung! Tengok kaki dia tu dua. Burung! Berahim”

“Kaki dua pun dah kambing, kambinglah!”

Tiba-tiba burung itu pun terbanglah ke angkasa. Maka berkatakan Deraman.

“Tengok, dia terbang. Burung Berahim.” Deraman tetap berdegil biarpun yang dilihatnya terbang itu burung, dia tetap berkata, “Terbang pun dah kambing, kambinglah!”

Saya tahu Tengku Razaleigh Hamzah, Ketua Semangat 46 tidak akan senang bila ditanyakan sesuatu mengenai ideologinya. Apakah Tunku, Hussein Onn, Ku Li dari golongan kapitalist atau pun feudal? Bagaimana pula dengan Harun dan Rais Yatim? Apakah mereka ini sosialis macam Shahrir dan

Musa atau kapitalis macam Tunku dan Ku Li?

Sistem pragmatis yang menjadi amalan demokrasi kita boleh berubah ikut mana 'imam' didepan kita. Kalau imam didepan kita itu kita tak tahu sama ada dianya Islam, Kadiyani atau bahai, kita main masuk dalam saf dibelakangnya, maka rosaklah sembahyang kita. Kalau dia Islam boleh juga kita faraqahkan.

Mengikut Allahyarham Tun Razak, UMNO yang dipimpinnya adalah sebuah pertubuhan politik yang pragmatis. Jadi jelaslah disini bahawa diantara sebab-sebab utama mengapa Dr. Mahathir ditentang oleh golongan serpihan, terutama Tunku dan Ku Li kerana mereka tidak setuju dengan ideologi yang dibawa oleh Perdana Menteri kini. Mahathir yang telah melahirkan buku 'Delima Melayu' cuba membawa perubahan ideologi mengikut cara dan gaya hidup dan visinya yang tidak disenangi oleh golongan istana.

British dan barat merasakan kiranya Mahathir berjaya menewaskan rancangan global barat terhadap bekas tanah jajajahnya, ia akan mendatangkan kesan yang buruk pada kuasa-kuasa besar. Kemerdekaan yang dibawa oleh Mahathir tanpa pekikan merdeka adalah satu-satunya hakikat yang amat digeruni oleh bekas penjajah kerana ia benar-benar akan menjadikan negara ini negara yang merdeka berlainan dari cara Merdeka Tunku.

Apakah orang Melayu sedar bahawa Barat sedang memerhati dan merenung dengan mata tajam akan visi Mahathir terhadap negaranya. Kepercayaan yang menjadi amalan Dr. Mahathir sudah mula secara perlahan-lahan difahami oleh rakyat. Dalam masa yang sedikit lagi tidak mustahil akan menjadi ikutan. Dan setengah-setengah pihak sudah nampak peluang yang Mahathir berikan pada para pelapis yang tahu apa erti kemerdekaan yang sebenarnya. Visi Mahathir sudah mula tampak jelas oleh rakyat yang berjiwa nasionalis melainkan mereka yang pura-pura mengaku diri nasionalis tapi terus menjadi agen-agen pemikiran imperialis barat. Ini semua amat ditakuti oleh barat. Sebab bagi barat, Malaysia adalah sumber bahannya yang utama.

Dari itu mereka akan gunakan anak negeri yang sanggup bersubahat dengan mereka untuk tentang Mahathir matimatian.

Agen-agen imperialis barat mahukan setiap penganutnya mesti terdiri dari mereka yang tidak ada asas agama, tidak taat pada Tuhan, tidak taat pada rasul, tidak taat pada pemerintah di negara di atas bumi yang mereka pijak. Penjajah mahukan agen-agen mereka dari kalangan orang-orang yang tidak berdisiplin dan tidak bermoral supaya bila mereka ini dijadikan pemimpin kelak, mudahlah mereka akan jadi boneka.

Kuasa-kuasa luar, mahu kita semua terus hidup terjajah. Jiwa raga dan agama kita juga mereka mahu jajah dan siapa lagi kalau bukan boneka-boneka suruhan mereka yang dapat lakukan ini semua.

Maka sebab itu untuk mengetahui ini semua kita patuk mengetahui politik pertama yang bermula sebelum Datuk kita Adam, diturunkan didunia. Dari itu ikutilah cerita kejadian Adam dan bermulanya politik didunia.

Nabi Adam AS adalah manusia pertama yang dijadikan oleh Allah SWT. Dia menjadi Nabi dan Rasul. Adam juga adalah manusia pertama di muka bumi ini. Begitulah yang diajarkan oleh al-Quran.

Walaupun demikian yang diajarkan oleh al-Quran tetapi bukan tidak ada pula orang yang percaya kepada teori Charles Darwin yang mengatakan manusia ini berasal daripada spesies beruk yang telah mengalami evolusi.

Al-Quran membawa berita benar bahawa tatkala Allah SWT hendak menjadikan Adam AS Allah telah berfirman kepada para Malaikat:

*“Sesungguhnya Aku hendak jadikan seorang khalifah dimuka bumi ini.”*

(Al-Baqarah: Ayat 30)

Maka berkatalah para Malaikat sekalian:

***“Mengapa Engkau hendak jadikan (Khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerusakan kepadanya dan menumpahkan darah, pada hal kami sentiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau?”***

(Al-Baqarah: Ayat 30)

Allah SWT menjawab dengan berfirman:

***“Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui.***

(Al-Baqarah: Ayat 30)

Allah SWT menciptakan Adam AS itu dari segumpal tanah. Allah SWT kemudiannya telah meniupkan roh ke dalam Adam dan lalu memerintahkan kepada iblis supaya sujud kepada Adam AS.

***“Sujudlah kamu kepada Adam”.***

(Al-Baqarah: Ayat 34)

Maka sujudlah sekalian Malaikat, tidak ada satupun yang tertinggal dan engkar kecuali Iblis. Iblis telah engkar kepada perintah Tuhan itu kerana berasakan dirinya yang lebih mulia daripada Adam AS.

Demikianlah berita yang dibawakan oleh al-Quran tentang makhluk Tuhan yang engkar kepadaNya. Dengan terjadinya peristiwa itu, maka bermulalah catatan dan sejarah keengkaran yang disebabkan oleh ego kerana kejadiannya daripada api.

Iblis berasa dialah yang lebih mulia kerana asal kejadiannya dari cahaya. Itulah egonya. Itulah Iblis yang sangat angkuh, sombong dan bongkak. Sesungguhnya perbuatan tersebut, ego, angkuh, sombong dan bongkak adalah perbuatan yang tidak disukai oleh Tuhan.

Dengan keengkaran Iblis terhadap Tuhan itu maka bermulalah sejarah penderhakaan dalam dunia Tuhan ini. Maka Iblis pun jadi makhluk yang bebas, bebas menentang Tuhan yang menciptakannya, bebas membuat kemungkaran dan segala kejahatan yang Iblis suka. Iblis telah membebaskan diri dari Allah.

Umat Islam yang berpegang kepada al-Quran dan al-Hadis menerima perintah agar taat kepada Allah dan taat pada Rasulnya. Adapun Rasul itu adalah pemimpin ummah pada zaman-zamannya yang tertentu. Ada pun Nabi Muhammad SAW itu adalah nabi akhir zaman. Beliau adalah pemimpin ummah. Dan taat kepada pemimpin adalah ajaran yang dibawa oleh al-Quran.

Namun demikian bukanlah tidak ada orang yang mengikut contoh dan sunnah Allah tetapi dalam waktu yang sama menurut juga contoh dan teladan iblis kerana mereka ini berasa dialah yang pandai, dialah yang pintar, dialah yang hebat, dialah yang bijak, dialah yang cerdik, dialah yang segala-galanya. Mereka ini sedang menunggu masa kehancurannya. Akan tiba waktunya, cepat atau lambat. Apabila tiba waktu itu maka mereka ini akan terhumban kepada lembah kehinaan serta kedurjanaan.

Begitulah pengajaran dan contoh teladan yang dapat diambil daripada berita benar yang di bawa oleh al-Quran. Akibat dari perbuatan engkarnya itu maka terkeluarlah iblis dari syurga. Maka bebaslah iblis yang lebih senang jadi bebas dari tunduk kepada khalifah pilihan Allah.

Sebelum ia dihantar keluar dari Syurga, iblis telah meminta kepada Tuhan agar memperkenankan permintaannya untuk membujuk dan membawa sebanyak mungkin anak cucu Adam bersama-samanya. Allah telah perkenankan permintaan tersebut.

Disinilah bermulanya sejarah demokrasi ciptaan Tuhan. Allah berikan iblis memancing undi membuat propaganda untuk menarik Adam hidup bebas sepertinya.

Maka mereka yang tidak beriman dan tidak taat pada perintah Allah dan Rasulnya akan terbujuk, terpengaruh, tertipu melaksanakan kehendak-kehendak iblis di dunia. Di dunia dia bebas membuat apa yang disukai oleh iblis dan di akhirat nanti tidak ada lainlah temannya kecuali iblis dan syaitan. Dan Neraka Jahanamlah tempat tinggalnya manusia yang ego dan tidak taat pada perintah Allah yang telah ditetapkan didalam Al-Quran.

Sesungguhnya banyak pengajaran dan pelajaran daripada al-Quran yang boleh diambil oleh orang-orang yang tidak angkuh dan yang tidak sombong. Orang yang sanggup mengalah, kalau dia dah kata kambing tapi yang dilihatnya itu burung yang mempunyai dua kaki, dia tak akan kata terbang pun, kambing juga.



# RAKYAT MAHU HENTIKAN KRITIK PEMIMPIN

25-10-88



DATUK MUSA HITAM

Oleh: DAUD HAJI IBRAHIM

**KUALA LUMPUR:** Kemenangan Calon Barisan Nasional (BN) di pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Parit Raja disifatkan sebagai isyarat rakyat mahukan Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam menghentikan kegiatan mengkritik kepemimpinan.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam, Haji Daud Datuk Haji Taha berkata, kemenangan calon UMNO (baru) membuktikan rakyat sudah bosan dengan kemelut politik yang berlaku sekarang.

Bercakap kepada WATAN di Bangunan Parlimen, Haji Daud yang juga Ketua Penaja UMNO (baru) Bahagian Batu Pahat percaya rakyat khususnya orang-orang Melayu mahukan kedua-dua pihak yang bertelingkah sekarang berdamai.

"Kejayaan ini juga membuktikan BN dapat menangkis tohmahan-tohmahan yang dibuat oleh kumpulan Semangat '46 dan ini membuktikan pengundi-pengundi dapat menerima penjelasan dari kerajaan," ujar beliau.

Sehubungan dengan itu, Timbalan Menteri ini percaya rakyat khususnya penduduk-penduduk di

Parit Raja mahukan pembangunan dilaksanakan secara berterusan.

"Mereka tidak mahu tertinggal daripada menerima kemudahan asas seperti yang diterima oleh tempat-tempat lain," tegas Haji Daud lagi.

Menjawab pertanyaan, Haji Daud yang juga Ahli Parlimen Batu Pahat berkata, hubungan baik antara kerajaan negeri dengan persekutuan diterima baik oleh rakyat, dan jelas dengan ini pembangunan dapat disalurkan ke negeri-negeri.

Beliau bimbang jika pilihanraya kecil itu memberi kemenangan kepada calon Bebas, mungkin boleh mengwujudkan keadaan tidak stabil di negara ini.

Serentak dengan itu beliau mengharapkan pihak-pihak pembangkang hendaklah menghentikan segala bentuk ganggu-gugat kerana tindakan itu boleh menyekat kedatangan pelabur dari dalam dan luar negeri.

# *Sistem Kehakiman:* **TAKUTKAN PELABUR KE NEGARA KITA- Musa**

**PARIT RAJA:** Bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam mendakwa, apa yang sebenarnya menakutkan para pelabur luar negeri untuk melabur di negara ini ialah kes yang bersangkutan dengan kehakiman.

Beliau berkata, bagi para pelabur, keadaan yang berlaku kepada sistem kehakiman ini adalah cabaran yang paling menakutkan kepada sistem demokrasi yang diamalkan di negara ini.

"Bahkan orang-orang kampung sendiripun tahu, sistem kehakiman adalah suatu badan yang tidak boleh disentuh dan ia adalah tempat pergantungan mereka yang terakhir," katanya.

Datuk Musa menghuraikan perkara ini bagi memberikan gambaran bahawa kenyataannya di Hong Kong baru-baru ini, walaupun mendapat kecemasan hebat dari dalam negeri, sebenarnya bukanlah punca yang menyebabkan para pelabur takut menanam modal di negara ini.

Menurutnya, kes yang

berlaku kepada sistem kehakiman itu juga boleh dianggap ancaman kepada sistem demokrasi yang diasaskan oleh UMNO lama sehingga menakutkan para pelabur asing.

"Mereka cuba melihat seolah-olah kenyataan saya di Hong Kong adalah satu kesalahan yang besar sekali," Kata Datuk Musa.

Mengenai UMNO lama, beliau yakin UMNO lama akan dapat dipulihkan semula.

Beliau melahirkan keyakinan ini berdasarkan bahawa keputusan mahkamah telah menyebut UMNO sebagai pertubuhan tidak sah dan bukannya pertubuhan haram.

Datuk Musa memberitahu contohnya yang membezakan antara yang tidak sah ialah seperti sembahyang tanda wuduk, puasa sementara yang haram seperti, babi, anjing, berzina dan lain-lain.

# MUSA RAMMAL PM BUAT P/RAYA MENGEJUT

18-10-88



DATUK MUSA HITAM

**PARIT RAJA:** Datuk Musa Hitam meramalkan bahawa Perdana Menteri akan memanggil Pilihanraya mengejut akhir tahun ini awal tahun depan berikutan krisis UMNO sekarang.

Bercakap kepada Watan selepas lawatan mengejut ke Parit Kásih dan Sri Menanti Jumaat lalu, beliau memberi dua sebab kenapa pilihanraya diadakan.

Pertama katanya, Datuk Seri Dr Mahathir terpaksa mengadakan pilihanraya lebih awal kerana bimbang apa yang berlaku dalam UMNO sekarang akan diketahui oleh rakyat secara menyeluruh.

Kedua pula ialah kerana Yang diPer-tuan Agong yang ada sekarang dijangka menamatkan perkhidmatannya tahun depan.

Bercakap selepas berucap di majlis ce-

Oleh: RAHIM TAHIR

ramah bagi menjamin kemenangan calon bebas Semangat 46 Haji Hamdan Haji Yahya yang bersimbolkan ikan di Parit Sri Dalam, Datuk Musa mengesahkan bahawa beliau pernah membuat ucapan di Hong Kong mengenai pilihanraya mengejut itu.

Katanya, beliau juga meramalkan Datuk Sri Dr. Mahathir akan mengisytiharkan darurat jika Perdana Menteri merasakan akan kalah dalam pilihanraya itu nanti.

Semasa di Hong Kong, Datuk Musa mengesahkan bahawa beliau pernah berkata bahawa MCA sebenarnya tidak bersetuju diadakan pilihanraya sebab pada MCA jika diadakan pilihanraya mereka akan terhapus.

"Jika itulah kata-kata saya yang telah dianggap satu penderhakaan, pada saya barang kali ini merupakan takrif baru mengikut ilmiah bahasa kerana penderhakaan itu kepada Raja-Raja," ujarnya.

Mengenai darurat kata Datuk Musa, beliau hanya meramalkan, "kalau jadi, betullah dan kalau tak jadi keputusannya adalah kepunyaan Dr Mahathir."

Menjawab satu soalan, beliau berkata, "di dalam atau di luar negeri saya bercakap perkara yang sama tetapi di dalam negeri ucapan saya tidak dilaporkan oleh media massa seperti di luar negeri."

Datuk Musa berkata, beliau juga berhak memberikan gambaran apa yang difikirkan-nya benar dan ini bukanlah bermakna sabotaj.

25-10-88

# BUDAYA FITNAH GAGAL PENGARUHI PENGUNDI -Isa

**SEREMBAN:** Terbukti budaya fitnah, kecam-mengecam dan cerita-cerita rekaan ciptaan kumpulan Semangat 46 gagal untuk mempengaruhi pengundi di Parit Raja menyebabkan calon debas, Haji Hamdan Yahya gagal memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri Parit Raja, kata Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Haji Mohamad Isa Abdul Samad.

Kata Menteri Besar, sungguhpun Barisan Nasional (BN) dituduh menggunakan berbagai strategi kotor dan propaganda palsu, calon BN telah memenangi pilihanraya itu.

"Walaupun kemenangan itu bukanlah mutlak kerana tidak ada kemenangan mutlak di dunia ini, tetapi kempen fitnah mereka tidak diterima oleh para pengundi," ujarnya.

Antara tuduhan lazim, kumpulan Semangat 46 itu, kata Menteri Besar ialah hubungan diplomatik Malaysia dengan Kesatuan Sosialis Soviet Russia (KSSR).

Mereka, kata Menteri Besar menyifatkan langkah kerajaan mengadakan hubungan diplomatik itu sebagai usaha 'mengkomunikasikan' negara.

Bagaimanapun, kata Men-



DATUK ISA SAMAD

teri Besar, mereka lupa hakikat bahawa Malaysia telah menjalin hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China (RRC) sejak beberapa tahun lalu.

"PERNAS trading, misalnya telah mengadakan pakatan dagang dengan RRC, tetapi tidak pula ada tanda menunjukkan rakyat Malaysia terpengaruh dengan ideologi komunis. Bahkan pengaruh komunis telah hampir pupus di negara ini," ujarnya ketika dihubungi di kediamannya dekat sini.

Katanya lagi, kemenangan calon Barisan Nasional pada pilihanraya kecil Parit Raja itu membuktikan bahawa rakyat khususnya di Parit Raja tidak mudah terpengaruh dengan dakyah-dakyah memburukkan UMNO (baru) dan kerajaan.



RUHANIE HAJI  
AHMAD

## SEMANGAT '46 DIANGGAP KECEWA

**PARIT RAJA:** Bekas Setiausaha Politik Datuk Musa Hitam, Ruhanie Haji Ahmad menyifatkan perjuangan Semangat 46 yang kecewa.

Menurut beliau, Semangat 46 yang sebenar adalah berasaskan kepada semangat kemelayuan, kesejahteraan dan perpaduan, tetapi semangat ini sudah tidak ada lagi pada mereka.

"Lebih ketara lagi, kepalsuan Semangat 46 ialah kesediaan mereka mengadakan pakatan dengan DAP. Bahkan mereka juga sudah bertukar lambang, selera dan strategi," katanya.

Berucap dalam majlis ceramah di Parit Besar, Ruhanie berkata Kumpulan Bebas sebenarnya adalah satu pakatan yang semata-mata untuk membebaskan diri mereka daripada bertanggungjawab terhadap rakyat.

Beliau juga melahirkan rasa kesal kerana Tengku Razaleigh menjadikan negeri Johor sebagai medan perjudian politiknya kerana ia tahu kekuatannya di Kelantan tidak berupaya menandingi PAS.

"Tengku Razaleigh sengaja menjadikan Johor untuk tapak politiknya kerana kalau beliau meletakkan jawatan dan betanding semula di negerinya sendiri, dia akan dilanyak oleh PAS," ujar beliau.

Dalam hubungan ini, beliau menyeru agar pengundi-pengundi Parit Raja menjadikan Johor sebagai benteng kekuatan politik tanahair sebagai mana yang terbukti sejak dahulu.

Ruhanie juga menyebutkan kelumpuhan UMNO bermula dari tindak tanduk Tengku Razaleigh menentang pucuk pimpinan kerana dalam masa yang sama beliau membawa budaya wang dan fitnah ke dalam UMNO.

## POLITIK AZAZIL POLITIK SYAITAN

Kita tidak boleh berjuang untuk mana-mana pemimpin ataupun setia terhadap mereka kerana pemimpin tidak pernah kekal lama dalam perjuangan UMNO.

*“Semangat perjuangan dan taat setia kepada pemimpin tidak ubah seperti taat setia rakyat Malaysia kepada pemerintahan Jepun dalam masa Perang Dunia Kedua dulu. Ketika itu rakyat Malaysia dikerah untuk menyanyikan lagu setia kepada pemerintah Jepun tetapi apabila Jepun kalah lagu itu langsung tidak kedengaran lagi.*”

*Sikap memaksa orang supaya setia dalam satu-satunya perjuangan hanya berjaya kerana orang itu merasa takut. Tetapi setelah pemimpin itu tiada, rasa setia itu akan berubah menjadi benci.”*

Kata-kata di atas telah disampaikan oleh Datuk Musa Hitam di Dewan Jubli Intan Pagoh, Johor di hadapan orang-orang Melayu yang datang beramai-ramai untuk mendengar cerita beliau yang baru masuk jadi ahli UMNO.

Penganalisa politik tahu siapa yang dihentam dan dibedil oleh Musa yang baru saja beberapa hari menjadi ahli tapi sudah mula menjelajah seluruh Johor untuk menunjukkan betapa hebat dan berpengaruhnya beliau.

Nombor keahlian Datuk Musa ialah 10052001. Sama ada borang keahliannya sudah ditandatangani dan diluluskan oleh ibu pejabat UMNO atau tidak, kita semua belum tahu lagi. Tapi,

biar pun demikian anak Pak Hitam ini sudah berkokok dengan begitu lantang seolah-olah beliau masih memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri, Timbalan Presiden UMNO dan masih lagi menjadi Menteri Dalam Negeri.

Macam mana perkara macam ini boleh terjadi? Sedangkan jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Musa tak boleh bertanding? Kalau ada peluang bertanding pun setakat kerusi Naib Presiden saja. Tapi ketika ini jawatan itu sudah terisi.

Kenapa Musa Hitam diberi peluang yang begitu besar sekali? Diberi sambutan yang begitu hebat dan meriah sekali di Johor? Jawabnya mudah. Ramai orang Johor masih taat dan setia pada pemimpin. Ramai yang terfikir tidak ada orang yang lebih sesuai melainkan Datuk Musa Hitam saja yang boleh jadi Perdana Menteri.

Sekiranya orang Johor akur terhadap saranan Musa Hitam supaya ahli UMNO jangan taat dan setia kepada pemimpin, siapalah yang nak dengar cakap Musa yang cuma ahli UMNO biasa saja? Tapi disebabkan ramai yang bebal mereka ikut sajalah.

Musa pernah derhaka pada parti, derhaka pada kawan-kawan seperjuangan. Musa sudah buat sidang akhbar di Hong Kong menentang kerajaan dan Presiden UMNO. Dosa-dosa lamanya, baru sahaja dimaafkan tapi masih belum dapat dilupakan lagi sudah buat yang baru lagi Apakah orang UMNO tidak akan tentang Musa macam mereka tentang Ku Li dan Tunku? Manusia yang singkat ingatan akan selalu mengulangi kesilapan mereka.

Sabarlah sikit Tok Mus. Kalau nak jadi Perdana Menteri pun, masuklah UMNO dengan ikhlas. Bukan begini caranya. Ingatan orang tua-tua, kalau *masuk kampung orang jangan buat perangai ayam jantan*.

Adakah di antara para ulama di Pusat Islam atau di Jabatan Agama Negeri yang sedar bahawa amanat Musa Hitam di Pagoh itu amat bertentangan dengan akidah Islam? Bertentangan dengan adat resam, bertentangan dengan tatasusila dan berlawanan dengan tradisi bangsa Melayu? Bertentangan juga dengan rukun negara? Amanat juga taat bukan sekadar menunjukkan sikap yang anti-

Establishment saja. Tapi anti agama kerana dalam Islam cuma ada dua saja. Taat atau ingkar. Sejarah telah menunjukkan apa yang terjadi pada Nabi Adam yang ingkar perintah Allah. akhirnya terkeluar dari syurga terbang ke dunia.

Apakah orang-orang di Pusat Islam tidak tahu hukum Islam? Apakah mereka tidak peka kepada fitnah dan kemungkaran yang sedang berleluasa? Pada hal mereka mengaji tinggi-tinggi dan ada degree berjela-jela? Kenapa kalau pertubuhan kecil seperti Al-Arqam yang melakukan kesilapan yang kecil, mereka besar-besarkan? Kenapa? Kenapa mereka ramai-ramai kerjakan al-Arqam? Puak-puak akhbar pun tak beri peluang sedikitpun. Hentam... belasah..., bedal. Tapi bila orang yang macam Musa Hitam terang-terang mengajar budaya kurang ajar supaya orang Islam buang budaya taat, semua senyap, kenapa takut. Manalah tahu satu hari nanti Musa Hitam nanti jadi Perdana Menteri semula? Musa Hitam ada pengaruh, ada orang didalam kerajaan dan parti yang masih simpati padanya dan ada 'bouncer' politik.

Sanggupkah kita semua biarkan Musa buat apa yang selama ini menjadi cara hidup orang Islam, iaitu budaya taat setia yang menjadi akidah hidup umat Islam dihapuskan? Apakah kita tidak tahu bahawa setia pada ketua tidak bererti yang kita mendewadewakan pemimpin kita macam memuja Tuhan dan mencintai Rasulullah? Tentu ada bezanya di antara memuja Tuhan, setia pada rasul dan setia pada pemimpin? Bukan begitu? Tetapi memuja dan menyerahkan masa depan kita pada Musa bukan satu kemungkaran?

*“Tiada sempurna iman seseorang di antara kamu, melainkan sehingga jadilah kamu/aku (kata Nabi) lebih dikasihi yakni seorang itu daripada kasihkan ibubapa, anak pinak dan sekalian manusia umumnya.”*

Sabda Rasulullah s.a.w. yang disampaikan oleh Annas r.a. kepada Imam Bukhari seperti yang terdapat didalam Syaier Syahibbul Bukhari menunjukkan yang kita bukan saja kasih tapi mesti taat dan setia pada ajaran yang dibawa oleh baginda.

Mengasihi Nabi Muhammad s.a.w. lebih dari yang lain adalah amat penting. Maka hendaklah kita mengasihi Baginda lebih dari kita mengasihi bapa, anak-anak, ibu-ibu, sahabat-



sahabat, isteri-isteri dan segenap manusia. Dengan demikian barulah sempurna iman kita dan termasuklah kita dalam golongan muslimin yang sejati. Begitu juga dengan ulama pewaris nabi bukan ulama makan gaji.

Ke manakah Musa Hitam hendak bawa umat Melayu hari ini? Nampaknya siapa pun tidak bertanya. Yang jelas dibaca, ialah golongan ini mahu kita semua derhaka pada Dr. Mahathir. Mahu kita semua tolak pemimpin hari ini, biar Dr. Mahathir letak jawatan, kononnya kerana Dr. Mahathir telah menjalani pembedahan pintasan koronari dan kononnya ramai orang yang sudah tidak sukakan Mahathir lagi. Kalau itu saja yang dijadikan alasan, Ghafar Baba juga sudah menjalani pembedahan yang sama. Tapi sesudah melalui pembedahan Ghafar Baba makin bertambah sihat dan kuat. Tun Hussein Onn juga begitu. Yang Dr. Mahathir mesti mencontohi Tun Hussein Onn berhenti kerana sakit kemudian menyesal, pasalnya apa? Dan Musa hendak mengambil tempat Ghafar Baba, pasalnya apa?

Tentang setia orang Melayu di zaman Jepun dengan kesetiaan orang Melayu kepada pemimpin UMNO dan negara hari ini, tentu tak sama. Apa hal Musa Hitam yang melalut macam Tunku ini? Sudah tak ada moral lagikah? Nasib baik awak duduk dalam UMNO, kalau tidak tentu awak kena belasah macam Tunku juga. Tunku kata zaman pemerintahan Mahathir lebih dahsyat dari zaman Jepun. Ada apa-apa hubungkah antara Musa dan Tunku? Satu bedal dari luar satu dari dalam.

Macam mana kita boleh bersatu sekiranya tidak ada perasaan taat dan setia pada pemimpin yang kita kasihi? Kita hanya akan berjaya sekiranya ada perasaan taat dan setia itu lawannya derhaka. Orang yang derhaka saja yang menentang amalan setia. Dalam negeri beraja rakyat mesti tanam semangat setia yang diajarkan melalui rukun Negara: Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara. Kesopanan dan Kesusilaan.

Oleh kerana ramainya para alim ulama di negara ini yang tidak menunjukkan sikap taat mereka pada junjungan Nabi kita Muhammad s.a.w., maka ramai dari mereka tidak dihormati dan disenangi. Kita tahu ramai di antara para alim ulama, tok Guru, tok Lebai dan tok Imam tidak menunjukkan contoh teladan betapa kasihnya mereka pada junjungan Nabi Muhammad s.a.w. Itulah antara sebab orang melayu kini berpecah-belah macam ini.

Allah memerintahkan kita semua supaya taat pada Allah, taat pada Rasul dan taat pada pemimpin. Kita hendak dengar perintah Allah atau fatwa Musa Hitam? Sejak bila pula Musa jadi ulama?

Nampaknya para ulama PAS hari inipun meramaikan ceramah-ceramah politik, perhimpunan majlis Maulud Nabi dan perhimpunan agama sambil menanamkan semangat kebencian dan kederhakaan terhadap pemimpin mereka dorongan memburukkan pemimpin Islam dan kerajaan sendiri. Mereka membuat kita bertanya sama ada mahukan budaya yang dibawa oleh Musa Hitam atau ikut ulama PAS dan ulama Semangat '46?

Rakyat yang tidak pernah jumpa Mahathir, tak kenal Mahathir dihasut. Mereka mendengar fitnah sehinggakan mereka ini tanpa disedari, telah melakukan dosa membenci Dr. Mahathir, Anwar Ibrahim dan Mohamed Rahmat tanpa diberikan kesempatan untuk menggunakan akal fikiran mereka sendiri. Sama ada benar apa yang ditohmah dan difitnah oleh mereka, rakyat disuruh percaya saja. Maka rakyat yang membaca tidak berfikir pun turut membenci dan menabur fitnah yang sama.

Mereka yang telah terpengaruh pun mulalah menghabiskan wang ringgit yang sepatutnya dibelanjakan untuk berzakat dan bersedekah tetapi dibelanjakan untuk berkempen dipilihanraya-pilihanraya kecil. Ini semua kerja yang menambahkan dosa. Wang yang sepatutnya dikorban untuk membela anak-anak yatim dan kaum fakir miskin, digunakan oleh para hartawan semata-mata untuk membantu calon serpihan yang mahu jatuhkan pemimpin yang berjiwa Islam.

Datuk Musa yang mahu melepaskan dendam, geram, marah kerana hilang jawatan yang beliau sendiri tinggalkan demi untuk mendapatkan jawatan yang lebih penting berasa gembira melihat ramainya orang yang masih sanggup menjadi alatnya.

Allah yang memberikan kita semua rezeki dan sepatutnya rezeki dibelanjakan untuk jalan Allah. Bukan merosakkan akidah orang Islam. Siapakah yang patut menasihati mereka yang sedang disesatkan ini kalau bukan tok guru? Para ulama? Para imam? Siapa yang mesti membetulkan kesilapan yang semakin hari semakin bertambah teruk ini? Sekiranya kita menerima

malapetaka yang kita anggap sebagai satu kezaliman yang dilakukan ke atas kita, kenapa tidak salahkan diri sendiri? Kenapa salahkan orang lain? Kenapa salahkan pemerintah?

Firman Allah dalam Al-Quran yang bermaksud: Kami (Allah) tiada menzalimkan mereka, tetapi mereka sendirilah yang menzalimkan diri mereka sendiri.

Marilah kita tanya bijak pandai yang menghukum kerajaan kita ini zalim. Siapakah yang menzalimi siapa sebenarnya?

Mereka sepatutnya mengajar apa yang diajar oleh Rasulullah serta apa yang diperintahkan oleh Allah dengan berpandukan Al-Quran dan hadis. Tapi di sebaliknya mereka mengajar manusia apa yang pemimpin mereka suruh. Mereka lebih utamakan perjuangan Ideologi pemimpin dari parti ataupun nafsu sahwat mereka sendiri.

Para ulama dan tok guru marahkan pemimpin bukan kerana pemimpin tidak melakukan ibadah atau pemimpin benar-benar berlaku zalim sepertimana yang didakwa kononnya kezaliman kini sama seperti yang dilakukan di zaman pemerintah kuku besi Jepun. Tapi mereka marah kerana mereka tak dapat sesuatu. Perdana Menteri tak mahu berikan kuasa kepada mereka yang tergila-gila nak jadi Perdana Menteri. Kononnya mereka rasakan mereka boleh membawa perubahan pemikiran rakyat. Rakyat kini sudah berada di tangan mereka, para alim ulama dan tok guru kini telah berjaya merasuk ke dalam fikiran rakyat.

Saya fikir sesekali elok juga saya menceritakan asal-usul manusia, mudah-mudahan mereka yang merasakan diri merekalah orang yang paling berpengalaman, paling berpengaruh, sedar siapa diri mereka yang sebenarnya. Kesedaran ini bukan saja akan memberikan manfaat dan kebahagiaan kepada diri mereka dunia dan akhirat, tapi untuk umat manusia sejagat terutama rakyat Malaysia yang tidak sedar permainan 'politik Azazil'.

Mereka pernah cipta nama. Mereka ada pengikut yang ramai. Mereka sudahpun buktikan. Mereka boleh buat pemimpin kecil seluruh negara tunduk pada mereka. Jadi mereka tidak perlu tunduk kepada hamba Allah yang Tuhan pilih tadi. Pemimpin Negara seperti Ketua Malaikat yang bernama 'Azazil' yang tidak

mahu tunduk pada Nabi Adam AS bila Tuhan suruh sembah. Akhirnya 'Azazil' jadi syaitan dan kekal dalam Neraka Jahanam.

Kononnya mereka mempunyai kelebihan-kelebihan begitu dan begini. Mereka sentiasa berbangga dan menganggap orang lain yang serba kekurangan tak layak jadi perdana menteri. Orang lain semuanya zalim. Semuanya jahat. Tak pandai mengatur negeri. Golongan mereka saja yang bijak pandai.

Rakyat yang miskin yang tak ada apa-apa, juga dan yang tidak akan dapat apa-apa, bila mereka dapat kesusahan. Nasib rakyat tidak akan berubah bila mereka ini berada di atas walaupun rakyat telah membiarkan diri dan fikiran mereka diperalatkan.

Siapa yang berani bertanyakan kepada Musa? Masa Musa berkuasa dulu, siapa dapat nikmat...? Siapa? Siapa yang dapat bantuan kekayaan dan kesenangan....? Siapa? Sekarang Musa nak berkuasa semula dan orang lain mesti beri Musa peluang kerana kononnya Musalah orang yang paling layak. Kenapa? Apakah kita *mahu membiarkan tangan dipatuk oleh ular yang sama di lubang yang sama ke?*

MINGGUAN KOTA  
19hb. Febuari, 1989.

# JELAS MUSA MUSUH UMNO (BARU)



SENATOR AZMAN ATAR  
OTHMAN

8-OKT-89

Oleh: DAUD HAJI IBRAHIM

KUALA LUMPUR: Langkah Ahli Parlimen Kota Tinggi, Datuk Musa Hitam keluar dari Barisan Nasional dan menyertai kumpulan Ahli-ahli Parlimen (MP) Bebas memang dialu-alukan.

Ketua Penerangan UMNO (baru) Wilayah Persekutuan, Senator Azman Atar Othman berkata, beliau sangat mengalu-alukan pendirian Datuk Musa itu dan menyeru semua pihak supaya menghormati prinsip dan pegangan bekas Timbalan Perdana Menteri (TPM) itu.

Bercakap kepada WATAN, Senator Azman yang juga Ketua Penaja UMNO (baru) Bahagian Batu berpendapat, dengan ini jelaslah sekarang Datuk Musa adalah musuh politik ahli-ahli UMNO (baru).

"Sebelum ini, tindak tanduk Datuk Musa tidak lebih daripada perbuatan musuh dalam selimut tetapi dengan pengumuman beliau, jelaslah beliau tidak mahu meneruskan perjuangan membela nasib," ujar Senator Azman.

Schubungan dengan itu, beliau hairan jika selepas ini Datuk Musa akan mengatakan dirinya sebagai pembela orang-orang Melayu sedangkan perbuatannya tidak menggambarkan perkara sebenarnya.

"Jika Datuk Musa menyertai PAS, saya masih mengakui beliau masih ada semangat memperjuangkan nasib orang-orang Melayu tetapi apabila tidak

menyertai mana-mana parti, itu bukanlah tindakan yang betul untuk mengalakan kita sebagai perjuang bangsa," tegas Ketua Penerangan UMNO (baru) ini lagi.

Senator Azman juga menyifatkan ideologi bekas TPM sama seperti ideologi amalan Ketua Pergerakan Pemuda, Lim Kit Siang dan P. Patto.

Schubungan dengan itu, Senator Azman menyarankan Datuk Musa supaya tidak lagi mengganggu UMNO (baru) dan beliau menyarankan mana-mana pemimpin UMNO (baru) jangan cuba memujuk Datuk Musa supaya menyertai UMNO (baru).

Diminta mengulas pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri Parit Raja, Senator Azman berkata sesiapa juga yang bertanding menentang calon BN adalah menentang pucuk pimpinan peringkat negeri.

"Cakap-cakap yang mengatakan kononnya mereka tidak menentang Tan Sri Haji Muhyiddin sebagai bohong dan tidak alasan lain yang boleh diberikan melainkan memang sikap mereka menentang kepemimpinan hari ini sama ada di peringkat negeri mahupun peringkat nasional," kata beliau lagi.

KUALA LUMPUR — Setiausaha Penaja Angkatan Semangat '46 Perhubungan Negeri Melaka Haji Mohd. Azam Datuk Abdul Aziz berkata kemasukan semula bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam ke dalam UMNO sememangnya telah diduga.

Katanya, hakikat itu didasari dengan pendirian Datuk Musa selama ini yang 'tenggelam timbul' terutama dalam perjuangan bersama Kumpulan Semangat '46.

Justeru itu, pejuang-pejuang Semangat '46 Negeri Melaka tidak lagi menaruh kepercayaan terhadap kewibawaan Datuk Musa dan kepimpinan beliau tidak dikehendaki lagi.

"Datuk Musa telah menjilat ludahnya sendiri dan apa yang diperkatakan selama ini hanya dusta belaka. Ia semata-mata untuk kepentingan peribadi saja," tegasnya kepada MK.

Menurutnya, sewaktu Ahli Parlimen Kota Tinggi itu menjadi Ketua Perhubungan UMNO Melaka, beliau tidak berjaya membawa peranan yang diharapkan sebaliknya menimbulkan pelbagai masalah.

Datuk Musa telah membawa masuk beberapa pemimpin yang sehaluannya seperti bekas Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah Datuk Seri Adib



Haji Mohd Azam

Adam, Ketua Menteri Datuk Seri Abdul Rahim Tamby Chik dan beberapa orang pemimpin negeri yang lain.

Katanya, tindakan beliau itu telah tidak disenangi oleh beberapa pemimpin negeri dan menyifatkan ia sebagai permainan politik yang tidak sihat.

Sehubungan itu, Haji Mohd. Azam berkata pemimpin negeri seperti ADUN Sungai Udang Datuk Wira Ahmad Nordin, Datuk Mohamad Jais dan Husin Konel lebih mempercayai kewibawaan Tengku Razaleigh Hamzah dalam memimpin perjuangan Semangat '46.

"Tengku Razaleigh tetap dengan perjuangannya untuk menghakis kemungkaran politik dalam pentadbiran kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Pendirian seperti inilah yang dikehendaki dan bukannya "sekejap ke sana sekejap ke sini," katanya.

# PM selar pemimpin penting diri

B. H.  
1-12-70

PRESIDEN Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyelar beberapa pemimpin parti politik yang sengaja mereka-reka isu bagi kepentingan politik mereka sendiri.

Tindak-tanduk sedemikian, katanya, adalah punca yang menyebabkan masyarakat hari ini melihat politik bukan lagi sebagai alat untuk pembangunan, tetapi sebagai satu profesion bagi kepentingan peribadi.

"Sama ada mereka menyertai parti lawan atau kerajaan, ramai yang menumpukan kepada nikmat dan bukannya khidmat. Perpecahan dalam Umno juga disebabkan kepentingan diri orang tertentu.

"Isu sebenarnya tidak ada, tetapi isu itu dicipta dan diada-adakan bagi menyokong perjuangan diri sendiri," katanya ketika menyampaikan ucapan dasar di Perhimpunan Agung Umno semalam.

Bellau berkata, pemilihan Majlis Tertinggi Umno pernah diadakan setahun sekali tanpa masalah besar, tetapi ia kini diadakan tiga tahun sekali dengan pelbagai 'penyakit'.

Yang bertanding, katanya, kadangkala terlu-

pa memikirkan apa yang baik untuk parti, kecuali kepentingan sendiri.

Bellau menegaskan sikap itulah yang akan menyebabkan parti menjadi hancur seperti pemilihan 1987.

"Pengajaran yang harus kita sematkan dalam hati ialah pertandingan boleh membawa perpecahan jika kita mengutamakan calon tertentu dan tidak mengutamakan parti.

"Apa yang berlaku ialah penyokong seseorang calon akan terus mengikat dirinya kepada calon itu, sama ada calon itu menang atau kalah. Jika yang kalah mengasingkan diri bersama pengikutnya, parti akan menjadi lebih kecil.

"Ini bermakna parti boleh berpecah setiap kali diadakan pemilihan," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menasihatkan perwakilan supaya memilih calon mengikut rekod perkhidmatannya yang baik di dalam parti atau kerajaan kerana ciri itu penting untuk kemajuan rakyat.

"Buku-buku yang mengandungi tohmahan dan fitnah, tuduh-menyuduh, caci-mencaci patut dielakkan," katanya.

## KEPADA MAHATHIR

(I)

Sekian lama hendak dikirim khabar ini  
khabar perantau  
bersama angin musim rontok  
dan malam yang resah.

Waktu tak membenarkan  
walau ucap selamat tinggal  
betapa berat sekali pilu kubawa  
meninggalkan kecintakan segala.

Demikianlah takdir telah menentukan  
rahmat Allah seluruhnya  
jalanan ini dengan segala simpang-siur  
entahlah akan berakhir di mana.

(II)

Kau yang dipertamakan, pemimpinku  
di senyummu terpeta gundah  
di matamu terlukis resah  
delapan musim yang payah.

Barangkali kau sendiri pun  
kadangkali bertanya diri  
seperti kami semua yang tak bernama  
apakah erti hidup sebenarnya  
apakah yang kulakukan ini benar sebenar-benarnya  
apakah akan ada akhir pada segala awalan  
apakah ada jawapan pada segala kekemelutan.

Kau tentu lebih dahulu belajar, pemimpinku  
apakala ada kepastian pasti ada kesangsian  
apakala ada soalan pasti ada jawapan  
apakala ada ketenangan pasti ada keresahan  
apakala ada ketenteraman pasti ada kekacauan  
apakala ada kekuatan pasti ada kelemahan  
apakala ada kekuasaan pasti ada kewajiban  
begitulah segala apakala dengan apakalanya.



Telah kaualami semua itu  
sampai di sini  
tagap, gagah, berani dan berisi.

(iii)

Tak ada siapa yang bisa ingkari  
tak ada siapa yang bisa menidakkan lagi  
segala yang telah kau kerjakan  
segala yang telah kau terajui  
sejarah adalah perakam yang setia.

Tapi tentu sekali tak ada usaha yang mutlak sempurna  
tentu sekali tak ada kejayaan yang paling memuaskan  
cuba tanyakan kepada siapa pun selagi ia manusia  
kesempurnaan dan kepuasan cuma hak-Nya.

(iv)

Pemimpinku, yang dipertamakan adalah kau  
adakah kejayaan seorang pemimpin  
bererti: terdirinya ratusan masjid yang indah  
terbangunnya ribuan pencakar langit  
terbinanya jutaan kilometer lebu raya  
terpugar segala hutan belantara  
desa jadi kota  
kota jadi hutan batu-bata  
laut jadi darat?

Adakah kepuasan seorang pemimpin  
bererti: berapa besar pawai rakyat yang menyambutnya  
berapa bising bunyi kompang yang mengiring  
langkahnya  
berapa hebat kilauan manggar memagari  
jalanannya  
berapa juta bibir yang memujinya?

Dan adakah kebahagiaan seorang pemimpin  
bererti: tak ada tentangan pada segala fikirnya  
tak ada bantahan pada segala tindaknya  
tak ada halangan pada segala kehendaknya  
tak ada nista pada peribadinya  
tak ada musuh yang ingin mencabarnya?

(v)

Kau pemimpinku yang dipertamakan  
lihat-lihatlah kami; rakyat tanpa wajah tanpa nama  
ada lagi gubuk di celah pohon meranti  
ada lagi sawah, padinya tak menjadi  
ada lagi kampung, bersuluh bulan, mandi di perigi  
ada lagi anak ke sekolah tanpa sarapan  
ada lagi bilik darjah beratapkan langit, tanpa dinding,  
tanpa kerusi.

Pemimpinku yang dicintai; bapa kami  
sering-seringlah ke mari  
tak perlu kamera TV, tak perlu rasmi-rasmi  
hanya asuhlah kami bagaimana mengatasi kelemahan  
diri.

(vi)

Kehadiran anbla, terutama Pemimpin kita  
atas kehendak-Nya  
demi nur kemanusiaan  
demi al-Haq  
demi al-Quddus  
bukankah mereka kecintaan-Nya?  
apakah jalan mereka tak ada duri sangsi  
pohon sepi dan lautan pancaroba?

(vii)

Waktu; teman kau paling setia  
musuh kau paling durjana.

Segala gerak berwaktu  
segala tindak berwaktu  
segala kehendak berwaktu  
segala mula berwaktu  
segala akhir berwaktu.

Waktumu adalah waktumu  
selagi Allah memberi restu.

(viii)

Pemimpinku yang dipertamakan  
telah kaudayakan apa yang mungkin terdaya  
telah kaufikir apa yang mungkin terfikir  
telah kauadakan apa yang mungkin diadakan  
meski barangkali ada yang tercicir, ada yang gerhana  
legih daripada itu adalah hak-Nya  
semua berlaku atas kehendak-Nya.

*Datuh Ahmad Sebi*

*Kuala Lumpur*

*Julai 1990*

**(Dewan Sastera, September 1990)**

dipetik dari buku

**KEPADA MAHATHIR**



Hubungan Menteri Besar dengan Perdana Menteri sentiasa sihat. Namun Menteri Besar tak seharusnya menjadi 'Office Boy' P.M. Datuk Isa Tan Sri Mohd Taib dianggap orang Dr. Mahathir yang sentiasa memberikan taat setia yang tak berbelah bagi.



Anak Wak Kamari di julang sesudah menerima kemenangan. Jawa juga yang angkat Jawa. Semoga *'bila merenung bintang di langit'* Y. B. Yassin tidak lupa rumput di bumi. Bila sudah jadi menteri, ingat-ingatlah sikit pada mereka yang tak bemama. Mereka yang bukan ahli parti.

## ANAK WAK KAMARI JADI PEMIMPIN

*“Adalah menjadi satu hakikat, iaitu tiap-tiap satu generasi mempunyai tanggungjawab terhadap zamannya. Oleh itu adalah mustahak kepimpinan dalam satu-satu generasi selaras dengan zamannya. Ini adalah perlu kerana pemimpin serta aspirasi satu-satu generasi hanya akan dapat difahami oleh generasi tersebut sahaja. Saya yakin dan saya percaya generasi muda di dalam UMNO tahu apakah peranan yang harus dimainkan oleh mereka bagi mengukuhkan dan mengembangkan parti UMNO.”*

Dr. Mahathir Mohamad  
1 Julai, 1976.

**SEJARAH POLITIK KITA** memperlihatkan seakan-akan adanya diskriminasi terhadap tokoh-tokoh politik yang berketurunan Jawa. Setakat ini memang belum ada lagi tokoh-tokoh politik berketurunan Jawa yang rata-ratanya dari Negeri Johor berjaya sampai ke kemuncak kepimpinan tertinggi UMNO. Kalau adapun, hanya Allahyarham Tun Sardon Jubir sahaja yang berjaya merasakan kerusi Naib Presiden UMNO. Namun biar bagaimanapun, sebelum beliau dapat melakukan sesuatu untuk mendaki satu tangga lagi, iaitu Timbalan Presiden, pihak-pihak tertentu telah mengakhiri karier politiknya. Akhirnya beliau telah dilantik sebagai Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang. Begitu jugalah nasib yang menimpa Datuk Mohd Rahmat. Karier politiknya terpaksa melalui pelbagai pancaroba, pernah di buang dari kabinet, ranjau sebelum beliau tercampak sebagai Duta di

Indonesia dan seterusnya sebelum beliau dipilih semula menjadi menteri dan kemudiannya dilantik sebagai Setiausaha Agung UMNO. Namun hingga ke hari ini golongan Musa Hitam masih terus menentangnya. Mereka tidak menerima beliau sebagai pemimpin Johor sedangkan di dalam kabinet beliau adalah menteri yang paling kanan selepas Ghafar Baba.

Nasib Datuk Mustapha Muhammad, bekas Menteri Kebajikan Masyarakat lebih teruk lagi, macam-macam fitnah dan penghinaan yang dilemparkan ke atasnya. Begitu punya besar pengorbanan yang dilakukan akhirnya atas desakan orang ini, beliau telah digugurkan dari senarai pilihanraya umum. Namun, nasibnya agak baik sedikit bila ada ura-ura beliau akan dilantik menjadi Duta Besar Malaysia ke Brunei, satu jawatan yang bertaraf menteri. Ini samalah seperti Tok Mat dulu yang telah menjadikan dirinya sebagai jambatan Indonesia-Malaysia. Nak tahu kisahnya baca buku saya **PERDANA MENTERI YANG KELIMA** tahun 1984 dibawah tajuk *Jambatan Indonesai-Malaysia*. Mari kita doakan satu hari Wak Mus akan kembali ke dalam kabinet semula seperti apa yang telah berlaku pada Tok Mat kerana saya percaya orang yang sabar itu akhirnya berjaya seperti kata orang Jawa 'sabar itu subur, tak sabar masuk kubur. Sabar Wak sabar.' Sabar itu setengah dari iman. Allah berserta dengan orang yang sabar. Yang menjadi tandatanya pada kita apakah Yassin nanti akan mengalami nasib seperti pemimpin keturunan Jawa sebelumnya?

'*The making of a leader*' dari keturunan Jawa bukanlah sesuatu yang mudah kerana adanya sentimen anti-Jawa di kalangan pemimpin politik Johor. Sungguhpun golongan ini merupakan minoriti sahaja, namun biar bagaimana besar pun suara mereka adalah suara yang dominan. Mereka yang terpengaruh dengan sentimen anti-Jawa ini seolah-olah terlupa Perdana Menteri yang pertama berdarah Siam, yang kedua berketurunan Bugis, yang ketiga berdarah keturunan Turki, yang keempat semua orang tahu, menjadi caci maki golongan Musa semasa kempen pilihanraya Johor Bahru dulu. Tun Ismail meninggal sebagai Timbalan Perdana Menteri. Musa yang diharap-harapkan sangat sebagai Melayu yang pertama dari Johor untuk jadi Perdana Menteri merajuk letak jawatan kerana kesalahan sendiri. Kalau Tuhan takdirkan anak Jawa yang naik jadi Perdana Menteri, siapa boleh menyekatnya.

Misalnya sedang semua orang tertunggu-tunggu siapakah calon UMNO yang bakal bertanding atas tiket BN, tiba-tiba Setiausaha Politik Menteri Kehakiman, muncul di tengah-tengah suasana yang penuh dengan teka-teki itu. Encik Mohd Yassin Kamari, 45 tahun, dengan rasminya dipilih sebagai calon Barisan Nasional untuk bertanding dalam pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri Parit Raja pada 20 September 1988.

Suasana di Parit Raja memanglah tidak sama dengan suasana di Johor Bahru, dimana ketika itu MP Johor Bahru, Datuk Shahrir Samad meletakkan jawatannya dan bertanding semula tetapi di Parit Raja, pilihanraya diadakan untuk mengisi kekosongan yang ditinggalkan oleh Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Syed Zain Al-Shahab.

Biar bagaimanapun penawaran diri tujuh orang calon memberi peluang yang lebih luas kepada 19,650 pengundi untuk memilih ADUN mereka setelah 10 tahun tidak keluar mengundi menjadikan Yassin Kamari seorang calon yang kontroversi.

Kali terakhir pengundi Parit Raja keluar mengundi adalah pada pilihanraya umum 1978 di mana ketika itu calon BN, Mohd. Shariff Lasim mengalahkan calon PAS, Haji Abdullah Abu Bakar dengan majoriti sebanyak 9,092 undi.

Mohd. Shariff memungut 10,0281 undi manakala Haji Abdullah mendapat 1,189 undi sahaja.

Pada pilihanraya umum 1982, Mohd. Shariff Lasim menang tanpa bertanding. Begitu juga pada pilihanraya umum 1986, dimana calon BN, Datuk Syed Zain Idrus Al-Shahab turut menang bertanding walaupun beliau bukan anak tempatan, Allahyarham adalah Ketua Bahagian Keluang.

Yang anehnya, dua kali berturut-turut pilihanraya kecil yang diadakan dalam tempoh dua bulan di kawasan yang merupakan kawasan lama bekas Perdana Menteri, Tun Hussein Onn. Pilihanraya kecil Johor Bahru 25 Ogos lalu merupakan tempat Tun Hussein juga di mana beliau merupakan Ketua Bahagian UMNO Johor Bahru sebelum mengumumkan bersara dari politik pada 15 Mei 1981. Begitu juga di Parit Raja ini di mana ia terletak di kawasan Parlimen Seri Gading yang pernah beliau menjadi Ahli Parlimennya.



Sedikit sebanyak mengikut penganalisa politik faktor Tun Hussein merupakan faktor penentu kepada kemenangan calon Bebas tajaan Semangat 46 di mana Tun Hussein Onn seperti juga Tunku Abdul Rahman, Tengku Razaleigh, Datuk Musa adalah penyokong kuat S46. Biar bagaimanapun kehadiran Datuk Mustapha sebagai Ketua Bahagian Sri Gading dan 'faktor Jawa' yang menjadi isu penting meneroka jalan yang baik bagi Yassin. Seandainya nasib Yassin kurang baik dan beliau kecundang tentunya satu pilihanraya kecil di 'Tenggara' diadakan berikutan perletakan jawatan ADUNnya, Haji Adam Hamid yang berkuatkuasa 21 Oktober, mungkin 20 orang calon Bebas telah bertanding di situ.

Mengikut kata Menteri Besar, Tan Sri Datuk Haji Muhyiddin Yassin semasa mengulas mengenai penyertaan enam orang calon Bebas dalam pilihanraya kecil Parit Raja, beliau berkata, "*perkara macam ini berlaku berikutan kemenangan calon Bebas di Johor Bahru pada 25 Ogos lalu, ianya telah menyebabkan adanya satu kepercayaan bahawa calon Bebas boleh menang dalam mana-mana pilihanraya kecil*". Biar bagaimanapun Muhyiddin percaya Yassin mempunyai keistimewaan kalau dibandingkan dengan lima orang lain iaitu Mohd. Yusof @ Mohd. Salleh Anjau, 49 (peniaga), Haron Abdul Samad, 40 (peniaga), Aman Abdullah, 49 (mekanik), Mohd Kelana Ahmad, 24 (peniaga) dan Mohd. Amin Mohd. Noor, 51 (bekerja sendiri).

Ini adalah satu sejarah di mana jumlah calon yang paling ramai bertanding dalam sesuatu pilihanraya kecil bagi Dewan Undangan Negeri di Semenanjung Malaysia.

Sungguhpun pilihanraya kecil yang diadakan untuk mengisi kekosongan berikutan kematian ADUNnya iaitu Datuk Syed Zain Al-Shahab merupakan pertandingan tujuh penjurong di antara calon BN dan enam orang calon Bebas tetapi ia lebih merupakan pertandingan di antara Mohd. Yassin Kamari (BN) dan Haji Hamdan Yahya (Bebas) yang mewakili Semangat 46.

Pemilihan Yassin diumumkan sendiri oleh Menteri Besar Johor, Tan Sri Haji Muhyiddin Yassin di majlis pelancaran mini SEMARAK peringkat Parlimen Seri Gading, di Parit Raja. Dengan pengumuman itu sahlah Setiausaha politik Datuk Sri Dr. Mahathir yang memegang portfolio Menteri Kehakiman sebagai

orang Dr. Mahathir di Johor. Politik Johor ketika itu adalah politik anti-federal, anti Perdana Menteri. Sebab itu ada yang berkata Yassin akan jadi mangsa sebab Haji Masaud calon BN di Johor kalah kerana Masaud mewakili Mahathir. Sebenarnya Haji Masaud kalah di Johor kerana Haji Masaud bukan orang Mahathir. Haji Masaud masih tetap orang Shahrir dan orang Musa dan Haji Masaud tidak mempunyai watak dan karismatik sebagai seorang pemimpin.

Yassin Kamari pula agak berbeza. Beliau adalah seorang tokoh yang popular dan dikenali oleh kebanyakan penduduk Parit Raja. Yassin mempunyai identitinya sendiri. Sungguhpun sambutan dan tepukan serta sorakan gemuruh dari beribu-ribu orang yang menyambut pengumuman tersebut diperhimpunan itu, namun risiko yang di ambil untuk meninggalkan jawatan Setiausaha politik bukanlah sesuatu yang mudah. Ini adalah satu pilihan 'menang' atau 'mati' bukan 'menang' atau 'kalah' kerana momentum dari kemenangan Shahrir di Johor Bahru semakin dirasakan dan begitu kuat sekali kebencian terhadap Dr. Mahathir yang harus dipikulnya. Ketika itu mereka yang datang ke ceramah untuk Yassin cuma sepuluh dua puluh orang sajadan biarpun yang berceramah itu Tok Mat, Datuk Sri Anwar Ibrahim dan lain menteri pusat.

Kehadiran di majlis pelancaran oleh Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat, Menteri Kebajikan Masyarakat, Haji Mustapha Mohamad, Timbalan Menteri Perusahaan Awam, Haji Daud Taha, ahli-ahli Exco kerajaan negeri dan beberapa orang ahli Dewan Undangan Negeri Johor Darul Takzim. Belum tentu menjamin kemenangan. Yang sedih bossnya tak ada bersama, namun Yassin tetap percaya kepada kebolehan dirinya. Anak Wak Kamari tetap sabar dan tetap setia.

Pengalaman Mohamad Yassin Kamari bolehlah dianggap luas kerana beliau telah mula berkecimpung dalam politik sejak tahun 1964 lagi.

Dia telah memegang beberapa jawatan di peringkat cawangan menjadi Ketua Pemuda UMNO Bahagian Seri Gading daripada 1976 hingga 1982 dan seterusnya Setiausaha UMNO bahagian itu daripada 1985 hingga 1986. Pengalaman-pengalaman inilah yang menjadi aset kepada karier politik beliau.

Anak Wak Kamari ini dilahirkan pada 9 Julai, 1943, di Kampung Parit Sumarto, Parit Raja. Yassin mendapat pendidikan di Sekolah Rendah Kebangsaan di Pintas Puding, Parit Raja dan Sekolah Tinggi Batu Pahat sebelum melanjutkan pelajaran di Maktab Perguruan Kota Bharu.

Beliau menjadi guru selama 16 tahun sebelum melanjutkan pelajaran di Southern Illinois University, Amerika Syarikat, pada 1982 dan memperolehi Ijazah Sarjana Sains Pentadbiran Perniagaan dan Pemasaran Antarabangsa.

Sekembalinya ke tanahair, Yassin terus menceburi dunia pemiagaan sebagai pakar perunding dan menjual peralatan komputer yang berpejabat di Johor Baharu.

Mula menjadi Setiausaha Politik Menteri Kehakiman sejak Mei 1988, beliau merupakan pengasas Kelab UMNO Amerika Syarikat semasa menuntut di sana beberapa tahun, sebelumnya memegang jawatan Presiden Kelab itu.

Menurut Encik Yassin, beliau dan rakan-rakannya terpaksa menjual nasi lemak, sate dan kuih-muih Malaysia semasa belajar di sana bagi membiayai perbelanjaan Kelab UMNO itu.

Rumahtangga yang aman damai, sikap isteri yang memberi inspirasi kepada suami dan enam orang anak - empat perempuan dan dua lelaki menjadi peransang dan inspirasi kepada Yassin.

Walaupun ditentang oleh enam calon Bebas namun Encik Mohd. Yassin Kamari tetap tenang. 'Setenang air di Tasik'. Beliau yakin dan percaya pada diri sendiri. Beliau percaya yang beliau mempunyai peluang yang cerah untuk menang biarpun keadaan disekeliling begitu cemas dan membimbangkan. Sekali melangkah tak akan berundur kebelakang. Biarpun calon yang menentangnya jaguh-jaguh politik dari parti lawan yang begitu bersemangat tapi semangat anak Jawa Ponorogo ini cukup kentel. Percaya kepada diri dan parti yang diwakilinya menimbulkan keazaman dan menyerahkan diri pada kehendak dan kudrat Tuhan.

Memang ada perbezaan antara Yassin dan Hamdan dari segi perwatakan dan pergaulan dengan orang ramai. Saya sudah

lama mengenali Yassin dan mengikuti perkembangan politiknya. Tapi saya lebih mesra dengan Haji Hamdan, biarpun Haji Hamdan orang kuat dan orang kepercayaan Datuk Musa Hitam.

Satu kelebihan pada Haji Hamdan ialah beliau seorang yang lemah lembut, peramah mudah mesra dengan sesiapa. Saya menghormati sikap dan sifat setia kawannya. Hamdan tidak lari meninggalkan Musa semasa pembicaraan di Mahkamah. Hampir setiap kali pembicaraan, Hamdan tetap ada mengiringi Musa walaupun pada ketika itu boleh dikira dengan jari kawan Musa yang hadir menemuinya di mahkamah.

Berbeza dengan Yassin yang mempunyai raut wajah yang kelihatan garang, serius dan tidak mudah senyum. Bagi orang yang tidak mengenalinya pasti akan mengatakan Yassin seorang yang sombong kerana sikapnya yang tegas dan penuh disiplin. Tetapi setelah mengenalinya, mereka akan tahu budi pekertinya yang sebenar. Kesetiaan dan keikhlasannya sungguh molek di banggakan.

Walaupun begitu, di kaca mata Ponorogo, peribadi Yassin adalah peribadi yang terbaik dikalangan mereka. Perwatakan yang nampak kasar adalah peribadi semulajadi Ponorogo. Perwatakan ini sama seperti perwatakan bekas Menteri Kebajikan Masyarakat, Datuk Mustaffa Mohamad yang juga keturunan Ponorogo. Bagi yang tidak kenal Mustapha pasti menilainya sebagai seorang yang sombong dan angkuh kerana bahasanya kasar sedikit. Tapi orangnya ikhlas. Setia bila berkawan, taat pada pemimpin dan perjuangan.

Menurut pendapat angkatan muda yang ditemui di sekitar Parit Raja sebelum hari pembuangan undi, enam calon Bebas yang memberi tentangan dalam pilihanraya kawasan Parit Raja bukan saja tidak menjejaskan malah memberi laluan yang lebih mudah kepada Yassin yang telah mereka kenali luar dalamnya.

Jawa juga yang kenal Jawa. Cerita mengenai Jawa, ayah saya lahir di tanah Jawa. Beliau adalah anak Surabaya. Ibunya orang Jawa. Ayah mewarisi sifat Jawa biarpun ayahnya keturunan Arab. Ayah saya fasih berbahasa Jawa. Hendaklah ingat, di Republik Indonesia Presiden mesti dari keturunan Jawa.

Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba sebelum hari pertandingan turut memberikan pendapat beliau. Menurut Encik Ghafar calon Barisan Nasional kawasan Dewan Undangan Negeri Parit Raja, Encik Mohd Yassin Kamari sebagai 'paling layak' serta sesuai dengan kehendak rakyat di kawasan itu. Akhirnya bila Yassin memenangi kerusi Parlimen Sri Gading. Encik Ghafar mengambil Yassin sebagai Timbalannya. Tentunya YB Yassin telah mendapat kepercayaan dari Dr. Mahathir yang melantiknya sebagai Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Melihat dari kemajuan yang tercapai setakat ini, berserta dengan latar belakang pendidikan yang mengatasi tokoh-tokoh politik keturunan Jawa sebelum ini, tidak mustahil di satu masa nanti Yassin dapat memecahkan 'jinx' ataupun tradisi bahawa 'anak Jawa' tidak boleh memegang jawatan lebih tinggi dari Naib Presiden.

Selain dari itu kita juga terpaksa menerima penentuan Qada' dan Qadar. Kita juga jangan lupa bahawa Allah telah berfirman bahawa sesungguhnya Tuhan tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum melainkan kaum itu sendiri yang mengubah nasib mereka.

## **ANAK WAK KAMARI - BHG. II**

Wawancara khas dengan calon BN, Mohd Yasin Kamari.

### **MUKADIMAH**

Pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Parit Raja menjadi sebutan di mana-mana kerana secara kebetulan ianya berlaku sebaik sahaja pilihanraya kecil kawasan Parlimen Johor Bahru selesai.

Selain daripada kehangatan isu pergolakan di dalam UMNO dan pengisytiharan beberapa bekas MP dan ADUN BN menyertai Bebas, pilihanraya kecil ini mencatat sejarah kerana berlaku pertandingan tujuh penjur.

Calon BN, Mohd Yasin Kamari berhadapan dengan enam calon Bebas, tetapi setakat ini perebutan kerusi yang dikosongkan ekoran kematian bekas Speaker, Datuk Syed Zain Idrus Alshahab hanya berlaku antara beliau dengan calon Bebas tajaan kumpulan Semangat 46, Haji Hamdan Yahya.

Berikut ialah wawancara itu yang dibuat seminggu sebelum pilihanraya, 20 Oktober 1988.

**WATAN:** APAKAH ikrar dan sumbangan yang boleh saudara berikan kepada masyarakat Parit Raja dengan mengambil keputusan bertanding dalam pilihanraya ini?

**MOHD YASIN:** Yang pertama untuk memupuk perpaduan. Itu yang paling penting sebab sebagaimana yang kita sama-sama insafi dan sedari, tanpa adanya perpaduan, tidak mungkin apa yang dikatakan pembangunan dapat dihayati dan disalurkan ke tempat ini. Setelah melihat ada keadaan perpecahan di kalangan masyarakat Parit Raja ini, usaha yang paling saya utamakan ialah mengembalikan ianya kepada keadaan yang normal. Ikrar, saya rasa tidak ada tapi komitmen sebagai wakil rakyat ialah memberikan segala perkhidmatan kepada rakyat yang diwakili untuk dapat diperjuangkan segala resah gelisah mereka.

**WATAN:** Apa masalah yang paling mendesak yang cuba diselesaikan di Parit Raja ini?

**MOHD YASIN:** Kalau nak masalah itu banyak. Yang sebenarnya masalah tak dipermasalahkan. Cuma masalah yang saya lihat ialah perpecahan yang saya fikir merupakan gejala kepada apa juga program yang dirancangkan. Sebab bila kita berpecah, kita tidak dapat melihat sesuatu isu itu secara sungguh-sungguh atau efektif. Ia akan dilihat sebagai dua benda yang berbeza. Satu pihak akan mengatakan ini betul dan satu pihak mengatakan ini tak betul. Itulah masalah utama yang saya lihat.

**WATAN:** Parit Raja dikenali sebagai kubu kuat UMNO dan pembangunan juga boleh dikatakan sudah selesai. Bagaimana dalam keadaan ini, secara tiba-tiba aliran memihak kepada pembangkang wujud disini?

**MOHD YASIN:** Sebenarnya masyarakat keliru, bukan memihak. Pertama, masyarakat keliru mengenai isu yang sebenar kerana diambil kesempatan oleh golongan yang pernah menjadi pemimpin yang kini jelas kecewa. Golongan gagal dalam hidup mencuba mengambil kesempatan di atas rasa ketidakfahaman rakyat terhadap isu yang sebenarnya. Jadi kalau mereka memihak kepada pembangkang sedangkan sebenarnya mereka ialah golongan yang keliru, usaha sekarang bagi sesiapa yang jadi pemimpin ialah memberikan rakyat gambaran sebenar, fakta sebenar supaya mereka dapat melihat sendiri realiti itu, bukan fitnah, cerita-cerita atau pembohongan.

**WATAN:** Sehingga ini bagaimana tahap keberkesanannya tahap memberi penjelasan itu?

**MOHD YASIN:** Usaha tetap dijalankan tapi golongan yang membawa cerita tidak benar atau sensasi ini mendapat sambutan daripada apa dan di mana pun masyarakat. Jadi, berkesan atau tidak usaha itu bergantung kepada pihak yang mengelirukan itu. Kalau saya bawa cerita benar dan orang lain bawa cerita tidak benar, keadaan keliru akan terus berlaku dalam masyarakat.

**WATAN:** Apakah perkara ini akan melarat dan membawa kesan sehingga hari pembuangan undi nanti?

**MOHD YASIN:** Saya fikir ianya akan melarat dan mungkin juga membawa kesan atau mempengaruhi pengundi.

**WATAN:** Sebagai Setpol Kementerian Kehakiman dan dalam masa yang sama kebencian terhadap Dr. Mahathir sentiasa dipanaskan, apakah saudara tidak bimbang jika dikatakan bayang-bayang Dr. Mahathir?

**MOHD YASIN:** Saya tidak perlu bimbangkan apa-apa. Bayangan itu sebenarnya hanyalah gambaran-gambaran yang ditimbulkan oleh pihak yang tidak sukakan kepada Dr. Mahathir. Isu yang sebenarnya sekarang ialah isu memilih wakil rakyat, bukan isu Perdana Menteri. Di sini ada perbezaan.

**WATAN:** Kenapa Dr. Mahathir tidak turut sama ke Parit Raja ini?

**MOHD YASIN:** Saya tidak tahu sebabnya yang sebenar tapi saya rasa mungkin kerana beliau merasakan tidak perlu datang ke sini. Tapi ini tidak bererti Dr. Mahathir sebagai ketua saya tidak mahu membantu BN dalam pilihanraya ini.

**WATAN:** Ada dakwaan mengatakan keluarga saudara tidak merestui saudara bertanding dalam pilihanraya ini?

**MOHD YASIN:** Itu tidak benar. Mereka merestui saya sepenuhnya. Segala usaha dan keputusan yang saya buat untuk kebaikan, sentiasa mendapat restu daripada mereka. Saya hanya akan ditentang jika membuat keputusan yang bercanggah dari



landasan kebaikan. Sehingga ini, keluarga saya yakin bahawa saya tetap berada di jalan kebaikan. Mereka bukan saja merestuinnya, bahkan memberikan sokongan yang padu terhadap perjuangan saya ini.

**WATAN:** Kumpulan Semangat 46 menjadikan isu kepimpinan sebagai bahan utama kempen mereka dan ini kelihatan mendapat sambutan. Apa pandangan saudara tentang taktik ini?

**MOHD YASIN:** Saya tidak mahu memberi komen yang lebih lanjut, cuma bila mereka menabur fitnah, membuat tohmahan bermakna mereka membuat dosa kering. Ia tidak membawa apa-apa, kebaikan. Saya tidak akan mengikut stail mereka itu kerana saya berpegang kepada ajaran Islam yang mengatakan menabur fitnah itu lebih besar dosanya dari membunuh. Biarkanlah mereka mahu terus dengan cara itu, tapi saya tidak akan mengikutnya.

**WATAN:** UMNO (baru) Bahagian Sri Gading akan membawa usul meminta digunakan Perlembagaan UMNO lama dalam Perhimpunan 28 Oktober ini dan Majlis Tertinggi (MT) pula kemudiannya membuat keputusan membuka pintu UMNO (baru) kepada semua orang Melayu tanpa ada sekatan. Dua perkara ini telah dilihat oleh pihak yang menentang UMNO (baru) sebagai muslihat pilihanraya saja?

**MOHD YASIN:** Terserah kepada mereka membuat penilaian atau tafsiran mengenainya. Tapi kita melakukannya dengan ikhlas untuk perpaduan dan penyatuan seluruh orang-orang Melayu. Kita mahu melihat orang-orang Melayu bersatu dan bernaung di bawah satu bumbung perjuangan saja. Ini tujuan sebenar kita, bukan muslihat pilihanraya.

oleh DAUD HAJI IBRAHIM dan  
SHAHBUDIN HAJI HUSIN  
WATAN Khamis 20hb. Oktober 1988

**KUALA LUMPUR:** Datuk Shahrir Abdul Samad perlu memastikan dahulu namanya disenaraikan sebagai calon Barisan Nasional kawasan Parlimen Johor Bahru dalam pilihanraya umum akan datang sebelum lantang membidas perjalanan Persatuan Anak-Anak Jawa Johor (PAJAR).

Matlamat PAJAR adalah jelas untuk kebajikan anak-anak Jawa Johor tetapi Datuk Shahrir seolah-olah mahu menanggung di air keruh dengan menghangatkan isu tersebut supaya mudah diberi laluan bertanding kelak, kata Setiausaha Agung persatuan berkenaan, Encik Osman Safian.

"PAJAR bukan parti dalam parti dan tidak ada kuasa merubah perjalanan UMNO Johor seperti dakwa Datuk Shahrir," katanya mengulas kenyataan Datuk Shahrir yang tersiar di dalam akhbar Watan baru-baru ini.

Menurut Encik Osman, anggota Parlimen Johor Bahru itu tidak perlu bimbang kerana PAJAR tidak terikat dengan UMNO cuma kelihatan kehadiran beberapa pemimpin tertinggi UMNO di dalam PAJAR.

PAJAR tambahnya lagi, tidak pernah menentang UMNO dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku presiden parti dan Perdana Menteri.

Tetapi Datuk Shahrir pernah menentang Datuk Seri Dr Mahathir dan UMNO apabila bertindak meletakkan jawatan dan bertanding atas tiket Bebas dalam pilihanraya kecil Johor Bahru tahun 25 Ogos 1988.

Menurut Encik Osman, PAJAR juga tidak pernah menentang Perhimpunan Melayu Johor (PMJ) kerana ia diasaskan untuk menyelamatkan perpaduan orang Melayu Johor.

"Kita adalah sebuah persatuan yang berdaftar dan tidak ada sebab mengapa PAJAR ditohmah dengan fakta-fakta yang dikelirukan sendiri oleh pemimpin Melayu seperti Datuk Shahrir," katanya.

Apa yang menghairankan, mereka yang mengasaskan PMJ sendiri sedang berusaha untuk menggagalkan matlamat PAJAR, terutama apabila menjelang pilihanraya umum.



**DATUK SHAHRIR**

Sehubungan itu beliau menasihati Datuk Shahrir supaya jangan cuba mengajar perjalanan PAJAR tetapi terlebih dahulu menyelesaikan krisis dalaman beliau dengan Ketua UMNO cawangan Perbandaran Islam, Encik Ismail Manjor, Ketua UMNO cawangan Gerak Merah, Encik Ali Tiong dan beberapa pemimpin cawangan yang lain di dalam bahagian Johor Bahru.

Encik Osman juga menolak anggapan Datuk Shahrir bahawa Melayu keturunan Jawa akan dianggap sebagai kaum pendatang kerana asalnya daripada kepulauan Indonesia.

Kemungkinan beliau tidak berapa arif mengenai sejarah Jawa tetapi hakikatnya orang Jawa adalah Melayu dan bangsa Melayu itu serumpun antara Malaysia dan Indonesia.

"Untuk pengetahuan Datuk Shahrir, sekiranya beliau terpilih sebagai calon kelak, Melayu dari keturunan mana yang akan mengundinya, sudah tentu orang Jawa," tambah beliau.

# PAJAR ancaman perpaduan Melayu -Shahrir



**DATUK SHAHRIR SAMAD**

**JOHOR BAHRU:** Anggota Parlimen Johor Baharu, Datuk Shahrir Abdul Samad, menyifatkan Persatuan Anak-Anak Jawa Johor (PAJAR) sebagai mengancam perpaduan Melayu yang diasaskan oleh UMNO.

Beliau juga menyifatkan persatuan itu bertentangan dengan Resolusi Melayu Johor (RMJ) yang menegaskan kepada perpaduan Melayu.

"Penubuhan PAJAR boleh dianggap menasabah jika persatuan itu bertujuan bahasa, kebudayaan dan kesenian Jawa," katanya ketika berucap di majlis perjumpaan ahli-ahli UMNO RMJ, malam Sabtu, lalu.

Perjumpaan itu berlangsung di Dewan Raya Kampung Melayu Majedi dan dihadiri oleh 2000 ahli-ahli RMJ dari seluruh Johor.

Menurut Datuk Shahrir, yang jelas kini organisasi persatuan itu menyerupai UMNO kerana mempunyai bahagian-bahagian di seluruh Johor.

Malah katanya, persatu-

an itu juga dianggotai oleh pemimpin-pemimpin UMNO yang telah tewas dalam pemilihan parti umpamanya, di bahagian Sungai Benut (Zahid Sirat), Mohd Noor Dom (Muar), Datuk Jalal Abu Bakar (Batu Pahat), Hashim Rais (Bakri) kecuali di Pulai dan Seri Gading.

Datuk Shahrir berkata lagi, kalau jumlah Melayu keturunan Jawa mencapai angka 80 peratus di Johor bermakna mereka adalah asatu kumpulan yang kuat dalam UMNO.

"Jika difikirkan kepentingan Melayu keturunan Jawa tidak terbela, ia sepatutnya boleh diperjuangkan dalam UMNO itu sendiri," katanya.

Selain itu katanya, dengan tertubuhnya PAJAR juga telah mewujudkan kecenderungan pemimpin persatuan itu memberi sokongan kepada pemimpin UMNO berdasarkan kepada sokongan ketua bahagian itu kepada PAJAR.

Paling bahaya lagi katanya, PAJAR juga mende-

dahkan rahsia kekuatan Melayu itu sendiri sebagai bangsa induk di tanahair ini.

"Ini kerana dengan membesar-besarkan mengenai soal Jawa ini menunjukkan jelas bahawa sebahagian besar orang Melayu adalah juga pendatang dan setaraf dengan pendatang kaum lain di negeri ini," katanya.

Beliau berkata, dengan sendirinya anggapan tersebut boleh melemahkan tuntutan bangsa Melayu kepada ketuanan Melayu.

"Maka nanti juga membuktikan dakwaan Encik Lee Kuan Yew bahawa bangsa Melayu bukan Peribumi adalah benar," katanya.

Datuk Shahrir akan mengadakan pertemuan dan perbincangan yang seumpamanya di bahagian-bahagian lain seperti Kluang, Sungai Benut dan Seri Gading, tidak lama lagi.

## RANCANGAN MUSNAHKAN JAWA

*Ramai yang mantafsirkan RMJ yang diketuai oleh Datuk Shahrir sekarang sebagai bermaksud "Rancangan Musnahkan Jawa."*

Sejak Persatuan Anak-anak Jawa Johor (Pajar) ditubuhkan, elemen baru telah muncul dalam politik Johor di mana perasaan kesukuan telah cuba dibangkitkan. Satu pihak merasakan Pajar tidak menyumbang ke arah perpaduan Melayu tetapi hanya menyumbang untuk perpaduan Jawa.

Pihak ini telah melemparkan kecaman yang hebat terhadap Pajar, bahkan telah sampai ke peringkat meminta Perdana Menteri mengharamkan pertubuhan itu.

Bagaimanapun pimpinan Pajar menafikan dengan keras hal itu dan menganggap meskipun Pajar persatuan berbentuk suku kaum tetapi dalam konteks yang lebih luas ia juga menyumbang ke arah perpaduan bangsa keseluruhannya.

Lantaran itulah, Pajar langsung tidak mempedulikan kecaman yang dilemparkan terhadapnya dan tanpa memandangkan kiri dan kanan, ia terus meluaskan pengaruhnya ke seluruh daerah dan ceruk kampung di negeri Johor.

Pajar tetap dengan pendiriannya bahawa oleh kerana 80 peratus penduduk Johor berketurunan Jawa, maka perpaduan Jawa secara automatik bermakna perpaduan Melayu.

Inilah yang menjadi asas penubuhan persatuan itu meskipun ada juga beberapa kerat orang Jawa yang secara terbuka menentang

persatuan itu.

Bagaimanapun kalau dilihat secara mendalam, penentangan terhadap Pajar ini mempunyai kaitan yang rapat dengan perkiraan politik. Datuk Shahrir belum tentu menentang Pajar kalau bukan Datuk Mohamed Rahmat yang menjadi penaung persatuan itu.

Begitu juga dengan Haji Hamdan Yahya dan lain-lain pemimpin Johor yang berketurunan Jawa, boleh jadi mereka akan menyertai Pajar jika penaung dan pimpinan persatuan itu bukan daripada orang-orang yang ada sekarang.

Meskipun Pajar dikecam dengan pelbagai kata-kata pahit tetapi secara diam-diam Pajar sebenarnya banyak memberi sumbangan kepada UMNO Johor. Kalau Resolusi Melayu Johor (RMJ) telah membawa bekas pemimpin UMNO seperti Datuk Musa, Datuk Shahrir dan Haji Hamdan kembali kepangkuan UMNO, tetapi melalui Pajar pula ramai keturunan Jawa yang berada dalam parti pembangkang menjadikan Pajar sebagai platform untuk menyertai UMNO.

Mereka tidak terus menyertai UMNO kerana masih mahu menjaga 'maruah', lalu menyertai Pajar dulu, kemudian baru menyertai UMNO. Hal ini bukanlah pelik kerana Datuk Musa dan Datuk Shahrir juga tidak terus menyertai UMNO, sebaliknya menjadikan RMJ sebagai platform.

Setelah RMJ diterima oleh pimpinan UMNO, barulah mereka menyertai UMNO.

Setiausaha Agung UMNO, Datuk Mohamed Rahmat pernah mengakui bahawa sejak penubuhan Pajar, anggota UMNO telah bertambah dengan banyaknya.

Mereka, katanya, terdiri daripada anggota parti-parti pembangkang yang berasa 'malu' untuk terus menyertai UMNO, lalu memilih Pajar sebagai landasan untuk kembali ke pangkal jalan.

Dengan pengakuan ini, jelas bahawa Pajar telah memberi sumbangan yang tidak sedikit kepada UMNO, khususnya di Johor dari segi menambahkan kekuatan parti itu.

Namun demikian adalah menghairankan apabila Datuk Shahrir terus menyerang Pajar melalui majlis-majlis memperingati RMJ yang diadakan hampir setiap minggu di seluruh Johor.

*Meskipun majlis itu dinamakan Majlis Memperingati RMJ tetapi rata-rata ucapan yang disampaikan oleh Datuk Shahrir berkaitan dengan Pajar dan keturunan Jawa.*

*Oleh kerana majlis itu diadakan setiap minggu dan ke seluruh Johor pula, ramai yang mentafsirkan RMJ yang diketuai oleh Datuk Shahrir sekarang sebagai bermaksud "Rancangan Musnahkan Jawa."*

Datuk Shahrir seolah-olah begitu memusuhi Pajar sedangkan dari segi peranan dan sumbangannya kepada UMNO, Pajar tidak jauh bezanya dengan RMJ. Kalau RMJ begitu 'dimuliakan' kerana membawa bekas pemimpin kembali ke pangkuan UMNO, apakah Pajar tidak boleh dihormati sedangkan ia membawa ramai anggota parti pembangkang menyertai UMNO.

Dalam hal ini mana yang lebih penting dan harus dimuliakan?

Oleh SHAHBUDIN HAJI HUSIN  
WATAN 2hb. Oktober, 1990



**Saudara Haji Hamdan Yahya. Seorang pejuang yang berani. Pengikut Musa yang setia. Kawan yang baik tak meninggalkan kawan di masa derita.**

## APA KATA DATUK JALAL?

*Pilihanraya Parit Raja sedikit sebanyak telah menjejaskan perpaduan rakyat, dan bukan satu perkara mudah untuk menyatukan kembali keadaan itu,”*

Datuk Jalal

**BATU PAHAT:** Bekas Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abd Jalal Abu Bakar menyifatkan perletakan jawatan beberapa wakil rakyat di Johor adalah cubaan Datuk Musa Hitam untuk mengambil kuasa semula.

Bercakap kepada WATAN, Datuk Abd Jalal berkata, jika beberapa wakil rakyat yang sudah terpengaruh dengan Datuk Musa tidak menyedari perkara ini, kegemilangan UMNO di Johor seperti sebelum 1981 akan terkubur.

Menurut beliau, *sebelum ini Johor merupakan kubu kuat UMNO dan BN tetapi akibat tindak tanduk Datuk Musa bersama-sama ‘geng’nya Johor kini seperti tidak dihormati lagi.*

*“Kelemahan yang ketara sekarang ialah kegagalan Datuk Musa melahirkan barisan pelapis yang boleh menggantikan kepemimpinan negeri bila diperlukan.”*

*“Saya tidak nampak siapa juga pemimpin yang dimunculkan oleh Datuk Musa boleh mengambil alih kepemimpinan negeri selepas ini”,* tambah beliau.

Serentak dengan itu Datuk Abd Jalal menyarankan kepada Tan Sri Othman Saat dan Datuk Abd Rahman Mahmood yang



kini cuba bersekongkol dengan Datuk Musa supaya memikirkan pendirian mereka semula.

*“Janganlah kedua-dua pemimpin ini terlalu cepat melupakan sejarah pudar yang dicipta oleh Datuk Musa Hitam terhadap negeri ini hingga menghancurkan kestabilan politik yang dicipta sekian lama,”* ujar beliau.

Beliau percaya jika pilihanraya Parit Raja memberi kemenangan kepada calon BN usaha-usaha menghancurkan politik BN di negeri ini dapat dibendung.

WATAN

Khamis

11hb. Oktober 1988

PARIT RAJA: Keputusan Majlis Tertinggi membuka pintu kepada semua orang Melayu menyertai UMNO (baru) jangan dipersoalkan lagi dan rundingan yang segera antara empat pemimpin utama hendaklah diadakan bagi menyelesaikan masalah yang ada sekarang.

Ketika mengesyorkan perkara ini, bekas Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Jalal Abd Bakar berkata, *Datuk Musa dan Tengku Razaleigh hendaklah melihat perkara ini sebagai perkara paling bijak dalam mencari jalan penyelesaian kepada perpaduan umat Melayu.*

*“Pada saya inilah usaha sebaik-baiknya dan selembut-lembutnya yang pernah ditunjukkan oleh UMNO dalam usaha mencari perpaduan ini. Saya harap bekas-bekas pemimpin UMNO hendaklah menyokong dan memandang baik usaha ini,”* ujarinya.

Dalam mencari perpaduan demi kebaikan umat Melayu seluruhnya, Datuk Jalal juga menyarankan supaya perkara lepas jangan cuba di bangkit-bangkitkan lagi.

Beliau juga tidak setuju dengan kenyataan yang tegas mengatakan *“mati hidup balik pun saya tidak akan menyertai UMNO”* dan menyifatkan kenyataan itu sebagai angkuh serta tidak sesuai dengan suasana yang ada sekarang.

Beliau berharap keputusan Majlis Tertinggi ini tidak diambil kesempatan sebagai bahan kempen pilihanraya kecil Parit Raja tetapi mahu semua pihak memandangnya dengan mata yang positif.

*"Datuk Musa dan Tengku Razaleigh juga lihat orang-orang di sekelilingnya yang tidak mahu melihat perpaduan Melayu tercapai,"* ujarnya dengan penuh harapan.

WATAN

Khamis

20hb. Oktober 1988

PARIT RAJA: Kemenangan calon Barisan Nasional Yassin Kamari bagi DUN Kawasan Parit Raja membuktikan betapa pengundi Johor masih memberi kepercayaan kepada kerajaan yang ada hari ini.

Bekas Ketua Bahagian Batu Pahat Datuk Abdul Jalal Abu Bakar memberitahu bahawa kemenangan itu sekaligus membuktikan rakyat menolak segala fitnah yang dilemparkan oleh pihak lawan terhadap kerajaan selama ini.

*"Ini merupakan satu keputusan rakyat yang menyokong penuh kepimpinan Menteri Besar Datuk Muhyiddin Yassin dalam usahanya memulihkan kembali UMNO Johor."*

*Pilihanraya Parit Raja sedikit sebanyak telah menjejaskan perpaduan rakyat, dan bukan satu perkara mudah untuk menyatukan kembali keadaan itu,"* katanya.

Dalam hal ini menjadi tanggungjawab Yassin Kamari menjalankan usaha penyatuan serta mengkotakan segala janji-janji yang ditaburkan sewaktu berkempen dahulu.

Datuk Jalal turut yakin dengan kemenangan calon BN itu membayangkan politik negeri Johor menjadi bertambah sihat dan tidak lagi mudah dipengaruhi oleh sebarang fitnah.

Sehubungan dengan itu, beliau menyeru Tengku Razaleigh dan Datuk Musa Hitam supaya menerima usaha rundingan yang dikemukakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir

baru-baru ini. *"Apa yang nyata penduduk Parit Raja telah membuat perutusan melalui pilihanraya bahawa mereka mahukan perdamaian,"* beritanya lagi.

Berhubung dengan perletakan jawatan ADUN Bandar Tenggara Adam Abdul Hamid, Datuk Jalal mengingatkan perbuatan itu sebagai sia-sia.

*"Adam perlu kembali ke pangkal jalan, begitu juga dengan ADUN Endau Kadri Sabran yang juga berhajat hendak berbuat demikian. Tindakan meletakkan tidak mungkin dapat memulihkan perpaduan.*

*Mendesak mengadakan pilihanraya hanya merugikan wang dan masa semua pihak. Apa yang patut mereka lakukan ialah membetulkan UMNO dari dalam dan bukan memecahbelahkan lagi perpaduan Melayu,"* ujar Datuk Jalal.

WATAN

22hb. Oktober 1988

## NUJUM RAZAK JADI KENYATAAN

*“Kumpulan Bebas sudah pasti akan tewas di Parit Raja pada 20 Oktober akan datang.”*

Razak Ahmad

**JOHOR BAHRU:** Pengerusi Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM), *Razak Ahmad meramalkan kumpulan Bebas yang diketuai oleh Tengku Razaleigh Hamzah akan tewas di Parit Raja.*

*“Terima kasih kepada Datuk Musa yang menyebabkan kekalahan itu,”* ujarinya.

*“Datuk Musalah bakal pemusnah harapan serta cita-cita perjuangan Semangat UMNO 46 yang akan membawa satu arus pembaharuan politik negara pada masa akan datang,”* ujarinya.

Memberitahu WATAN, Razak mengakui perpecahan di kalangan kumpulan Bebas sudah ketara benar dan tidak mampu dibendung lagi.

*“Sesiapa juga, bahkan Tengku Razaleigh sendiri tidak boleh berdusta mengatakan tiada perpecahan di dalam kumpulan Bebas. Mereka harus mengakui hakikat sebenarnya bahawa antara kumpulan bekas Menteri Kewangan dan Datuk Musa tidak sebulu,”* tegasnya.

Tambah Razak lagi, Datuk Musa sememangnya tidak diperlukan oleh kumpulan Tengku Razaleigh. Apa yang berlaku di Johor Bahru pada 25 Ogos lalu merupakan kemenangan individu dan bukannya atas dasar perjuangan Bebas itu sendiri.

Katanya, pemilihan ke atas Haji Hamdan Yahya sebagai calon Bebas di Parit Raja datangnya dari Datuk Musa dan disampaikan oleh Datuk Shahrir.

*"Saya yakin calon itu adalah orang Datuk Musa dan berdasarkan pilihanraya Johor Bahru 25 Ogos lalu, Tan Sri Osman Saatlah yang sepatutnya membuat pengumuman calon kerana beliau dipilih secara mutlak oleh Tengku Razaleigh sebagai 'Best Man'.*

*"Tan Sri Osman adalah orang kuat yang menentukan kemenangan Datuk Shahrir dan bukannya Datuk MUSA. Dan sekarang keadaan menjadi sebaliknya di mana bekas Menteri Besar Johor itu telah diketepikan,"* terang Razak lagi.

Menjawab pertanyaan, beliau mengakui *perpecahan yang ketara antara Datuk Musa dengan Tengku Razaleigh serta Tan Sri Osman Saat tidak akan mencatat peristiwa manis ketika mereka berjaya memenangi kerusi Parlimen Johor Bahru dengan majoriti terbesar.*

*"Kumpulan Bebas sudah pasti akan tewas di Parit Raja pada 20 Oktober akan datang,"* ujamnya.

Oleh: AZAHAR HAJI MD. TAIB  
WATAN 1hb Oktober 1988

**JOHOR BAHRU:** Calon Bebas Haji Hamdan Yahya dijangka menghadapi laluan paling sukar untuk merebut kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Parit Raja, 20 Oktober ini.

Pilihanraya kecil di kawasan yang merangkumi lebih daripada 80 peratus pengundi Melayu itu 'bukan calang-calang' tempat untuk Kumpulan Semangat UMNO 46 bertapak kerana ia merupakan kubu terkuat UMNO (baru).

Menurut Timbalan Presiden PSRM, Razak Ahmad calon Bebas agak sukar untuk memungut undi berbanding dengan ketokohan anak tempatan kawasan Parlimen Seri Gading sendiri, Yassin Kamari.

*"Saya optimis calon Bebas akan menerima tentangan yang hebat kali ini biarpun Kumpulan Semangat UMNO 46 mahu mengulangi kemenangan seperti di Johor Bahru 25 Ogos lalu," ujarnya.*

Razak Ahmad yang hilang wang pertaruhan pada 28 Ogos lalu memberikan sebab-sebab utama mengapa Haji Hamdan Yahya akan melalui detik-detik sukar itu.

Pertama, katanya, *Kumpulan Semangat UMNO 46 atau Bebas sudah kelihatan bergoyang dengan masalah 'tidak sehaluan' antara Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam.*

Menurutnya, kedua-dua tokoh itulah yang membantu Datuk Shahrir Abdul Samad meraih kemenangan paling mengejutkan dengan menerima majoriti hampir 12,000 undi.

Dan tambahnya lagi, sebab kedua pula yang menguatkan kedudukan Haji Hamdan ialah isu-isu yang pernah dimainkan di Johor Bahru dulu tidak boleh lagi digunakan.

*"Isu-isu sentimen yang memburuk-burukkan pucuk pimpinan UMNO (baru) dan disertakan dengan beberapa kejadian lain sudah dianggap basi sekarang," terangnya.*

Jadi tegas Razak, Kumpulan Semangat UMNO 46 terpaksa mencari isu-isu baru sekiranya mahu keadaan di Parit Raja menyebelahi mereka.

Sementara itu, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Negeri Melaka, Asaari Ibrahim tidak menafikan Kumpulan Semangat UMNO 46 akan terus menggunakan isu memburuk-burukkan pucuk pimpinan di DUN Parit Raja.

*"Mereka sudah kehilangan modal melainkan akan terus memainkan isu-isu tersebut kerana ianya pernah membawa keuntungan di Johor Bahru," tegasnya.*

Memberitahu WATAN, Asaari yakin *masyarakat di Parit Raja, khususnya di Parit Raja sudah matang dengan permainan kotor Kumpulan Semangat UMNO 46 itu.*

Sehubungan dengan itu, beliau menyeru semua bakal-bakal pengundi agar bertenang dan sentiasa mengawasi gejala-gejala yang mahu mengeruhkan lagi perpaduan di kalangan orang-orang Melayu.

Oleh AZAHAR HAJI MD. TAIB  
WATAN 4hb Oktober, 1988

## JAWA TENTUKAN KEMENANGAN

*Pengundi Parit Raja, khususnya keturunan Jawa Ponorogo dikatakan pantang ditipu. Ada dakwaan mengatakan tidak berjayanya Haji Hamdan mendapatkan lambang "kunci" dianggap satu penipuan bahawa lambang kunci adalah pengganti BN yang nama hal ini hebat bertiup sebelum penamaan calon lagi. Dalam hal ini, mereka menganggap kumpulan Bebas semangat 46 menipu mereka.*

**SOAL KETURUNAN JAWA** bukan sahaja menjadi bahan utama sepanjang kempen pilihanraya kecil DUN Parit Raja tetapi semakin hari kelihatan telah menjadi *faktor* penentu kepada calon-calon yang bertanding.

Dalam kempen, baik calon Barisan Nasional (BN) atau calon Bebas semangat 46, menggunakan bahasa Jawa nampaknya masih menjadi fokus utama. Ini kerana tiga perempat daripada pengundi Melayu adalah keturunan Jawa dan keturunan Jawa yang *dominan* di sini ialah *Jawa Ponorogo*.

Keturunan Jawa lain yang terdapat di sini ialah Semarang, Demak, Magalen, Cirebon dan sebagainya. Yassin Kamari, calon BN adalah keturunan Jawa Ponorogo manakala Hamdan Yahya keturunan Jawa Cirebon.

Kalau dilihat daripada keturunan, ditambah dengan kometmen kepada keturunan masing-masing, Yassin dikatakan tidak ada masalah dengan keturunannya sendiri Ponorogo, begitu juga dengan Haji Hamdan Cirebon. Tetapi apa yang menjadi masalah di sini, bilangan keturunannya tidak banyak mana.



Begitupun, satu kelebihan pada Haji Hamdan ialah beliau seorang yang lemah lembut, peramah dan mempunyai pergaulan yang mudah mesra dengan sesiapa. Tidak mustahil dalam hal ini, Haji Hamdan berjaya menarik sebahagian undi **Ponorogo**.

Yassin pula raut wajahnya kelihatan tegas, garang dan tidak mudah senyum. Bagi orang yang tidak mengenalinya pasti akan mengatakan Yassin seorang yang sombong tetapi setelah mengenalinya, mereka akan tahu budi pekertinya yang sebenar.

Walaupun begitu, dikaca mata **Ponorogo**, peribadi Yassin adalah peribadi yang terbaik di kalangan mereka. Perwatakan yang nampak kasar adalah peribadi semulajadi **Ponorogo**. Sama seperti Menteri Kebajikan Masyarakat.

Mustaffa Mohamad yang juga keturunan **Ponorogo** bagi yang tidak kenal, pasti menilainya sebagai sombong dan angkuh, tapi, cuba dalam hatinya.

Sesuatu yang menarik bagi **Jawa Ponorogo** ialah mereka mempunyai **kesetiaan** kepada keturunan sendiri. Dalam hal ini, tentu Yassin mempunyai kelebihan, tapi faktor lemah lembut Haji Hamdan, arus politik sekarang dan perubahan fikiran kini yang lebih terbuka di kalangan masyarakat memberi tanggapan yang sukar diramalkan.

Tetapi bagi generasi tua, **kesetiaan** itu tidak perlu dibimbangkan. Begitu juga dengan golongan wanita. *Yang dibimbangkan hanyalah kalangan pemuda yang mempunyai 20 peratus jumlah pengundi. Golongan inilah barangkali yang kurang kesetiaan terhadap sentimen keturunan.*

Keturunan **Ponorogo** yang ramai ialah Parit Nipah, Parit Haji Ali, Parit Bingan, Parit Lundang, Parit Daun, Parit Raja Darat, Parit Jelutong, Parit Haji Sirat, Parit Saleh Kairon, Parit Semarang, Parit Bareng, Parit Lapis, Sempadan Darat, Parit Bangkok, Parit Haji Salleh dan Parit Samijan.

Manakala Parit-Parit yang lain bercampur aduk antara keturunan Jawa, Banjar dan Melayu.

Kehadiran pengundi terhadap ceramah-ceramah, baik yang diadakan oleh calon Bebas atau BN, masih lagi pada tahap 50-50.

Andaian ini juga boleh dikatakan mereka kebanyakannya hadir dalam kedua ceramah. Persoalan penting sekarang ialah sama ada pengundi masih mencari kepastian tentang calon yang bakal dipilih atau mereka telah ada 'Apple Computer' dalam kepala mereka atau mengikut arus 'menentang' yang ada sekarang atau tetap kepada BN (tradisi) atau memberikan undi kerana simpati.

Dua pendapat yang manarik dalam hal ini ialah, pertama, *pengundi Parit Raja, khususnya keturunan Jawa Ponorogo dikatakan pantang ditipu. Ada dakwaan mengatakan tidak berjayanya Haji Hamdan mendapatkan lambang 'kunci' dianggap satu penipuan bahawa lambang 'kunci' adalah pengganti BN yang mana hal ini hebat bertiup sebelum penamaan calon lagi. Dalam hal ini, mereka menganggap kumpulan Bebas semangat 46 menipu mereka.*

Kedua, disebabkan arus sekarang, ada yang mengatakan pengundi Parit Raja lebih 'penipu' daripada pengundi di Johor Bahru dulu. Maknanya, dalam mereka bersopan santun menghadiri ceramah Bn dan implementasinya tidak begitu di kertas mengundi. Ini yang dimbimbangkan oleh sesetengah pihak tetapi sejauh mana peratusnya perkara ini tidak dapat ditentukan.

Dikatakan juga, bagi generasi tua, soal UMNO lama atau baru telah mati dan tidak penting bagi mereka. Sebabnya mereka ini hanya perlukan pembangunan. Bagi golongan ini, walaupun ditanya, sokong UMNO Baru atau UMNO Lama, mereka akan mengatakan sokongan UMNO Lama tetapi apa yang sebenarnya terbayang dikepala mereka ketika itu ialah 'dacing'. Ini kerana dacing dan UMNO Lama telah sehati dengan mereka.

*Kehadiran bekas AhliParlimen Seri Gading, Tun Hussein Onn kemungkinan menarik kehadiran yang ramai tetapi dikatakan sokongan terhadap beliau itu belum pasti memberi undi kepada Haji Hamdan kerana jasa Mustaffa Mohammad juga banyak dan tetap diingati.*

Tetapi, satu pendapat lain mengatakan, Tun Hussein hanya diterima dulu semata-mata kerana beliau Perdana menteri. Kalau sekadar Ahli Parlimen biasa, beliau tidak akan diterima. Jadi, dalam hal ini, Tun Hussein dulu dengan sekarang, tentu jauh bezanya.

Antara kedua calon, masing-masing punya pengatuh tersendiri. Yassin agak kuat di Parit Raja manakala Haji Hamdan kuat di sebelah Air Hitam. Tapi, sepanjang kempen yang berjalan sekarang, keadaan ini telah mula bertukar-tukar dan tidak menentu.

Tapi satu perkara yang barangkali juga satu kesilapan ialah adanya bilik gerakan DAP di pekan Parit Raja. Golongan tua langsung tidak dapat menerima keadaan ini kerana ianya mengingatkan mereka kepada Peristiwa 13 mei.

Keadaan ini seolah-olah merugikan Haji Hamdan tetapi kelebihan yang pada beliau ialah arus politik sekarang sedang memihak kepadanya. Tambahan pula, faktor Datuk Musa memberi harapan yang lebih baik kepadanya.

Datuk Musa sebenarnya mempunyai dua kelebihan. Kalau beliau berkempen, beliau berjaya menarik undi dan kalau beliau dihentam undi simpati akan timbul dan memihak kepada Haji Hamdan. Jadi kehadiran Datuk Musa boleh merumitkan keadaan.

Kerumitan ini tentu membayangkan kesetiaan Jawa Ponorogo yang sepatutnya memihak kepada Yassin telah pudar. Jika ini berlaku, BN belum kehilangan punca. Mereka masih ada satu senjata lain iaitu 'Wayang Kulit'. Oleh kerana 'Wayang Kulit' menjadi kebanggaan yang kuat pengaruhnya bagi orang Jawa Ponorogo, kemungkinan akan memainkan sebagai peranan penting pada saat-saat terakhir nanti.

*Soalnya, mampukah 'Wayang Kulit' menebalkan sentimen keturunan jika dalam masa yang sama Datuk Musa ligat menjalankan strateginya. Dalam hal ini bukan bermakna Datuk Musa terlalu kuat pengaruhnya, tetapi sama ada kehadiran menonton 'Wayang Kulit' dapat menandingi kehadiran ceramah atau mungkin 'video Datuk Musa..*

oleh SHAHABUDIN HJ HUSIN  
WATAN.

13hb Oktober, 1988

## **ANAK PAK HITAM LAWAN PAK SEMAN**

*Datuk Musa Hitam sekarang cuba menonjolkan kepemimpinannya dalam kumpulan 46 dan menjadikan Parit Raja sebagai titik permulaan untuk mengembangkan semula pengaruhnya di Johor.*

**KEKUATAN KUMPULAN UMNO '46** Johor akan hancur sekiranya krisis merebut pengaruh antara dua pemimpinnya yang dikatakan berlaku sekarang tidak diselesaikan dengan segera.

Menurut ramai pemerhati politik negeri itu, UMNO 46 Johor yang dipimpin oleh bekas Menteri Besar Tan Sri Haji Othman Saat sekarang berada dalam dilema kerana cuba dikuasai oleh bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam.

Mereka yakin krisis dua pemimpin Johor itu yang berpunca daripada pemilihan nama calon yang akan dilantik sebagai calon Bebas untuk pilihanraya kecil DUN Parit Raja bulan depan boleh merebak dan melemahkan sokongan bekas-bekas ahli UMNO terhadap kumpulan itu.

Menurut satu sumber kumpulan itu, *Datuk Musa Hitam sekarang cuba menonjolkan kepemimpinannya dalam kumpulan 46 dan menjadikan Parit Raja sebagai titik permulaan untuk mengembangkan semula pengaruhnya di Johor.*

Beliau yang kini diwakili oleh Datuk Shahrir Abdul Samad mendesak supaya seorang penyokongnya, Haji Hamdan Yahya, dipilih sebagai calon dalam pilihanraya kecil Parit Raja.

Sementara kumpulan yang menyokong Tan Sri Othman pula berharap agar seorang penyokong mereka, Haji Hamid

Omar diangkat sebagai calon untuk bertanding menentang calon Barisan Nasional di kawasan itu.

Tetapi, dalam menentukan Datuk Musa sudah berjaya apabila Haji Hamdan yang pernah menjadi bekas Ketua Pemuda UMNO bahagian Sri Gading diumumkan sebagai calon di Parit Kuari, parit Raja.

Dan untuk menambahkan lagi tekanan ke atas kumpulan Tan Sri Othman, Datuk Shahrir juga mengumumkan bahawa Haji Hamdan juga bertindak sebagai Pengarah Pilihanraya Kecil untuk kumpulannya, bukan Tan Sri Othman.

Sehubungan dengan ini, bekas ahli UMNO Johor kini tertanya-tanya kenapa Tan Sri Othman tiba-tiba sahaja diketepikan dan kenapa Datuk Shahrir yang sebelum ini di bantu oleh Tan Sri Othman pula yang menentukan siapa jadi Pengarah Pilihanraya.

Pemerhati politik membuat andaian bahawa Datuk Musa terpaksa menonjolkan diri dalam kumpulan 46 Johor kerana tidak mahu Tengku Razaleigh menguasai politik Melayu di Johor.

Sekiranya andaiannya ini tepat, kumpulan Datuk Musa sudah tentu akan berusaha untuk menyekat pengaruh lain-lain pemimpin yang menyokong Tengku Razaleigh di negeri-negeri lain selepas ini.

Jika pengaruh Tan Sri Othman di Johor dapat dikekang atau mungkin dihapuskan oleh kumpulan Datuk Musa, ramai percaya Tengku Razaleigh mungkin sukar menguasai politik Melayu di seluruh negara.

Dan perbalahan antara kumpulan Datuk Musa dengan kumpulan Tengku Razaleigh yang sedia wujud sejak tahun 1981 akan menyala semula selepas itu sekiranya tidak ada usaha untuk bersatu diambil segera.

Berikutan krisis yang dikatakan sedang wujud dalam kumpulan 46 Johor, beberapa penyokong kuat Tan Sri Othman terutamanya di Muar merasa marah dan kesal dengan sikap Datuk Shahrir yang dikatakan sudah mulai sombong.

Menurut seorang tokoh perniagaan dan tokoh masyarakat di Muar, Ahmad Sulong M.K, ramai penyokong kuat Tan Sri Othman merasakan bahawa krisis itu tidak seharusnya berlaku.

Tetapi, bagi mereka yang tahu, krisis merebut pengaruh di Johor akan berlaku juga antara Tan Sri Othman dengan orang-orang Datuk Musa kerana ada di antara mereka merasakan bahawa Tan Sri Othman tidak layak mengetuai kumpulan 46 Johor.

Mereka merasakan bahawa Datuk Musa yang lebih layak menjadi ketua di Johor kerana jawatannya sebagai bekas Timbalan Perdana Menteri sebelum UMNO diharamkan.

**Sebelum pilihanraya kecil Parlimen Johor Bahru Ogos lalu orang Muar sudah mendengar perbalahan antara orang-orang Datuk Musa dengan orang-orang Tan Sri Othman di mana orang Datuk Musa mempertikaikan kepemimpinan bekas Menteri Besar itu.**

Peristiwa itu dikatakan berlaku di rumah pemimpin UMNO 46 di Muar dan berikutan itu, ada orang Muar sendiri yang mempertikaikan kepimpinan Tan Sri Othman.

Dan semasa pilihanraya kecil Parlimen Johor Bahru, ada suara-suara kesal dari kalangan penyokong Tan Sri Othman yang bertugas membantu kempen Datuk Shahrir yang mengatakan bahawa orang-orang Datuk Shahrir tidak langsung menghormati mereka.

Seorang pemimpin yang bertugas di Bilik Gerakan Datuk Shahrir pernah berkata bahawa hatinya pedih melihat gelagat orang-orang Datuk Shahrir tetapi kerana perjuangan semangat 46, semua yang menyakitkan hati itu tidak dihiraukan.

Tetapi, rasa kesal dan marah di kalangan orang-orang Tan Sri Othman kini boleh merebak menjadi benci dan jika ini berlaku, kumpulan 46 Johor akan menjadi lemah sekiranya bekas pemimpin itu meninggalkan kumpulan tersebut.

Bagaimanapun, ada pihak yang menyokong langkah Datuk Musa menguasai politik Melayu Johor kerana pengaruh Datuk

Musa masih kuat dan mempunyai penyokong baik dalam kumpulan 46 ataupun dalam UMNO (Baru).

Memang tidak dapat dinafikan bahawa Datuk Musa mempunyai pengaruh besar ke atas beberapa pemimpin peringkat Bahagian di Johor seperti Datuk Ajib Ahmad, Haji Adam Hamid, Kadri Sabran, Hasmoni Salim, Haji Daud Taha dan jika Haji Hamdan Yahya menang di Parit Raja, sebahagian daripadanya sudah tentu memihak kepada Datuk Musa.

*Jika Datuk Musa dapat menguasai politik Melayu Johor, beliau akan mudah menyatu-padukan orang Melayu Johor apabila tiba masanya untuk menunjukkan kekuatan Johor di peringkat pusat.*

Ada juga yang mengatakan bahawa tujuan sebenar Datuk Musa mahu menguasai politik Melayu Johor ialah untuk menunjukkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa pengaruhnya masih kuat di Johor kalau tidakpun di seluruh negara.

Dan setelah terbukti bahawa beliau masih berpengaruh, akan memudahkannya kelak untuk membuat 'deal' dengan Dr. Mahathir supaya menerima kembali beberapa orangnya menjadi menteri dan sebagainya.

Untuk ini Datuk Musa memerlukan kekuatan juga di negeri-negeri lain dan ini tidak menjadi masalah kepadanya kerana *hampir semua bekas-bekas Menteri dan Timbalan Menteri yang sekrang menyokong Tengku Razaleigh adalah orang-orangnya.*

Semua pihak tahu bahawa Datuk Rais Yatim, Datuk Zainal Abidin Zin, Datuk Radzi Sheikh Ahmad, Datuk Adib Adam, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Haji Tajuddin Abdul Rahman dan beberapa nama lagi pernah menjadi orang Datuk Musa sebelum ini.

Sementara orang-orang yang menyokong Tengku Razaleigh pula tidak ramai yang pernah memegang jawatan kabinet dan yang terkuat di antara mereka Tan Sri Othman dan Datuk Haji Abdul Rahman Mahmood di Johor tidak mudah diterima oleh Datuk Musa.

Daripada sini ada pemerhati politik meramalkan bahawa pakatan "Musa-Ku Li" yang diwujudkan menjelang persidangan agong UMNO tahun lalu tidak akan kekal dan jika krisis wujud di kalangan mereka, kumpulan 46 sudah pasti menjadi lemah kelak.

Sementara itu, krisis dalam kumpulan itu boleh menyakinkan kalangan UMNO (Baru) bahawa Semangat 46 yang dikatakan untuk memulihkan UMNO lama sebenarnya hanya satu alasan sahaja.

Kumpulan itu mungkin tidak ikhlas memperjuangkan UMNO Lama apabila antara pemimpinnya tidak jujur sesama sendiri dan menonjolkan sikap "*gila kuasa*" sesama sendiri. Sekiranya ini benar, UMNO 46 atau Semangat 46 tidak akan berjaya dipulihkan oleh mana-mana pihak memandangkan *pemimpin-pemimpinnya mempunyai niat yang tersembunyi yang tidak pernah diumumkan kepada orang ramai*. Dan jika nanti orang menjadi muak dengan sikap mereka itu lalu menyokong UMNO (baru) yang sudah jelas mendokong kerajaan, UMNO 46 akan menjadi sebutan sahaja kerana ia akan hilang dengan sendirinya.

*Para pemimpin UMNO 46 harus menerima hakikat bahawa tindakan mereka bukan sahaja dapat menghancurkan UMNO, malah semangat UMNO 46 yang cuba diperjuangkan juga menjadi mangsa gila-kuasa mereka.*

Jika ini yang berlaku kelak, bekas ahli UMNO yang menyokong perjuangan Semangat 46 akan mengutuk semua pemimpin kumpulan itu kerana ternyata merekalah punca perpecahan Melayu di negara ini. Dan pemimpin-pemimpin UMNO 46 perlu membuktikan bahawa mereka tidak gila kuasa tetapi benar-benar mahu memulihkan UMNO lama yang diharamkan oleh mahkamah.

Oleh: Hamdan Haji Abdullah.

WATAN

Sabtu 1hb. Oktober 1988





Tan Sri Othman Saat akitek pembangunan negeri Johor, semasa Pak Seman menerajui UMNO Johor. Johor jadi kubu kuat UMNO, bila Musa gunakan Tan Sri Muhyiddin untuk menjatuhkannya sebagai Ketua Bahagian, sesudah Musa mengambil alih Ketua Perhubungan UMNO Johor, kubu UMNO yang hampir-hampir jadi kubur. Apa nak dibandingkan korupsi yang dilakukan oleh Pak Seman dengan mereka sesudahnya? Memang kebiasaan manusia '*Panas setahun hujan sehari*'. Kesilapan sedikit melenyapkan jasa bakti yang besar pada Negeri Johor.

## TIGA UMNO WUJUD DI JOHOR

*Apa yang lebih hebat, Jufri yang dilihat sebagai tokoh muda berpotensi mengakui beliau tidak memusuhi puak Musa. Beliau masih boleh bersekutu dengan Adun Endau, Encik Kadri Sabran. Tapi dengan Datuk Ajib, Jufri tidak sehaluan. Ini yang menjadi perkiraan. Apa kurang Datuk Ajib dan apa lebihnya Kadri sedangkan mereka keduanya adalah orang Musa?*

MUALANYA gembur gembur tentang penyingkiran orang Datuk Musa Hitam dari menjadi calon pilihanraya umum akan datang begitu bersemarak. Datuk Shahrir, Datuk Ajib, Haji Adam Hamid dan ramai lagi orang kuat Datuk Musa silih berganti membuat kenyataan.

Kalau diteliti kenyataan demi kenyataan mereka hampir kesemuanya memburuk dan melibatkan nama Tok Mat dan Datuk Mustaffa Mohamad. Kononnya ada usaha dari pihak Tok Mat sengaja mencetuskan isu tersebut maka hasilnya politik Johor agak gawat.

Selepas isu orang Musa disingkirkan maka muncul pula isu pertubuhan Anak Jawa Johor (Pajar). Maka melalak lagi puak Datuk Musa kononnya penubuhan badan itu bertujuan untuk kepentingan politik Tok Mat. Saban hari MK mendapat panggilan sama ada dari puak yang menyokong Tok Mat ataupun kalangan ahli-ahli Pajar.

Isu Pajar ternyata menjadi sensitif kepada penyokong Datuk Musa terutamanya Datuk Ajib. Beliau dilihat merupakan orang kuat Datuk Musa yang sering memperjuangkan perpaduan sepertimana yang dinyatakannya. Malangnya dalam isu ini dia

nampaknya kurang sabar. Tok Mat dituduhnya berkepentingan politik malahan dia menolak menyertai Pajar walaupun beliau adalah keturunan Jawa-Bugis.

Di awal politik Melayu gawat, Ahli Parlimen Johor bahru, Datuk Shahrir Samad menjadi fokus. Kenyataan-kenyataannya sering bertentangan. Malah kadangkala lebih bersikap menentang pucuk pimpinan parti.

Akhimya, Datuk Shahrir diam. Kenyataannya tidak sepanas sebelumnya. Maka muncul pula Datuk Ajib mengambilalih tugas mencanang. Walaupun pihak akhbar yang menghubungi beliau untuk memberi komen, Datuk Ajib seringkali tidak mengecewakan reporter. Bagaimanapun sayang, kenyataannya bertentangan dengan hasrat perjuangannya.

*Kalau perjuangannya adalah menyatupadukan Melayu menerusi UMNO, tetapi kenyataannya sering mengharu-birukan UMNO sama ada di peringkat perhubungan negeri mahupun bahagian.*

Jika diteliti, Datuk Ajib bukanlah pewaris yang berhak menggantikan “gurunya” iaitu Datuk Musa Hitam kerana sikap yang terlalu emosi dan cepat melatah seperti yang dikatakan oleh orang kuat Pajar, Datuk Jalal Abu Bakar.

Datuk Musa Hitam tidaklah sensitif Datuk ajib malahan mempunyai hubungan baik dengan pihak akhbar. Datuk Musa tidak pula mudah menyalahkan akhbar tetapi apa yang sedikit mengecewakan, ialah sejam perbualan dengan Datuk Musa ianya akan berakhir dengan kehampaan kerana banyak percakapannya berakhir dengan “Off The Record”

Dalam hal ini Haji Adam Hamid iaitu Adun Bandar Tenggara lebih menonjol sebagai pengganti Musa berdasarkan sikapnya yang agak berhati-hati dalam politik. Kalau tidak kena pada tempatnya jangan harap kata-kata Haji Adam akan dapat dimuatkan dalam akhbar.

Alasan yang diberikan, takut menimbulkan suasana tegang ataupun kekecohan. Inilah faktor-faktor yang tidak ada pada Datuk Ajib. Ajib nampaknya lebih tersepit bila timbulnya isu

beliau ditolak oleh 20,000 orang pengundi di kawasan Parlimen Mersing.

Maka sekali lagi Datuk Ajib melenting. Kenyataan Ketua Pemuda UMNO bahagian, encik Jufri Kosnan dilihat sebagai tidak benar. Walhal semua orang tahu antara beliau dan Encik Jufri tidak sehaluan.

Kenyataan Jufri yang secara tegas dalam MK 26 Ogos lalu nampaknya menimbulkan rasa kurang senang Datuk Ajib. Jufri didakwa berniat jahat untuk melihat Datuk Ajib tidak diletakkan sebagai calon kelak.

Apa yang saya lihat, Datuk Ajib seolah-olah dirundung malang berikutan kedudukan ini. Gambaran yang menyebut bahawa beliau tidak mempunyai hubungan yang baik dengan ahli-ahli parti terserlah bilamana terdapat usaha memungut tendatangan dan memorandum tersebut akan dihantar ke pucuk pimpinan parti.

Maka gemparlah politik bahagian Mersing. Sekali lagi Datuk Ajib menjadi fokus. Secara terbuka Jufri mengakui beliau tidak mempunyai hubungan yang baik dengan Ketua bahagian iaitu Datuk Ajib.

Apa yang lebih hebat, Jufri yang dilihat sebagai tokoh muda berpotensi mengakui beliau tidak memusuhi puak Musa. Beliau masih boleh bersekutu dengan Adun Endau, Encik Kadri Sabran. Tapi dengan Datuk Ajib, Jufri tidak sehaluan. Ini yang menjadi perkiraan. Apa kurang Datuk Ajib dan apa lebihnya Kadri sedangkan mereka keduanya adalah orang Musa?

Maka selepas itu timbullah isu yang sudah basi kononnya Kosnan adalah calon Pemuda yang tak sah. Isu ini tersebar malah akibat dari kenyataan Jufri itu beliau hampir dikenakan tindakan pecat.

Jawatankuasa bahagian membawa usul agar beliau dipecat tetapi Datuk Ajib telah menunjukkan sikap baiknya bila beliau tidak bertindak demikian. Apakah ini sandiwara Datuk Ajib ataupun beliau bimbang kehilangan pengaruh dari orang-orang Jufri? Ini yang Datuk Ajib kena jelas.

Yang pentingnya Datuk Ajib kena sedar bahawa hari ini sudah merebak cerita-cerita beliau sepatutnya sudah berundur. Bukan kerana apa, tetapi sekadar untuk memberi peluang kepada tokoh-tokoh muda pula.

Kata mereka terutamanya orang Mersing dan orang Johor, *apalagi yang Datuk Ajib nak kejar kerana beliau sudah terima banyak pencen. Pencen Menteri Besar, Pencen Menteri, Pencen Wakil Rakyat (kalau dia tersingkir) dan mungkin ada banyak pencen-pencen lain.*

● Kalau soal duit Datuk Ajib dah puas, tapi mungkin kerana beliau masih berharap untuk kembali. Rasa saya, *masa depan Datuk Ajib kalau tidak pun pudar tetapi sudah malap menanti hari untuk berkubur.*

Realitinya, orang-orang Musa akan menghadapi tugas getir dalam pilihanraya umum akan datang.

Dan kalau orang Musa tak bertanding Ku Li pula awal-awal lagi sudah yakin partinya boleh menguasai negeri Johor Darul Takzim. apa yang lebih hebat sudah ada di Johor dakwaan bahawa tiga UMNO sudah wujud.

Iaitu UMNO 46, UMNO sekarang dan UMNO Tok Musa.

Mingguan Kota  
16hb. September 1990  
Dahlan Maamor



Allahyarham Tun Hussein Onn diperkenalkan kepada para pelakon filem "**Penagih Dadah**" terbitan kerajaan Negeri Johor ketika Allahyarham dan isteri menyaksikan filem tersebut di Pawagam Capitol di Kuala Lumpur pada 23 Jun 1979. Pengarang disamping jadi pelakon adalah Pengurus Produksi filem tersebut.

MUAR: Setiausaha Agung UMNO (baru) Datuk Mohamed Rahmat berkata, tindakan bekas-bekas pemimpin UMNO boleh menimbulkan rasa benci di kalangan rakyat negeri ini terhadap pemimpin negeri sendiri.

Katanya, kepada WATAN selepas mesraskan majlis Semarak Kecil bahagian Batu Pahat Sabtu lalu, Melayu Johor harus sedar bahawa dakyah-dakyah yang disampaikan oleh kalangan yang tidak bertanggungjawab itu sebenarnya menghasut mereka untuk melemahkan kepemimpinan Melayu sama ada di peringkat pusat mahupun negeri dan yang menjadi mangsa kelak ialah rakyat negeri ini.

Beliau yang juga Menteri Penerangan menambah, berikut dakyah-dakyah

yang memburukkan pemimpin johor, rakyat Johor akan merasa benci terhadap pemimpin sendiri sementara rakyat di negeri-negeri lain menghormati pemimpin mereka.

Katanya, dalam pilihanraya kecil Parlimen Johor Bahru Ogos lalu, orang luar yang berkempen untuk calon Bebas mengambil kesempatan mencerca pemimpin-pemimpin Johor sehingga rakyat Johor terpengaruh.

Datuk Mohamed manambah, orang Melayu Johor akan merasa terhina apabila pemimpin sendiri tidak dapat mendapat penghormatan dari rakyat negeri-negeri lain kelak.

Menurutnya lagi, tindakan pemimpin luar memburuk-burukkan pemimpin Johor seharusnya ditentang oleh Melayu

Johor kerana mencemarkan maruah kepimpinan negeri ini.

"Saya barasa sedih memandangkan orang Johor sendiri sanggup memandang rendah pemimpin sendiri semata-mata kerana mendengar hasutan orang luar," ujurnya.

Datuk Mohamed berkata, tindakan pihak-pihak yang menentang Barisan Nasional sekarang menjadikan Johor sebagai sasaran kerana mahu memecah-belahkan perpaduan Melayu Johor supaya kekuatan Melayu Johor tidak lagi dapat dibanggakan.

Katanya, bila ini berlaku, Melayu Johor hanya perlu mengutuk diri sendiri kerana telah membenarkan diri mereka menjadi mangsa politik beberapa bekas pemimpin dari luar.

## KENAPA HAMDAN KECUNDANG?

*Di nilai dari ini ramai menjangka, kekalahan calon Bebas bukan hanya disebabkan oleh beberapa taktik mengejut yang dikemukakan oleh Barisan Nasional, tetapi juga pergeseran halus kedua pemimpin Semangat' 46 turut menambahkan bebanan yang sedia ada.*

**TENTURAMAI YANG TIDAK** menjangka Barisan nasional akan menang di Parit Raja. Beberapa hari sebelum pilihanraya, suasana masih lagi memihak kepada calon Bebas sebagai calon 'favourite' biarpun berbagai tekanan terpaksa dihadapi di saat-saat akhir pilihanraya.

Keadaan menjadi bertambah yakin apabila beberapa orang ahli Parlimen Barisan Nasional turut mengakui Bebas akan menang. Asas yang digunakan setelah melihat cara kempen dan sokongan yang diberi oleh penduduk Parit Raja begitu menggalakkan.

Tetapi apabila keputusan diumumkan ternyata harapan dan anggapan sebilangan besar pemerhati adalah meleset. Barisan Nasional masih dapat bertahan biarpun dengan majoriti yang sedikit. Keputusannya calon BN Yasin Kamari memperolehi 7,262 mengalahkan calon bebas Haji Hamdan Yahya yang mendapat undi sebanyak 6,849.

Timbul berbagai pertanyaan bagaimana Bebas boleh kalah sedangkan sokongan sewaktu berkempen melaut diberi kepada mereka.

*Postmortem* yang dilakukan oleh pihak Semangat' 46 lebih



menimbulkan taktik terakhir Barisan Nasional dianggap begitu berkesan kepada sebilangan pengundi di Parit Raja.

*“Taktik mahukan perdamaian yang dibuat oleh Datuk Seri Dr. Mahathir ternyata mampu mengelirukan rakyat,”* kata Haji Ibrahim Ali seorang pemimpin Semangat’ 46.

Tengku Razaleigh dan beberapa pemimpin Semangat’ 46 yang berada di Parit Raja pada Sabtu 15 Oktober lalu terpaksa bersusah payah menerangkan kepada orang ramai bahawa perdamaian itu mempunyai niat untuk memerangkap Semangat’ 46.

Apa yang jelas Tengku Razaleigh yang berucap berapi-rapi di Parit Raja yang dihadiri oleh lebih 5,000 orang itu telah terperangkap dengan kata-katanya sendiri.

Sebaik saja mendengar berita bahawa Majlis Tertinggi telah memberi mandat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir dan Ghafar Baba untuk berunding dengan Tengku Razaleigh dan Datuk Musa, para pengundi di parit Raja begitu ghairah menanti apakah pula komen yang akan disampaikan oleh Tengku Razaleigh.

Sewaktu menunggu ketibaan Tengku Razaleigh, beberapa orang pengundi ketika ditanya menjawab **“memang perpaduanlah yang kita harap-harapkan”**. Ramai yang datang pada malam itu kerana mahu mendengar harapan dari mulut Tengku Razaleigh untuk memulihkan UMNO yang bercakaran sekarang ini.

*Dalam ucapannya Tengku Razaleigh tidak memenuhi harapan rakyat itu, sebaliknya timbul beberapa kenyataan yang agak ‘meninggi’ yang tidak memungkinkan perdamaian diadakan.*

Lalu keputusannya calon Bebas menghadapi kekalahan. Besar kemungkinan sekiranya ucapan Tengku Razaleigh itu menyambut baik tangan Mahathir dan Ghafar untuk berunding selepas pilihanraya tanpa menghentam dengan kata-kata yang meninggi kemungkinan graf kemenangan akan dapat dikekalkan.

Tetapi keadaan itu telah terlambat. Ada cakap-cakap menyebut Tengku Razaleigh berada dalam keadaan serba salah. Sekiranya beliau menerima pelawaan itu bererti beliau menerima kewujudan UMNO (Baru). *Dengan menolak pelawaan pula membawa tafsiran Tengku Razaleigh menunjukkan sikap angkuh di mata rakyat kerana tidak mahu mengembalikan perpaduan orang Melayu.*

Serba salah Tengku Razaleigh itu telah membawa kepada serba salah pengundi Parit Raja. Keadaan serba salah itu dieksploit oleh Barisan Nasional dengan mengemukakan berbagai lagi taktik yang merupakan senjata terakhir. Isu saman sebuah akhbar oleh Tengku Razaleigh dijadikan senjata oleh BN untuk menikam ketokohan beberapa pemimpin Semangat' 46.

Biarpun begitu, faktor ini tidaklah begitu menjejaskan jika dibandingkan dengan faktor tindakan bankrup yang dilakukan oleh Bank Bumiputra terhadap calon Bebas Haji Hamdan.

Sepatutnya perkara ini tidak berlaku sekiranya Semangat' 46 berhati-hati memilih calon dari peringkat awal lagi. Apa yang menghairankan bagaimanakah Semangat' 46 boleh gagal mengesan kepincangan yang ada pada calon.

Lalu timbul perkara lama dibangkitkan kembali tentang soal pemilihan calon Bebas parit Raja dikatakan tidak mendapat restu banyak pihak, sebaliknya ditunjuk oleh Datuk Musa Hitam.

*Orang-orang Ku Li secara hati kecil, sudah tentu menyalahkan Musa kerana menggunakan pengaruh tanpa berunding terlebih dahulu dengan rakan-rakan yang lain dalam Semangat' 46.*

*Bertolak dari itu perpecahan antara puak Tengku Razaleigh dan puak Datuk Musa Hitam mula muncul kembali apabila kekalahan di Parit Raja cuba dikaitkan dengan kesalahan-kesalahan pihak tertentu.*

Cakap-cakap yang kedengaran sekarang ini, puak Tengku Razaleigh seolah-olah memulangkan "paku buah keras" atas tindakan Datuk Musa bersebab kekalahan di Parit Raja. Bagi

mereka berkata kekalahan calon Bebas sedikit sebanyak melunturkan kepimpinan Musa di Johor yang sebelum ini dianggap begitu berpengaruh.

Dengan berseloroh seorang pengikut Tengku Razaleigh bertanya: *"Bila pula Datuk Musa hendak mengosongkan kerusinya?"*

Secara umumnya, bolehlah dikatakan sekiranya calon Bebas menang di Parit Raja besar kemungkinan pengaruh Datuk Musa dapat mengatasi pengaruh Tengku Razaleigh dalam usaha meraih sokongan rakyat.

Di nilai dari ini ramai menjangka, kekalahan calon Bebas bukan hanya disebabkan oleh beberapa taktik mengejut yang dikemukakan oleh Barisan Nasional, tetapi juga pergeseran halus kedua pemimpin 'Semangat' 46 turut menambahkan bebanan yang sedia ada.

Oleh: Jamaluddin Aziz

WATAN

Khamis 27hb. Oktober 1988

**PARIT RAJA:** Bahasa Jawa nampaknya memainkan peranan penting sepanjang kempen pilihanraya kecil Parit Raja ini kerana semua penceramah yang datang berkempen boleh-bolehnya menyelitkan bahasa itu.

Kesedaran ini barangkali disebabkan sebab hagian besar para pengundi Melayu adalah terdiri dari keturunan Jawa dan seselapa yang boleh berba-

## BAHASA JAWA DALAM KEMPEN PILIHANRAYA

hasa itu memberi kelebihan dari segi menarik undi.

Naib Presiden UMNO (baru), Datuk Abdullah Hj. Ahmad Badawi ketika berceramah di Parit Hamid baru-baru ini turut juga berbuat demikian dan seliap kali perkataan

Jawa disebutkan, telah mendapat tepukan gemuruh dari hadirin.

Keadaan ini menggambarkan bahasa Jawa telah sebatl dengan masyarakat Parit Raja dan para pengundi akan menganggap mana-mana perceramah yang boleh

berbuat demikian sebagai telah sebatl dengan mereka.

Calon BN, Yassin Kamari yang merupakan anak bampait turut juga melakukan nya sebagai gambaran betapa ragainya beliau dengan masyarakat sekitar Parit Raja.

APAKAH matlamat hidup kita sekarang? Adakah kita punya matlamat setelah negara mencapai kemerdekaan? Tentulah ada sekiranya tidak, sudah tentu negara kita tidak akan maju dan makmur seperti sekarang.

Malah bagi saya matlamat perjuangan kita sekarang adalah lebih jelas dan terang daripada dahulu. Ketika kita bergerak dalam politik dalam zaman sebelum merdeka dahulu, sementara cita-cita kita agak jelas lalu kemerdekaan namun apakah bentuk dan corak kemerdekaan itu masih samar-samar.

Apakah yang kita tahu dan kita faham umumnya ialah kita mahu merdeka dari Inggeris. Tetapi kerana kita telah beratus tahun dijajah oleh Portugis, Belanda dan Inggeris, sekalipun cita-cita merdeka tidak sejelas yang sepatutnya, namun ia tetap berupa satu fokus yang kuat, satu tarikan yang mempesonakan rakyat hingga berkemampuan membakar semangat mereka.

Sekarang ini matlamat kita lebih jelas lagi kerana nikmat kita lebih dirasakan dari kemerdekaan dapat dilihat dengan mata kita sendiri dan dinikmati dalam hidup kita hari-hari.

Kemerdekaan membuka kemungkinan peningkatan taraf hidup dan kemajuan yang lebih. Namun ia menuntut pengorbanan dan rakyatnya, bergantung kepada kemampuan masing-masing.

Seperti yang saya katakan tadi walaupun taraf kita telah berubah tetapi nilai-nilai hidup yang dihayati di zaman sebelum merdeka masih tetap tidak usang hingga ini iaitu nilai hidup yang dianjurkan kita supaya jujur, rajin bekerja, amanah dalam tiap pekerjaan yang kita lakukan, bermuafakat sesama sendiri dan bergotong royong ma-

nakala memikul kerja yang berat memulatkan tekad dan komitmen kepada sesuatu yang menjadi bidang kerjaya kita...


Generasi muda di zaman sebelum merdeka tidak merasakan banyak nikmat yang dkecap oleh generasi muda sekarang. Mereka tidak berkesempatan menuntut di Universiti. Rata-rata wargawan di zaman sebelum merdeka berkeputusan sekolah menengah atau setengahnya langsung tidak bersekolah melainkan belajar melalui pengalaman dari pengatur huruf sehingga dapat menguasai ilmu mereka.

Tetapi kini hampir seluruh wargawan kita berpendidikan dipusatkan di pusat-pusat pengajian tinggi sekarang agar menerima gaji rendah. Tidak sahaja mendapatkan gaji yang se-

## MUKADIMAH

**BALAH siri yang lalu, Pak Samudra** membicarakan perjuangan wargawan pada zaman fempau bakanah ket. sira wahig tetapi zamannya yang menuntut kemerdekaan, wargawan dan politik ketika itu adalah samsi. siri dan tidak dapat dipisah-pisahkan. Dan di zaman gencasi baru ini, perjuangan mereka mengikut zamannya sekarang. Salingan dan panceroba semakin bertambah. Ikutlah siri akhir ini.

**Pengantarang.**



sual dengan kelulusan menjadi haknya tetapi masyarakat sendiri tidak akan mengizinkan kita memberikan gaji rendah kepada mereka.

Seperti yang saya tegaskan sebentar tadi, kita boleh meminta calon wargawan itu menghayati disiplin dan etika kerja yang dituntut oleh profesionannya agar dia menjadi wargawan yang cekap, amanah dan komited.

Tuntutan ini sesuai dengan kehendak masyarakat dan keperluan negara sebab wargawan memainkan peranan penting dalam pembangunan kita sebagai suatu bangsa yang merdeka dan berdaulat sebagai sebuah negara yang sedang melalui perubahan-perubahan politik ekonomi dan sosial yang

penting kepada masa depan kita. Kalau dahulu perjuangan kemerdekaan menuntut kaum penulis agak mempunyai disiplin kerja yang kuat, komitmen yang besar kepada bidang penulisan dan pengorbanan tenaga dan pemikiran untuk melayakkan mereka menjadi jurubicara bangsa, maka pembangunan negara dan kini menuntut kaum penulis terutama generasi muda agar mempunyai komitmen yang kuat kepada cita-cita mendidik dan membentuk sikap serta pemikiran rakyat agar berjauhan mengubah nasib mereka untuk bersama-sama membangun sebuah negara yang maju dan besar, suatu bangsa yang berpadu demi menjamin masa depan kita yang gemilang.

## SIAPA MENGUGUT SIAPA?

*PAJAR ditubuhkan khususnya untuk menjaga kebajikan anak-anak Jawa Johor. Adalah tidak praktikal mengatakan PAJAR merosakkan perpaduan sedangkan keturunan Jawa meliputi 80 peratus keturunan Melayu Johor,*

OSMAN SUFIAN

**KUALA LUMPUR:** Setiausaha Agung Persatuan Anak-Anak Jawa Johor (PAJAR), Encik Osman Sufian kesal persatuan tersebut dijadikan bahan kritikan oleh segelintir pihak bertujuan untuk memecah-belahkan kekuatan serta perpaduan orang Melayu Johor.

Mereka menggunakan sentimen keturunan untuk memburuk-burukkan matlamat PAJAR mengimbangi majoriti 80 peratus jumlah kedudukan Melayu Jawa Johor sebagai keturunan terbesar negeri berkenaan.

*“Pajar adalah sebuah persatuan kebajikan dan bukan parti dalam UMNO Johor seperti yang didakwa,”* katanya ketika mengunjungi pejabat Watan di sini baru-baru ini.

Menurut Encik Osman, soal kehadiran serta penglibatan aktif sebilangan pemimpin UMNO Johor dalam PAJAR adalah hak individu selagi berketurunan Jawa.

Dalam perlembagaan PAJAR, FASAL 5, jelas membuka keahlian kepada mana-mana individu daripada warganegara Malaysia yang berketurunan Jawa serta boleh bertutur dalam bahasa Jawa dan berumur 18 tahun ke atas dan tinggal di Johor Darul Takzim.

*"PAJAR tidak menyekat hanya kepada individu yang menganggotai UMNO, malah individu yang menyokong Semangat 46 ataupun Pas layak menjadi anggota selagi berketurunan Jawa," jelasnya.*

Encik Osman juga kecewa dengan tindakan kumpulan yang didakwa oleh beliau sebagai kumpulan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam menuduh Setiausaha Agung UMNO, Datuk Mohamed Rahmat menggunakan PAJAR sebagai platform mengukuhkan kedudukan politik beliau dan kumpulan beliau di Johor, khususnya penampilan calon-calon UMNO Johor dalam pilihanraya umum akan datang.

*"Mereka sebenarnya tidak layak bercakap mengenai PAJAR kerana kedua-duanya bukan keturunan Jawa," katanya.*

Menurut beliau, PAJAR difitnah sebagai sebuah parti dalaman UMNO, khususnya UMNO Johor yang kononnya bergerak untuk kepentingan kumpulan Datuk Mohamed baik di peringkat cawangan dan bahagian sehinggalah ke perhubungan negeri.

Encik Osman mengakui majoriti anggota PAJAR adalah mereka yang menyokong UMNO dan persatuan tidak berhak menghalang mana-mana individu yang cuba melobi salah seorang daripada anggota PAJAR untuk memimpin UMNO.

*"Mereka yang berketurunan Jawa sudah tentu mahukan pemimpin daripada keturunan Jawa sendiri sebagai hak mengekalkan kekuasaan suara Jawa yang saya kira sudah menjadi lumrah di mana-mana pertubuhan politik," tambahnya.*

Menurut Encik Osman lagi, apakah dengan tindakan tersebut dianggap sebagai satu usaha mewujudkan satu *force* di dalam UMNO untuk menggugat kedudukan seorang pemimpin yang secara kebetulan bukan keturunan Jawa, soalnya.

Beliau menafikan dakwaan penubuhan PAJAR ada kena mengena dengan pertentangan antara kumpulan Datuk Musa dan Datuk Mohamed, walaupun PAJAR seringkali dituduh demikian.

*"Kehadiran Tok Mat selaku penaung dan keengganan kumpulan Datuk Musa menyertai PAJAR adalah secara*

*kebetulan. Ini adalah sebahagian daripada senerio politik UMNO Johor,"* katanya.

Menjawab pertanyaan lanjut, Encik Osman mencabar mana-mana tokoh di dalam kumpulan Datuk Musa membuktikan Menteri Penerangan itu menguasai perjalanan serta pengurusan **PAJAR** sejak diluluskan pendaftarannya pada 27 November 1989.

*"Tok Mat sebenarnya tidak memegang kuasa veto, tidak memegang sebarang jawatan malah bukan anggota PAJAR,"* katanya.

Beliau juga tidak berhak bersuara, mengundi, memilih ataupun dipilih tetapi cuma selaku penaung **PAJAR** sahaja, tambah Encik Osman.

Oleh itu, beliau menafikan dakwaan sebelum ini yang semuanya hanya menabur fitnah terhadap Datuk Mohamed.

Sehubungan itu, beliau menafikan dakwaan mengatakan **PAJAR** adalah pemecah-belah perpaduan Melayu Johor dengan menampilkan perjuangan keturunan Jawa sehingga membelakangkan kepentingan keturunan lain.

*"PAJAR ditubuhkan khususnya untuk menjaga kebajikan anak-anak Jawa Johor. Adalah tidak praktikal mengatakan PAJAR merosakkan perpaduan sedangkan keturunan Jawa meliputi 80 peratus keturunan Melayu Johor,"* jelasnya.

Perdana Menteri yang juga selaku Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed pernah mengatakan kumpulan minoriti perlu akur kepada suara serta tindakan kumpulan majoriti.

*"Oleh itu, keturunan lain perlulah menghormati suara majoriti yang cuba diperjuangkan oleh PAJAR,"* tambahnya.

Oleh AZAHAR HAJI MOHD TAIB  
WATAN

6hb. September 1990



# Sindrom baru hinggap Melayu

Berita Minggu  
2-12-90

**KUALA LUMPUR:** Umat Melayu pada masa kini menghidap 'Sindrom Melupakan Sejarah' sehingga sanggup meniadakan perjuangan Umno yang berkorban membela dan meningkatkan nasib mereka sejak sebelum merdeka, kata wakil Johor, Encik Ruhanie Haji Ahmad.

Jangkitan sindrom itu, katanya, menyebabkan sesetengah golongan intelek lupa bahawa mereka berpeluang mengumpul pengetahuan hasil pembelesaian Umno di bidang pendidikan.

"Sindrom ini juga menyebabkan golongan korporat lupa sumber kekayaan mereka adalah hasil sejarah, maruah dan kemampuan Umno yang menjadi teras kerajaan serta ketuanan Melayu di negara ini.

"Malahan Sindrom Melupakan Sejarah menular ke institusi pengajian tinggi sehingga menyebabkan mahasiswa berani bangun mendakwa dirinya menentang kerajaan yang sedang membela mereka," katanya ketika membahaskan usul terima kasih atas ucapan dasar Presiden Umno semalam.

Encik Ruhanie berkata, mereka yang diserang sindrom itu harus digerak, dikejutkan dan dipujuk supaya tidak terus terlupa sehingga boleh dijadikan alat oleh golongan yang mahu menenggelamkan hakikat ketuanan Melayu di negara ini.

"Islam hanya satu dan Melayu hanya satu. Mengapakah kita mahu melukai antara satu sama lain. Mengapakah Melayu mahu menentang Melayu?"

Menurutnya, penentangan terhadap keindukan Melayu bukan saja tercetus daripada kalangan pembangkang, tetapi pada pilihanraya yang lalu ternyata dicituskan oleh beberapa parti komponen Barisan Nasional (BN).

Ini, katanya, terbukti apabila golongan bukan Melayu di sesetengah kawasan tidak mahu menyokong calon Umno dan memilih calon pembangkang.

"Di kawasan saya sendiri di Parit Sulong kenyataan ini jelas, walaupun ada 6,000 pengundi Cina di sana, apabila dibuat pengiraan hanya 300 saja undi bukan Melayu yang saya terima," katanya.

Menurutnya, golongan itu berjaya mempengaruhi masyarakat belia dengan ideologi *anti-establishment* yang mendorong mereka lupa terhadap perjuangan bangsa Melayu dalam Umno.

Golongan belia Melayu itu, katanya, sanggup menggadaikan maruah Melayu dan menjadi penampal poster untuk parti 'roket' dan menikam Umno dari belakang.

Oleh itu, Encik Ruhanie berkata, kemenangan BN dalam pilihanraya yang lalu adalah kemenangan hakiki.

## PINTU UMNO TERBUKA SATU SANDIWARA?

*Jika Tengku Razaleigh tidak menyertai UMNO sejumlah pengikutnya juga tidak akan menyertai UMNO. Soalnya, berapakah jumlah pengikutnya? Jumlah pengikut sebenarnya tidak kekal. Buat sementara waktu Ibrahim Ali besar kemungkinan akan setia dengan Tengku Razaleigh. Besarkah jumlah pengikut yang setia seperti itu? Itupun sementara sahaja, kerana Ibrahim Ali juga seorang yang mobile. Dia telah mengubah haluan dari Berjasa ke UMNO.*

Rahman Shaari

**PADA 15 OKTOBER 1988**, muncul satu lagi berita yang mengejutkan. Berita ini bertentangan dengan berita-berita lain sebelumnya. Jika berbulan-bulan sebelumtarikh ini orang Melayu gelisah kerana wujudnya dua UMNO, sekarang Dr. Mahathir membuka pintu kepada siapa-siapa sahaja orang Melayu yang ingin memasuki UMNO. Jika ini disambut oleh semua orang Melayu yang menyukai UMNO, maka tiadalah lagi masalah dua UMNO.

Pengumuman ini tiba ke pengetahuan rakyat 5 hari sebelum pengundian di Parit Raja, Johor. Datuk Musa Hitam mengesyaki bahawa ini adalah sandiwara untuk memastikan kemenangan Barisan Nasional di Parit Raja. Rasa syak ini adalah wajar kerana seperti yang saya sebutkan dalam tulisan WATAN, 13 Oktober 1988, pertandingan di Parit Raja adalah manifestasi pertentangan yang lebih besar.

Dengan itu, ada kemungkinan Majlis Tertinggi UMNO menganggap pertentangan tersebut bukannya bertentangan yang bersifat lokal, tetapi bersifat nasional. Pucuk pimpinan berfikir bahawa pengumuman penerimaan kesemua orang Melayu

memasuki UMNO hendaklah disampaikan secara besar-besaran dan menyeluruh.

Perkembangan ini baik dan berfaedah bagi orang-orang Melayu, dan bekas-bekas ahli UMNO khususnya. Bekas-bekas ahli majlis tertinggi yang dipilih dalam tahun 1987 diterima masuk ke majlis Tertinggi UMNO. Mereka ialah A. Rahim Bakar, Datuk Kadir Sheikh Fadzir dan Datuk Ajib Ahmad. Jika Datuk Radzi Sheikh Ahmad dan beberapa orang bekas ahli Majlis Tertinggi yang lain memasuki UMNO besar kemungkinan mereka juga akan ditempatkan dalam Majlis Tertinggi.

*Soalnya, adakah Datuk Radzi Sheikh Ahmad dan beberapa orang tokoh lain itu akan memasuki UMNO, setelah mengambil masa yang agak panjang memerah fikiran mengkritik Dr. Mahathir? Datuk Radzi telah dikenali sebagai pengkritik Dr. Mahathir yang hampir samalantang dengan Datuk Rais Yatim dan Tengku Razaleigh.*

Dengan itu, apabila Tengku Razaleigh mengatakan "*Mati hidup balik pun saya tidak akan masuk UMNO*", adakah Datuk Radzi dan tokoh-tokoh lain itu tersaran?

Soal keengganan Tengku Razaleigh memasuki UMNO adalah hak mutlaknyanya. Ada juga kemungkinan dia akan berubah, kerana pada tahun 1981 dia mengatakan bahawa dia tidak akan meletakkan jawatan tetapi tidak dilakukannya sehingga tahun 1987. Maksud di sini, kata-kata yang diucapkan di dalam situasi tertentu tidak semestinya ditunaikan apabila situasi berubah. Datuk Musa juga baru-baru ini mengatakan bahawa 'dia tidak akan menyebelahi mana-mana pihak tetapi berubah menjelang pilihanraya kecil Johor Bahru.

Sejauh ini, kita belum mendengar berita perubahan sikap Datuk Rais Yatim dia mengisytiharkan pembakaran jambatan. Sekarang jambatan baru telah dibina, adakah dia sanggup atau sudi lalu di atas jambatan itu? Jika dia menerima UMNO pasti dia akan diterima baik oleh teman-temannya yang telah sedia berada di dalam Majlis Tertinggi, walaupun dia mungkin tidak akan diterima ke barisan majlis itu dalam masa yang singkat ini.

Penerimaan seseorang tokoh UMNO untuk menduduki Majlis Tertinggi memanglah wajar disandarkan pada pemilihan dalam tahun 1987 itu. Jika ini tidak dilakukan, maka tiadalah kesinambungan UMNO. Apabila ahli-ahli Majlis Tertinggi yang dipilih dalam tahun 1987 kekal dalam majlis Tertinggi UMNO, maka kehendak ahli-ahli UMNO seluruhnya tertunai. Yang tinggal hanyalah masalah perlembagaan. Masalah ini tidak benar, kerana ahli-ahli yang besar jumlahnya akan dapat mengubah perlembagaan yang disediakan oleh perancang perlembagaan UMNO.

Seterusnya, jika bekas-bekas ahli UMNO berduyun-duyun memasuki UMNO maka keengganan Tengku Razaleigh sendiri akan menepati kehendak Dr. Mahathir sebelum ini.

*Dengan kata lain, terbukanya pintu UMNO untuk Tengku Razaleigh tidak dapat dianggap sebagai jemputan khas untuk dia memasuki UMNO. Dia dan Datuk Musa hanya dijemput membincangkan masalah orang Melayu dan UMNO. Pintu UMNO kini terbuka untuk orang Melayu. Tidak timbul masalah kemasukan Tengku Razaleigh. Dalam keadaan biasa (tanpa dipengaruhi perasaan) Tengku Razaleigh tidak perlu menyatakan pendiriannya secara sinis.*

Adakah perjuangan menghidupkan UMNO 46 akan diteruskan selepas ini? Rasa-rasanya ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO dapat menyakinkan bekas-bekas ahli UMNO bahawa perjuangan itu tidak perlu diteruskan. Ruhanie Ahmad, bekas setiausaha politik Datuk Musa Hitam, dan juga penulis buku *Tenang Dalam Gelora*, tentu mempunyai modal yang banyak untuk menyakinkan bekas-bekas ahli UMNO Johor bahawa UMNO akan melanjutkan perjuangan UMNO yang diharamkan itu.

Perkembangan seterusnya akan diperhatikan oleh pembicara-pembicara politik, ahli-ahli politik dan rakyat umumnya. Walau bagaimanapun, setakat ini kita melihat suatu perkembangan yang dapat dikatakan positif. Memang timbul anggapan bahawa Dr. Mahathir telah menerima pandangan-pandangan daripada pihak yang mengkritiknya, tetapi itu tidak penting. Yang penting ialah perubahan itu sendiri.

Perkembangan yang terbaru ini akan menyebabkan timbulnya keadaan seperti yang saya sebutkan di atas. Tengku Razaleigh tidak mempunyai alasan yang kuat untuk menghidupkan UMNO jika Ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO merupakan orang yang sama dengan ahli-ahli yang terpilih dalam persidangan agung 1987. Seperti yang telah disebut soal perlembagaan boleh di bincangkan dan boleh di ubah.

*Jika Tengku Razaleigh tidak menyertai UMNO sejumlah pengikutnya juga tidak akan menyertai UMNO. Soalnya, berapakah jumlah pengikutnya? Jumlah pengikut sebenarnya tidak kekal. Buat sementara waktu Ibrahim Ali besar kemungkinan akan setia dengan Tengku Razaleigh. Besarkah jumlah pengikut yang setia seperti itu? Itupun sementara sahaja, kerana Ibrahim Ali juga seorang yang mobile. Dia telah mengubah haluan dari Berjasa ke UMNO.*

Datuk Musa Hitam akan terus dengan perkiraannya yang tersendiri. Dia mengukur dan menilai kejujuran Dr. Mahathir ketika mengumumkan penerimaan kesemua orang Melayu menyertai UMNO. Dia telah mengatakan bahawa dia pernah berusaha memujuk Dr. Mahathir menerima kesemua bekas ahli UMNO. Kini apabila Dr. Mahathir telah mengumumkan penerima, apakah alasan Datuk Musa hendak memusuhi Dr. Mahathir?

*Masalah Datuk Musa kini ialah timbulnya kecaman-kecaman kerana dia berucap di Hong Kong memburuk-burukan keadaan politik di Malaysia. Dia dikatakan telah melakukan sesuatu yang bertentangan dengan kepentingan negara dan rakyat Malaysia. Sebagai seorang bekas Timbalan Perdana Menteri, adalah dikesalkan apabila dia sanggup berbuat demikian.*

Oleh: Rahman Shaari  
WATAN  
Sabtu 29hb. Oktober 1988.

# HUSSEIN

15  
1985

6 Tindakan itu jelas membuktikan dia bukanlah pejuang Melayu

PARIT RAJA: Ketua Penerangan UMNO (baru) Senator Datuk Hussein Ahmad menyifatkan tindakan Ahli Parlimen Johor Bahru, Datuk Shahrir Abdul Samad yang tidak mahu mengangkat sumpah di Dewan Rakyat sebagai tidak menghormati Raja-Raja Melayu dan menodal maruah bangsa Melayu.

Katanya, tindakan itu jelas membuktikan dia bukanlah pejuang Melayu seperti mana yang dikatakannya dalam kempen pilihanraya Johor Bahru yang lalu.

"Ini telah terbukti bahawa apa yang dikatakan dalam kempen pilihanraya kecil Johor Bahru lalu adalah bohong belaka," kata beliau.

Datuk Shahrir dalam sidang Dewan Rak-

Oleh: SHAHBUDIN HAJI HUSIN

yat lalu telah enggan mengangkat sumpah di hadapan Speaker Tan Sri Mohd Zahir Ismail dengan alasan beliau menjadi anggota ahli tribunal yang mengesyorkan pemecatan bekas Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas, Datuk Hussein dan juga Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan seterusnya berkata, tindakan itu bukan sahaja menggambar satu perbuatan yang tidak menghormati dewan yang mulia tetapi menyebabkan rakyat Johor Bahru tidak mempunyai wakil di Dewan Rakyat.

Apa yang menyedihkan kata beliau, ialah tindakan Datuk Shahrir itu mendapat tepukan gemuruh dari wakil-wakil DAP yang mereka

menganggap Datuk Shahrir 'hero' DAP.

Ini dengan jelas kemenangan Datuk Shahrir di Johor Bahru dulu adalah kemenangan DAP.

"Datuk Shahrir sendiri kemudian menafikan perkara ini," tegas Datuk Hussein.

Beliau juga mengingatkan orang Melayu bahawa musuh mereka yang sebenar ialah golongan yang menentang Islam.

"Dalam hal ini, DAP jelas menentang orang Melayu dan Islam, apakah mereka ini yang kita harapkan untuk memperjuangkan tuah celaka bangsa Melayu?" tegasnya.

Datuk Hussein berasa amat kesal dengan tindakan-tindakan Datuk Shahrir kerana dia seorang yang cerdik dan pernah menjadi Menteri.

## TRAGEDI KOMEDI, TRAGE KOMEDI

*Pengundi-pengundi di Parit Raja mula berfikir bahawa calon Bebas terlalu gemar berlucu untuk menggemakan publisiti. Kemenangan Datuk Shahrir di Johor Bahru, daripada suatu sudut adalah suatu tragedi bagi orang Melayu. Perlakuan Datuk Shahrir di Parlimen adalah suatu komedi (kelucuan). Dengan itu, menurut istilah drama, keseluruhan peristiwa itu adalah tragekomi. Parlimen dan Dewan Undangan Negeri adalah tempat-tempat yang tidak wajar dicalarkan dengan tragekomi seperti itu.*

Rahman Shaari

**KEMENANGAN BARISAN NASIONAL** dalam pilihanraya kecil di Parit raja 20.10.88 mempunyai makna yang besar bagi pihak kerajaan. Pada peringkat awal, iaitu pada penamaan calon 6.10.88, pihak Bebas kelihatan amat kuat. Pihak Bebas, khususnya yang menyokong Hamdan Yahya, dibantu oleh tokoh-tokoh anti UMNO Baru seperti Datuk Shahrir Abdul Samad, Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam. Ketiga-tiga mereka itu tampaknya mempunyai tempat di hati sejumlah rakyat Johor.

Kemenangan Barisan Nasional itu dikatakan mempunyai makna yang besar kerana kemenangan itu pasti dapat menguatkan semangat ahli-ahli UMNO (baru) yang sudah agak besar jumlahnya. Dalam keadaan sekarang, kekuatan UMNO (baru) adalah kekuatan kerajaan.

Apakah alasan yang menyebabkan kemenangan Barisan Nasional ini? Di bawah ini akan diturunkan beberapa faktor.

## **Kesatuan Bebas tidak jelas.**

Walaupun pihak Bebas berusaha membuktikan bahawa mereka mempunyai Tengku Razaleigh, Datuk Musa dan lain-lain, rakyat tidak percaya penuh bahawa mereka itu akan dapat bersatu hati terus menerus. Mereka sentiasa teringat bahawa Tengku Razaleigh pernah menentang Datuk Musa, oleh itu mereka selalu berfikir bahawa pententangan itu tidak akan rela duduk di bawah Datuk Musa kerana impiannya adalah tempat pertama. Tengku Razaleigh baru sahaja mencabar Dr. Mahathir untuk mendapatkan jawatan presiden. Manakala Datuk Musa pula mempunyai alasan lain untuk duduk di tempat tertinggi. Pertama, dia telah lama menjadi Timbalan Presiden. Alasan kedua, dia telah dua kali menang dalam pertandingan dengan Tengku Razaleigh.

*Oleh itu, Jika Bebas menang atas nama UMNO 46, krisis kepemimpinan untuk merebut kuasa akan berterusan, dan mungkin lebih berat lagi. Keadaan ini hanya menyenangkan peminat-peminat krisis tetapi dirasakan sebagai masalah besar oleh orang-orang yang menyukai kedamaian.*

## **Pelawaan Dr. Mahathir**

Beberapa hari sebelum pengundian Dr. Mahathir menjemput semua orang Melayu menyertai UMNO baru. Pelawaan itu menunjukkan tanda-tanda kecerahan masa depan UMNO baru. Sebelum ini penyokong-penyokong Tengku Razaleigh berasa kecewa kerana tokoh yang mereka minati tidak diterima masuk UMNO baru. Datuk Musa sendiri pernah menyuarakan keengganannya memasuki UMNO baru atas alasan sikap tidak terbuka pucuk pimpinan UMNO baru. Dengan pengumuman Dr. Mahathir itu, Tengku Razaleigh dan Datuk Musa tidak mempunyai alasan yang kuat untuk menolak UMNO baru. Alasan-alasan yang sedia ada sudah tidak kuat.

## **Peristiwa Shahrir di Parlimen**

Datuk Shahrir Samad yang menang di Johor Bahru tidak mahu mengangkat sumpah di Parlimen. Ini menyebabkan *pengundi-pengundi di Parit Raja mula berfikir bahawa calon Bebas terlalu gemar berlucu untuk menggemakan publisiti.*



*Kemenangan Datuk Shahrir di Johor Bahru, daripada suatu sudut adalah suatu tragedi bagi orang Melayu. Perlakuan Datuk Shahrir di Parlimen adalah suatu komedi (kelucuan). Dengan itu, menurut istilah drama, keseluruhan peristiwa itu adalah tragekomi. Parlimen dan Dewan Undangan Negeri adalah tempat-tempat yang tidak wajar dicalarkan dengan tragekomi seperti itu. Pengundi-pengundi di Parit raja memikirkan wakil rakyat yang dapat memberi sumbangan kepada mereka, bukan sekadar berkomi.*

### **Ketiadaan suara DAP di Parit raja**

Ini sebenarnya faktor yang agak kuat. DAP memang turut membantu Calon Bebas di Parit Raja, tetapi kesannya tidak ketara. Walaupun DAP bukan parti yang berkuasa di Johor Bahru, namun suaranya ada. Di Parit Raja, suara DAP dirasakan aneh oleh sejumlah besar rakyat. Oleh itu sokongan DAP terhadap calon Bebas sia-sia sahaja.

Demikian antara alasan-alasan kemenangan Barisan Nasional di Parit Raja. Pertentangan di situ bukanlah pertentangan antagonistik. Jika pertentangan itu bersifat antagonistik, maka sukarlah berlaku perubahan di hati pengundi.

*Pertandingan itu terlalu non-antagonistik. Rakyat dapat melihat bahawa punca perbalahan di antara dua pihak hanyalah satu: iaitu perebutan kuasa di peringkat atas. Jika perebutan kuasa tidak terjadi pada 1987, maka keseluruhan pertentangan ini tidak berlaku.*

Sama ada pihak Barisan Nasional, atau pihak Bebas menang di Parit Raja, pilihan mereka yang sebenar ialah UMNO. Keterbukaan pucuk pimpinan UMNO (baru) menyebabkan sejumlah ahli UMNO lama menerima kesinambungan UMNO dalam UMNO (baru). Jumlah yang menganggap perlunya menghidupkan semula UMNO 46 juga mengecil.

Dalam tulisan yang lalu, saya menyebutkan bahawa pertandingan di Parit Raja adalah manifestasi pertandingan yang lebih besar. Di sini, saya ingin menyatakan bahawa kemenangan Barisan Nasional di Parit raja juga memaparkan manifestasi kemenangan yang lebih besar.

Cuma, soalnya sejauh manakah keadaan ini dapat dikekalkan? Pengekalan keadaan ini hanya akan berlangsung jika pucuk pimpinan UMNO (baru) terus menjaga hati seluruh orang Melayu. Kenyataan-kenyataan yang menimbulkan kemarahan pihak yang mempunyai fikiran yang berbeza hendaklah dihentikan.

Pemimpin-pemimpin UMNO (baru) hendaklah melihat perkara-perkara yang positif untuk dibuat kenyataan. Pemilihan perkara untuk diucapkan adalah penting demi perpaduan Melayu, kerana seriang benar terjadi "*sebab pulut santan binasa*". Kemenangan Barisan Nasional di Parit Raja hendaklah diterima secara sederhana sahaja, tidak usah dilebih-lebihkan.

Oleh: Rahman Shaari

WATAN

Khamis 27hb. Oktober 1988.



"Bila Perdana Menteri gembira, kita turut bergembira sama. Masa Perdana Menteri susah, kita bersusah sama. Dua Mat, satu dari Johor satu dari Selangor membuatkan Perdana Menteri begitu konfiden. Jangan di depan angkat di belakang hempas. Itu kerja manusia pengampu yang tak jujur."

## PENGLIPUR LARA PERPADUAN MELAYU

*Wow! Ini macam cerita penglipurlara politik zaman baharu stailnya. Cerita masuk dulu lepas itu pinda dan berjuang dari dalam parti bukan cerita baru. Ini cerita basi dan di bawah pimpinan Presiden dan Timbalan Presiden yang bersubsidi dan berbonus-bonusan.*

**DR. MAHATHIR DALAM** kenyataan akhbarinya dua hari yang lalu berkata beliau sanggup menemui Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa untuk membincangkan 'perpaduan' Melayu bila-bila masa saja. Dan dalam nafas yang sama juga beliau berkata UMNO baru akan menerima semua orang Melayu yang ingin menyertainya sekiranya mereka sanggup menerima segala dasar parti baru tersebut.

Ada beberapa hal yang perlu direnungi oleh semua orang Melayu termasuk para pemimpin juga. Sungguhpun hasrat untuk mencari 'perpaduan' Melayu itu baik dan patut disokong namun masih terasa ada semacam dinding yang memisahkan antara cita-cita 'perpaduan' Mahathir dengan hasrat perpaduan Tengku Razaleigh dan lain-lain pejuang Semangat UMNO 46. Mahathir mahu berbincang tentang 'perpaduan' Melayu secara tertutup antara dia, Ghafar Baba, Tengku Razaleigh dan Datuk Musa. Tetapi dengan satu syarat yang tersirat. Tengku Razaleigh dan Datuk Musa mesti memohon menjadi ahli UMNO baru sebelum segala perbincangan tentang perpaduan Melayu boleh dilaksanakan.

Soalnya, apakah Tengku Razaleigh yang menjadi tokoh gerakan Semangat UMNO 46 dan ratusan ribu para pejuang yang lain sanggup memberi subsidi kepada Presiden dan Timbalan Presiden itu? Tentu tidak. Dengan tegas, Tengku Razaleigh

dalam ucapannya di Bakri, Muar baru-baru ini, berkata bahawa "dia dan kumpulannya tidak berhasrat untuk menjadi ahli UMNO baru". Kalau itu yang dirindui Mahathir ternyata Tengku Razaleigh dan kumpulannya sudahpun menolak siang-siang lagi.

*Cakap-cakap tentang perpaduan Melayu tidak akan berhasil kalau Dr. Mahathir masih bertegas dengan pendiriannya untuk memaksa para pejuang Semangat UMNO 46 menjadi ahli-ahli UMNO baru ciptaanya. Mereka berpendapat sekiranya Dr. Mahathir super jujur, super bersih dan super amanah dalam politik maka beliau mesti memulihkan semula UMNO 46 dan kembali kepada semangat dinamis perjuangan Melayu yang tulen itu.*

Ada satu lagi tanda tanya kepada orang ramai. Cerita tentang perpaduan Melayu ini dicetuskan oleh Tan Sri Muhyiddin, Menteri Besar Johor dan disambut pula oleh Menteri Besar Selangor. Kononnya MB Johor akan membawa soal perpaduan Melayu ini ke dalam perhimpunan UMNO baru pada akhir Oktober ini di Kuala Lumpur kelak. Tidak sampai dua hari selepas pengumuman Muhyiddin Majlis Tertinggi UMNO baru yang semua ahlinya dilantik oleh Dr. Mahathir membuat kenyataan bahawa MKT UMNO baru juga bersetuju dengan cadangan MB Johor itu.

Banyak orang berpendapat ini hanya satu lakonan saja. Untuk memukau para pengundi di Parit Raja supaya berpihak kepada calon UMNO baru, Yasin Kamari. Saya baru saja balik dari Parit Raja dan menjelajah serta interbiu banyak orang dan melihat sendiri sambutan yang ditunjukkan oleh penduduk-penduduk di kawasan itu. Nampaknya sekali lagi calon UMNO baru akan tewas dengan teruknya di Parit Raja.

Tetapi inilah yang membimbangkan UMNO baru. Sambutan terhadap ceramah tokoh-tokohnya boleh melumpuhkan semangat tukang ceramah. Bakar Dewa yang pernah membuat ceramah berdekatan dengan tempat ceramah Tengku Razaleigh tidak mendapat sambutan yang menggirangkan langsung. Ruhani Ahmad, bekas setiausaha politik Datuk Musa yang melompat kepada UMNO baru, juga gagal untuk memikat para penduduk untuk bersama-sama dengannya menyokong kepimpinan Mahathir.

Dr. Mahathir sedar bahawa tindakan-tindakan politiknya sekarang lebih banyak menimbulkan kebencian rakyat terhadap kepimpinannya dan UMNO baru. Juga dia sedar bahawa barangkali ada wakil-wakil UMNO baru dari lain-lain bahagian akan mendesaknya supaya menerima semula bekas-bekas ahli UMNO 46 dan menyatukan orang-orang Melayu yang berpecah-belah akibat tindakan Mahathir sendiri yang tidak mahu memulihkan semula UMNO 46.

Tapi ada tapinya, Tengku Razaleigh, Datuk Musa dan lain-lain pejuang UMNO 46 mesti menjadi ahli-ahli UMNO baru untuk membuktikan bahawa mereka jujur dan benar-benar inginkan perpaduan Melayu! Inilah yang aneh bin ajaib. Tidak pernah Tengku Razaleigh bercakap mahu menjadi ahli UMNO baru. Tidak juga beliau berkata beliau kecewa kerana tidak diberi layanan istimewa sebagai bakal ahli UMNO baru.

Maka katalah Ghafar Bin Baba dengan penuh bijaksana bahawa kalau ingin perpaduan dan mahu meminda perlembagaan UMNO baru silalah jadi ahli dulu dan pindalah apa yang hendak dipinda.

*Wow! Ini macam cerita penglipurlara politik zaman baharu stailnya. Cerita masuk dulu lepas itu pinda dan berjung dari dalam parti bukan cerita baru. Ini cerita basi dan di bawah pimpinan Presiden dan Timbalan Presiden yang bersubsidi dan berbonus-bonusan.*

Janganlah mimpi bahawa pindaan yang radikal boleh dibuat sekiranya pindaan-pindaan itu menggunakan kedudukan kedua tokoh yang maha penting dalam UMNO baru sekarang. Tapi kalau ingin menjadi 'yes man', menyanyi 'Setia' dan menjadi Mat-mat Pacak bolehlah masuk UMNO baru.

Para pejuang UMNO 46 tahu perangkap samar yang menunggu mereka sekiranya mereka dikhayalkan oleh cakap-cakap perpaduan Melayu oleh Dr. Mahathir dan Mohamed Rahmat itu. Kita ingin mengemukakan beberapa pertanyaan untuk Dr. Mahathir menjawabnya supaya rakyat tidak dikelirukan dengan sikap perbawara UMNO baru itu.

a) Kalau benar-benar mencari perpaduan Melayu mengapa Dr. Mahathir tidak mahu memulihkan UMNO 46 walhal dia ada

kuasa sebagai Menteri Dalam Negeri? Bukankah pejuang-pejuang UMNO 46 dan Orang sebelas sendiri merayu dan memohon UMNO 46 demi perpaduan Melayu?

b) Mengapakah Dr. Mahathir mencantas semua Menteri Kabinet, Timbalan Menteri dan lain-lain pejuang UMNO 46 selepas Perhimpunan UMNO 1987 di mana beliau hanya mendapat 43 undi lebih? Di manakah letaknya nawaitu perpaduan dalam tindakan yang kejam tersebut?

c) Apakah kekurangan dan kelemahan perlembagaan UMNO 46 yang mana beliau dan kuncu-kuncunya sendiri mendapat rahmat dari dulu hingga sekarang hingga beliau tergamak menghancurkan parti Melayu yang tertua itu?

d) Mengapakah perlembagaan UMNO 46 yang memberi subsidi 10 undi kepada Presiden dan Timbalan Presiden dianggap lebih demokratik dan lebih sesuai dari Perlembagaan UMNO 46 yang memberi hak yang sama kepada semua ahli-ahlinya? Setiap orang yang arif tentang ilmu politik sedar dan tahu bahawa tidak ada perlembagaan mana-mana parti politik dan badan-badan amal pun yang mengamalkan demokrasi memberi subsidi 10 undi kepada Presiden dan Timbalan Presidennya kecuali UMNO baru.

e) Mengapakah Dr. Mahathir bimbang untuk menghidupkan UMNO 46? Siapakah yang beliau takut menghadapinya untuk menentukan sejarah politik negara ini?

f) Mengapa pula saranan perpaduan Melayu itu diluahkan semasa pilihanraya kecil Parit Raja? Apakah kerana Dr. Mahathir bimbang rakyat Melayu Parit Raja akan menolak calon UMNO baru?

Oleh: Haji Yahya Ismail.  
MINGGUAN KOTA  
23 Oktober 1988



Tiga orang wartawan Watan, Shahbudin Haji Husin, Daud Haji Ibrahim dan Noraini Nordin, (pemenang Anugerah Kajai 1989/1990). Ketika mengadakan wawancara dengan Menteri Besar, Tan Sri Muhammad Haji Mohd Taib.





Wakil khas negara ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Dato' Musa Hitam (kanan sekali), turut mengunjungi rumah terbuka sempena Hari Raya Aidilfitri Menteri Luar, Dato' Abdullah Ahmad Badawi (kiri sekali) di Kuala Lumpur semalam. "Datuk! Kes Memali Datuk masih ingat lagi ke? Itu bunuh orang punya hal saya tak campur Datuk." Begitulah kata Abdullah Badawi pada Musa Hitam. Bila orang Pas timbulkan pembunuhan di Memali supaya dibicarakan.



Siapakah yang bertanggungjawab meragut nyawa Korban **Memali** dengan ganasnya? Dr. Mahathir tak terlibat. Para pemimpin UMNO tak tahu menahu hal ini. Anggota polis cuma menerima arahan Datuk Musa Hitam ketika itu Menteri Dalam Negeri. Siapakah yang telah mengarahkan polis-polis supaya menembak mereka? Datuk Musa Hitam tidak berunding dengan Biro Politik UMNO untuk mengambil tindakan yang zalim dan kejam ini. Apakah pembunuh mereka yang mati syahid ini dapat hidup didalam tenteram? Mari kita semua bacakan Al-Fatihah untuk roh-roh mereka yang menjadi korban pemimpin yang zalim dan tidak mempunyai daya pertimbangan.

## Oleh MAHFAR ALI

ALOR STAR, Sabtu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyangkal dakwaan kononnya beliau memaksa polis membuat serangan ke atas Ibrahim Libya dan pengikut-pengikutnya di Kampung Memali setahun lalu, hingga menyebabkan 18 nyawa terkorban, termasuk empat anggota polis.

Perdana Menteri berkata: "Ini adalah urusan polis. Dan urusan polis terletak di bawah Menteri Dalam Negeri."

"Malangnya kejadian itu menyebabkan kematian. Tindakan itu diambil sehari sebelum saya berlepas ke Negeri China. Esok saya nak pergi, hari ini buat kerja itu, susahlah saya."

Menteri Dalam Negeri ketika itu ialah Datuk Musa Hitam. Kejadian itu berlaku pada 19 November 1985 dan Perdana Menteri berlepas ke China pada 20 November 1985.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, tindakan itu diambil seolah-olah ada orang mahu menghalangnya ke luar negeri dengan menimbulkan pelbagai angkara dalam negeri.

"Sepatutnya bila saya ke luar negeri, bukan saja jangan buat angkara dalam negeri, sebaliknya kita mesti tolong menolong supaya Umno lebih kuat dan tenang," kata Perdana Menteri yang juga Presiden Umno ketika merasmikan konvensyen Umno Kedah di sini.

### Pertumpahan darah

Sebelum ini, ada pemimpin Umno menduduh kononnya Perdana Menteri memberi arahan supaya polis menyerang Kampung Memali hingga menyebabkan beriakunya pertumpahan darah.

Dalam ucapan hampir sejam itu, Presiden Umno turut menyangkal pelbagai tuduhan dan fitnah sesetengah pemimpin Umno menjelang pemilihan agung parti 24 April ini.

"Saya terpaksa jelaskan perkara ini kerana jika saya diam, orang kata betul," katanya disambut dengan tepukan dan sorak lebih 1,000 ahli dan pemimpin Umno yang hadir di Dewan Perundangan Bangunan Tunku di sini.

Berita  
Minggu  
12 April  
1987

"Ini adalah urusan polis. Dan urusan polis terletak di bawah Menteri Dalam Negeri. Menteri Dalam Negeri ketika itu ialah Datuk Musa Hitam. Malangnya kejadian itu menyebabkan kematian. Tindakan itu diambil sehari sebelum saya berlepas ke negeri China. Esok saya nak pergi, hari ini buat kerja itu, susahlah saya."

Datuk Seri Dr. Mahathir  
12-4-1987.

## SHAHRIR OH SHAHRIR

*Kembalinya Datuk Shahrir ke pangkuan UMNO bukannya kerana Tun Salleh Abbas telah dikembalikan jawatannya, bukan kerana kebebasan kehakiman kembali terjamin, bukan kerana projek mewah akan dihentikan, bukan kerana rasuah dan penyelewengan akan dihapuskan, bukan kerana OSA dan ISA dimansuhkan, tetapi hanyalah 'Resolusi Melayu Johor' yang kononnya akan mengembalikan semua jawatan dan kedudukan mereka yang tersingkir dahulu.*

Apabila Datuk Shahrir Abdul Samad menjadikan kemenangan pilihanraya kecilnya di Johor Bahru sebagai hadiah harijadi Tun Saleh Abbas, ramai yang menyanjungnya sebagai seorang 'wira' yang akan menyelamatkan negara dari akibat penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.

*Sebab itulah pilihanraya kecil JB telah dianggap sebagai pilihanraya nasional, kerana isu-isu nasional menjadi isu penting dalam kempen-kempennya, bukan lagi isu jamban, longkang dan jalanraya sebagaimana kebiasaan bagi pilihanraya yang lain.*

Tidak hairanlah yang menyokong Shahrir bukanlah segelintir pendokong Semangat 46 sahaja malah ia melibatkan parti-parti pembangkang lain seperti DAP, beberapa orang seperti PAS, dan ALIRAN turut turun menyebarkan risalah-risalahnya menyokong Datuk Shahrir dalam pilihanraya itu.

Kesemua mereka bukan sekadar menyokong Datuk Shahrir, mereka juga turut menentang Razak Ahmad, calon PSRM yang menurut mereka telah memberikan alasan yang tidak logik kerana menganggap **Datuk Shahrir hanya akan menjadikan kememangan di JB sebagai kuasa tawar menawarnya untuk kembali ke dalam UMNO.**

Namun begitu, akhirnya semua tahu bahawa perkiraan Encik Razak Ahmadlah yang paling tepat sekali, kerana **Datuk Shahrir kini sudah memohon untuk kembali ke pangkuan Dr. Mahathir.**

Malah perkembangan ini menjadikan Encik Razak lebih dihormati, kerana alasan kembalinya Datuk Shahrir ke pangkuan UMNO bukannya kerana **Tun Salleh Abbas** telah dikembalikan jawatannya, bukan kerana **kebebasan kehakiman kembali terjamin**, bukan kerana **projek mewah akan dihentikan**, bukan kerana **rasuah dan penyelewengan akan dihapuskan**, bukan kerana **OSA dan ISA dimansuhkan**, tetapi hanyalah **'Resolusi Melayu Johor'** yang kononnya akan mengembalikan semua jawatan dan kedudukan mereka yang tersingkir dahulu.

Oleh demikian, kemenangan besar Datuk Shahrir manipulasikan keadaan semasa dan sentimen orang ramai untuk dirinya. **Beliau telah berjaya memerangkap semua orang untuk menyokongnya.** Dengan mengumumkan perletakan jawatannya di rumah Tan Sri Othman Saat, beliau berjaya menarik sebilangan besar pengaruh golongan tua UMNO Johor menyokongnya. Dengan menggunakan isu Semangat 46 beliau telah menarik sokongan tenaga dan wang ringgit Tengku Razaleigh Hamzah.

Manakala isu kediktatoran Dr. Mahathir pula, beliau menarik sokongan DAP dan ALIRAN untuknya. Malah, *dengan momentum yang ada beliau telah berjaya mengaktifkan kembali Datuk Musa yang telah mengumumkan 'persaraannya' dalam politik* seterusnya merakamkan video untuk menyokong Datuk Shahrir. Kesemuanya digembeleng dan digunakan dengan berkesan yang berkesudahan dengan kemenangan besar buatnya.

Tidak dinafikan *dahulunya Datuk Shahrir bijak mengambil kesempatan dari suasana politik ketika itu. Namun kini, ramai yang menganggap beliau seperti tupai yang walau*

*bagaimana pandaipun melompat akhirnya jatuh ke tanah juga.* Kerana ternyata UMNO sentiasa memasang perangkap bagi pelanduk yang kadang kala terlupa bahawa jerat tidak pernah melupakannya.

Maka, *dalam konteks pertarungan dalam UMNO, jeratnya ialah berupa Resolusi Melayu Johor, yang telah berjaya menarik sebahagian dari penentang Mahathir dan meninggalkan sebahagian yang lain.*

Jerat ini telah berjaya mengasing dan memecah-mecahkan musuh UMNO. Ramai yang tertarik dengannya lantas menyertai kembali UMNO tetapi ramai juga yang menentang dan masih berada di luar UMNO. Pokoknya musuh Dr Mahathir menjadi semakin lemah dan hilang kekuatannya, sekurang-kurangnya buat masa sekarang.

Manakala yang paling teruk terkena jerat ialah Datuk Shahrir sendiri. Kerana sebahagian dalam bahagian JB yang nak disertainya telah menolak kemasukannya di bahagian tersebut. Majlis Tertinggi UMNO pula tidak berbuat apa-apa, sebaliknya sengaja melambat-lambatkan penyelesaian agar tarikh 31 Mac berlalu dan harapan Shahrir untuk menerajui kembali bahagian itu akan musnah.

Kesemua ini menjadikan Datuk Shahrir tersepit. Beliau hanya mampu melambai tangan kepada Datuk Musa yang sehingga kini tidak mampu berbuat apa-apa membantunya. *Manakala untuk berpatah balik bersama pembangkang lain, Datuk Shahrir sudah tentu akan dicemuh sebagai seorang yang tidak 'berprinsip' atau 'berpendirian'.*

Saya kira Datuk Shahrir haruslah segera berbuat sesuatu untuk melepaskan dirinya dari jerat yang sedang menjerut lehernya itu. Kalau tidak, *beliau akan kehilangan tenaga dan kekuatan, dan akhirnya kecundang, bukannya sebagai 'Wira' tetapi sebagai "budak nakal" yang tidak akan dikenang oleh sesiapa pun.*

oleh SHABERY CHIK  
HARAKAH  
10hb. Mac, 1989

# SHAHRIR KEGEWAKANDI PENGENGDI



DATUK HAJI MUHAMMAD  
MOHD TAIB

**KLANG:** Keengganan Ahli Parlimen Johor Bahru, Datuk Shahrir Abdul Samad mengangkat sumpah di Dewan Rakyat baru-baru ini boleh dianggap sebagai tidak wajar oleh Menteri Besar Selangor, Datuk Haji Muhammad Mohd Taib.

Beliau mempersoalkan, apakah demikian sikap seorang pemimpin yang berjuang untuk menegakkan keadilan melalui pemuliharaan Semangat UMNO 46.

Sewaktu berucap di hadapan pemimpin-pemimpin UMNO (baru) di peringkat cawangan dan bahagian Klang dan Kapar dalam siri lawatannya ke seluruh negeri di sini, Datuk Haji Muhammad menesyaki perbuatan seorang pemimpin Melayu sanggup membelakangkan undang-undang.

Sebagai alasan tidak mahu mengangkat sumpah di depan Speaker Tan Sri Mohd Zahir Ismail, Datuk Shahrir berkata Tan Sri Mohd Zahir merupakan salah seorang

Oleh: KAMAL HAFEIZ

anggota tribunal yang mengesyorkan pemecatan bekas Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas.

"Mengangkat sumpah adalah amalan biasa apabila seseorang calon yang memohon pilihanraya hendak memulakan tugas, dan selaku bekas seorang Menteri Kabinet Datuk Shahrir sepatutnya sedar tentang peraturan yang perlu dipatuhi," ujar Datuk Haji Muhammad.

Seterusnya Ahli Majlis Tertinggi UMNO (baru) itu merujuk Datuk Shahrir sebagai contoh seorang pemimpin yang tidak mahu tunduk kepada demokrasi dalam pemilihan, sekalipun rakyat telah memberi kemenangan kepadanya dalam pilihanraya kecil Johor Bahru.

"Beliau tidak berpuas hati apabila calon yang disokong olehnya mengalami kekalahan dalam pemilihan pucuk pimpinan UMNO, dan kini beliau tidak berpuas hati lagi, tidak mahu mengangkat sumpah di Dewan Rakyat disebabkan oleh Speaker," tambahnya.

Tindakan Datuk Shahrir yang hanya akan mengangkat sumpah di depan Timbalan Speaker sebagai membesarkan-besarkan perkara kecil yang merupakan isu remeh-temeh, sedangkan perkara yang besar dan mustahak diketepikan," jelas beliau.

"Tentunya perbuatan Datuk Shahrir itu bukan sahaja mengecewakan pengundi-pengundi yang telah memilihnya untuk memperjuangkan nasib mereka, malah temannya tidak menyetujuiinya," katanya lagi.

## BICARA KES BUKU CHALLENGER

### PEMBERIAN \$1 JUTA DARI AHLI PERNIAGAAN ADALAH RASUAH - SYED HUSSEIN

“Plaintif sendiri mengaku menerima bank draf itu yang kemudian diserahkan kepada bendahari UMNO Johor, tetapi apa yang berlaku pada wang itu tidak siapa yang tahu kecuali pihak BPR,” katanya.

KUALA LUMPUR 24 Jan. - Syed Hussein Alwee Alattas yang mengarang buku “CHALLENGER” SIAPA LAWAN SIAPA memberitahu Mahkamah Tinggi hari ini bahawa beliau yakin wang \$1 juta yang diberikan kepada Datuk Musa Hitam oleh ahli perniagaan Clement D’Cruz adalah rasuah.

Syed Hussein berkata, soal pemberian wang \$1 juta kepada Datuk Musa itu sudah diketahui oleh semua orang di Johor Bahru.

Ketika ditanya oleh peguam Abdul Razak Ahmad, kenapa beliau begitu yakin bahawa wang itu adalah rasuah, Syed Hussein berkata:

*“Tanah tapak terbinanya Holiday Plaza di Johor Bahru sebenarnya dikhaskan untuk kawasan perumahan. Taksiapa pun akan setuju bangunan itu dibina di situ melainkan jika mereka diberi rasuah. Dalam hal ini Datuk Musa mempunyai kuasa baik di peringkat Persekutuan mahupun di peringkat negeri kerana beliau ketika itu adalah Timbalan Perdana Menteri dan juga Ketua Perhubungan UMNO Johor.*



*Bila Datuk Musa minta duit tentu sahaja orang akan beri dan D'Cruz berulang kali mengatakan bahawa dia dipaksa supaya membayar \$1 juta. Kerana itu saya berani kata wang itu adalah rasuah. Dan lagi kenapa pula D'Cruz sahaja yang menyumbang, kononnya untuk Tabung Derma Rumah UMNO Johor sedangkan ketika itu UMNO Johor sudah mempunyai banggunannya sendiri,"* tambah Syed Hussein.

Beliau berkata demikian ketika menyambung keterangannya dalam saman yang dikemukakan oleh Datuk Musa menuntut ganti rugi ekoran tersiarnya fitnah mengenai Ahli Parlimen Kota Tinggi itu.

Datuk Musa dalam samannya yang dikemukakan pada bulan April 1987 juga menamakan dua defenden lain iaitu penerbit buku **"CHALLENGER" SIAPA LAWAN SIAPA**, Alnujum Sdn. Bhd. dan Syarikat Pencetakan dan Perniagaan Berlian Sdn. Bhd.

Pihak defenden diwakili oleh peguam Abdul Razak dan Encik Hassan Ibrahim manakala Datuk Musa diwakili oleh peguam Syed Ahmad Helmy dan Encik Pawanchik Marican.

Perbicaraan didengar oleh Hakim Datuk Lim Heng Choon. Hussein menjelaskan beliau tidak bersetuju dengan pendapat pihak plaintif bahawa kandungan salah satu bab di dalam buku itu bertujuan memberi gambaran kepada pembaca bahawa Datuk Musa makan rasuah dan penyelewengan.

*"Bagaimanapun, peristiwa pemberian wang \$1 juta kepada Datuk Musa oleh Pengarah Urusan Dapat Sdn. Bhd., Clement D'Cruz masih disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah. Perkara itu juga telah ditimbulkan oleh Ahli Parlimen Tanjung, Encik Lim Kit Siang dalam sidang Dewan Rakyat pada 5 November 1986",* terang Syed Hussein.

Beliau juga berkata, sidang pada hari itu diberitahu bahawa perkara itu masih dalam siasatan pihak BPR.

*"Plaintif sendiri mengaku menerima bank draf itu yang kemudian diserahkan kepada bendahari UMNO Johor, tetapi apa yang berlaku pada wang itu tidak siapa yang tahu kecuali pihak BPR,"* katanya.

Ditanya kenapa beliau menyebut bahawa Datuk Musa makan rasuah dan penyelewengan di dalam bukunya walhal beliau tidak tahu apa yang berlaku pada wang itu, Syed Hussein berkata, *"saya percaya kata-kata D' Cruz dan dia berkata benar, soalnya sekarang, saya tidak dapat membawanya ke mahkamah untuk membuktikan kebenaran itu kerana beliau ke luar negeri selepas perniagaannya merosot."*

Menjawab soalan berhubung firasatnya mengenai rupa Datuk Musa, Syed Hussein Alattas berkata, **beliau tidak berniat untuk menghina atau memburuk-burukkan bekas Timbalan Perdana Menteri itu.**

Syed Hussein menambah, beliau berbuat demikian semata-mata untuk memberitahu ahli-ahli UMNO tentang kekurangan dan kecacatan yang terdapat pada diri Datuk Musa dan supaya mereka tidak tersalah pilih.

*"Kekurangan yang saya maksudkan itu bukan sahaja dari segi lahiriah bahkan juga dari segi kerohanian,"* jelas pengarang itu.

Beliau juga berkata, **"Islam menuntut umatnya supaya memilih pemimpin yang sempurna dan Tuhan memberi hambaNya akal dan fikiran supaya dapat berfikir mana yang baik."**

*"Apa yang saya faham sekiranya terdapat kecacatan atau kekurangan pada seseorang pemimpin itu, ia akan merasa rendah diri. Segala yang saya tulis di dalam buku saya itu adalah hasil dari firasat saya,"* jelas beliau.

Pengarang itu juga memberitahu sebagai penulis beliau tidak meletakkan dirinya sebaris dengan penulis-penulis terkemuka tanahair antaranya Samad Ismail, Usman Awang, Pak Sako, Keris Mas, A.Samad Said, Shahnnon Ahmad, Kassim Ahmad dan Chamil Wariya.

Menurut Syed Hussein, beliau cuma **'penulis kecil'** yang belajar menulis atau mengarang dengan menganalisa karya-karya penulis lain seperti Dinsman dan Sutung Umar R.S.

Bagaimanapun, menurut pengarang itu, para pembaca buku-bukunya terdiri dari semua lapisan masyarakat dan dari kalangan ahli-ahli politik tanpa mengira ideologi masing-masing.

Perbincangan bersambung esok.

**UTUSAN MALAYSIA**

25hb. Jan. 1990

# Peguam sifatkan Musa sebagai saksi tak boleh dipercayai

01/06/2014  
Melayu  
21-Jun  
1920

KUALA LUMPUR 20 Jun — Bekas Timbalan Perdana Menteri, Dato' Musa Hitam hari ini disifatkan sebagai seorang saksi yang tidak boleh dipercayai kerana gagal memberi jawapan yang tepat berhubung peristiwa Memali dan wang \$1 juta yang diterimanya untuk Tabung UMNO Johor.

"Dato' Musa juga mengelakkan diri daripada memberikan jawapan yang tepat berhubung dua buah syarikat, Dapat Sdn. Bhd. dan Bakland Sdn. Bhd." hujah Encik Abdul Razak Ahmad.

Beliau yang mewakili pengarang buku "Challenger" *Siapa Lawan Siapa*, Syed Hussein Al-Attas, berhujah demikian sewaktu menjawab hujah - hujah yang dikemukakan oleh peguam Syed Ahmad Helmy Syed Ahmad bagi pihak Dato' Musa.

Bekas Timbalan Perdana Menteri itu menyaman Syed Hussein menuntut gantirugi ekoran fitnah yang beliau dakwa terkandung di dalam buku tersebut. Saman itu dikemukakan lebih tiga tahun lalu.

Syarikat Alnujum Sdn. Bhd. yang menerbitkan buku itu dan Pencetakan dan Perniagaan Berlian Sdn. Bhd. juga dinamakan sebagai defendan dalam tuntutan beliau itu.

Peguam Abdul Razak berhujah, mahkamah hanya mendengar keterangan Dato' Musa bahawa beliau telah menyerahkan wang \$1 juta yang diterimanya daripada Clement D'Cruz kepada Bendahari UMNO Johor ketika itu, Encik Daud Taha.

Bagaimanapun, tidak ada sebarang keterangan lain yang boleh menyokong pernyataan Dato' Musa.

"Walaupun pada mulanya kes wang \$1 juta itu disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah, ia akhirnya dihentikan se-

cara mendadak atas arahan ketua pengarangnya," hujah Encik Abdul Razak.

Oleh yang demikian, tambah beliau, tidak ada sesiapa pun yang tahu ke mana perginya wang \$1 juta itu dan ini membuktikan kebenaran kandungan buku tersebut bahawa rasuah memang berlaku.

Peguam itu berhujah, kandungan "Challenger" *Siapa Lawan Siapa* harus difahami keseluruhannya dan tidak dibaca dari satu perenggan ke satu perenggan yang lain.

"Apa yang penting ialah kefahaman para pembaca yang kebanyakannya terdiri daripada masyarakat Melayu. Maksud penulis atau niatnya bukanlah perkara yang harus dipertikaikan," hujah beliau.

Encik Abdul Razak berkata, mahkamah hanya boleh menimbang soal liabiliti dan gantirugi setelah mengenalpasti lima perkara yang timbul daripada tuntutan Dato' Musa.

Perkara - perkara itu ialah:-

- Sama ada perkataan - perkataan itu dalam pengertian biasa dan sebenar merupakan fitnah terhadap plaintif;
- Jika jawapannya 'ya' adakah ia boleh dianggap sebagai merendahkan taraf plaintif;
- Sama ada perkataan - perkataan itu merupakan komen berpatutan berhubung perkara yang melibatkan kepentingan umum;
- Sama ada terdapat justifikasi bagi pihak defendan apabila perkataan-perkataan itu diterbitkan di dalam buku berkenaan; dan

- Sama ada defendan berniat jahat sewaktu menerbitkan perkataan - perkataan yang didakwa memfitnah plaintif. Perbicaraan bersambung esok.

# Kandungan buku jejas ketokohan Musa : Peguam

Oleh ROSNIZA RASUL

KUALA LUMPUR, Selasa — Kandungan buku *Challenger: Siapa Lawan Siapa*, tulisan Syed Hussein Alwe Alattas, menjejaskan nama baik dan ketokohan Datuk Musa Hitam dalam arena politik negara dan antarabangsa, Mahkamah Tinggi diberitahu hari ini.

Malah dakwaan Syed Hussein terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri itu juga menyebabkan Datuk Musa terganggu pemikirannya, dilanda kebimbangan dan menyakitkan hati, kata peguam Datuk Musa, Syed Ahmad Helmy.

Ketika menggulung hujah dalam kes saman malu bekas Timbalan Perdana terhadap Syed Hussein itu ekoran dakwaan fitnah yang terkandung dalam buku berkenaan, Syed Ahmad berkata:

"Ketokohan dan nama baik Datuk Musa dalam arena politik negara dan antarabangsa rosak kerana beliau digambarkan sebagai seorang pemimpin yang jahat dan tidak jujur."

Datuk Musa yang mengemukakan saman malu beliau pada 16 April 1987 menamakan dua lagi defendan iaitu penerbit buku itu, Alnujum Sdn Bhd dan Syarikat Percetakan dan Perniagaan Berlian Sdn Bhd.

Perbicaraan tuntutan ganti rugi yang dikemukakan oleh Datuk Musa didengar oleh Hakim Datuk Lim Beng Choon.

Datuk Musa menyaman penulis dan dua lagi defendan berkenaan ekoran tersiarnya fitnah terhadapnya dalam buku *Challenger: Siapa Lawan Siapa*, tulisan Syed Hussein Alattas yang diterbitkan pada Mac 1987.

Menurut Syed Ahmad Helmi



DATUK MUSA HITAM

dalam hujahnya, penulis juga dalam bukunya mengecap Datuk Musa sebagai komunis ekoran peristiwa berdarah Memali yang berpunca daripada arahan beliau sebagai bekas Menteri Dalam Negeri.

"Tulisan dan bahasa dalam buku itu berniat jahat dan dendam bertujuan untuk menarik perhatian pembaca Melayu dan orang Islam yang kebanyakannya ahli Umno, yang ketika itu sedang sibuk berkempen untuk pemilihan pucuk pimpinan bary di Perhimpunan Agung Umno 1987.

"Akibatnya, kandungan buku itu mempunyai kesan langsung mempengaruhi kepada keputusan pemilihan agung Umno 1987 apabila Datuk Musa gagal mempertahankan kedudukannya sebagai Timbalan Presiden Umno dalam pemilihan itu," katanya.

Syed Ahmad Helmy meminta supaya mahkamah menganugerahkan bayaran ganti rugi yang tinggi kepada Datuk Musa berikutan penerbitan buku itu.

Beliau merujuk kepada dua kes fitnah dan saman malu Perdana Menteri Singapura, Encik Lee Kuan Yew dan bekas ketua Menteri Sabah, Datuk Haris Salleh.

Dalam kedua-dua kes berkenaan mahkamah menganugerahkan Encik Lee \$250,000 manakala Datuk Haris Salleh dianugerah bayaran ganti rugi sejumlah \$125,000, katanya.

"Walaupun kes itu sama seperti yang dihadapi oleh Datuk Musa, disebabkan fitnah yang dilemparkan terhadap Datuk Musa terlalu kejam dan menghinakan, serta menggugat ketokohan beliau dalam arena politik negara dan antarabangsa.

"Oleh itu, Datuk Musa patut menerima bayaran ganti rugi yang lebih tinggi berdasarkan kepada bentuk dan corak fitnah mengenalinya dalam buku itu yang dicetak dan disiarkan secara palsu dan berniat jahat," hujahnya.

Dalam perbicaraan hari ini, Syed Ahmad Helmy dibantu oleh peguam Encik Pawanchik Marican, manakala Syed Hussein dan dua defendan lagi diwakili oleh Encik Abdul Razak Ahmad. Perbicaraan bersambung esok.

## BICARA KES BUKU CHALLENGER

# Pemberian \$1 juta dari ahli perniagaan adalah rasuah - Syed Hussein

KUALA LUMPUR 24 Jan. - Syed Hussein Alwee Alattas yang mengarang buku "Challenger" Siapa Lawan Siapa memberitahu Mahkamah Tinggi hari ini bahawa beliau yakin wang \$1 juta yang diberikan kepada Datuk Musa Hitam oleh ahli perniagaan Clement D' Cruz adalah rasuah.

Syed Hussein berkata, soal pemberian wang \$1 juta kepada Datuk Musa itu sudah diketahui oleh semua orang di Johor Baharu.

Ketika ditanya oleh peguam Abdul Razak Ahmad, kenapa beliau begitu yakin bahawa wang itu adalah rasuah, Syed Hussein berkata:

"Tanah tapak terbinanya Holiday Plaza di Johor Baharu sebenarnya dikhaskan untuk kawasan perumahan. Tak siapa pun akan setuju bangunan itu dibina di situ melainkan jika mereka diberi rasuah. Dalam hal ini Datuk Musa mempunyai kuasa baik di peringkat Persekutuan mahupun di peringkat negeri kerana beliau ketika itu adalah Timbalan Perdana Menteri dan juga Ketua Perhubungan UMNO Johor.

"Bila Datuk Musa minta duit tentu sahaja orang akan beri dan D' Cruz berulang kali mengatakan bahawa dia dipaksa supaya membayar \$1 juta. Kerana itu saya berani kata wang itu adalah rasuah. Dan lagi kenapa pula D' Cruz sahaja yang menyumbang, kononnya untuk Tabung Derma Rumah UMNO Johor sedangkan ketika itu UMNO Johor sudah mempunyai bangunannya sendiri," tambah Syed Hussein.

Beliau berkata demikian ketika menyambung keterangannya dalam saman yang dikemukakan oleh Datuk Musa menuntut ganti rugi ekoran tersiarinya fitnah mengenai Ahli Parlimen Kota Tinggi itu.

Datuk Musa dalam samannya yang dikemukakan pada bulan April 1987 juga menamakan dua defenden lain iaitu penerbit buku "Challenger" Siapa Lawan Siapa, Alnujum Sdn. Bhd. dan Syarikat Percetakan dan Perniagaan Berlian Sdn. Bhd.

Pihak defenden diwakili oleh peguam Abdul Razak Ahmad dan Encik Hassan Ibrahim manakala Datuk Musa diwakili oleh peguam

Syed Ahmad Helmy dan Eric Pawanchik Marican.

Perbicaraan didengar oleh Hakim Datuk Lim Heng Choon.

Sebelum itu, sewaktu disoal oleh peguam Datuk Musa, Syed Hussein menjelaskan beliau tidak bersetuju dengan pendapat pihak plaintif bahawa kandungan salah satu bab di dalam buku itu bertujuan memberi gambaran kepada pembaca bahawa Datuk Musa makan rasuah dan penyeleweng.

"Bagaimanapun, peristiwa pemberian wang \$1 juta kepada Datuk Musa oleh Pengarah Urusan Dapat Sdn. Bhd., Clement D' Cruz masih disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah. Perkara itu juga telah ditimbulkan oleh Ahli Parlimen Tanjung, Encik Lim Kit Siang dalam sidang Dewan Rakyat pada 5 November 1986," terang Syed Hussein.

Beliau juga berkata, sidang pada hari itu diberitahu bahawa perkara itu masih dalam siasatan pihak BPR.

"Plaintif sendiri mengaku menerima bank draft itu yang kemudian diserahkan kepada bendahari UMNO Johor, tetapi apa yang berlaku pada wang itu tidak siapa yang tahu kecuali pihak BPR," katanya.

Ditanya kenapa beliau menyebut bahawa Datuk Musa makan rasuah dan penyeleweng di dalam bukunya walhal beliau tidak tahu apa yang berlaku pada wang itu, Syed Hussein berkata, "saya percaya kata-kata D' Cruz dan dia berkata benar, soalnya sekarang, saya tidak dapat membawanya ke mahkamah untuk membuktikan kebenaran itu kerana beliau ke luar negeri selepas perniagaannya merosot."

Menjawab soalan berhubung firasatnya mengenai rupa Datuk Musa, Syed Hussein Alattas berkata, beliau tidak berniat untuk menghina atau memburuk-burukkan bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Syed Hussein menambah, beliau berbuat demikian semata-mata untuk memberitahu ahli-ahli UMNO tentang kekurangan dan kecacatan yang terdapat pada diri Datuk Musa dan supaya mereka tidak tersalah pilih.

"Kekurangan yang saya maksudkan itu bukan sahaja dari segi lahiriah bahkan juga dari segi kerohanian," jelas pengarang itu.

Beliau juga berkata, Islam menuntut umatnya supaya memilih pemimpin yang sempurna dan Tuhan memberi hambaNya akal dan fikiran supaya dapat berfikir mana yang baik.

"Apa yang saya faham sekiranya terdapat kecacatan atau kekurangan pada seseorang pemimpin itu, ia akan merasa rendah diri. Segala yang saya tulis di dalam buku saya itu adalah hasil dari firasat saya," jelas beliau.

Pengarang itu juga memberitahu sebagai penulis beliau tidak meletakkan dirinya sebaris dengan penulis - penulis terkemuka tanahair antaranya Samad Ismail, Usman Awang, Pak Sako, Keris Mas, A. Samad Said, Shahnon Ahmad, Kassim Ahmad dan Chamil Wariya.

Menurut Syed Hussein, beliau cuma 'penulis kecil' yang belajar menulis atau mengarang dengan menganalisa karya-karya penulis lain seperti Dinsman dan Sutung Umar R.S.

Bagaimanapun, menurut pengarang itu, para pembaca bukunya terdiri dari semua lapisan masyarakat dan dari kalangan ahli-ahli politik tanpa mengira ideologi masing-masing.

Perbicaraan bersambung esok.


# SYED HUSSEIN UCAP TAHNIAH PADA MUSA



NASIB BAIK SAYA  
MENANG... KALAU  
TIDAK SAYA AKAN  
MENANGGUNG  
AIB YANG AMAT  
BESAR!



MAHKAMAH  
TINGGI



SAYA PUN BEGITU,  
NASIB BAIK BUKU  
TU SOLD-OUT...  
KALAU TIDAK SAYA  
TERPAKSA ME-  
MANGGUNG KE-  
RUGIAN BESAR  
SEBANYAK \$100.000!

RA=90

## ***SYED HUSSEIN KENA \$100,000***

### **MUKADIMAH**

DALAM keluaran yang lalu, kami telah menyiarkan huraian Hakim Datuk Lim Beng Choon ketika menolak hujah pihak defenden (Syed Hussein Alattas) berdasarkan keterangan Clement D'Cruz berhubung pemberian \$1 juta kepada Datuk Musa.

Berikut ialah kenyataan Hakim mahkamah Tinggi Kuala Lumpur itu ketika menggulung hujahnya dan kemudian membuat keputusan mengenai kes ini.

Peringatan: Kesemua siri yang disiarkan ini bukanlah kenyataan sepenuhnya dari Hakim, ia hanyalah sedutan dan petikan-petikan penting dari kenyataan 78 muka itu.

**Pengarang.**

**PERKATAAN-PERKATAAN** yang dinyatakan dalam perenggan-perenggan dan halaman-halaman tertentu dalam buku berkenaan menunjukkan fakta-fakta ini:

1. Maklumat yang diterima oleh penulis menuduh bahawa tidak sahaja Musa menerima \$1 juta sebagai derma untuk UMNO Johor, tetapi Musa mengebas duit tersebut.
2. Berdasarkan kepada maklumat ini penulis menunjukkan kepada pembaca bahawa Musa bukan sahaja seorang penderhaka tetapi juga telah menjadi toyol yang mengebas wang rakyat.
3. Plaintiff menerima wang dan hadiah-hadiah daripada Clement D'Cruz dan Ng Brothers.



Pada pandangan saya sesiapa juga yang membaca tiga kenyataan yang terkandung dalam halaman dan paragraf berkenaan berserta tajuk Bab 15 buku itu, akan menyimpulkan bahawa adalah satu kenyataan plaintif telah mengebas wang yang didermakan oleh Clement D'Cruz untuk tabung UMNO Johor dan bahawa dia juga menerima wang dan hadiah-hadiah daripada Clement D'Cruz dan Ng Brothers.

Intipati dalam kenyataan-kenyataan tersebut boleh menimbulkan tanggapan bahawa plaintif adalah sebenarnya seorang penipu, jahat, rasuah dan tidak boleh dipercayai.

Perkataan-perkataan itu dalam makna biasa dan semulajadi adalah lebih dari cukup untuk menunjukkan bahawa ianya adalah fitnah kerana ia membawa maksud yang boleh menjatuhkan reputasi dan profesional plaintif.

Dalam hujah-hujah awal, saya telah menyebut bahawa kebanyakan tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh Clement D'Cruz adalah tuduhan yang tidak disokong oleh fakta sebaliknya hanya berdasarkan andaian.

Di samping itu saya berpendapat bahawa Clement D'Cruz nampaknya melemparkan tuduhan secara rambang terhadap sejumlah orang yang dinamakan dalam kenyataannya. Dengan berbuat demikian, saya berpendapat, dia cuba untuk menutup sikap buruknya sendiri.

Adakah tindakannya yang demikian itu boleh disamakan dengan sikap seorang penganut Kristian yang baik dan seorang yang jujur? Jawapannya ialah tidak sama sekali. Kesahihan dan kewibawaan Clement D'Cruz adalah boleh dipersoalkan.

Oleh kerana kenyataan Clement D'Cruz tidak lebih dari sekadar ingin memberitahu bahawa Bakland menderma untuk tabung UMNO Johor, pihak defenden telah gagal untuk menentukan bahawa plaintif mengebas \$1 juga dan bahawa dia menerima wang dan hadiah-hadiah dari Clement D'Cruz dan Ng Brothers; dia juga gagal menentukan bahawa plaintif telah memberi favour kepada Dapat atau Bakland atau Clement D'Cruz.

Patut juga dinyatakan bahawa dalam kenyataannya plaintif berkata bahawa dia telah memberitahu Clement D'Cruz bahawa

apa juga derma yang hendak diberikan kepada UMNO akan dianggap sebagai pemindahan daripada badan pemiagaan kepada badan politik UMNO.

Membaca kenyataan ini beserta dengan keseluruhan bukti yang diberikan, adalah jelas menunjukkan bahawa Bakland di mana Syarikat UMNO mempunyai 30 peratus kepentingan memberi derma itu secara sukarela dan tanpa apa-apa ikatan.

Sebab itu saya berpuas hati bahawa tidak ada dalam bukti itu untuk menangkis perkataan-perkataan fitnah yang digunakan oleh defendan untuk menjatuhkan reputasi plaintif.

Intipati dalam perkataan-perkataan yang digunakan oleh defendan dalam bukunya ialah bahawa plaintif telah mengebas wang yang didermakan oleh Bakland dan bahawa dia menerima wang daripada Clement D'Cruz dan Ng Brothers, tetapi tuduhan ini adalah tidak benar.

Tuduhan rasuah juga tidak dibuktikan memandangkan tidak ada apa-apa favour yang telah diberi atau dijanjikan sebagai balasan terhadap derma itu; juga ia tidak menunjukkan plaintif memberi favour kepada sesiapa pun.

Oleh itu tidak ada bukti untuk menuduh bahawa plaintif pada masa itu meminta wang atau derma politik dengan niat rasuah.

Saya berpuas hati bahawa niat jahat yang sebenar bagi pihak defendan telah dibukti dengan jelas.

Oleh itu saya sekali lagi berpuas hati bahawa tuduhan kedua tentang libel untuk menonjolkan plaintif sebagai seorang penipu, jahat, pembelit, rasuah dan tidak boleh dipercayai adalah satu fitnah bagi pihak plaintif dan pemberian defendan atas keadilan, ulasan munasabah dan hak kelayakan tidak dapat diterima.

WATAN  
Khamis 6hb. September 1990



SYED HUSSEIN ALATAS

# TULIS SERUPA BIKIN

Saudara Pengarang,

BERITA Dato' Musa Hitam menang saman dalam Utusan Malaysia ke atas penulis buku Syed Hussein Alatas benar-benar mengembirakan saya sebagai seorang peminat novel politik kebangsaan.

Sekiranya dinilai karya beliau sejak 1969 sehingga 1978, saya berpendapat buku-buku yang telah dihasilkan oleh beliau sangat baik dan tinggi nilainya.

Tetapi sejak akhir-akhir ini didapati Syed Hussein gemar menggarapkan beberapa justifikasi yang berat sebelah, terutamanya dalam memperkatakan pendokong pembangkang.

Apa sahaja pembangkang buat semuanya salah dan beliau juga 'menceroboh' sehingga kepada keperibadian tokoh-tokoh yang dimaksudkan.

Tetapi amat pelik beliau tidak pernah mengkritik tokoh-tokoh yang terdapat di dalam kerajaan Barisan Nasional sebaliknya Syed Hussein beranggapan tokoh-tokoh ini sebagai betul sahaja.

Pepatah Inggeris berkata 'nobody is perfect' dan oleh itu dalam penulisan Syed Hussein mesti memikirkan juga etika penulisannya.

Kenapakah dalam setiap bukunya, beliau tidak pernah memperlihatkan satu 'enjudgement' dan 'justification' yang benar? Apakah semuanya pemimpin Barisan Na-

sional tidak pernah berbuat silap ataupun semua pembangkang tidak pernah berbuat kebajikan?

Sebolehnya Syed Hussein harus menggarapkan pendedahan yang benar-benar jujur. Saya berpendapat tidak salah, malah mendapat sokongan, sekiranya buku-buku beliau berjaya menjejak buruk dan baik pihak pembangkang dan kerajaan.

Tujuan pembaca membeli novel untuk mendapat maklumat, pendidikan dan hiburan. Tegasnya novel-novel Syed Hussein perlu memenuhi citarasa tersebut.

Nah, sekarang apa komen Syed Hussein apabila 8 daripada 12 dakwaan berjaya dibuktikan oleh pihak plaitnif (Dato' Musa) di mahkamah dan kena pula bayar pampasan \$100,000.

Secara langsung kredibiliti Syed Hussein menurun. Kalau Challenger Siapa Lawan Siapa begitu, bagaimana pula buku-buku keluarannya yang lain; yang kebanyakan berpihak kepada golongan tertentu.

Apatah lagi terbitan terbarunya Lima Raja Terakhir banyak mengkritik kerabat-kerabat raja. Bagaimana pula sekiranya mereka ini mendakwa Syed Hussein?

Jangan tulis tidak serupa bikin. Hari ini kita buat orang, tetapi lain kali orang buat kita, bagaimana?

*Anti Ahli Nujum,  
Jempol Negeri Sembilan.*



DATO' MUSA HITAM

## 100,000.00 SIAPA BAYAR?

*“Adalah suatu hal yang bukan mustahil jika ada kalangan ahli politik yang sanggup membayar saman sebanyak \$100,000.00 kepada Dato’ Musa Hitam bagi pihak S.H.Alattas”. Demikian kata S.H.Alattas ketika ditanya, adakah beliau mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk membayar saman yang diperintah bayar oleh Hakim Dato’ Lim Beng Choon di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 20 Ogos 1990.*

Galeri Mahkamah  
20hb. Sept. 1990

**PENULIS S.H. ALATTAS** berkata bahawa perkataan ‘wrap-up’ yang digunakan oleh Dato’ Musa bermaksud ‘dikapankan’ atau ‘ditamatkan’.

Syed Hussein berkata demikian ketika ditemuramah oleh wartawan GM di pejabatnya di Kuala Lumpur.

Dato’ Musa yang merupakan ahli politik veteran-Intelek berkata dalam bahasa Inggeris *“It is a nice wrap-up to my political carrier.”*

Kalangan wartawan merasakan sukar untuk memperjelaskan maksud sebenar dari istilah tersebut kerana Dato’ Musa memang dikenali sebagai seorang politikus yang pandai menggunakan kata-kata untuk menarik perhatian pihak lawan dan kawan politiknya.

Syed Hussein ketika ditanya tidakkah tindakan beliau

menulis buku **CHALLENGER-SIAPA LAWANSIAPA**, telah memamatkan karier politik Dato' Musa beliau berkata:

*“Saya kenal ramai ahli politik negara ini, malah semasa saya kecil dahulu saya telah mengenali Arwah Tun Abdul Razak, Tun Suhailah, Tunku Abdul Rahman, Mat Bulat (Dato' Mohammad Rahmat) malah Dato' Musa sendiri.”*

Ketika diminta mengulas lebih lanjut mengenai hal tersebut beliau seterusnya menegaskan:

*“Kita tidak memerlukan ahli politik yang sentiasa berubah pendirian, suka merajuk dan menimbulkan banyak masalah dalam parti dan politik negara.*

*“Ketika Dato' Musa memegang jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri, beliau telah mempunyai peluang yang cukup baik untuk menjadi Perdana Menteri tetapi beliau tidak sabar untuk menjadi Perdana Menteri. Beliau mencari pelbagai alasan dan sebab untuk meletak jawatan dan kemudian hendak mengambil balik jawatan tersebut.”*

Beliau mengatakan pendapatnya mengenai tindakan Dato' Musa meninggalkan karier politiknya sama ada akan merugikan bangsa dan negara,

*“Siapa-siapa saja boleh menjadi Timbalan Perdana Menteri dan kerusi yang diduduki oleh Encik Ghafar Baba sekarang boleh diambil oleh sesiapa sahaja. Saya yang meletakkan Ghafar Baba di kerusi Timbalan Perdana Menteri ketika pemilihan Majlis Tertinggi dahulu.”*

Alasan beliau untuk berkata demikian, adalah kerana beliau pernah menulis dalam bukunya yang terdahulu tentang pemberian gelaran 'Tun' kepada Ghafar atau sesiapa sahaja oleh beliau mengatasi raja-raja.

Ketika disoal lebih lanjut adakah ini bererti Dato' Musa boleh menjadi Timbalan Perdana Menteri semula, dengan senyum sinis beliau menjawab,

*Itu terpulanglah kepada keadaan. Saya ada calon saya sendiri untuk kerusi tersebut. Saya boleh meletakkan sesiapa sahaja untuk kerusi tersebut dan kemudian menulis buku mengenai calon tersebut. Soalnya sekarang saya belum dapat memikirkan siapa calonnya. Masa masih terlalu panjang."*

Syed Hussein mengulangi kenyataan yang pernah dikeluarkannya di akhbar baru-baru ini bahawa keputusan mahkamah hanyalah merupakan 'set kedua' dan bukannya 'set penentuan'. Set penentuan akan dibuktikan melalui buku selanjutnya yang akan diketahui tidak berapa lama lagi. Beliau berkata lagi,

*"Kita kasihan dengan Dato' Musa tapi kita tidak perlu ahli politik seperti itu. Kalau betul Dato' Musa jujur dan berada di pihak benar, beliau tidak perlu memenangi saman tersebut kerana \$100,000 tidak mencukupi untuk Dato' Musa membeli rumah teres. Malah elaun beliau sebagai wakil di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, pencen Timbalan Perdana Menteri, dan lain-lain pencen sudah mencukupi."*

Syed Hussein berpendapat antara 'penulis' dan 'ahli politik' haruslah ada rasa saling hormat menghormati. Beliau berpendapat, jika seorang 'ahli politik' boleh memberi amaran itu dan ini kepada rakyat termasuk kalangan 'penulis' maka tidaklah salah jika kalangan 'penulis' menegur kesalahan yang dilakukan oleh 'ahli politik' dan kemudiannya menulis tentang 'ahli politik' tersebut.

Syed Hussein selanjutnya menerangkan sekiranya beliau diberi pilihan sama ada 'membayar denda' atau 'dipenjarakan' berhubung dengan saman tersebut, beliau memilih untuk 'dipenjarakan' sahaja. Soalnya sekarang tidak ada pilihan untuk hukuman dalam kes saman malu tersebut melainkan denda. Apa

yang pasti kes saman yang telah selesai itu menimbulkan dua aspek yang pasti iaitu:

*“Trend baru ahli politik menyaman penulis di mahkamah untuk membuktikan kebenaran - sekaligus menunjukkan kalangan ahli politik benar-benar takut kepada penulis”.*

Kedua, nasib masa depan politik Dato' Musa Hitam yang terus tenggelam timbul dalam arena politik negara selepas perletakan jawatan beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 1987 lalu.

Oleh: WARTAWAN GALERI MAHKAMAH  
GALERI MAHKAMAH: 20hb. Sept, 1990

EKORAN DATO' MUSA MENANG KES SAMAN MALU


**SIAPA BAYAR**

**\$100,000**


*Celebrasi  
Hiburan - 1990  
No.*

**BAGI PIHAK**

**S.H. ALATTAS?**



S.H. Alattas





阿都拉查阿末大律師

Abdul Razak Ahmad  
Advocate & Solicitor  
Peguambela Dan Peguamcara

5th Floor, Malayan Banking Building, Jalan Selat Feringi, 50000, Kuala Lumpur  
辦公室：新山馬來亞銀行大廈五樓  
Abdul Razak Ahmad, 5th Floor (Spore)

Telpon :

Surat Tuan SAH/L/D/10

Surat Kami ARN/YC/CO

16th December 1990

M/s S. A. Helmy & Partners,  
Advocates & Solicitors,  
Suite 15.1A, 15th Floor,  
Kompleks Pertama,  
Jalan Tuanku Abdul Rahman,  
50100 Kuala Lumpur.

A.R. REGISTERED


Dear Sirs

KL High Court Suit No. S7-22-146-87  
Dato Musa B. Hitam Vs. S.H. Alattas & 2 Others

I refer to the abovementioned matter and I am instructed by the 1st Defendant to propose to settle the judgment sum and costs by offering his property in Gombak which he bought on 19th November 1986 for \$140,000.00.

A copy of the Sale and Purchase Agreement is forwarded for your perusal.

Please let me know whether your client is agreeable to client's proposal and revert to me as soon as possible.

  
Yours faithfully

enc.

c.c

En. S. H. Alattas,  
P. O. BOX 11753,  
50756 Kuala Lumpur.

When replying please quote our reference.

47

IN THE HIGH COURT OF MALAYA AT KUALA LUMPUR  
(CIVIL DIVISION)  
CODE NO. 22-146-1987

Between

Dato Musa Bin Hitam

Plaintiff

And

1. S.H. Alattas
2. Alnujum Sdn. Bhd.
3. Pencetakan Dan Perniagaan Belian Sdn. Bhd.

Defendan

A L L O C A T U R

I hereby certify that I have this day taxed the Bill of Costs of S.H. Alattas, Alnujum Sdn. Bhd. and Pencetakan Dan Perniagaan Belian Sdn. Bhd., the Defendants herein and have allowed the same at \$48,617.70 (inclusive allocatur fee of \$1,869.90).

Dated the 17th day of March, 1991.

CERTIFIED TRUE COPY

UNAIZAH B. MOHD.  
.....  
Senior Assistant Registrar,  
High Court,  
Kuala Lumpur. *u 30/3/91*

This Allocatur is filed by Messrs. S.A. Helmy & Partners, Suite 15.1A, 15th Floor, Kompleks Pertama, Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur, Solicitors for the Plaintiff abovenamed.



萬興印務貿易有限公司  
PENCETAKAN DAN PERNIAGAAN BERLIAN SDN. BHD.

No. 53, Jalan Lazat Satu, Taman Gemara, Off Jalan Kuchai Lama, 58200 Kuala Lumpur.  
Tel: 7824-191, 7824-038, 7824-047

16th. March, 1987

Tuan S.H. Alattas  
M/S. Al Nujum Sdn Bhd  
16C, Lorong Medan Tuanku Satu,  
Medan Tuanku, Off Jalan Tuanku Abdul Rahman,  
50300 Kuala Lumpur

Ref : Printing of " CHALLENGER "  
( SIAPA LAWAN SIAPA ? )


Sir,

We hereby agree to print the above Tittle book subject to the following conditions :-

- a) that you provide the Complete Artwork, Photos, Films & Paper.
- b) that we are not liable for the contents written by the Author.
- c) that in the event of any dispute or prosecution in court, you take complete responsibility of the consequences. We shall not be responsible for any damages, incurred by you as a result of printing the book.
- d) that you will take full responsibility in the event there arises any defamation suit against us as the Printers and that you shall indemnify and/or contribute any damages and cost that we may be held liable in the said suit.

Please acknowledge and sign the duplicate copy if it is agreeable.

Agreed upon by

  
.....  
Signature & Rubberstamp of Co.

AL NUJUM SDN BHD

Yours faithfully,

PENCETAKAN DAN PERNIAGAAN BERLIAN SDN. BHD.

  
.....  
Managing Director

# S.A. HELMY & PARTNERS

ADVOCATES & SOLICITORS  
(PEGUAMBELA & PEGUAMCARA)

SYED AHMAD HELMY BIN SYED AHMAD (LLB HONGKONG) SINGAPORE

Suite 15.1A, 15th Floor,  
Kompleks Pertama,  
Jalan Tuanku Abdul Rahman,  
50100 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-2923945, 2923446  
Fax No: 03-2928754

Please quote our  
reference when replying

Your Ref ARA/NZ/COMP 9/87

Our Ref SAH/L/D/168 (01467)

Date: 1st April 1991

Messrs. Abdul Razak Ahmad,  
Advocates & Solicitors,  
5th Floor, Malayan Banking Building,  
Jalan Selat Tebrau,  
80000 Johore Bahru.

A.R. REGISTERED

Dear Sirs,

Re: K.L. High Ct. Suit No. S7-22-146-87  
Dato Musa Bin Hitam Vs. S.H. Alattas & 2 Others  
-----

We refer to the above matter and forward herewith the sealed copy of the Allocatur Certificate signed by the Senior Assistant Registrar certifying the costs of \$48,617.70 payable by your Clients.

In the circumstances, we are instructed to demand from your Clients which we hereby do the payment of the judgment of \$100,000.00 and the further sum of \$48,617.70 costs to be paid by your Clients within seven (7) days from receipt of this letter by you.

Kindly take note that should your Clients fail to pay the aforesaid sum of \$148,617.70 within the stipulated period, legal proceedings for execution of the Judgment and costs will be proceeded upon against your Clients without any further reference.

Yours faithfully,

*S.A. Helmy & Partners*

Encl:

cc: Client

SAH/mm





fierce

hanya si-  
ak tak da  
a few liv-  
he said,  
e.  
me very  
ere who  
igh to eat.  
ake sides  
ality. It's  
ment has  
eryone."  
as she is

ose five  
pers and  
rs, said  
did not  
ads "al-  
have tak-  
s count-

ntention  
of Baling  
he Perak  
ilan Ulu,  
Kedah's  
ncies.

r 50,000  
a Bayu,  
ountain,  
be latest

ry has 59  
it in four  
ig, Bon-  
ng.  
is Kam-  
i Siong,  
ers and  
ied in a  
n 1985.

**in**

## Branches support call to honour Musa

JOHOR BARU, Wed. — Scores of Umno branches in six divisions in Johor have come out in support of the Johor Baru division's call on the state party liaison committee to honour Datuk Musa Hitam for his service to Umno.

At least 20 branches in the Muar division have decided to support Johor Baru division leader Datuk Shahrir Abdul Samad, who is spearheading the campaign for due recognition to the former Deputy Prime Minister's contributions.

A spokesman for the 20 branches, Datuk Kadar Shah Tan Sri Suleiman, said most of the branch leaders supported the move at a meeting last Saturday.

"Many branch leaders in the Ledang and Bakri divisions have also decided to join us to urge the state to honour Datuk Musa," he added.

Datuk Kadar said the members on the ground were in support of the move "and many feel that the recognition should have been given after the Johor Malay Unity Conference first anniversary in 1989."

Datuk Shahrir had called on the state Umno last week to honour Datuk Musa for his long and untiring efforts to help reunite Johor Malays after the old party was deregistered.

"If Datuk Musa had joined Semangat 46, the political situation in the state will never be the same," he said.

Datuk Kadar said he would also seek support on the issue from other divisions.

## HAK PERWAKILAN HAPUS POLITIK SUMPAAH-SUMPAAH

Politik '*chameleon*' (mengkarung atau sumpah-sumpah) mestilah dielakkan demi keutuhan perjuangan parti dan juga memelihara kepentingan bangsa. Politik ini adalah berbahaya kerana pengamalnya sanggup menggadaikan prinsip dan tergamak pula keluar daripada landasan perjuangan semata-mata untuk mempertahankan kedudukan politiknya atau mencari ruang pengaruh baru. Adalah tidak keterlaluan jika disimpulkan bahawa pengamal politik begini sebenarnya adalah petualang bangsa. Ahli politik dalam kategori ini akan sentiasa berubah sikap apabila menghadapi sesuatu '*audience*' politik. Jika pandangan politik kumpulan yang dihadapinya itu cenderung kepada faham barat, maka ia akan berhujah menurut ala pemikiran politik barat dan begitulah sebaliknya. Peri bahayanya sikap politik begini tidak sukar dibayangkan.

Sungguhpun kita sedar bahawa politik ialah satu seni menjadikan perkara yang mustahil satu kemungkinan, dimana dua seteru politik hari ini boleh menjadi teman seperjuangan esok, namun bagi menjamin pembentukan bangsa yang bermaruah, berprinsip dan terhormat, sewajibnyalah amalan politik chameleon atau sumpah-sumpah ini dikekang. Tanggungjawab ini umumnya terletak pada bahu setiap rakyat di negara ini. Bagaimanapun memandangkan politik sudah menjadi satu profesion yang penting dalam sistem hidup kita dan ia digerakkan oleh ahli-ahli yang profesional, maka tidak dapat tidak kepada merekalah seharusnya tanggungjawab ini diserahkan secara mutlak. Mereka seharusnya peka akan bahaya menonjolkan kepemimpinan politik chameleon ini. Jika ditakdirkan politikus seumpama ini diserahkan tanggungjawab mentadbir negara, kita kluatir mereka akan menggadaikan semua kepentingan rakyat dan negara untuk mencapai hasrat mereka terus berkuasa dan melebarkan bidang pengaruh.

Kita tidak ada banyak pilihan dalam soal ini. Oleh kerana rakyat umumnya bukan ahli cergas kebanyakan parti politik, maka kita terpaksa memerhati gerak-geri dan tabiat berpolitik setiap parti yang setiap lima tahun sekali menawarkan khidmat mereka untuk mentadbir negara. Atas perkiraan itulah maka setiap apa yang berlaku dalam sesebuah parti politik, terutama parti teras seperti UMNO, harus menjadi bahan tatapan, kajian dan kritikan masyarakat. Seperti mana setiap ahli parti itu berhak menegur, melatih dan memilih pemimpin mereka, maka begitulah juga rakyat. Rakyat berhak mengambil tahu dan memberi pandangan mengenai setiap perubahan sikap dan pendekatan yang hendak diambil oleh sesebuah parti politik.

Dalam kes UMNO yang sibuk memilih barisan pemimpin pelapis dalam Majlis Tertinginya hari ini, kita percaya hak rakyat dalam memberi pandangan terhadap calon-calon yang bertanding tetap ada. Justeru itu, pandangan golongan intelek seperti Prof Datuk Khoo Khay Kim bahawa amalan politik 'sumpah-sumpah' ini harus ditolak memang cukup bernas dan harus dijadikan kayu ukur dalam proses pemilihan kali ini. Politikus 'sumpah-sumpah' akan menggunakan apa jua cara untuk membuktikan bahawa ia sehaluan dengan sesuatu golongan politik. Mereka tergamak melangkah soal etika dan moral. Jika perlu, mereka akan sanggup memujuk, menggertak dan juga menghulur rasuah untuk meyakinkan pihak yang boleh menyokong kedudukan politik mereka. Lebih buruk lagi golongan ini tidak segan-silu menabur fitnah dalam bentuk surat layang, buku dan juga menyogok wang ringgit serta menaja lawatan keluar negara.

Hari ini 1,531 anggota UMNO yang membawa mandat daripada lebih 1.4 juta ahli parti itu di 132 bahagian dan Pergerakan Pemuda dan Wanitanya akan memilih tiga Naib Presiden parti. Pemilihan kali ini adalah penting kerana kemungkinan mereka melangkah menjadi Timbalan dan Presiden parti dalam tempoh yang dekat adalah besar sekali memandangkan faktor usia dua pemimpin tertinggi yang ada. Justeru itu, sebagai penggalas mandat ahli UMNO dan keyakinan rakyat keseluruhannya kepada parti, setiap perwakilan mestilah menentukan bahawa soal maruah bangsa dan negara serta prinsip perjuangan parti itu tidak digadai kepada ahli-ahli politik chameleon ini. Pada tangan perwakilan semuanya terletak kuasa untuk mewarnakan perjuangan parti dan nasib umat Melayu serta Islam. Perkara paling penting yang mereka harus

fikirkan ialah sama ada mereka mahu menjadi orang yang turut bertanggungjawab menyerahkan amanah rakyat ini kepada politikus chameleon yang tidak berprinsip atau berusaha dengan sejujurnya untuk memastikan prinsip perjuangan Melayu, Islam dan negara terus terpelihara.

Rencana Pengarang  
Berita Harian,  
Jumaat 30 November, 1990.



## TAUKEH KUDA, DITENDANG KUDA

*“Bila diserahkan sesuatu tugas kepada orang yang bukan pada tempatnya, maka tunggulah saat kehancurannya.”*

Pada 29/11/1990 satu pesta lumba kuda akan berlangsung di Putra World Trade Center. (P.W.T.C) Perjuadian politik yang akan diadakan setiap tiga tahun sekali ini memang hebat. Segala persiapan sudah dimulakan sebelum pilihanraya umum lagi. Taukeh dan kuda-kuda sudah pun mula menjual saham masing-masing. Tapi sayang, seperti biasa, seperti pesta-pesta sebelumnya, masih ada lembu, kerbau yang ditukarkan menjadi binatang perlumbaan selain dari kuda-kuda tua yang sakit, yang ada batu dalam perut tapi masih mahu bertanding.

Dalam perkampungan politik, pertandingan adalah perkara biasa. Orang yang takut ‘bertanding’ tak akan naik. Masing-masing mesti mencuba bakat. Melalui pertandinganlah orang politik mendaki anak tangga kejayaan, dan melalui pertandinganlah juga mereka menuruni tangga atau tergelincir tangga. Yang akhirnya masuk perigi buta pun ada. Namun mereka nampaknya tidak mahu belajar dari sejarah. Mereka mempunyai ingatan yang terlalu singkat, akibat perasaan dan nafsu telah menguasai alam pemikiran. Sepatutnya mereka yang nak dijadikan pemimpin-pemimpin ini mestilah waras, sihat fikiran, sihat tubuh badan serta memiliki sifat-sifat taqwa.

Kita kata ‘Pertandingan’, orang Indonesia kata ‘perlumbaan’. ‘Lumba Politik’. Berlumba bererti berlari. Orang yang sedang berlari jarang menoleh kebelakang. Apabila ada lumba, biasanya yang memeriahkan acara lumba itu ialah adanya orang-orang yang bertaruh atau berjudi dan tukang-tukang sorak dan tukang-tukang sebok. Mereka memilih ‘kuda-

kuda' yang mereka percaya boleh menang lalu mereka bertaruh dengan wang. Kebiasaan semacam ini sudah berjangkit ke dalam politik UMNO. Maka mereka jadikan bakal pemimpin negara yang akan memimpin 16 juta umat sebagai 'kuda-kuda' pertaruhan yang diperjudikan oleh mereka.

Dua hari lalu ada seorang 'broker politik' datang jumpa Pak Habib. "Tolonglah jangan tembak kuda aku. Kasi canlah kuda aku menang".

Wajar dan patutkah ahli UMNO yang sepatutnya sudah matang membiarkan taukeh-taukeh kuda memperjudikan masa depan bangsa dan tanahair mereka dengan mempertaruhkan pemimpin-pemimpin politik sebagai kuda-kuda politik dalam keadaan nasib masa depan bangsa Melayu yang masih tak menentu? Kedudukan orang Melayu kini sedang berada diparas bahaya. UMNO cuma tinggal 70 kerusi saja di Parlimen. Dan kebanyakan cendekiawan dan ahli politik sama ada mereka berada didalam S46, D.A.P, P.R.M, BEBAS, P.A.S atau sudah jadi 'political bankrupts' tapi masih hidup dengan menggunakan orang lain sebagai nominee politik tapi tetap berjuang bermatian untuk membunuh para pemimpin UMNO yang tak berapa kerat yang masih tinggal. Sasaran pertama mereka Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pilihanraya lalu B.N mendapat majoriti 2/3 kerana nasib, sebab P.B.S. keluar dari B.N. dan Ku Li jadi Pak Padri pakai tanda salib ditengkolok yang dijadikan modal politik. Kalau tidak entah macamana nasib orang UMNO. Kini Kelantan berada didalam tangan pembangkang.

Bila agaknya pemimpin UMNO yang gila kuasa dan pangkat ini hendak insaf. Cukuplah pemimpin UMNO yang berada di luar, yang telah mencuba dan telah berjaya dengan bantuan istana membunuh satu menteri, dua timbalan, satu setiausaha Parlimen dan satu Menteri Besar di Kelantan. Mereka ini terus menyonteng dan mencemarkan nama UMNO yang sedang sakit. Apakah mereka yang ada didalam ini masih mahu dibunuh sama? Kalau benci macamana sekalipun demi anak cucu kita simpanlah satu dua orang saja untuk meneruskan visi dan meneruskan perjuangan yang telah dibuat oleh Dr. Mahathir.

Sifat dengki, iri hati dan dendam kerana tak dapat sesuatu kepentingan peribadi dari orang tertentu patut dikeluarkan dari ahli UMNO.

Saya melihat keadaan orang Melayu hari ini macam umat manusia dizaman Musa, semasa Nabi Samuel menjadi Nabi. Seperti yang saya ceritakan dalam tulisan saya di Mingguan Kota yang saya petik dari dalam Surah Al-Bakarah, dari Tafsir Al-Azhar oleh Almarhum Hamka.

*“Salah satu sebab dari kehinaan yang menimpa suatu kaum ialah kerana adanya pemimpin yang merasakan dirinya lebih tinggi dan tidak mau tunduk kepada yang lain, sehingga mudah bagi musuh mengadu domba mereka.”*

*“Mereka berkata: Adakah patut dia berkuasa atas kami, padahal kami lebih berhak dengan kekuasaan itu daripadanya, sedang dia tidak diberi kemampuan dan harta.”*

Siapakah para pemimpin yang sanggup dipergunakan oleh orang tertentu dan ‘broker politik’ ini? Tengoklah betapa rendahnya martabat pemimpin kita hari ini mereka sanggup diperbudak-budakkan oleh nafsu yang mengutamakan kebendaan.

Perhimpunan Agung adalah satu hari yang penting. Hari yang patut dijadikan tempat membicara dan menentukan maruah dan martabat bangsa seperti yang dikehendaki oleh manifesto B.N: Kestabilan, Kesempurnaan dan Kebahagiaan. Sayang, nampaknya mereka lupa pada amanah dan tanggungjawab. Sepatutnya sebahagian besar dari mereka yang gila nak bertanding dalam pemilihan 24 April 1987, sudah sedar dan serik dalam pertandingan kali ini. Berapa kali pisang nak berbuah?

Dalam perkampungan politik, kawan main kawan, kawan tipu kawan, kawan mengkhianati dan memfitnah kawan adalah satu perkara biasa. Bagi mereka yang pentingkan keuntungan peribadi dan yang tak ada idealisme dan semangat perjuangan serta tidak berjiwa Islam, siapa nak matipun mereka tak

peduli. Dulu, dulu punya pasal. Tak ada etika, tak ada maruah, tak jadi soal. Yang penting matlamat dan tujuan politik. Inilah Sheikhul Arqam Ustaz Ashaari Muhammad cuba mengajar umat Melayu dalam memperjuangkan ummah yang dikehendaki oleh Islam dalam buku-buku dan amanatnya kepada pertubuhan Darul Arqam.

Bagi kebanyakan ahli-ahli UMNO pula, memberi sokongan kepada seorang pemimpin bukan kerana keistimewaan karisma, kelebihan atau kejayaan pemimpin yang bakal menjadi payung yang boleh melindungi bangsa, atau kerana pemimpin yang betul-betul berjuang untuk UMNO, tapi pemimpin yang boleh dijadikan alat.

Mungkin ada pemimpin yang dikudakan itu ada visi. Tapi mereka memberikan sokongan dengan niat bila pemimpin itu dapat kerusi, mereka mesti memberikan pangkat habuan dan kekayaan. Kalau tidak pemimpin tersebut akan dibinasakan diperhimpunan akan datang seperti apa yang sedang dilakukan sekarang dan sebelumnya kerana pemimpin tersebut tidak mahu tunduk kepada kehendak mereka.

Hari ini ada ahli UMNO bertukar kepada umat yang lebih takut mati dan takut rugi dari takutkan Allah. Sudahlah tak takut pada Tuhan, mereka juga tidak ada sedikit pun takut hilang harga diri, atau takut hilang 'dignity', maruah, kredibiliti, kewibawaan dan apa sahaja sifat-sifat mulia seseorang insan yang mahu jadi pemimpin. Ada yang sanggup merosakkan akidah kerana terlalu menggantungkan harapan kepada kuda-kuda yang bertanding. Kita dapat lihat dengan mata kepala sendiri betapa ramainya ahli perniagaan Melayu yang sudah bangkrap bila kuda yang diharap-harapkan kecundang dan lingkup pada tahun 1987. Inilah yang Dr. Mahathir marah dan tidak diizinkan oleh beliau dalam pertandingan kali ini. Alhamdulillah Tan Sri Muhd Taib setuju dan setia taat kepada kehendak pucuk pimpinan.

Saya telah melibatkan diri dengan orang UMNO sejak tahun 1981 lagi, sejak pertandingan Musa lawan Ku Li hingga ke 1987 apabila Musa masuk geng Ku Li untuk tubuhkan Team B lawan Dr. Mahathir-Ghafar. Akhirnya team A menang. UMNO mati dibunuh Geng 11. Sembilan menteri

hilang jawatan. Mereka tubuh S46. Musa Hitam lari masuk UMNO semula dan akhirnya orang Musa yang turut bertanding lawan team A seperti Rais Yatim, Radzi Syeikh Ahmad, Zainal Abidin Zain, Rahmah Osman dan Abdullah Badawi, hanyut terumbang-ambing semuanya jadi mangsa politik. Ku Li sendiripun walaupun menang di Gua Musang tapi kecewa. Kerana ramai orang harapannya sudah jadi bangkrup politik.

Taukeh harap bila kuda menang mereka boleh jadi kaya raya tapi akhirnya hidup melarat dan menderita. Kuda-kuda pun harap taukeh masing-masing boleh bantu tapi bila kalah masing-masing lepaskan diri sendiri. Mereka bela pula kuda-kuda baru yang tak sedar diri. Boss memerintah dari dalam kubur walaupun sudah mati kerana adanya pemimpin yang merasa diri besar, tapi hati kecil macam hati ayam dan sanggup menjadi burung terkukur. Bila boss petik jari, dia pun menyanyi.

Mereka lebih mementingkan diri dan kumpulan dari perjuangan untuk agama, bangsa dan tanahair. Mereka memperjudikan nasib masa depan bangsa. Apakah kita rela perkara yang berlaku pada tahun 1987 berulang pada tahun 1990? Keadaan atau trend dalam politik hari ini jadi begini kerana masih ada pemuja-pemuja orang tertentu dengan harapan orang itu akan kembali memimpin rakyat Malaysia sesudah acara 'perlumbaan' 29/11 ini nanti. Mereka tidak fikirkan tentang betapa malu dan ruginya bangsa dan negara mereka hasil dari keseronokan yang mereka sedang lakukan ini.

Saya beri judul buku saya 'CHALLENGER - SIAPA LAWAN SIAPA', pada tahun 1987, pertama kerana saya ingin bertanya kepada para pembaca ketika itu: "Siapakah yang sedang berlawan dengan siapa?" Ramai orang yang telah berlawan dalam Perhimpunan April 1987. Akibat perlawanan tersebut UMNO mati dan saya terpaksa membacakan Talqin untuk UMNO. Hingga hari ini pergaduhan itu nampaknya masih juga berterusan. Sabah terlepas ketangan Pairin Kitinggan, Kelantan jatuh ditangan Sultan. Mahkamah manjatuhkan hukuman. Saya didenda \$100,000 kerana menggunakan perkataan Pembunuh, Rasuah, Komunis dan Penipu. Derita pembicaraan belum selesai. Ramai yang belum lepas telah bergaduh, sudah diajak bergaduh lagi.

Apakah ahli UMNO sudah tak ada kerja yang lebih baik?

Pemimpin politik dicipta oleh rakyat untuk berkhidmat kepada rakyat. Maka itulah sebabnya bagi saya soal pemimpin lawan pemimpin ini tidak penting sangat. Ini kerana kalau orang ramai tidak memberi kemenangan atau kekalahan kepada mereka, perlawanan antara pemimpin dengan pemimpin tidak akan berakhir dengan menang dan kalah. Buat penat saja. Ia akan merupakan perlawanan yang sia-sia. Tapi sikap orang Melayu yang suka menyerahkan segala-galanya pada pemimpin politik tanpa 'political Conciousness' membuatkan pemimpin politik naik lemak.

Sekali lagi saya merasa perlu mengajak para pembaca untuk berfikir dengan serius mengenai UMNO kerana terlalu ramai orang hendak bertanding merebut jawatan No. 3 terpentingnya dalam parti, seolah-olah Mahathir dan Ghaffar akan mati esok. Ada yang sudah tak sabar lagi nak jadi Timbalan Perdana Menteri. Dolah Badawi dan Wan Mokhtar nak buang dekat mana? Mentang-mentanglah Dolah sudah tak ada jawatan, Wan Mokhtar sudah menurun prestasinya kerana doanya tidak dimakbulkan lagi, maka ada broker yang pergi kempen, kononnya arahan dari Brother Anwar sudah beri undi pada bossnya sebagai regu Anwar. Yang tidak layak bertanding pun hendak bertanding juga. Mereka ingat senang nak jadi pemimpin. Bertanding saja bolehlah jadi pemimpin konon! Mereka ingat kita yang tidak bertanding ini apa? *Belum tentu orang yang bertanding itu lebih cerdik daripada orang yang tidak bertanding.*

Namun biar bagaimanapun, satu perkara yang sudah pasti, iaitu orang yang bertanding tidak boleh menjatuhkan orang yang tidak bertanding, tetapi orang yang tidak bertanding boleh menjatuhkan orang yang bertanding. Jadi, siapa yang lebih penting? Orang yang bertanding atau orang yang tidak bertanding? Sedarlah sikit..., malulah sikit.... Mentang-Awak mempunyai undi untuk diperniagakan jadi awak fikir awak boleh menang?

Cuba belajar dari pengalaman pahit yang dialami oleh Ramli Ngah Talib. Kalau umur baru setahun jagung janganlah ghairah sangat nak duduk di atas. Musa dan Ku Li boleh

dijadikan contoh teladan yang baik bukan bergu berdua, satu team sekali meletup dalam kapal Challenger.

Allah Subhanahu Wata'ala tidak bertanding dan tidak ada tandingannya, tetapi Dialah yang berkuasa memenangkan dan mengalahkan, menaikkan dan menjatuhkan serta menghidupkan dan mematikan sesiapa saja yang Dia kehendaki. Lupakah kita kalau bukan rezeki, bukan jodoh, tak usahlah kita tergila-gila sangat. Janganlah angkuh sangat sebagai orang Islam, percayalah bahawa kita ini hamba. Allah yang berkuasa. Saya sudah jumpa broker-broker Menteri Besar yang begitu angkuh antaranya seorang setiausaha akhbar . Mentang-mentang sudah ada regu, dia pasti menang. Dan negerinya pasti terima golongan keangkuhan ini seperti suara-suara sumbang yang datang dari kubur.

UMNO bukan calang-calang parti politik. Sejak Dr. Mahathir jadi Presidennya dan jadi Perdana Menteri Malaysia, seluruh dunia memberi perhatian kepada UMNO. Ahli-ahli UMNO hari ini sepatutnya memikirkan jauh ke depan lebih daripada itu lagi. UMNO sudah berkembang maju dan sudah mencapai taraf yang dihormati oleh orang-orang penting di seluruh dunia. Apa yang kita sibuk nak bergaduh sesama sendiri? Kita mesti berfikir jauh ke depan sebagai suatu bangsa yang berjiwa besar. Sungguhpun bilangan kita kecil, tidak bermakna kita mesti menjadi bangsa yang berjiwa kecil. Singapura jauh lebih kecil daripada Malaysia. Tetapi Lee Kuan Yew telah lama berjaya membawa Singapura menjadi sebuah negara yang terkenal di dunia dan pemimpin mudanya tidak ghairah nak gantikan Mr. Lee.


Kononnya kerana negara kita mengamalkan sistem demokrasi maka kita pun kena pakat-pakat bertanding. Saya nak tanya: Kita bertanding kerana 'Demokrasikah, periuk nasikah' ataupun kerana hendak memperjuangkan supaya bangsa kita menjadi bangsa yang maju, bermaruah dan dihormati oleh orang lain? Kita semua jangan jadi macam Sharil Samad, yang membuat apa saja kerana kita mengamal demokrasi. Akhirnya muda-muda lagi sudah hanyut, sudah mati sebelum mati tapi ada hati nak bertanding MKT sekali lagi. Cukup-cukuplah tu Rir, apa dah jadi dengan kedai dobi.

Orang yang mengkhianati perjuangan agama dan bangsa dengan mengumpulkan harta kekayaan semata-mata untuk diri, mereka menipu pengikut dan rakyat yang tak berdosa akan hidup dalam kesengsaraan, rumahtangga dan keluarga porak-peranda. Hidup tak menentu. Hati dan jiwa tak pernah tenteram kerana tidak menjalankan amanah Allah jadi pemimpin bukan kerana ketaqwaan tapi kerana kepentingan peribadi dan politik semat-mata. Ini yang dapat kita lihat pada ramai pemimpin politik hari ini.

Kalau kita bertanding kerana negara kita negara 'demokrasi' dan bukan kerana perjuangan yang suci dan mulia seperti yang diajarkan oleh Nabi Besar kita Muhammad S.A.W, saya ingin mengatakan bahawa kita sedang menggali kubur kita sendiri. Saya tidak setuju, dan saya akan perangi habis-habisan dengan siapa saja yang cuba hendak membunuh masa depan bangsa, agama dan negara saya. Saya bersedia sekali lagi dihadapkan ke mahkamah atau ke mana saja.

**MINGGUAN KOTA**  
15hb. November, 1990.  
**SYED HUSSEIN ALATTAS.**





Saya anak orang miskin. Anak orang susah. Semasa kecil dahulu cari makan pungut bola tenis raja. Pernah duduk semeja di Majlis Mesyuarat Raja-Raja. Saya rakyat, duduk atas kerusi buluh di atas tanah tak mengapa. Dunia ini pinjam-pinjaman. Mati nanti semua tinggal. Lagipun duduk di bawah jatuh tak sakit. Tapi nak buat macam mana Dr Mahathir yang pilih saya duduk di kerusi yang tinggi. Nasib sayalah kalau jatuh mati.

## GHAFAR, TAYAR BURUK, AYAM TOGEL

*“Tidak ada sesiapaupun yang dapat menentukan bahawa saya akan menjadi Perdana Menteri Malaysia. Segalanya akan mengikuti kehendak Tuhan.”*

### GHAFAR BABA

Sekiranya anda berpeluang menatap akhbar Berita Harian sekitar tahun 1959, antara nama-nama besar yang sering anda temui ialah Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Dr. Burhanuddin Helmi, Datuk Razak bin Hussein, Dr. Ismail Abdul Rahman, Dato' Onn bin Jaafar dan beberapa nama lagi. Nama Dr. Mahathir bin Mohammad tidak pernah terpapar dimuka hadapan. Begitu juga dengan nama-nama kebanyakan tokoh politik yang masih aktif dalam politik negara.

Dalam tahun 1959, Dr. Mahathir mungkin sedang merawat pesakit di Alor Setar. Ketika itu juga Anwar Ibrahim masih lagi berada di bangku sekolah dan bagi pemimpin yang lebih muda dari beliau, mungkin ada di antara mereka itu yang baru belajar main layang-layang.

Begitulah saudara Yusuf Harun memulakan buku terbarunya **UMNO Selepas Mahathir**. Ghafar Baba, Maha Guru Politik Malaysia disenaraikan sebagai pemimpin selepas Mahathir.

Hebat buku Yusufkali ini. Warnanya merah. Pemimpin pertama yang disenaraikan oleh pengarang Mingguan Kota sebagai pengganti Dr. Mahathir ialah Ghafar Baba dan diikuti oleh brother Anwar dan Mike Tyson Selangor.

Nampaknya Yusuf Harun telah mendahului penulis lain

dalam menerbitkan buku untuk perhimpunan agong kali ini. Biar pun ramai yang mengatakan buku itu tidak kontroversial tapi bagi saya ianya ada 'makna'. Ada benda yang boleh pakai.

Ramalan pengarang Mingguan Kota yang telah mempunyai pengalaman yang luas dibidang politik dan mempunyai Master dari U.S.A ini nampaknya sudah nak jadi ahli firasat pulak. Ramalannya hampir menjadi kenyataan. Anwar Ibrahim telah mendapat 110 pencalunan mendahului semua pencabarnya termasuk Wan Mokhtar dan Abdullah Badawi yang sudah tertinggal bas. Dan Wan Mokhtar tersepit dalam lif di pejabatnya sendiri.

Anwar Ibrahim diramalkan sebagai pemimpin selepas Ghafar itu mengikut tafsiran saya. Selepas membaca bukunya dan nampaknya ramai ahli UMNO yang percaya.

Tapi yang agak pelik sedikit Tan Sri Muhyuddin Yasin yang diletakkan sebagai calon yang ke enam dalam mengikut kandungan buku yang mensekjenasikan **Siapa Selepas Ghaffar**, Muhyuddin telah mendapat pencalunan 49 sementara Datuk Sri Sanusi Joned dibangku lima mendapat 45 pencalunan.

Sebagai seorang ahli firasat dan penganalisa politik yang telah menghasilkan 21 buku Pak Habib berpendapat tulisan Yusuf yang nampaknya ringan ini sebenarnya berat. Ianya seperti akhbar Mingguan Perdana.

Saya rasa bahawa Mike Tyson yang diletakkan sebagai Timbalan kepada Anwar ada peluang untuk mengalahkan Tan Sri Muhyuddin. Biar pun Mike Tyson cuma dapat 18 pencalunan kerana ikut ramalan neumerologi, 1 + 8 jadi 9. Sembilan adalah nombor yang tertinggi. Bercakap dari segi nasib pula belum ada pemimpin UMNO yang bintangnya lebih terang dari Tan Sri Mohamad Taib. Semasa krisis beliau dengan istana kerana Datuk Mohd Taib menjadikan Puteri Raja Selangor sebagai isteri keduanya, ramai yang menggunakan kesempatan ini untuk menjatuhkannya. Perkahwinannya yang sah diekplotasikan sebagai skandal namun beliau berjaya mengemudikan rumahtangganya. Beliau tetap berada di atas.

Sekali lagi selepas pilihanraya umum timbul problem besar, membikinkan Menteri Besar Myke hendak dihumbankan kerana ada orang yang mahu ambil kerusinya. Dia tetap duduk diatas kerusi yang sama. Nasib dan tuahnya lebih kurang nasib dan tuah Dr. Mahathir, makin kena tekan makin kena aniaya, makin bertambah kuat dan tambah popular.

Siapakah yang lebih rapat dengan istana hari ini? Myke Tyson, malam-malam 'beradu' dengan Puteri Raja. Baginda Sultan adalah bapa mertuanya. Mohd Taib sudah jadi macam Nujum Pak Belalang. Beliau tahu masalah rakyat dalam waktu yang sama pula, bagaimana hendak menyesuaikan diri dengan Raja.

Sesudah membaca tulisan Pak Habib minggu lepas **Taukeh kuda mati ditendang kuda**, ramai peminat yang telahpun datang sendiri bertemu dengan Pak Habib untuk menanyakan soalan yang hampir serupa. Beginilah pertanyaannya:

Kenapa kali ini tulisan Pak Habib berselindung selindung? Kenapa tak berterus terang? Siapakah menteri atau Menteri Besar yang dimaksudkan macam burung terkukur yang menyampaikan politik orang dari kubur? Kononnya, kata Pak Habib ini berani sangat. Kenapa tak beritahu orang ramai siapa yang akan menang dan siapa akan terkeluar?

Sebenarnya ramai yang dapat meneka dan tahu. Siapa yang saya maksudkan sebagai burung 'terkukur'. Ramai berpendapat termasuk saya sendiri dan orang-orang yang rapat dengan Muhyuddin, biarpun M.B. Johor dapat banyak pencalunan namun untuk menduduki kerusi Naib Presiden terlalu awal baginya. Pencalunan ini adalah satu perangkap baginya.

Ramai menganggap Muhyuddin belum cukup kuat, belum cukup dewasa untuk dijadikan pelapis nombor tiga. Muhyuddin masih belum mampu melahirkan identitinya sendiri, masih mempunyai gambaran yang ianya masih lagi anak didik Musa dan tak mustahil Muhyuddin akan menjadi mangsa.

Biarpun Muhyuddin kini sudah jadi Menteri Besar merangkap Ketua Perhubungan UMNO Johor, namun seorang ketua bahagian yang telah berkubur politiknya masih boleh mengarahkan Tan Sri Muhyuddin untuk bertemunya di Singapura dan membuat pengumuman yang Musa Hitam tidak akan bertanding. Kejadian ini menampakkan yang Muhyuddin masih menunggu '*Blessing*' dari Musa sebelum beliau berani buat pengumuman mahu merebut kerusi Naib Presiden. Adakah orang macam ini layak duduk di kerusi nombor 3.

Ahli-ahli UMNO yang sudah matang dan yang tahu muslihat dan permainan politik Musa yang telah mengakibatkan ramai ahli politik terkubur pada tahun 1987 tidak ingin kejadian yang sama berlaku pada pemimpin muda yang punyai potensi besar satu masa nanti. Kalau mereka tidak beri undi bukan kerana mereka benci atau tidak suka tapi mereka kasihkan orang yang baik yang tak suka lukakan hati orang lain termasuk bekas bossnya sendiri. Tengok apa jadi pada Rais, Radzi Syeikh Ahmad, Zainal Abidin Zain, Abdullah Badawi dan Wan Mokhtar sendiri adalah orang yang selalu bersimpati pada Musa. Tapi kali ini bintang Musa gelap kerana kejadian Tuhan. Bila Malikal-maut cabut nyawa orang, selalunya berangkai. Mati satu, mati satu kumpulan sekali. Ini samalah macam bayi yang baru lahir. Sekali lahir, serentak sekali. Bezanya, cuma ada yang cepat atau lambat sesaat.

Lagi pun masalah politik dalaman di Johor masih belum selesai terutama pertelingkahan diantara pengikut Resolusi Melayu Johor, Pertubuhan Anak Jawa Johor (R.M.J.) dan PAJAR. Hubungan antara Muhyuddin dengan Tok Mat dan Mustapha Muhamad begitu juga dengan pemuda Johor masih menjadi tandatanya. Lagipun apakah Muhyuddin beria sangat hendak menonjolkan diri sebagai tokoh mewakili Johor sedangkan Tok Mat adalah tokoh yang tidak kurang penting dan kalibernya di peringkat Nasional, di kagumi dan mendapat penghargaan sebagai seorang Setiausaha Agung yang dinamik.

Pencalunan ahli UMNO ini bukan boleh pakai sangat. Datuk Sri Sanusi Joned dulu pernah mendapat pencalunan yang paling banyak tapi akhirnya kalah juga. Kadang-kadang pencalun buat sedap saja. Orang lama dalam UMNO tahu hal

ini. Sebab itu semasa perhimpunan, ramai yang pakai bush jaket kerana dalam banyak poket ada banyak 'chai' lain. Taukeh tunjuk lain 'chai'. Semua hidup nak cari makan. Siapa yang dah dapat banyak pencalunan kena fikir banyak-banyak sikit.

Cakap pasal pemilihan calon, mari kita tinjau apakah yang dikatakan oleh Yusuf mengenai bakal naib presiden UMNO ini dalam bab 'Tayar Buruk dan Subsidi', bab khas untuk Sanusi.

Sungguhpun bila orang memperkatakan tentang subsidi kepada para petani, nama Sanusi Joned segera bermain diingatan. Ini bukanlah bermakna bahawa beliau memiliki perangai dan perwatakan subsidi di dalam politik. Dengan lain perkataan beliau tidak pernah mengampu para pucuk pimpinan untuk meletakkan beliau di tempat yang beliau berada kini.

Datuk Seri Sanusi Joned, seperti juga Encik Ghafar Baba, adalah merupakan satu-satunya golongan pemimpin UMNO yang naik dari bawah.

Selain daripada Ghafar Baba sendiri, Sanusi juga merupakan seorang yang pernah hidup dalam keadaan yang miskin sewaktu kecilnya. Dari wajahnya kita dapat merasakan bahawa beliau seorang yang memiliki azam dan citi-cita yang besar untuk maju ke hadapan dan mengatasi masalah kemiskinan yang pernah dialaminya sewaktu kecil.

Walaupun beliau sudah tidak lagi menjadi Setiausaha Agong UMNO, namun bagi kebanyakan orang Sanusi masih lagi merupakan seorang Menteri Pertanian yang baik bahkan juga merupakan seorang intelektual Melayu masa kini.

Menurut satu interbiu dengan sebuah majalah tempatan tidak berapa lama dulu, Datuk Sri Sanusi pernah menegaskan:

***"Saya sentiasa mendapat kedudukan yang baik di atas kerja yang saya lakukan berdasarkan merit dan bukan kerana saya mahukan kerusi ataupun kedudukan tersebut. Saya percaya dengan cara mengamalkan***

*apa yang telah saya yakini. Saya merasa bangga dengan kerja yang dilakukan dan merasakan kepuasannya apabila kerja tersebut dijalankan dengan sempurna."*

Walaupun cita-cita Datuk Sri Sanusi Joned menghapuskan budaya subsidi di kalangan masyarakat Melayu terutamanya kaum petani masih lagi belum mencapai kejayaan sepenuhnya, ini bukanlah bererti yang beliau belum berjaya. Sekurang-kurangnya beliau bukanlah merupakan salah seorang ahli politik subsidi seperti beberapa orang tokoh politik yang sezaman ataupun lebih muda dari beliau.

Sanusi dan Anwar adalah calon 'favorite' yang dikehendaki sebagai wakil dari Menteri Pusat. Kemenangan Anwar sudah diduga kerana ramai tahu tak ada lain selepas Ghafar kecuali Anwar kerana politik Musa untuk kembali sebagai Timbalan Perdana Menteri adalah tipis. Kalau Musa turut bertanding untuk merebut kerusi Naib Presiden, barulah ada saingan.

Satu masa dahulu para pemimpin PAS pernah menyifatkan Anwar Ibrahim sebagai ayam togel. Tapi itu dalam tahun 1982 dulu. Dan hari ini sudah tahun 1990. Ayam yang dulunya togel bukan sahaja telah berbulu balik malah sedang beransur-ansur menjadi seekor ayam belanda.

Kalau seekor ayam benar-benar togel disebabkan berpenyakit, maka sudah tentu si ayam yang malang itu tidak dapat bertahan selama lapan tahun. Kalau manusia-manusia politik ibarat ayam-ayam, togel pula, sudah lama ia disembelih supaya penyakit togelnya tidak menjadi sebagai satu wabak yang menyerang ayam-ayam lain.

Saya bukanlah bercakap mengenai ayam. Tapi sekadar mengimbas kembali kata-kata orang PAS terhadap ayam togel dan memikirkannya pula dalam gagasan novel 'The Animal Farm' karya Orson Welles.

Visi yang dimiliki oleh Anwar ini bukanlah tidak disedari oleh Dr. Mahathir. Malah Dr. Mahathir sudahpun menyedari perkara ini lama sebelum Anwar mendapat undangannya

untuk menyertai kerajaan. Sebenarnya hubungan Anwar dengan Dr. Mahathir mempunyai sejarahnya yang tersendiri sejak dalam tahun 1969 lagi, iaitu selepas peristiwa 13 Mei. Anwar yang ketika itu masih lagi menjadi mahasiswa Universiti Malaya sudahpun mengenali Dr. Mahathir. Persahabatan mereka ketika itu semacam ada 'common cause' kerana Dr. Mahathir disingkir dari UMNO oleh Tunku dan Anwar pula tidak menyenangi pimpinan putera di raja Kedah itu.

Begitulah kesah Anwar yang digambarkan oleh Yusuf. Seterusnya Yusuf berkata mengenai Myke Tyson pula.

Dalam sejarah politik Malaysia, terutamanya sejarah Menteri-menteri Besar, seseorang Menteri Besar itu menjadi popular di atas berbagai-bagai sebab. Seorang bekas Menteri Besar menjadi begitu terkenal kerana lama berada di tampok kuasa serta cerita-cerita amalan rasuah yang berleluasa. Bekas Menteri Besar Selangor menjadi terkenal bukan kerana beliau seorang Menteri Besar yang berjaya mentadbirkan Selangor dengan baik tetapi kerana beliau ketika itu adalah Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia yang cukup ultra-Melayu.

Bagi Tan Sri Muhammad bin Muhd Taib, beliau terkenal bukan kerana krisisnyanya dengan Baginda Sultan Selangor yang berbangkit akibat perkahwinannya dengan puteri baginda Sultan secara senyap-senyap, tapi beliau terkenal kerana memainkan peranan sebagai 'Arkitek Ekonomi Selangor'.


Di dalam buku 'Selangor di Era Muhammad Haji Mohd Taib' itu Kamal Amir antara lain menulis:

*Kalau di zaman Datuk Harun menjadi Menteri Besar, Negeri Selangor Darul Ehsan ini mampu menjadi fokus perhatian setiap pemimpin dari negeri yang lain kerana beliau seorang tokoh muda yang punya pelbagai daya kreatif, maka kini Encik Muhammad (sekarang Tan Sri) bin Muhd Taib mampu memperlihatkan populariti di samping itu memiliki daya kreatif paling tajam.'*



Kini jelas terbukti bahawa apa yang ditulis oleh Kamal Amir itu benar-benar merupakan satu realiti. Diukur dari segi kejayaan membangunkan Selangor, nampaknya Tan Sri Muhammad memiliki prestasi kecemerlangan yang jauh lebih unggul jika dibandingkan dengan Menteri-menteri Besar sebelum beliau. Dan dalam pilihanraya umum kelapan semua jaguh politik S46, Harun Idris, Haji Suhaimi, Rahmah Osman, Fahmi Ibrahim, Mazlan Harun dan yang lain terkubur didalam kubur politik yang berukuran 4 x 6 (Standard size) akibat pukulan maut Myke Tyson. Apa yang jelas Tan Sri Mohd Taib mempunyai visi seperti Datuk Sri Dr. Mahathir. Dan yang paling menarik mengenai Tan Sri Muhammad Taib ialah beliau sentiasa tersenyum dan beramah mesra dengan siapa sahaja yang baru di kenalnya. Di samping wajahnya yang tampan, badannya yang tinggi lampai, beliau mempunyai ilmu yang mendalam mengenai 'human management' yang mana perlu ada pada setiap pemimpin yang mahu maju didalam keadaan politik yang penuh bergelora.

MINGGUAN KOTA  
S.H. ALATTAS  
22HB. NOVEMBER 1990



Pada 11/1/1991 penulis pergi menziarahi makam Saidina Hussein dan makam Saidina Abbas di Karbala. Bergambar bersama imam-imam besar masjid-masjid tersebut. Tak beberapa hari sesudah meninggalkan kota Baghdad perang telah pun meletus.



## KEPUTUSAN PEMILIHAN UMNO 1990

### PENGERUSI TETAP:

Tan Sri Sulaiman Ninam Shah  
(menang tanpa bertanding)

### TIMBALAN PENGERUSI TETAP:

Dato' Shuib Haji Ahmad	967
Senator Azman Attar Othman	278
Dato' Shamsuri Mohd. Salleh	265

### PRESIDEN:

Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad  
(menang tanpa bertanding)

### TIMBALAN PRESIDEN:

Encik Ghafar Baba  
(menang tanpa bertanding)

### NAIB PRESIDEN:

• Dato' Sri Anwar Ibrahim	1,067
• Dato' Abdullah Ahmad Badawi	953
Datuk Sri Sanusi Junid	750
• Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad	735
Tan Sri Muhyiddin Mohd. Yassin	582
Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik	452

### AHLI MAJLIS TERTINGGI:

• Dato' Dr. Mohd. Yusof Noor	1,279
• Tan Sri Muhammad Haji Mohd. Taib	1,259
• Tan Sri Ramli Ngah Talib	1,251
• Tan Sri Mohd. Khalil Yaakob	1,232
Syed Hamid Syed Jaafar Albar	1,223
• Dato' Mohd. Tajol Rosli Mohd. Ghazali	1,185
• Dato' Sri Osman Aroff	1,171
• Dato' Abdul Kadir Sheikh Fadzir	1,167
• Dato' Dr. Siti Zaharah Sulaiman	1,113
Senator Annuar Haji Musa	1,107
• Dato' Abu Hassan Omar	1,095
• Dato' Sabbaruddin Chik	1,083
• Dato' Mohd. Isa Haji Abdul Samad	1,077
• Dr. Abdul Hamid Pawanteh	1,044
Haji Abdul Ghani Othman	996
• Dato' Megat Junid Megat Ayob	994
• Dato' Mohd. Khalid Yunus	986
Dato' Drs. Suleiman Mohamed	977
Raja Dato' Ariffin Raja Sulaiman	900
Dato' Dr. Abdullah Fadzil Che Wan	846
• Dato' Napsiah Omar	796
Datin Paduka Zaleha Ismail	792
Mohd. Nazri Tan Sri Abdul Aziz Yeop	777
• Dato' Abdul Rahim Abu Bakar	737
Dr. Ibrahim Saad	724

• Penyanggah jawatan

OLEH : WARTAWAN GM

20-9-90.

Adalah suatu hal yang bukan mustahil jika ada kalangan ahli politik yang sanggup membayar saman sebanyak \$100,000 kepada Dato' Musa Hitam bagi pihak S.H. Alattas. Demikian kata S.H. Alattas ketika ditanya, adakah beliau mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk membayar saman yang diperintah bayar oleh Hakim Dato' Lim Beng Choon di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 20 Ogos 1990.

*"...kita kasihan dengan Dato' Musa tapi kita tidak perlu ahli politik seperti itu. Kalau betul Dato' Musa jujur dan berada di pihak benar, beliau tidak perlu memenangi saman tersebut kerana \$100,000 tidak mencukupi untuk Dato' Musa membeli rumah teres."*

# MUSA KAPANKAN! MASA HADAPAN POLITIKNYA?

PENULIS S.H. Alattas berkata bahawa sebenar dari istilah tergebyl kerana perkataan wrap-up yang digunakan Dato' Musa memang, dikepal se- oleh Dato' Musa bermaksud bekal seorang politikus yang pan- dikabangkan atau diamatkan dal menggunakan kata-kata untuk Syed Hussien berkata demikian menarik perhatian pihak lawan dan ketika ditemuramah oleh wartawan GM kawan politiknya. Syed Hussien ketika ditanya il- di pejabatnya di Kuala Lumpur. Dato' Musa yang merupakan ahli dakka aludakan beliau, menulis politik yelekan-intelek berkata dalam buku Challenger: Siapa Lawan bahasa Inggeris: it is a nice wrap-up Siapa telah memaikan karier poli- to my political carrier. ik Dato' Musa beliau berkata, "Saya Kalangan wartawan merasakan sukar untuk memperjelaskan maksud

Sambung ke muka 2

## KATA PENUTUP

*Rasuah merupakan isu politik yang boleh menjatuhkan atau menaikkan seseorang tokoh. Bagaimanapun keberkesanannya sebagai isu bergantung pula kepada kuasa untuk mendakwa pihak yang terlibat ke mahkamah. Kuasa itu hanya terdapat kepada kerajaan, maka kerajaan sahajalah yang mampu menjatuhkan seseorang tokoh kerana rasuah dan pemimpin kerajaan sahajalah yang dimungkinkan naik imejnya kerana bertindak terhadap rasuah.*

Shahrir Abdul Samad  
Segugus Bicara (WATAN)  
2hb. Februari, 1991

**SATU HARI SAYA** ke Parlimen. Tujuan saya ke situ kali ini bukanlah untuk mengikuti persidangan tapi kerana nak jumpa menteri. Sengaja saya memilih Parlimen untuk bertemu menteri kerana di sinilah tempat paling mudah untuk jumpa menteri. Ruang lobi Parlimen dan kantin adalah dua tempat di mana para menteri sering berlegar.

Menteri yang saya nak jumpa ini pula bukannya sebarang menteri. Ini menteri yang ada kuasa menandatangani surat untuk hantar orang ke **Pulau Jerjak** dan ke penjara. Kalau ia diibaratkan malaikat, menteri ini bolehlah diibaratkan sebagai malaikat Izrail atau '*Malikalmaut*' yang tugasnya mencabut nyawa manusia. Ini kerana menteri ini juga ada kuasa tandatangan orang ke tali gantung. Inilah keistimewaan menteri ini.

Saya ingat pembaca tentu dapat meneka kenapa saya pergi berjumpa dengan menteri yang mempunyai tugas yang macam

ini. Datuk Megat Junid, Timbalan Menteri Dalam Negeri adalah orang yang saya maksudkan. Beliau merupakan kawan baik saya dari sejak Dr. Mahathir jadi Perdana Menteri hingga ke hari ini. Megat adalah menteri yang paling popular di kalangan kawan-kawan penulis kerana sifatnya yang ramah dan mudah mesra dan suka berterus terang.

Tujuan sebenar saya mahu bertemu dengan Megat ialah kerana saya percaya kes saya dengan Datuk Musa boleh diselesaikan olehnya. Megat tahu siapa saya dan saya rasa tidak menjadi satu kesalahan saya mengadukan hal saya padanya seperti kata Theodore Roosevelt:

*A man who is good enough to shed his blood for his country is good enough to be given a square deal - afterwards. More than that no man is entitled to and less than that no man shall have.*

Megat, sebagaimana yang kita semua tahu adalah orang kepercayaan Dr Mahathir. Kalau tidak tentu sukar baginya nak duduk di kementerian itu.

Namun biar bagaimanapun pertemuan saya dengan Megat terbukti merupakan satu pertemuan yang sungguh menghampakan. Saya fikir kawan yang ada kuasa boleh hantar orang ke penjara atau Pulau Jerjak ini tentu boleh berbuat demikian terhadap diri saya. Tapi malangnya, Megat enggan berbuat demikian. *"Tak boleh hantar awak ke penjara, kes awak bukan kes jenayah, itu kes sivil"*. Begitulah kata Megat secara terus terang. Ini macam punya kawan pun ada dalam dunia. Bukan kita minta duit, kita cuma minta dia tukarkan hukuman saja kerana saya lebih suka dimasukkan ke dalam penjara dari beri Musa Hitam duit. Nak buat macam mana benda macam itu pun tak sanggup dilakukannya. Padahal kalau dia mahu dia boleh tahan saya di bawah Akta ISA. Menteri Dalam Negeri ada kuasa.

Tiba-tiba saya teringat kata-kata Sdr Senator Azman Atar di Perhimpunan Agung UMNO lalu. *"When you are powerful, if you don't make use of your power, you are a bloody fool"*. Orang macam Datuk Ahmad Sebi ditahan oleh Kerajaan di bawah ISA. Padahal bukan Ahmad Sebi saja yang bermati-matian berjuang

untuk memberi kemenangan pada Team A dan bossnya. Kebetulan saja Ahmad Sebi jadi macam general ketika itu, padahal saya pun turut memainkan peranan. Saya rasa peranan saya itu sama pentingnya dengan peranan Ahmad Sebi. Ahmad Sebi di tahan di bawah ISA saja. Saya kena denda. Mana ada jalan? Nasib baik Iman kuat kalau tidak, boleh sakit jiwa.

Mahkamah telah membuktikan kalau tidak kerana buku saya "**CHALLENGER**" Ghafar Baba tak boleh menang kerusi Timbalan Presiden yang selanjutnya membolehkan beliau menduduki jawatan Timbalan Perdana Menteri hingga ke hari ini. Saya yang membolehkan Ghafar duduk dikerusinya kena denda \$150,000.00. Bukan ke pelik punya kerja ni? Mungkin bagi orang politik ini satu perkara biasa, yang penting mereka dapat kerusi dan kuasa.

Tujuan saya berjumpa Megat hanyalah untuk meminta tolong agar beliau menggunakan kuasa yang ada di tangannya untuk menukarkan hukuman denda \$100,000 kepada hukuman penjara. Tempoh penjara itu terpulanglah kepada hakim, satu dua tahun mengikut suka hatinya. Kalau saya masuk ke dalam, itu barulah adil namanya kerana Datuk Aziz (Antara) dan Halim Mahmood merengkok ke dalam kem tahanan ISA atas kesalahan menulis dan mengkritik Musa. Jadi apa pasal pula saya yang lebih lantang dan lebih berani mengkritik serta mendedahkan kemungkaran Musa didenda sahaja. Adilkah hukuman yang semacam ini? Kita cuma minta tukar saja bukan minta kurangkan denda. Kalau dimasukkan ke penjara baru adil.

Ada orang kata '*Ballpen*' saya yang berharga seringgiti inilah yang telah memainkan peranan dan menjadi sebab Ghafar boleh jadi senang lenang, jadi kaya raya dan boleh pilih beberapa orangnya untuk dijadikan menteri dan jawatan yang tinggi. Dengan satu panggilan telefon atau menulis memo saja, Ghafar boleh melahirkan beberapa orang jutawan dalam sekelip mata. Maka mereka pun bercerita di sana sini. "Habib mana boleh susah. Ghafar kasi dia satu '*pink-form*' saja, semua problem boleh selesai". Begitulah anggapan masyarakat terhadap saya. Ramai yang beranggapan bahawa saya ini penulis upahan dan orang yang dibela oleh pemimpin UMNO. Apa terjadi pada saya mereka akan selamatkan saya. Ini tidak benar, ini adalah satu fitnah.

Tiga tahun lamanya perbicaraan dilakukan ke atas saya. Berpuluh ribu ringgit wang saya habis sebelum mahkamah dapat membuktikan bahawa Ghafar menang kerana buku saya **CHALLENGER**. Satu sen pun duit Ghafar tidak membantu saya semasa saya menghadapi perbicaraan. Tanya khabar pun tidak kerana bukan Ghafar yang suruh saya tulis buku tersebut. Tangan saya yang mencincang bahu saya yang memikul, bukan menjadi tanggungjawab Ghafar untuk menjaga saya. Saya bukan ahli UMNO.

Dan mahkamah juga telah memutuskan "*ballpen seringgit*" itulah juga yang telah membuat Musa kalah. Kalau tidak kerana buku itu, Musa pasti menang dan beliau yang menjadi Timbalan Perdana Menteri. Mereka terlupa sesuatu itu berlaku semata-mata kerana sebab saja. Hakikatnya, segala-galanya sudah tersurat terlebih dahulu.

Nasib baik Tengku Razaleigh dan mereka dari 'Team B' yang kalah tak ambil tindakan saman malu terhadap saya. Kalau tidak entah berapa juta saya terpaksa bayar semata-mata untuk memberikan sokongan kepada kerajaan yang ada sekarang ini. Tapi sayang waktu minta Timbalan Menteri Dalam Negeri tukar hukuman denda digantikan ke penjara pun beliau tak sanggup melakukannya. Tapi saya masih bersyukur pada Tuhan. Memang nasib penulis, macam lilin menerangi orang dan membakar diri sendiri.

Nasib baik mahkamah perintahkan saya membayar \$100,000.00 kepada Musa. Ini bermakna Mahkamah memutuskan yang Musa masih bernilai \$100,000, begitu juga dengan harga kerusi seorang Timbalan Perdana Menteri. Saya harap Musa Hitam tidak lagi memburukkan sistem kehakiman di negerinya sendiri kerana sistem ini menguntungkannya. Musa pernah berkata di Hongkong kerana sistem kehakiman, pelabur takut datang ke negara ini (Watan 22hb. Okt 1988). Pelabur tahu Musa sekadar melepaskan geram. Kalau Dr. Mahathir diktator tentu Musa kalah di dalam perbicaraan dan pasti beliau ke penjara kerana kemungkaran yang dilakukan.

*" Ini adalah urusan polis. Dan urusan polis terletak di bawah Menteri Dalam Negeri. Menteri Dalam Negeri ketika itu ialah Datuk Musa Hitam. Malangnya kejadian itu menyebabkan kematian. Tindakan itu diambil sehari sebelum*



*saya berlepas ke negeri China. Esok saya nak pergi, hari ini buat kerja itu, susahlah saya. Kejadian itu berlaku 19 November 1985 dan Perdana Menteri berlepas ke China pada 20 November 1985."*

Saya jumpa Megat bukan minta tolong dia cari duit bayar denda \$100,000.00 atau nak pinjam duit kerana saya tahu wang sebanyak itu adalah terlalu kecil bagi para pemimpin UMNO. Ramai ahli UMNO yang bangkrap dibantu oleh para Menteri Besar dan Menteri. Ada yang hutangnya berjumlah berjuta-juta pun mereka tolong selesaikan. Mungkin kalau saya sanggup menyembah kepada mereka perkara ini mudah diselesaikan. Saya masih ada harga diri.

Saya pernah mengingatkan beberapa orang kawan saya yang pernah jadi menteri. Kata saya pada mereka, *"ibaratkanlah Kementerian yang didudukinya itu sebagai satu amanah. Mereka sekadar menjaga perigi. Berilah setegok dua air kepada orang yang benar-benar dahaga. Tidak menjadi kesalahan, tak rugi. Ingatlah cerita bagaimana seorang perempuan pelacur memberi seekor anjing yang kedahagaan minum, dosanya diampunkan oleh Allah dan dianya dimasukkan ke syurga kerana seteguk air yang telah menyelamatkan nyawa anjing dari mati kedahagaan"*. Jangan pemiagakan air perigi kepunyaan rakyat untuk kepentingan diri kerana akhirnya nanti mati lemas.

Musa sudah mengaku ambil \$1 juta. Pegawai BPR sahkan perbuatan itu '**Rasuah**'. Apa yang berlaku adalah sebaliknya, Musa yang sepatutnya diheret ke penjara dan dihukum tapi saya yang kena denda. Selain dari bayar pada Musa, seratus ribu, kena bayar kos mahkamah pula hampir lima puluh ribu. Namun Musa yang telah melakukan berbagai kemungkaran dan penderhakaan dilantik menjadi wakil Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan dapat elaun dua tiga puluh ribu ringgit sebulan. Bukankah ini satu kezaliman namanya? Musa yang sepatutnya diharam dari memegang sebarang jawatan tapi masih terus menjadi Ketua Bahagian, masih dianggap sebagai "**Godfather**" oleh pemimpin UMNO Johor. Bersih ke politik macam ini?

*"Sebesar-besar jihad adalah berani berkata benar dihadapan pemerintah yang zalim"*

Hadis Rasululah

Saya fikir perkara saya dengan Musa ini sudah berakhir, sudah selesai di mahkamah, sebabnya saya menerima kekalahan tersebut dan menghulurkan tangan bersalaman dengannya. Saya ucap tahniah kepada Datuk Musa. Saya terima dengan hati terbuka. 'Ser' pertama saya menang. 'Ser' kedua Musa menang. 'Ser' ketiga, kita serahkan kepada pengadilan masyarakat siapa yang menang dan siapa yang kalah sebab itu saya tidak mahu diadakan ulang bicara. Lagi pun masalah saya dengan Musa adalah masalah 'politik'. Masalah 'politik' mesti diselesaikan di perkampungan politik juga.

Apa lagi yang Musa mahu dari saya, saya telah menyerahkan rumah saya kepada Datuk Musa, tempat anak isteri saya tumpang berteduh kiranya ada sesuatu terjadi pada saya. Perkara yang lepas itu kita lupakan saja. Rupa-rupanya Musa ini memang kaki gaduh. Terlanjur dia nak gaduh sangat dengan saya, saya serahkan saja anak didiknya Shahrir yang gaduh dengannya dulu. Kalau Shahrir kalah baru saya lawan dengannya kerana Shahrir pun kaki gaduh juga. Mari kita baca apakata Shahrir dalam '*Segugus Bicaranya*' di Watan mengenai 'rasuah' dan apa yang mesti dilakukan oleh kerajaan terhadap mereka yang 'rasuah'. Saya tak tahu tujuan Shahrir menulis sama ada membela Pairin atau mahu menghancurkan karier politik Musa.

*Masa depan Datuk Joseph Pairin kini akan ditentukan oleh mahkamah dan tentunya beliau, sebagai pihak yang terlibat, sedang merenungkan masa depannya itu dengan penuh fahaman mengapa ia menjadi pilihan istimewa. Sesudah kerajaan bertindak tegas terhadap pemimpin PBS itu, tentulah rekod awalnya yang baik ini akan ditingkatkan lagi dengan tindakan yang sama tegas kepada pihak-pihak lain pula.*

*Bagaimanapun, isu rasuah yang paling pelik ialah penyiasatan BPR terhadap Dr. Syed Hussein Alatas, Naib Canselor Universiti Malaya. Tokoh akademik itu menimbulkan kontroversi kerana kenyataannya mengenai Hang Tuah dan "professor kangkung" serta dalam soal pentadbiran universiti yang berkenaan. Akibat kontroversi itu semua, Menteri Pendidikan mendapat tekanan untuk memecat naib canselor pilihannya itu.*

*Secara tiba-tiba, BPR memulakan penyiasatan terhadap naib canselor yang malang itu dengan diangkut keluar dari rumahnya berbagai-bagai perkakas rumah. Pihak yang mengecamnya di atas soal pentadbiran universiti turut tercengang memerhatikan bahawa lain yang dituduh, lain pula yang disiasat. Mulalah kedengaran pendapat bahawa semuanya mungkin dirancang sebagai melindungi imej Menteri Pendidikan.*

*Pendapat ini mempunyai logiknya tersendiri kerana siapa yang akan ingat kesemua selok-belok dalam peristiwa naib canselor malang itu. Mungkin bagi sebahagian besar rakyat, gambar yang terakhir dalam ingatan mereka ialah semasa BPR mengangkut perkakas rumah naib canselor itu dan bukan kontroversi bersabit pentadbiran Universiti Malaya. Lagipun, beliau kini sudah diganti melalui proses cuti dan dalam suasana yang penuh misteri.*

Watan  
2hb. February 1991

Mengikut tanggapan saya Shahrir Samad bekas Menteri Kebajikan Masyarakat yang menjadi Ketua Bahagian UMNO Johor Bahru ini membela Datuk Joseph Pairin. Adakah ini kerana bossnya Datuk Musa yang telah menghidupkan PBS dalam masa tiga hari atau apakah Shahrir ada hubungan dengan Pairin Kitingan? Biarlah Shahrir sendiri yang menjawabnya kerana kata Shahrir lagi dalam pembelaan terhadap Pairin:

*Ketua Menteri Sabah yang dibawa ke hadapan mahkamah dan bukan mereka yang didakwa secara bersurat itu. Agaknya, apa sahaja dihalalkan semasa kempen pilihanraya dan sesudah menang, sesuatu dakwaan itu tidak perlu disusuli oleh tindakan.*

Watan  
2hb. February 1991

Saya tak terkejut pembelaan Shahrir akan menggerhanakan politik UMNO yang baru bersinar di Sabah. Dulu akibat politik Musa, Tun Mustapha hilang kerusi Ketua Menteri padahal Tun Mustapha sudah pun angkat sumpah sebagai Ketua Menteri. Apakah benar Shahrir mahu memperjuangkan keadilan? Kalau beliau mahu memperjuangkan keadilan beliau harus meminta BPR dan kerajaan bertindak terhadap Datuk Musa. Fail Musa masih di tangan BPR, jadi Shahrir mesti suruh bongkar dan siasat serta beritahu rakyat apa hasil siasatan yang telah dilakukan oleh pegawai BPR yang sudah diberhentikan itu? Shahrir sebenarnya cuma *acah-acah* saja. Shahrir tahu BPR tak berani kacau bossnya. Kalau ikan kecil BPR beranilah.

Apakah Shahrir ikhlas bila dia cuba menunjukkan simpatinya terhadap profesor Syed Hussein Alattas atau apakah ia seperti *Serampang dua mata* yang digunakan oleh Shahrir bagi melemahkan kerajaan dalam waktu yang sama merosakkan imej dan kredibiliti pemimpin tertentu?

Dulu Shahrir pernah mempertikaikan dan mempersoalkan ke manakah wang \$1 juta yang diperuntukkan kepada Datuk Mustapha. Laporan akhbar Watan bertarikh 15 Okt, 1988 menyebut:

*“Ke manakah hilangnya peruntukan \$1 juta itu? Sehingga banyak kawasan-kawasan kampung ini telah ketinggalan pembangunan,” soal beliau diikuti tepukan gemuruh kira-kira 2,000 penyokong Semangat 46 di satu majlis ceramah dekat sini baru-baru ini.*

*Sepatutnya, jika kawasan yang diwakili oleh Menteri Besar menjadi kawasan paling istimewa dari segi pembangunan, kawasan kedua istimewanya ialah Dewan Negeri yang diwakili oleh Speaker.*

Ada apa-apakah Shahrir mempertikaikan peruntukan ini? Apakah dia *‘pukul anak sindir menantu’*. Isu \$1 juta ini dimainkan semasa pilihanraya kecil Parit Raja. Inilah yang dikatakan *“Gajah depan mata tak nampak, hama diseberang laut nampak”*, sudah terang lagi bersuluh. Musa mengaku ambil \$1 juta. Kenapa Shahrir tak tanya kemana perginya wang sebanyak itu? Mana ada bangunan

yang didirikan hasil derma untuk rumah UMNO itu? Kalau wang \$1 juta disimpan didalam ASN tahu banyak mana ribunya sesudah 10 tahun?

Kalau hendak memperjuangkan yang hak, berjuanglah sungguh-sungguh. Berjuanglah untuk menegakkan 'keadilan' bukan untuk 'menegakkan benang basah saja'. Dunia sudah tahu Musa terima \$1 juta, kenapa tidak bongkar hal ini? Ingat amanat Tun Razak jangan sembunyikan sampah sarap dibawah permaidani. Kejadian rasuah berlaku dalam negeri awak sendiri, terpekik, terlolong sana sini buat apa?

Dengan nama Allah saya ikhlas masa saya serahkan rumah yang saya beli pada tahun 1984 bernilai ketika itu hampir \$150,000.00, rumah itu sudah selesai dibayar, nilainya sekarang lebih kurang \$200,000.00. Masalahnya cuma projek itu terbengkalai buat sementara waktu tapi sudah 80% siap, tapi Musa tak mahu terima. Musa mahu wang tunai sebanyak itu. Pasal apa saya nak kasi dia? Dia bukan miskin, dia kaya raya. Tunggulah. Tapi Musa tak sabar untuk tunggu. Dia buru dan kejar percetakan saya yang tak buat dosa. Pencetak sudah beritahu mahkamah dia tak tahu menahu isi kandungan buku saya dan saya berjanji bertanggungjawab kiranya ada perkara macam ini berlaku. Bacalah surat yang saya kembarkan di dalam buku ini. Peguam Musa tak peduli, tindakan terhadap percetakan saya terus diambil. Ini macam kes aniaya. *Tak dapat tanduk, telinga dipulas*. Takkan Musa tak tahu yang kerja pencetak cuma mencetak sahaja. Kalau 'simple justice' semacam ini pun Musa tak tahu dan tak mahu ambil peduli, macam mana dia nak jadi pemimpin negara? Seseorang pemimpin itu mesti sentiasa berlaku adil. Itulah maksud saya bila saya menulis 'MUSA DERHAKA' dan 'CHALLENGER - SIAPA LAWAN SIAPA' supaya Musa menerima hakikat bahawa Musa itu manusia. Itulah juga pandangan dan pendapat masyarakat terhadapnya. Saya cuma telinga dan mata rakyat saja. Sebab itu dalam buku ini saya sertakan komen orang ramai terhadapnya sebagai dokumentasi sejarah. Salahkah saya menulis mengenai manusia macam Musa yang bercita-cita ingin menjadi Perdana Menteri?

Sepatutnya Musa bolehlah berfikir sikit, kalau tak ada percetakan yang sanggup cetak buku 'Challenger' tentu Ghafar, bossnya dan team A susah nak menang. Malah kerajaan Dr. Mahathir yang ada hari ini pun mungkin tidak wujud sekiranya

'*team B*' yang menang. Selanjutnya, andaikata Tengku Razaleigh memenangi kerusi Presiden dan menjadi Perdana Menteri, mungkin nasib Musa lebih tak beruntung. Siapa yang tak tahu tentang permusuhan dan sengketa antara mereka berdua. Regu *Team B* pada tahun 1987 itu adalah semata-mata sandiwara yang mereka berdua begitu arif tapi pura-pura. Ingat sikitlah kalau tidak sebab adanya orang Cina yang sanggup mencetak buku **CHALLENGER**, *Team A* susah nak menang. Sudahlah ucapan terima kasih dan penghormatan tidak diberikan pada jasa-jasanya, Sebaliknya **Percetakan Berlian** kilang yang telah menyelamatkan kerajaan yang memberi Musa jawatan mahu dimusnahkan. Bukankah ini satu perbuatan yang tak berperikemanusiaan. Orang yang sudah mendapat kesenangan selalu membakar jambatan. **Percetakan Berlian** ini memulakan perniagaan mereka dengan titik peluh dan linangan air mata. Bunga yang di berikan pada UMNO tahi yang mereka dapat. Saya ingatkan Musa supaya cukup-cukuplah menghina UMNO.

Sebenarnya saya tak mahu tulis perkara macam ini dalam buku tapi saya terpaksa melakukannya kerana biarlah semua ini menjadi satu pelajaran kepada penulis-penulis lain yang menaruh hati untuk memperjuangkan para pemimpin UMNO. Selagi ada Musa selagi "*politic offear*" di jadikan alat politiknya, selama itu jugalah, jangan kata minta tolong pinjamkan duit, apatah lagi beri duit, nak minta tolong masukkan kedalam penjara pun tak boleh. Takut menteri nak melakukannya. Namun biar bagaimanapun penulis mesti ingat, penulis mempunyai idel. Kita tidak berjuang untuk mengharapkan ganjaran seperti ahli dan para pemimpin UMNO. Kita berjuang untuk menegakkan kebenaran. Cabaran macam ini mesti kita tempuh dengan sabar dan jangan sesekali putus asa.

Kita jangan lari kerana kita tidak ditolong atau tidak diberi ganjaran. Yang kita harapkan bila memperjuangkan yang '**hak**' adalah keredaan dari Allah.

Saya pergi jumpa Tok Mat Setiausaha Agung UMNO minta mahkamah tangguhkan masa pembayaran pada Musa, sementara saya jual rumah saya. Tok Mat geleng kepala. Dia tak boleh buat apa-apa. Tentu Musa tak mahu dengar cakapnya dan dia tak boleh pengaruhi mahkamah.

Inilah akibatnya bila kita jadi mangsa perang: kerajaan menang, Musa menang, tapi kita terpaksa tanggung hutang

perang seorang diri sanggup tempuh ini semua baru masuk ke medan perang. Kalau tidak jadi penulis cari makan sajalah. Bagi saya Musa boleh ambil apa saja dari saya sekalipun saya terpaksa hidup melarat di kaki lima, tapi saya tahu ada sesuatu yang Musa tak dapat ambil dari saya. Musa tidak akan dapat ambil 'Digniti' dari saya. Saya tidak akan tunduk pada tekanan yang macam ini. Saya akan pertahankan harga diri saya. Saya yakin bahawa Allah berserta dengan mereka yang mempertahankan maruah dan harga diri.

Alhamdulillah. Syukur pada Allah. Namun biar bagaimanapun saya nak beritahu Megat. Tak mengapalah dia tak boleh tolong saya. Yang penting sebagai seorang hamba Allah bila kita teranaiya sesudah bermacam-macam ikhtiar kita lakukan kita pergi mengadu pada pemimpin kita tetapi ternyata mereka tak boleh berbuat apa-apa. Kita serahkan saja pada Allah. Allah sajalah sebaik-baik penjaga namun untuk pengetahuan Megat kalau Musa sekali lagi jadi Perdana Menteri jangan mimpi Megat boleh jadi menteri, jadi penghulu di Teluk Intan pun Musa tak akan kasi peluang. Begitu juga Tok Mat. Bila Musa naik nanti, balik kampung tanam ubi sajalah jawabnya tapi nasib baik Tok Mat sudah kaya jadi dia tak perlu susah hati. Yang untung nanti saya. Saya percaya Musa tak keberatan untuk simpan saya lamalama di dalam penjara dan saya boleh tulis banyak buku lagi mengenainya.

Sebenarnya kalau Musa kembali kemercu kuasa, bukan karier politik Megat dan Tok Mat sahaja yang akan terjejas. Turut berakhir sama ialah karier politik kebanyakan menteri-menteri dan timbalan-timbalan menteri dalam 'Team A' dan juga menteri-menteri dan timbalan-timbalan menteri 'Team B' yang sudah berpaling tadah dan melompat ke 'Team A'. Bila kita melihat kembali, kita nampak bahawa 'politik sumpah-sumpit' ini adalah tradisi Datuk Musa. Yang mengajar 'politik sumpah-sumpit' dan lompat-lompat ini Musalah bapanya. Dengan itu kita tidak terkejut satu hari nanti politik negara berakhir seperti yang dikatakan oleh Sanusi.

***KUALA TERENGGANU, Ahad - Bangsa Melayu sedang menghadapi keruntuhan dan akan hancur menjelang tahun 2005 jika langkah tertentu tidak diambil untuk mengatasi perpecahan di kalangan mereka", kata Menteri Pertanian, Datuk Seri Sanusi Junid.***

*“Perpecahan berlaku kerana wujudnya golongan yang gila kuasa tanpa memikirkan masa depan bangsa dan agama sendiri.*

*Golongan itu bertindak kerana didorong oleh kepentingan peribadi.*

*Perpecahan pertama orang Melayu dan wujudnya PAS pada 1951 disebabkan perasaan tidak puas hati menganjurnya selepas kalah dalam mesyuarat agung.*

*Sedangkan penganjur PAS pada masa itu, Haji Ahmad Fuad, tidak pernah menjadi ahli PAS dan tidak dipilih menjadi pemimpin parti,”* katanya.

Hari ini telah terbukti bahawa Musa adalah pemimpin yang tidak berprinsip. Orang-orang yang menyokong Musa dan yang mahukan Musa juga adalah orang-orang yang takut menyuarakan hakikat kebenaran. Mereka sanggup meninggalkan pengikut dan perjuangan semata-mata kerana kepentingan diri tapi mereka masih berkeliaran kenapa?

Mengingati Musa, saya teringat akan kata-kata Almarhum Tunku bahawa bangsa Melayu ini adalah bangsa ‘kucing’. Memang betul kata-kata Almarhum Tunku itu. Beliau berani berkata begitu kerana Almarhum Tunku sendiri bukan Melayu sejati. Beliau berdarah Siam. Inilah kata-kata yang terdapat didalam suratnya yang saya siarkan didalam buku **TALQIN UNTUK UMNO**:

*Keadaan disana berlainan, orang-orang Cina didalam negara-negara tersebut dan orang-orang Cina di Malaysia bezanya sebagai Harimau dengan Kuching. Di Malaysia orang-orang bangsa lain sama banyak dengan orang-orang Melayu. Bangsa Melayu telahpun tersepit dan sudah hendak lenyap dalam negerinya sendiri. Saya rasa tidak ada lain jalan hendak menyelamatkan bangsa untuk terlepas daripada penjajah British, dan British tidak akan beri merdeka oleh kerana tanggungjawabnya terhadap bangsa-bangsa lain.*



*Dengan itu tidak ada jalan lain hendak merdekakan Tanah Melayu melainkan dengan berontak atau pun dengan cara perdamaian. Kita tahu kita tidak ada senjata, dan tidak ada semangat untuk berjuang. Hanya satu jalan sahaja iaitu jalan perdamaian, dengan jalan itulah kita tarik orang-orang Cina, India dan lain-lain bangsa yang duduk di Tanah Melayu untuk menyebelahi kita, dan kita mengaku akan beri hak kepada mereka sekiranya kita merdeka. Inilah hak yang mereka dapat yang diberikan kepada mereka oleh orang-orang Melayu.*

*Sekarang orang-orang Melayu sudah dapat apa yang dikehendaki, tetapi janganlah kita lupa perjanjiannya yang kita buat. Sebenarnya Amerika dan British memberi tempat kepada mereka dengan cara kesihan rahim untuk menduduki didalam negara-negara itu, dan apakah hak mereka boleh tuntutan. Sekiranya tidak berpatuh kepada undang-undang negeri, mereka akan dihantar balik ke negeri mereka yang asal. Keadaan negeri Amerika dan Britain sebagai harimau dan keadaan kita macam kucing, tidak harus dibanding negeri kita dengan negara-negara itu.*

Walaupun semasa hayatnya Tunku sering menjadi bahan kritikan pena saya, namun saya tetap menghormati prinsip hidupnya. Masa beliau berada didalam UMNO, beliau berjuang bermati-matian. Beliau jujur dan setia terhadap UMNO dan bila beliau keluar lantas menyertai S46, beliau tak melompat semula ke dalam UMNO atau lain parti.

Almarhum Tunku tidak menggadaikan maruah dan harga diri semata-mata kerana jawatan atau duit. Walaupun kerajaan yang membiayai pembedahan terakhir matanya, namun beliau kekal di dalam 46 sehinggalah akhir hayatnya. Dan akhirnya kekal berada di dalam liang lahat yang berukuran 4 x 6, mati sebagai pejuang S46 yang menentang kerajaan yang pernah dipimpinnya. Begitu jugalah dengan Almarhum Datuk Onn Bin Jaffar, beliau mengasaskan UMNO, menjadi Presiden UMNO yang pertama tapi mati diluar UMNO sebagai pembangkang kerana tidak mahu digelar 'Bapa Kucing'. Namun di hari

kematiannya beliau di beri penghormatan 'pengkebumian negara' kerana jasa-jasa dan perjuangannya yang kekal hingga hari ini.

Tunku sudahpun meninggalkan kita. Justeru itu marilah kita hadiahkan **Al-fatihah** kepada roh Almarhum Perdana Menteri kita yang pertama dan kita bermohon ke hadrat Allah SWT semuga Allah mencucuri rahmat keatas rohnya dan tempatkan rohnya bersama-sama roh orang-orang yang solehin.

Pada hari Musa diisytiharkan menang oleh mahkamah, beliau berjanji bahawa beliau akan membuat satu '*political wrap-up*'. Marilah kita dengar apa komen terakhir Almarhum Tunku mengenai Musa sebagai seorang ahli politik yang mengatakan dia sudah bersara:

***PULAU PINANG: Penasihat Parti Semangat 46 Tunku Abdul Rahman berkata, parti itu tidak sekali-kali akan menerima Datuk Musa Hitam untuk menyertai kabinet Semangat 46 kerana prinsip bekas Timbalan Perdana Menteri itu.***

***Menurut Tunku, kalau orang lain mahu mempercayai kenyataan Datuk Musa bahawa beliau akan bersara dari politik, orang lain boleh percaya tetapi beliau tidak.***

***Mengulas kenyataan Datuk Musa baru-baru ini yang membayangkan hasrat mahu bersara dari politik, Tunku menjelaskan, "Saya tidak mempunyai apa-apa alasan langsung untuk mempercayai cakap Datuk Musa."***

***Tunku ketika ditemui di kediamannya di sini mendakwa Datuk Musa jarang sekali mengkotakan apa yang dikatakannya.***

WATAN  
6hb. September, 1990

Sebelum memulakan langkah yang lebih jauh lagi, nampaknya Musa merasakan dia terpaksa menghapuskan saya yang selama ini menjadi batu penghalang kepada politiknya. Maka itulah

sebabnya Musa cuba memberikan tekanan kepada saya. Beliau terlupa bahawa orang yang kalah berperang tidak akan terkilan dengan kehilangan harta bendanya. Tapi Musa mesti ingat, beliau tidak akan dapat merampas 'digniti' saya walau bagaimana bersungguh-sungguh sekalipun dia mencubanya. **Musa juga terpaksa bertanya apakah masih ada digniti dalam dirinya lagi.** Dan begitu juga mereka yang telah sanggup menjadikan diri masing-masing sebagai '*erand boys*' kepada Musa juga terpaksa bertanyakan soalan yang sama. Dulu Ajib dan Shahrir telah menjadi korban Musa. Begitu juga menteri-menteri pusat seperti **Rais Yatim, Adib Adam, Radzi Sheikh Ahmad, Zainal Abidin Zain, Rahmah Osman, Dolah Badawi, Kadir Sheikh Fadhil, Syed Hamid Albar.** Macam mana pun nasib baik mereka bertiga ini cepat-cepat lompat pagar. Kalau tidak, alamat mimpi naik botlah. Hari ini fenomena yang sama nampaknya semakin jelas sedang berlaku kepada Tan Sri Muhyuddin yang menjadikan Musa sebagai '**mahaguru**' politiknya.

Musa sudah memenangi banyak perang, menang dengan membawa saya ke mahkamah, tapi pendapat umum mengatakan bahawa inilah petanda dia telah tewas di gelanggang politik, apa lagi bila dia telah membuat satu '*political wrap-up*'. Sebagaimana dia pernah tewas di gelanggang politik **Parit Raja** di tangan anak-anak Jawa yang menjadi bahan caci-cela selama ini. Sepatutnya ini menjadi satu petunjuk kepada mereka yang memperjudikan hidup mereka ditangan Musa. Sebagai mengakhiri buku ini saya berdoa mudah-mudahan Musa berjaya berperang dengan nafsunya sendiri kerana itulah satu-satunya perang yang terbesar yang mesti dihadapi oleh semua umat Islam. Marilah kita semua berperang dengan nafsu kita sendiri terlebih dahulu sebelum kita bertempur di Perhimpunan Agung UMNO 1993 nanti.

Saya akhiri buku ini dengan sekali lagi mengulangi kata-kata Theodore Roosevelt:

*Seseorang yang sanggup menumpahkan darahnya demi nusa dan bangsa berhak diberikan ganjaran yang sewajarnya. Tidak ada sesiapa pun yang berhak lebih dari itu dan tidak ada sesiapa yang boleh diberikan ganjaran yang kurang dari yang tersebut.*



Sesungguhnya Allah tidak merubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka merubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri.

(Ar-rad: Ayat 11)

## **PENGHARGAAN**

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan beserta ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat didalam penyediaan buku ini .

## BUKU-BUKU KARYA SYED HUSSEIN YANG SUDAH DITERBITKAN

1. FIRASAT (RAHSIA MENGENAL DIRI) (1969)
2. MELANGKAH DAN BERJAYA (1969)
3. RAHSIA MIMPI ANDA (1969)
4. TEMANKU PEMIMPIN-PEMIMPIN (1972)
5. KENAPA ROSLI DHOBI & 3 HERO SARAWAK DIHUKUM BUNUH (1974)
6. PERANG DI KUALA LINGGI 1978 (1978)
7. SARAWAK KEPADA SIAPA HENDAK DISERAHKAN (1979)
8. BAHTERA LAMA NAKHODA BARU (1979)
9. SIAPA SELEPAS MUSA? (1981)
10. PEMUDA DI ZAMAN MAHATHIR (1982)
11. TUAH NASIB PEMIMPIN MALAYSIA (1983)
12. PERDANA MENTERI YANG KELIMA (1984)
13. HANTU BUKIT CINA (1985)
14. MUSA DERHAKA? (1986)
15. MUSA A TRAITOR? (1986)
16. SIAPA LAWAN SIAPA (CHALLENGER) (1987)
17. TALQIN UNTUK UMNO (1988)
18. POLITIK SERPIHAN (1989)
19. REVOLUSI ISTANA DAN RAKYAT (1989)
20. WANITA, TAKHTA DAN KUASA (1989)
21. LIMA RAJA TERAKHIR (1990)
22. PERANG DI PARIT RAJA (1991)
23. MATI DI TANGAN IMAM MAHDI (1991)

### SIRI PEPERANGAN

24. BUDU BELACAN DI TELUK PASU
25. MANGSA PERANG DI SUNGAI BESAR

DICETAK DAN DITERBITKAN OLEH: AL-SUHAIMI  
P.O.BOX 11753  
POSKOD 50756 KUALA LUMPUR.

# LIMA RAJA TERAKHIR

---

Syed Hussein Alattas

## 'Foolitik' Dan Itik Bodoh

Hari ini susah nak cari orang Melayu yang tak pandai sebut perkataan '*politik*'. Kalau kita pergi ke kampung-kampung, budak sekolah pun pandai menyebut perkataan '*politik*'. Kanak-kanak di bandar, tak payah cakaplah. Kebanyakannya sudah pandai berpolitik. Disekolah berpolitik, dirumah pun berpolitik. Habis semuanya dipolitikkan. Ada juga yang menyebutnya sebagai '*foolitik*', itik bodoh. Fool dalam bahasa Inggeris ertinya bodoh. Kebodohan itik ialah ikut saja itik yang berjalan didepan. (Keratan daripada mukasurat 131)

Al-Suhaimi  
P.O. Box 11753,  
Pos Kod 50756 Kuala Lumpur.

HARGA: \$15.00

Bersama ini disertakan M.O/P.O. bernilai \$ \_\_\_\_\_

Untuk pesanan buku:

**LIMA RAJA TERAKHIR**

naskhah.

Nama: \_\_\_\_\_

Alamat: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

# WANITA, TAKHTA DAN KUASA

Syed Hussein Alattas

RAJA LEKUK RAJA KELAWAR

'DYMM Sultan Kelantan menzahirkan rahsia bagaimana  
Baginda kena mainkan'

Tajuk Rencana Pengarang Akhbar Majlis  
21 Februari 1946.

MAIN *poker* atau apa juga jenis permainan yang menggunakan daun terup, kami adik beradik diharamkan bermain atau membawanya masuk ke dalam rumah. Itu pesan ayah. Saya taat perintah ayah hingga ke hari ini, dan saya jadikan amalan dalam rumah tangga saya. Saya tak pandai main. Permainan ini boleh membawa kepada kepapaan. Biar bagaimanapun itu tidak bererti saya tidak pernah tengok orang main judi dengan menggunakan daun pakau. Apa yang tidak saya pernah lakukan cuma turut terlibat dalam perjudian sama ada yang dihalalkan oleh kerajaan, apalagi judi haram.

Semasa hendak menulis buku ini saya terpaksa mencari sepasang daun pakau untuk melihat *raja-raja* dalam daun terup yang sentiasa dipermainkan orang. *Raja-raja* dalam daun pakau atau juga disebut daun terup ini adalah *raja-raja* yang akan kekal hingga ke akhir zaman nanti. (keratan daripada mukasurat 192)

Al-Suhaimi

P.O. Box 11753,

Pos Kod 50756 Kuala Lumpur.

HARGA: \$15.00

Bersama ini disertakan M.O/P.O. bernilai \$ \_\_\_\_\_

Untuk pesanan buku:

**WANITA, TAKHTA DAN KUASA**

naskhah.

Nama: \_\_\_\_\_

Alamat: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_



# REVOLUSI ISTANA DAN RAKYAT

Syed Hussein Alattas

## MENTERI BESAR SIAPA PUNYA?

DI ZAMAN dahulu kala seorang **Memanda Menteri** adalah milik seorang raja yang memerintah. Ini kerana *rajalah* yang melantik seseorang itu menjadi menteri dan raja jugalah yang membayar gaji menteri serta memanjangkan kemudahan-kemudahan seperti rumah, pengawal dan sebagainya kepada orang yang telah dilantik baginda menjadi *Memanda Menteri* itu.

Di zaman itu tidak ada '**doktrin pengasingan kuasa**' seperti yang diamalkan sekarang ini. Seorang *raja* adalah juga seorang *pemerintah eksekutif, penggubal undang-undang* dan bertindak sebagai *hakim* yang menjatuhkan hukuman. Bayangkanlah betapa besarnya kuasa seorang *raja* ketika itu. Bidang kuasanya mencakup ketiga-tiga alat memerintah yang dijalankan oleh tiga buah *institusi* yang berasingan di zaman ini. Maka waktu itu kata *raja* adalah *undang-undang*. *Rajalah* yang menjatuhkan hukuman. Seorang raja adalah seorang **diktator**. (keratan daripada mukasurat 277)

Al-Suhaimi

P.O. Box 11753,

Pos Kod 50756 Kuala Lumpur.

HARGA: \$15.00

Bersama ini disertakan M.O/P.O. bernilai \$ \_\_\_\_\_

Untuk pesanan buku:

**REVOLUSI ISTANA DAN RAKYAT**

naskhah.

Nama: \_\_\_\_\_

Alamat: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

# POLITIK SERPIHAN

Syed Hussein Alattas

JANGAN BIARKAN MEREKA GILA

**T**idak boleh dinafikan apabila ada dua pihak yang sedang atau yang mahu bertelagah, maka akan datanglah syaitan untuk menjadi penasihat kepada salah seorang atau kedua-dua sekali. Andainya pertelingkahan itu merupakan pertelingkahan politik, maka syaitan akan mengambil peranannya sebagai penasihat politik.

Cucuk mencucuk, api mengapi ini memanglah kegemaran syaitan. Seperti juga melatah dan mengamuk pula adalah salah satu dari tabiat orang Melayu. Jadi kiranya ada penasihat-penasihat yang berlagak macam ini dalam suasana politik kita ini, eloklah apabila kita bertemu mereka kita bacakan doa 'Ya Allah lindungi aku dari syaitan yang kena rejam'. (keratan daripada mukasurat 27)

Al-Suhaimi  
P.O. Box 11753,  
Pos Kod 50756 Kuala Lumpur.

HARGA: \$15.00

Bersama ini disertakan M.O/P.O. bernilai \$ \_\_\_\_\_

Untuk pesanan buku:

**POLITIK SERPIHAN**

naskhah.

Nama: \_\_\_\_\_

Alamat: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

# TALQIN UNTUK UMNO

Syed Hussein Alattas

## TALQIN

“Bersiap untuk duniamu sekadar singkatnya masa kamu berada di atasnya. Dan bersiap-sedialah untuk akhiratmu sekadar kekalnya masa hidupmu di sana.”

UMNO telah dijatuhkan hukuman “mati” oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 4 Februari 1988. Seperti yang telah saya terangkan dalam bab-bab yang lepas, yang mati ialah UMNO yang telah dirosakkan oleh ahli-ahlinya yang gilakan kuasa dan kerusi, tetapi UMNO yang dibina dan dipupuk dengan roh dan semangat keislaman oleh pahlawan-pahlawan Melayu dan Islam itu tetap hidup terus untuk memelihara kepentingan umat Melayu dan Islam di negara ini. (keratan daripada mukasurat 269)

Al-Suhaimi

P.O. Box 11753,

Pos Kod 50756 Kuala Lumpur.

HARGA: \$15.00

Bersama ini disertakan M.O/P.O. bernilai \$ \_\_\_\_\_

Untuk pesanan buku:

**TALQIN UNTUK UMNO**

naskhah.

Nama: \_\_\_\_\_

Alamat: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_